

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 43	Selasa	7 November 2017
----------------	---------------	------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 9)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2018	(Halaman 34)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 33)
Anggaran Pembangunan 2018	(Halaman 34)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 173)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Selasa, 7 November 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah mekanisme yang telah dirancang oleh pihak kementerian bagi menangani masalah *doping* di kalangan atlet negara kerana ianya berupaya menjejaskan prestasi negara di sukan berprestij dunia.

Menteri Belia dan Sukan [Brig. Jen. Khairy Jamaluddin]: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tadi, terima kasih atas kata-kata aluan yang ditujukan kepada saya. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) telah merangka beberapa mekanisme, antaranya seperti berikut.

Pertama mempertingkatkan tahap pencegahan melalui ujian *doping* berterusan untuk atlet-atlet yang ada di bawah program podium di bawah Institut Sukan Negara dan atlet-atlet di bawah program Majlis Sukan Negara, program ujian telah diperkukuh dengan menekankan kepada *smart testing* di mana fokus diberikan kepada kategori sukan yang berisiko tinggi dalam penggunaan bahan terlarang. *Smart testing* ini merangkumi ujian air kencing, ujian darah, *athlete biological passport* ataupun pemantauan berkala melalui ujian darah dan profil *steroids*.

Atlet-atlet ini akan diuji sekurang-kurangnya enam kali setahun dan diwajibkan memberi maklumat keberadaan ataupun *whereabouts* kepada ADAMAS untuk proses pemantauan berterusan. Daripada aspek pendidikan, ADAMAS dengan kerjasama ISN dan MSN akan memperbanyakkan lagi program-program kesedaran kepada atlet dan jurulatih untuk meningkatkan keawasan tentang maklumat terkini mengenai *doping*, ADAMAS juga telah memperkenalkan program pembelajaran *online e-learning* yang dinamakan ALPHA iaitu *Athlete Learning Programme About Health and Anti-Doping*, di mana atlet-atlet boleh mempelajari aspek-aspek *anti-doping* dengan mudah dan mengetahui secara mendalam tentang bahaya dan risiko *doping*.

ADAMAS dengan kerjasama MSN juga, akan melaksanakan dan telah pun melaksanakan Program *Real Champion* yang memberi fokus kepada semua atlet kebangsaan yang bakal bertanding bermula dengan atlet-atlet ke Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN baru-baru ini. Program *Real Champion* ini juga, akan dilaksanakan di peringkat akar umbi melibatkan atlet-atlet muda, daripada sekolah-sekolah sukan Malaysia dan negeri, berumur di antara 13 hingga 16 tahun dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.

Program pendedahan awal ini dirancang, sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh kementerian untuk membasmi gejala *doping*.

Buat pengetahuan Ahli Yang Berhormat, ADAMAS akan mempergiat usaha mengurangkan kes *doping* bagi meneruskan momentum positif, di mana kes *doping* menurun, dari 14 kes pada tahun 2016 kepada tiga kes setakat November tahun ini. Teras utama dalam usaha ini adalah kerjasama yang erat dengan MSN, ISN, KPN dan badan-badan berkaitan bagi memastikan usaha ini memberi impak yang menyeluruh. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah wujud satu mekanisme awal, sebelum sesuatu kejohanan untuk mengenal pasti atlet-atlet yang terlibat dengan *doping*, dan apakah pihak kementerian mempunyai kaedah dan juga pendekatan yang efektif untuk memulihkan mereka sebelum menghadapi sebarang acara sukan. Terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, tahun 2014 merupakan satu tahun yang agak buruk dari segi kes-kes *doping* yang positif, seperti mana yang saya sebutkan tadi 16 kes. Semenjak tahun 2014, saya telah mengarahkan supaya ujian dibuat secara menyeluruh sebelum kejohanan-kejohanan besar. Memandangkan pendekatan itu, antara langkah yang telah diambil adalah menjalankan ujian saringan terhadap semua atlet yang bakal bertanding dalam kejohanan antarabangsa, bagi memastikan atlet bebas daripada sebarang bahan terlarang. Perkara ini telah dilaksanakan sebelum ini pada sukan SEA 2015 di Singapura dan pada Kuala Lumpur 2017.

ADAMAS juga bekerjasama erat bersama MSN, ISN dan persatuan sukan, bagi memastikan atlet sendiri menjaga pemakanan dan memastikan tahap disiplin yang tinggi daripada aspek *anti-doping*. Setiap atlet dikehendaki memberikan senarai makanan tambahan, *supplement* ubat-ubatan yang diambil bagi memastikan bahawa, tiada terkandung sebarang bahan yang dilarang. ADAMAS juga akan melaksanakan lebih banyak program *athlete outreach* di mana kaedah ini memberi ruang kepada atlet negara untuk berinteraksi dengan pegawai *anti-doping* dan pegawai pemakanan sukan mengenai pengambilan *supplement* dan lain-lain isu berkenaan dengan *anti-doping*.

■1010

Menerusi kaedah ini, kes *doping* secara tidak sengaja- *inadvertent doping* dapat dielakkan. Jadi pendekatan kita adalah sekarang ini bukan seperti dahulu, kita tidak melaksanakan saringan. Sekarang ini kita *insist*, dengan izin, saringan secara wajib kepada atlet-atlet yang akan ke temasya di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang kita faham mengenai *doping* ini ialah penggunaan bahan-bahan yang dilarang di kalangan atlet-atlet yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, dalam dua keadaan di mana atlet mengambil dadah atau bahan terlarang ini, satunya kerana dia mengetahui bahan itu tidak dilarang dari segi undang-undang mengikut preskripsi. Kedua, bahan itu hanya dilarang dalam musim sahaja, *off-season* tidak dilarang. Bagaimana keadaan ini dapat diselesaikan?

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya ambil contoh spesifik yang ada kaitan dengan apa yang dibangkitkan tadi iaitu kes yang melibatkan Datuk Wira Lee Chong Wei pada tahun 2014. Di mana beliau telah didapati positif mengambil bahan yang dikenali sebagai *dexamethasone*, satu bahan *glucocorticosteroid* yang telah menyebabkan pergantungan selama lapan bulan. Bahan tersebut boleh digunakan pada *off-season* tetapi masalahnya beliau telah mengambil pada waktu pertandingan dan tidak minta apa yang dikenali sebagai *Therapeutic Use Exemption* (TUE). Maksudnya atlet dibenarkan untuk menggunakan beberapa bahan yang disenaraikan sebagai bahan yang dilarang sekiranya satu permohonan dibuat.

Sebab itu sebelum Sukan SEA, kita ada protokol yang ketat yang telah mengingatkan kepada atlet, jurulatih dan juga persatuan sukan, sekiranya mereka masih lagi memerlukan bahan-bahan tersebut. Dalam kes Datuk Wira Lee Chong Wei, *dexamethasone* ini adalah satu bahan yang tersenarai boleh digunakan pada waktu *off-season* kerana ia adalah bukan *performance enhancing*. Ia lebih kepada *painkiller* dengan izin, mengurangkan sakit ataupun perasaan sakit. Akan tetapi masalahnya tidak diminta *Therapeutic Use Exemption* dalam kes tersebut.

Sebab itulah pendedahan dan juga pendidikan yang perlu diberikan kepada atlet bukan hanya adalah berkenaan dengan bahan-bahan terlarang tetapi juga proses yang telah ditetapkan oleh *Code World Anti-Doping Agency* (WADA) yang sebenarnya membenarkan *Therapeutic Use Exemption* (TUE) bagi beberapa bahan yang dikatakan bahawa bukan *performance enhancing* tetapi digunakan dalam rawatan *rehabilitation*, *injury management* dan sebagainya. Akan tetapi proses dan prosedur penggunaan tersebut mestilah jelas, mestilah telus dan mestilah dihantar jauh lebih awal daripada apa-apa pertandingan ataupun mana-mana pertandingan di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

2. **Datuk Raime Unggi [Tenom]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang untuk memperkukuhkan bekalan elektrik di negeri Sabah dan mengurangkan gangguan bekalan.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tenom yang begitu prihatin dengan perihal tindakan kita untuk menyelesaikan lagi dan memperkukuhkan lagi bekalan elektrik di negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk mengurangkan gangguan bekalan elektrik di Sabah. Sebagai tindakan jangka pendek contohnya, kementerian telah melakukan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) menubuhkan *Task Force 150* ataupun TF150 untuk mengurangkan kadar *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) di Sektor 1 iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan Wilayah Persekutuan Labuan kepada 150 minit seorang pengguna setahun pada tahun 2018 dengan pelaksanaan projek-projek penambahbaikan, penggantian, pengukuhan dan penyusunan semula sistem pembekalan elektrik; dan
- (ii) melaksanakan makmal SAIDI 100 Sabah oleh Pemandu *Associates* bertujuan untuk mengkaji dan mengenal pasti isu-isu berkaitan bekalan elektrik di negeri Sabah bagi mencapai sasaran kerajaan untuk menurunkan tahap SAIDI kepada 100 minit seorang pengguna setahun menjelang tahun 2020.

Antara tindakan yang telah diambil bagi mengurangkan gangguan bekalan elektrik dalam tempoh jangka panjang ialah seperti berikut:

- (i) penubuhan Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (PPKBES) ataupun SEPADU pada tahun 2015 bertujuan untuk melaksanakan projek-projek pembekalan elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sejumlah RM2.295 bilion dalam bentuk geran telah diluluskan bagi melaksanakan 57 projek yang melibatkan komponen penjanaan, penghantaran, pembahagian, *post blackout* dan juga kajian hidroelektrik dari tahun 2015 hingga tahun 2020;
- (ii) pembangunan loji jana kuasa gas berkapasiti 300 megawatt di Sandakan; dan
- (iii) pelaksanaan Projek *Southern Link* yang melibatkan pembinaan talian penghantaran 275KV sepanjang 390 kilometer dari Kolompong ke Sipitang. Kini sebanyak 41 projek bernilai RM1.417 bilion sedang giat dilaksanakan oleh pasukan Projek

Khas Bekalan Elektrik Sabah (SEPADU) dan lima daripada projek tersebut telah hampir siap pada tahun ini.

Dengan pelaksanaan inisiatif ini, kerajaan yakin kadar gangguan bekalan elektrik Sabah dapat dikurangkan malah usaha-usaha kerajaan ini telah membuahkan hasil di mana SAIDI bagi Sabah telah menurun daripada 2,868 minit seorang pengguna setahun pada tahun 2009 kepada 311 minit seorang pengguna pada tahun 2016 iaitu penurunan sebanyak 89 peratus. Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan dan juga tindakan bagi pihak kerajaan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah usaha yang berterusan dalam soal untuk menerokai *renewable energy* atau tenaga yang boleh diperbaharui? Dan juga saya ingin mengetahui Yang Berhormat Menteri, apakah status rancangan pihak kerajaan dalam membangunkan *Hydro Upper Padas* yang telah diuar-uarkan pada masa yang lepas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Sememangnya kerajaan memberi penekanan kepada *renewable energy* ataupun tenaga yang boleh diperbaharui dalam *generation mix* kita. Bagi negeri Sabah khususnya, saat ini gas dari segi kapasiti, ataupun *low install capacity*, menggunakan 62 *percent* adalah daripada gas, hidro 4.7 *percent* dan tenaga yang boleh diperbaharui adalah kira-kira 18 *percent*. Tenaga yang boleh diperbaharui kebanyakannya daripada *biomass* seperti di Sandakan ada tiga kilang tenaga, pengeluar daripada tandan sisa kelapa sawit dan yang lain itu adalah daripada solar.

Jadi pada saya penekanannya, negeri Sabah alun hampir saat ini adalah kira-kira 21 *percent* termasuk hidro dari segi perkara tenaga yang boleh diperbaharui.

Dari segi Hidro Ulu Padas yang telah dianugerahkan kepada satu syarikat tempatan dengan kerjasama satu syarikat peringkat nasional, mereka dalam proses *financial closer* dan dijangka pada awal tahun hadapan bahawa projek ini apabila selesainya *financial closer*, maka bolehlah dimulakan. Pada saat ini, *survey work* sudah pun selesai dan hanya *financial*, keperluan kewangan yang sedang dimuktamadkan. Jumlahnya 180 megawatt yang bertujuan dua fungsi, satu adalah penjanaan tenaga dan kedua adalah tebatan banjir, *flood control system*. Jadi ini selepas selesai akan menambahkan lagi 180 megawatt dalam konteks *renewable energy* dari segi jumlah kapasiti. Terima kasih.

■1020

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu bagaimana tadi *you* sebut itu 300 punya kes *power plant* yang akan dibina di Sandakan. Ini telah dijanjikan dua tahun yang dahulu hampir-hampir mahu melaksanakan. Jadi saya mahu tahu bila ini tetap boleh melaksanakan kes *power plant* ini? Sekian.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johny Ongkili: Terima kasih, Yang Berhormat Sandakan. Program pembinaan 300 megawatt yang dijana dengan penggunaan gas dalam peringkat terakhir. Petang ini ada mesyuarat NKEA untuk membincangkan satu berkaitan dengan *gas transfer* dari Kota Kinabalu ke Sandakan.

Keduanya, seterusnya adalah jadual pembinaan itu sebenarnya. Tiada peringkat dalam terakhir saya katakan tadi dari segi pemaju negeri Sabah akan memegang ekuiti 70 peratus dalam 300 megawatt itu dalam tiga fasa iaitu 100 megawatt, 100 megawatt, 100 megawatt kira-kira begitu. Ia bersandar kepada bekalan gas yang kita Kerajaan Pusat putuskan melalui paip-paip gas paip lain dari Komanis terus ke Kota Belud, melintasi Kota Marudu, Pitas dan akhirnya Beluran dan Sandakan untuk fasa pertama. Kemudian barangkali ke daerah Tawau juga apabila selesai.

Maka antara sebab kenapa lewat sedikit adalah penentuan haluan *gas pipe plant* tersebut dan juga penilaian harga gas yang akan dibayar nanti oleh pihak pemaju. Oleh sebab dijangka penghantaran gas melalui *pipe plant*, kemungkinan ada lewat sedikit dengan pengambilan tanah dan seterusnya. Maka perlu mereka mencari jalan dalam konteks sementara. Katakan kalau dua tahun gas belum sampai, mereka perlu membina *small scale regasification plant*.

Jadi untuk Yang Berhormat Sandakan, semua ini dalam peringkat terakhir- petang ini dalam mesyuarat dengan NKEA *oil and gas* untuk menentukan memuktamadkan perkara-perkara seperti mana yang saya sentuhkan tadi. Maka dengan 300 megawatt yang *coming in three phases*, kita yakin bekalan di sebelah Pantai Timur yang saat ini kekurangan kira-kira 200 megawatt dapat dipakai secara berperingkat. Terima kasih.

3. Tuan Anuar bin Abd Manap [Sekijang] minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sejauh manakah tahap kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam menghadapi cabaran risiko banjir musim tengkujuh yang kini sedang melanda beberapa negeri di Malaysia dan apakah tindakan serta usaha menyelamat yang telah dilaksanakan sejurus selepas banjir melanda negeri-negeri tersebut beberapa hari lalu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang yang prihatin mengenai masalah banjir yang mula melanda beberapa negeri sekarang ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun menubuhkan NADMA melalui Majlis Keselamatan Negara arahan nombor 21 untuk beberapa agensi ini disatukan apabila negara menghadapi bencana.

Agensi-agensi yang di bawah NADMA ataupun Agensi Pengurusan Bencana Negara terdiri daripada beberapa agensi termasuklah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Anggota Pertahanan Awam, Pasukan Polis Diraja Malaysia, KKM, Jabatan Meteorologi, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

dan lain-lain agensi yang perlu diadakan koordinasi apabila kita menghadapi bencana alam.

Sebagai salah satu jabatan di bawah NADMA ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah bersedia 100 peratus dengan kekuatan anggota, kenderaan, jentera dan juga aset logistik. Seramai 27,260 anggota bomba, pasukan bomba bantuan dan pasukan bomba sukarela di seluruh negara telah bersiap sedia untuk operasi menyelamatkan sekiranya berlaku banjir.

Jabatan Bomba dan Penyelamat juga telah bersedia dengan aset yang sedia ada yang merangkumi kenderaan marin, kenderaan darat dan juga pesawat udara yang boleh digerakkan pada bila-bila masa. Pasukan penyelamatan di air ataupun unit *scuba* telah bersedia dengan kekuatan anggota seramai 554 orang di seluruh negara. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga telah mengeluarkan surat arahan jabatan pada 1 November 2017 kepada semua Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri seluruh negara untuk membuat persediaan dalam menghadapi bencana banjir.

Semua Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri diminta untuk mengaktifkan bilik gerakan banjir di pusat gerakan operasi sedia ada dan perlu mengemaskinikan maklumat banjir dua kali setiap hari di kawasan yang terjejas. Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri juga telah diminta untuk memastikan semua peralatan dan kenderaan penyelamat berada di dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan dan juga mengenal pasti kawasan berisiko banjir, tanah runtuh dan lokasi kedudukan pusat penempatan mangsa banjir. JBPM negeri juga perlu membuat tinjauan dan juga merangka strategi bagi membolehkan kerja-kerja menyelamatkan dan melaksanakan perkara yang patut dilancarkan dan juga semua cuti pegawai bomba dibekukan di negeri yang terjejas dengan banjir. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd Manap [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Saya hendak ucap tahniah kepada pihak bomba yang memang bertungkus-lumus membantu mangsa-mangsa banjir terutamanya di kawasan utara sekarang ini. Cuma mengambil iktibar daripada bencana alam yang berlaku di Pulau Pinang sekarang ini, apakah saranan daripada pihak kementerian kepada masyarakat secara umum berkenaan peranan dan tanggungjawab mereka semasa berlakunya bencana alam seperti banjir ini? Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebagai nasihat saya kepada seluruh rakyat di negara kita, apabila kita menghadapi banjir kita kena lakukan tiga perkara. Kita kena bersedia. Pertama ialah sebelum menghadapi banjir seperti mana yang telah saya nyatakan tadi tindakan telah diambil oleh bomba. Kedua ialah semasa banjir itu berlaku dan selepas banjir itu berlaku.

Apa yang berlaku di negeri Pulau Pinang ini memang di luar dugaan. Semalam Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga pergi dan saya juga dan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga pergi melihat keadaan banjir di sana. Hari ini Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri pula pergi ke Pulau Pinang. Ini kerana dalam kita hendak membantu mangsa banjir ini, kita kena ketepikan fahaman politik demi untuk kebajikan rakyat.

Di negeri Pulau Pinang saya hendak nyatakan bahawa apa yang berlaku ini bukan sahaja banjir tetapi ribut. Ribut taufan macam tsunami yang di luar dugaan. Berlaku di sana, apabila berlaku di sana kita bomba telah menerima 583 panggilan kecemasan dan beberapa mangsa telah kita selamatkan di Pulau Pinang.

Satu perkara yang mendukacitakan kita apabila ada di antara rakyat apabila bomba menasihatkan supaya mereka berpindah segera, ada di antara mereka yang masih enggan mengikut arahan dan saya dimaklumkan semalam oleh Pengarah Bomba Negeri Pulau Pinang dalam taklimat salah seorang mangsa yang meninggal itu sebenarnya telah pun diminta untuk meninggalkan rumah tetapi mangsa ini masih lagi mahu tinggal di dalam rumah. Juga kita minta apabila ada kecemasan seperti ini, tindakan segera mesti diambil oleh Majlis Tindakan Bencana Negeri untuk segera mengambil tindakan dan mengagih-agihkan ahli-ahli NADMA tadi mengikut zon-zon yang telah ditentukan. Ini kerana tindakan pantas mesti disegerakan.

Jadi dengan tindakan-tindakan yang hari ini sedang dilancarkan, kita berharap bahawa masalah banjir di negeri Pulau Pinang akan dapat kita atasi.

■1030

Daripada pihak KPKT pagi tadi pun Yang Berhormat Parlimen Bagan, Ketua Menteri Melaka juga ada menghubungi dengan saya meminta bantuan untuk membekalkan *backhoe* dan lori untuk membersihkan kawasan dan saya telah berjanji untuk kita bantu dan SWCorp akan memberikan pertolongan membersihkan kawasan-kawasan yang telah dilanda banjir ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bencana alam seperti banjir ini adalah perkara-perkara yang tak boleh dielakkan, seperti musim tengkujuh, hujan lebat berterusan, air pasang tinggi tetapi ada faktor lain seperti penebangan pokok, penghapusan hutan, penarahan bukit, pembotakan bukit yang mungkin juga menyebabkan air tidak dapat disimpan. Apakah tindakan kerajaan serta-merta untuk faktor yang ketiga ini yang berlaku di Penang umpamanya?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih. Memang benar kalau masalah banjir yang hari ini seperti yang kita sedia maklum selalunya melanda di Pantai Timur. Oleh kerana itu saya lihat persiapan kita lebih tertumpu ke Pantai Timur seperti sekarang ini sudah sampai musim tengkujuh tetapi di Pulau Pinang seperti mana yang kita sedia maklum memang perkara yang di luar dugaan dan juga taklimat semalam diberikan kepada saya. Ada juga berlaku empangan pecah yang menyebabkan air daripada luar Penang pun ada masuk ke dalam Pulau Pinang dan juga oleh sebab itu kita minta semua negerilah, semua negeri apabila memberikan kelulusan pembangunan hendak kena pastikan bahawa kawasan hijau, lereng bukit dan juga pengurusan longkang-longkang mesti diambil tindakan segera.

Kalau perlu adakan batasan ataupun empangan-empangan tertentu yang dikenal pasti boleh menyebabkan banjir, perkara ini juga harus diambil tindakan segera sebelum kejadian banjir melanda. Jadi kita harap banjir yang akan mungkin diramalkan akan sudah mula melanda di beberapa buah negeri, tindakan-tindakan kecemasan dengan segera mesti disusun. Seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi bahawa perancangan negeri dan apa juga pembangunan mesti mengambil kira masalah-masalah yang boleh menimbulkan banjir apabila diluluskan sesuatu pembangunan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Baiklah Yang Berhormat sekarang tamatlah sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan statistik terkini kes pembuangan bayi yang direkodkan mengikut negeri-negeri dan apakah langkah jangka masa panjang kementerian dalam memupuk kesedaran terhadap kesihatan reproduktif dan kesan negatif kehamilan dan kelahiran anak luar nikah yang semakin menjadi isu sosial dan membimbangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod daripada Polis Diraja Malaysia pada tahun 2016 dan sehingga Jun 2017 masing-masing sebanyak 115 dan 59 kes pembuangan bayi yang dilaporkan. Pada tahun 2016, negeri Selangor mencatatkan bilangan kes yang tertinggi iaitu 23 kes diikuti oleh Johor sebanyak 19 kes dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 16 kes.

Sementara itu sehingga bulan Jun 2017, Selangor masih lagi mencatatkan kes yang tertinggi iaitu 16 kes diikuti oleh Sabah dan Kuala Lumpur masing-masing sebanyak 7 kes. Manakala tiada kes dilaporkan di Kelantan, Terengganu, dan Sarawak bagi tahun 2017 sehingga bulan Jun. Kementerian ini melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai pelan jangka pendek dan panjang bagi meningkatkan daya tindak dan daya tahan institusi keluarga khususnya remaja dan ibu bapa dalam memupuk kesedaran terhadap kesihatan reproduktif bagi menangani masalah sosial remaja. Melalui dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan oleh agensi di bawah kementerian.

Di antaranya ialah melalui pelaksanaan inisiatif seperti berikut. Pertamanya, penubuhan pusat remaja kafe@TEEN yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada maklumat serta perkhidmatan kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja yang berumur 13 hingga 24 tahun. Sejak penubuhannya pada 2006 hingga Jun 2017, Program Outreach kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan di komuniti setempat telah berjaya mendekati seramai 632,512 orang remaja. Sebanyak 434,540 orang remaja telah mengambil bahagian dalam program-program pendidikan dan pembangunan kemahiran, 29,563 remaja telah mendapatkan perkhidmatan kesihatan reproduktif manakala 9,097 remaja telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling sosial.

Kedua, pelaksanaan program PEKERTI@Sekolah. Di peringkat sekolah kementerian melalui LPPKN juga telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan Program PEKERTI di sekolah sejak tahun 2012 lagi. Hasilnya seramai 10,025 orang pelajar dari 141 buah sekolah yang telah mendapat manfaat daripada program ini. Seterusnya di bawah projek UNFPA 2017 sebanyak 40 buah sekolah di seluruh Malaysia telah dipilih dalam menjalankan program ini bermula dan sedang berjalan pada masa kini. *Insyah-Allah*, program ini akan kita perluaskan lagi pada tahun 2018 dengan melibatkan lebih banyak lagi sekolah.

Ketiga, pelaksanaan Program PEKERTI@Institut. Pada tahun 2015 program ini disebar luas kepada pelajar kolej komuniti melalui di mana telah melibatkan 14 buah kolej komuniti di seluruh Sabah dan Sarawak yang telah terlibat dalam bengkel kejurulatihan modul PEKERTI. Pada tahun 2017, program ini diteruskan di bawah projek *United Nations Population Fund* yang melibatkan 17 orang pensyarah daripada 12 buah kolej komuniti di seluruh semenanjung Malaysia, *insyah-Allah* kita akan teruskan lagi pada tahun hadapan.

Seterusnya yang keempat, pelaksanaan program PEKERTI@Komuniti. Program PEKERTI ini kita akan luaskan lagi pada tahun 2014 yang merangkumi penghuni institusi JKM seperti Sekolah Tunas Bakti, Taman Seri Puteri, rumah kanak-kanak, asrama akhlak, pelajar sekolah berasrama penuh, pelajar sekolah harian, remaja dan ibu bapa di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), remaja dan ibu bapa di FELDA, penjawat awam, NGO, pemimpin komuniti seperti Rukun Tetangga. Secara keseluruhannya sebanyak 162 program telah dijalankan sepanjang tahun 2014 sehingga 2016 melibatkan seramai 7,423 peserta.

Pada tahun 2017 hingga September ini kita telah melaksanakan sebanyak 14 lagi program yang melibatkan 829 remaja dan juga melibatkan 253 ibu bapa. Pihak LPPKN telah bekerjasama dengan unit perundingan Universiti Malaya bagi melaksanakan kajian penilaian program PEKERTI@Komuniti ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 64 peratus remaja yang menyertai program berpendapat bahawa program ini memberi manfaat dan sekali gus dapat meningkatkan pengetahuan mereka mengenai pendidikan kesihatan reproduktif.

Berdasarkan skala 1 hingga 5 purata keseluruhan peserta remaja kepada semua topik sebelum mengikuti program adalah pada purata skala 2.6 dan selepas mengikuti program telah meningkat kepada skala 4.41 iaitu peningkatan sebanyak 1.81 ataupun 70 peratus. Manakala bagi peserta ibu bapa pula kita pun tengok ada peningkatan sebelum mengikuti program adalah pada skala 3.08 dan telah meningkat kepada skala 4.41 selepas mengikuti program iaitu peningkatan pengetahuan sebanyak 1.33 iaitu 43 peratus. Terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih. Tahniah saya ucapkan kepada kementerian atas program-program yang berterusan kafe@TEEN dan PEKERTI. Soalan tambahan saya apakah langkah advokasi kementerian dalam usaha untuk mengurangkan sensitiviti dan salah tanggapan mengenai pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial melalui penyediaan program sokongan khususnya kepada ibu bapa dan anggota masyarakat? Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Walaupun pada mulanya mungkin ada tanggapan yang negatif terhadap program PEKERTI ini, kesihatan dan reproduktif ini.

■1040

Namun setelah beberapa program yang diadakan seperti mana yang saya sebutkan tadi, nampaknya tanggapan itu semakin menurun, berkurangan dan penerimaan daripada pelbagai pihak ini begitu amat menggalakkan kita sekali. Apa yang penting setelah kita membuat kajian, bahawa pengetahuan pihak remaja dan juga pihak ibu bapa berkaitan dengan kesihatan reproduktif ini meningkat tinggi. Jadi menyebabkan ini adalah sebagai satu pendorong kepada kami di kementerian untuk memastikan semua program ini dapat terus kita laksanakan.

Kita melibatkan komuniti kerana- tadi saya sebutkan di sekolah, di institusi dan sebagainya dan sekarang kita akan melebarkan lagi komuniti ini bersama-sama- kita juga akan melibatkan agensi kerajaan, kita akan melibatkan swasta dan juga NGO untuk kita memperkasakan komuniti itu pula supaya mereka sama-sama menjadi pelindung dan mereka juga sama-sama menggalakkan supaya program seperti ini dihadiri oleh semua pihak yang berwajib khususnya ibu bapa dan juga anak-anak kita.

Seperti yang saya sebutkan tadi, pada tahun 2018 ini kita merancang bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran supaya ramai lagi ataupun banyak lagi bilangan sekolah yang akan terlibat dengan melibatkan ramai lagi para pelajar kita. Saya berharap supaya Kementerian Pelajaran bersama-sama dengan kami menyediakan peruntukan juga agar program ini dapat berjalan dengan laju dan dapat memberikan kebaikan kepada masyarakat kita seluruhnya. Terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, yang terlibat dengan ini pembuangan bayi ini adakah daripada kebanyakannya orang Melayu? Dan berkait dengan

yang mengikuti Program PEKERTI pula adakah majoritinya orang Melayu? Kalau betul orang Melayu, saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah kurikulum mengenai pendidikan agama juga dimasukkan dalam Program PEKERTI itu? Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Oleh sebab kes pembuangan bayi ini ada kalanya kita susah hendak menentukan sama ada dia daripada segi sebenar-benarnya dari segi bangsa itu, keturunan itu. Hal ini kerana ada kes yang ditemui, mereka yang terlibat yang membuang itu tetapi banyak kes itu tidak ditemui, tidak diketahui, siapakah ibu bapa mereka itu. Akan tetapi pada apa yang ada dengan kita setakat ini daripada- yang diberikan oleh pihak PDRM kepada kita memang macam kita lihat ramai di kalangan yang ditemui bayi ini adalah suku kaum Melayu. Bagaimana mereka menentukan kita pun tidak tahu, tetapi inilah adalah maklumat yang kita terima.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa apabila kita mengadakan Program PEKERTI ini, kita tidak memilih suku kaum. Hal ini kerana kita mahu menyelamatkan semua rakyat Malaysia kita. Jadi kumpulan sasar kita adalah menyeluruh. Namun yang demikian, apabila ada kajian dan dapatan kita bahawa mungkin kumpulan-kumpulan sasar, kumpulan-kumpulan yang berisiko tinggi ini adalah daripada kumpulan-kumpulan tertentu, di tempat-tempat yang tertentu, *hotspot* yang tertentu, maka kita akan memfokuskan untuk mengadakan program-program kita di situ.

Walau bagaimanapun, di sekolah ini adalah amat penting sekali kerana semua datang daripada sekolah. Sama ada dia anak Melayukah, anak Cinakah, anak Indiakah, Dusun-Kadazankah, Ibankah? Semuanya mereka berada di sekolah, di negara kita. Oleh sebab itu, kita sasarkan di sekolah. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat Hulu Langat dan juga Dewan yang mulia ini, memang di dalam Program PEKERTI kita, kurikulum kita melibatkan keagamaan itu. Rohani itu kita berikan tekanan yang penting dan yang berat. *Alhamdulillah*, terima kasih.

2. Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah kos perubatan rawatan rapi di hospital swasta yang tinggi, sehingga pesakit-pesakit terpaksa berpindah ke hospital awam selepas beberapa hari rawatan di hospital swasta.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan telah sentiasa memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ketigabelas Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta atau Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain Pindaan 2013.

Jadual ini memberikan kuasa kepada kementerian untuk meletakkan harga siling atau hak maksimum kepada fi profesional atau fi perundingan iaitu *consultation fee* untuk konsultasi yang diberi termasuk yang diberi semasa rawatan rapi dan fi untuk 'pengawal'

perubahan yang lain dan untuk 'pengawal' doktor pergigian swasta. Ini ialah satu langkah yang dibuat untuk memberikan perlindungan kepada rakyat daripada dikenakan caj profesional yang terlampau tinggi.

Walau bagaimanapun, selain daripada fi profesional, kementerian tidak mengawal kos bagi penginapan, fi tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang yang digunakan semasa rawatan, caj ujian makmal dan kos ubat-ubatan. Pada masa ini, kementerian sedang mengadakan perbincangan dengan pihak di hospital swasta untuk melihat bagaimana kita boleh memperluaskan kawalan yang sedia ada kepada rawatan-rawatan lain yang dikenakan di dalam hospital-hospital swasta.

Menggunakan kuasa ini, kementerian secara berterusan melakukan pemantauan ke atas fi yang dikenakan oleh hospital swasta supaya ia berpandukan kepada Jadual Ketiga belas yang telah ditetapkan ini. Kita juga telah menasihatkan hospital swasta supaya memberikan *financial counselling* kepada pesakit semasa mereka datang ke hospital.

Ketiga ialah dari masa ke semasa, Jadual ini disemak balik untuk memastikan ia selaras dengan perkembangan masa dan untuk memastikan supaya ia tidak boleh disalahgunakan atau ada manipulasi oleh pihak-pihak yang tertentu di dalam menggunakan Jadual ini.

Kementerian memang mengambil berat tentang isu kos rawatan di hospital swasta dan kita berharap pada masa akan datang, kita boleh menghasilkan satu sistem di mana selain daripada kos fi profesional kementerian akan ada kuasa untuk mengawal kos-kos yang lain. Terima kasih.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih, Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ya. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya soalan saya berdasarkan kisah benar daripada satu keluarga di Subang Jaya di mana *victim* dia, *husband* dia masuk hospital *private* selama dua bulan setengah, dan bil RM450,000 jadi yang malangnya ialah selepas keluar banyak duit ini, dia telah meninggal lebih kurang dua minggu selepas itu di *public hospital*. So, *thank you very much to the Ministry for transferring him from private to public*. Soalan tambahan saya ialah ini, saya prihatin kerajaan sedang membuat kajian data-data besar daripada hospital-hospital *private*.

Akan tetapi saya tahu juga bahawa data-data awam daripada *public* hospital kita semua mesti ada, menteri mesti ada untuk kawasan Kuala Lumpur, kawasan Sabah, kawasan Sarawak, kita mesti ada data dia. Jadi soalan saya ialah ini, bolehkah tidak kita menggunakan had katakanlah satu kali ganda kalau kata ICU kita RM400 satu hari. Kos kita. Jadi tidak bolehkah kita katakan untuk swasta kita limit hadkan satu kali ganda ke RM800 sehari? Oleh sebab daripada cerita kes itu, RM450,000 itu, dia kos puratanya RM6,000 sehari- *RM6,000 a day in a private hospital*.

Jadi kalau boleh, saya hendak minta daripada menteri memberikan satu *undertaking* dalam 6 bulan ini habis kajian kita, *use your data* dan mulakan rundingan

dengan pihak-pihak hospital swasta untuk memastikan satu *reasonable fee* atau caj untuk pengguna *private*. Terima kasih Yang terhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum tahun 2006, tiada kawalan yang telah dikenakan kepada segala jenis rawatan yang diberikan di hospital swasta termasuk kos untuk perundingan atau *consultation*.

■1050

Pada tahun 2006, kerajaan sudah mula melalui Jadual Ketiga Belas atau *Thirteenth Schedule* melalui mana kita telah mula dengan *professional fees* dan perkara-perkara yang lain, contohnya penginapan. Ini adalah terpulang kepada pilihan pesakit. Ada yang akan memilih bilik yang mempunyai satu katil sahaja, ada yang akan pilih bilik yang mempunyai empat katil atau enam katil. So, harganya akan berbeza.

Pada masa dahulu iaitu daripada tahun 2006 sampai sekarang, kementerian daripada semasa ke semasa telah menghalusi kos untuk konsultasi tetapi kita telah memberi kebebasan kepada hospital swasta untuk mengenakan caj-caj yang lain termasuk penginapan, termasuk makanan, termasuk kos untuk ubat dan rawatan yang diberi oleh jururawat dan sebagainya. Pada masa sekarang, dengan mengambil kira kes-kes seperti yang telah diterangkan tadi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, memang ini berlaku kerana semasa seorang pesakit dimasukkan ke dalam hospital, tidak diketahui berapa lama mereka ada di hospital dan adakah kesnya, penyakit mereka akan menjadi begitu teruk untuk memerlukan rawatan di ICU.

Apabila mereka sudah masuk di dalam ICU, memang kosnya akan meningkat dan banyak daripada pesakit kadang-kadang di dalam membuat *financial planning* mereka, mereka tidak lihat kepada kemampuan untuk membayar bayaran lebih yang akan datang daripada keperluan untuk meneruskan rawatan di dalam rawatan ICU. So, untuk menangani isu ini, kita sedang lihat apakah langkah yang baik. Salah satu daripada kaedah yang kita sedang lihat ialah apa yang dipanggil *bundling*. Contohnya, kalau seseorang memerlukan pembedahan jantung dan hospital kita sedang bincang, bolehkah hospital tetapkan untuk pembedahan jantung yang memerlukan tempoh masa yang ada di dalam hospital untuk satu minggu. Ini adalah kos yang ditetapkan RM10,000 ataupun RM8,000 dan kalau ada apa-apa yang lebih diperlukan, ini ialah risiko yang kena diterima oleh hospital.

So, perkara-perkara macam ini kita sedang bincang kerana konsep *bundling* ini telah dilaksanakan di negara-negara yang lain. Kita sedang lihat kepada pengalaman mereka dan kalau perundingan yang sekarang berlaku di antara pihak kementerian dengan hospital-hospital swasta berjaya, mungkin kita boleh memperluaskan kawalan tentang bayaran yang sekarang cuma terhad kepada *consultation fee* untuk *professional* yang boleh diperluaskan kepada *treatment entities* secara lebih holistik supaya ini nampak lebih terkawal. Terima kasih.

3. **Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, penerbangan *Malindo* merupakan syarikat penerbangan tambang murah. Bilakah operasi *Malindo* dipusatkan hanya di KLIA2 seperti *AirAsia* dan lain-lain penerbangan yang sama.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 adalah merupakan terminal yang boleh mengendalikan operasi penerbangan bagi perkhidmatan penuh ataupun, dengan izin, *full service carrier* dan juga perkhidmatan tambang murah ataupun dengan izin, *low cost carrier* ataupun penerbangan berbentuk *hybrid service*.

Dalam hubungan ini, berasaskan model operasi perkhidmatan penerbangan, syarikat penerbangan bebas memilih untuk beroperasi di mana-mana lapangan terbang-lapangan terbang di Malaysia yang boleh mengendalikan jenis pesawat penerbangan tersebut. Dalam hubungan ini, *Malindo Air* menyediakan perkhidmatan penerbangan *full service carrier* ataupun perkhidmatan penuh. Perkhidmatan penuh ini maknanya dia menyediakan perkhidmatan termasuk dengan penyediaan makanan, penyediaan bagasi dan juga *in-flight entertainment* yang dirangkum dalam harga satu tiket. Kalau *low cost carrier*, makan kena beli, *baggage* pun kena bayar dan *in-flight entertainment* pun kena bayar lain. Itu *low cost carrier*.

Jadi dalam perkara ini, ia turut menyediakan perkhidmatan secara *interlining*. Perkhidmatan yang *full service* ini dia menyediakan perkhidmatan *interlining* dengan syarikat penerbangan antarabangsa dan yang telah memilih KLIA sebagai operasi. Jadi *Malindo*, sebelum ini merupakan perkhidmatan memulakan perkhidmatan di KLIA2 pada 2 Mei 2014 dan kemudiannya membuat keputusan untuk beroperasi di KLIA sebagai langkah untuk memastikan pertumbuhan yang lebih mampan dan memberikan perkhidmatan yang lebih selesa kepada penumpang-penumpangannya. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia kucing, dia kena kata dia kucing. Dia tidak boleh kata dia harimau. Saya hendak tanya Menteri, biasanya dalam mana-mana negara, *national air carrier* diberikan keutamaan di terminal *main*. Kalau di Heathrow, *British Airways* dia bagi pada- BA dia bagi pada *Terminal 4*. Tidak ada orang boleh kongsi. Kalau kita pergi *Terminal 4*, *the best terminal* di situ. Kalau *Terminal 5*, macam MAS kongsi dengan *Emirates*, dengan *Etihad* atau di *Singapore Airlines*, dia hanya di *Terminal 2*. Lain-lain itu kena kongsi.

Saya hendak tanya, adakah pendekatan *Malindo Air* ini yang dikatakan memberikan perkhidmatan *full service*, merupakan satu *threat* kepada MAB? Ini kerana saya dapat tahu tahun lepas sahaja, dia curi tiga juta pelanggan yang sepatutnya naik MAB tetapi dicuri oleh *Malindo*. Tidakkah polisi ini merugikan kerajaan kerana *national carrier* kita MAS, kita *build up* RM6 bilion? Kenapa tidak beri peluang MAB untuk

beroperasi secara eksklusif supaya bila keadaan kewangannya sudah mantap, bolehlah bagi yang Yang Berhormat Kuching kata dia singa atau harimau?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai *exclusivity* di KLIA, KLIA merupakan satu terminal antarabangsa. Kita ada lebih kurang 50 syarikat penerbangan antarabangsa yang menggunakan KLIA sebagai pusat operasi dan kerajaan mahu menjadikan KLIA sebagai pusat transit hab. Jadi kita hendak ada *sustainability*.

Oleh kerana pada tahun lepas, apabila MAS mengecilkan operasi dan mengurangkan 6,000 pekerja, menamatkan beberapa laluan dan menamatkan *collaboration* dengan beberapa *airlines* antarabangsa dan *Malaysia Airports* untuk memastikan *sustainability* sebagai untuk menjadikan KLIA pusat transit hab di rantau ini, kita kena ada *back up* dengan *local airlines*. Maknanya, *airlines* ini juga kita adalah *Malaysian flag carrier*. Kita ada tiga pada dasarnya, *Malaysian flag carrier* iaitu MAS, *Malindo* dan *AirAsia* yang terbang ke peringkat antarabangsa.

Untuk menampung *vacuum* yang ditinggalkan oleh MAS ini, maka syarikat-syarikat penerbangan dunia ini terpaksa mencari pilihan lain untuk kesinambungan *the so-called international travellers* ini.

■1100

Jadi, sebab itu mereka terpaksa mencari *another local airlines* untuk mengisi vakum yang ditinggalkan oleh MAS. Maka untuk menyelamatkan situasi pada ketika itu, maka *Malindo* bersetuju untuk mengisi vakum. Ini kerana *Malindo* merupakan satu *airline* yang mempunyai perkhidmatan sama dengan *full service carrier* di peringkat antarabangsa. Jadi dengan pada dasarnya, *Malindo* telah menyelamatkan keadaan dan hari ini *Malindo* telah berfungsi sebagai *carrier* yang boleh membuat *interlining* dengan *international travelers*.

Ini sekali gus memberi kemudahan kepada pelancong-pelancong luar negara untuk menjadikan KLIA sebagai pusat transit hab. Sebagai contoh kalau penerbangan daripada Eropah, dia sampai ke KLIA, dia boleh meneruskan ke Kota Kinabalu, pergi Langkawi dan destinasi-destinasi di *region* ini.

Jadi kesimpulan, kita kena melihat industri ini secara holistik. Kita tidak boleh melihat untuk MAHB sahaja kerana kita pun tahu MAHB mempunyai kekangan pada ketika ini. Ini kerana MAHB tidak dapat menampung keperluan daripada seluruh penerbangan di dunia ini. Terima kasih... [*Dewan tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini kenapa tepuk tangan ini?

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Jawapan yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerantut.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penerangan yang telah diberikan.

Cuma saya ingin bertanya, apakah keberuntungan dengan perpindahan *Malindo Air* ini daripada Subang ke Kuala Lumpur? Adakah bayaran-bayaran tambahan perkhidmatan akan dikenakan kepada penumpang dan sebagainya? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seperti yang saya sebutkan tadi, apabila *Malindo* pindah ke KLIA, sebenarnya dia menyelamatkan keadaan KLIA sebagai pusat transit hab. Kita mahu semua *international travelers* ini mendapatkan *the so called seamless travel*. Kita tidak mahu *international passengers* sampai ke KLIA, dia tercari-cari untuk menyambung perjalanan ke destinasi-destinasi akhir seperti Kota Kinabalu dan Kuching. Hari ini dengan adanya *interlining Malindo* di KLIA, *international travelers* boleh membuat perjalanan daripada sebagai contoh daripada Brisbane hendak ke London, dia boleh ambil tiket *Malindo* sampai ke London kerana *Malindo* ada *code sharing* dengan syarikat penerbangan *Turkish Airlines*. Jadi maknanya kalau orang Australia hendak ke London, dia boleh beli tiket *Malindo* dan menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat *transit hub*.

Akan tetapi kalau perkhidmatan ini tiada, mungkin orang Australia guna Singapura atau guna Bangkok. Ini yang saya katakan tadi banyak keuntungan daripada segi *interlining*. Ini kerana *interlining* ini juga memberi kemudahan kepada syarikat-syarikat luar negara supaya *passenger* dia tidak perlu mengambil *baggage* untuk dikeluarkan untuk ke Kota Kinabalu. Akan tetapi dengan ada *interlining*, kalau sebagai contoh daripada Perth dia boleh ke Kota Kinabalu dengan *baggage* terus sampai ke Kota Kinabalu.

Interlining ini merupakan satu perkhidmatan yang diperlukan dalam industri *aviation* hari ini. Kita memerlukan syarikat penerbangan yang boleh ada *interlining* dengan syarikat penerbangan di Kuala Lumpur. Seperti yang saya katakan, ada lebih kurang 50 syarikat penerbangan antarabangsa yang menggunakan Kuala Lumpur sebagai pusat *transit hub*. Ini memerlukan *seamless travel*, kemudahan-kemudahan sokongan daripada *local airlines*. Buat masa ini, *Malaysia Airlines* tidak mampu untuk menampung keseluruhan 50 *international airlines* yang berada di Kuala Lumpur. Terima kasih.

4. Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, berapa banyak bilangan rumah-rumah yang terbengkalai daripada tahun 2013 sehingga sekarang. Bagi membantu pembeli-pembeli rumah yang menghadapi masalah ini, adakah kementerian akan menambahkan klausa penangguhan ke atas pihak insurans dan takaful yang dikenakan ke atas pembeli-pembeli sebagai syarat pinjaman perumahan yang dikenakan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Pasir Puteh ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Alor Gajah bertarikh 30 November kerana kedua-dua Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu yang sama iaitu berkaitan projek perumahan swasta terbengkalai.

Untuk makluman Ahli-ahli...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila, sila.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Senyum sikit Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 27 projek yang telah kita siapkan dan kita telah selesaikan dari tahun 2013 sehingga 11 Oktober 2017 di mana lapan projek telah pun kita pulihkan dan menggunakan dana kerajaan sebanyak RM36.1 juta. Ertinya projek terbengkalai ini ada dua dana. Satu dana daripada kerajaan yang mana melibatkan projek-projek perumahan kos rendah dan juga kos sederhana rendah.

Ertinya rumah di bawah RM70,000, ini kerajaan akan keluarkan bajet untuk menyelamatkan projek ini. Satu lagi projek terbengkalai yang di bawah swasta ialah projek yang harga rumah lebih RM70,000, yakni kita menggunakan pihak swasta untuk menyelesaikan masalah ini. Setakat ini, ada 190 projek terbengkalai dan telah pun siap sebanyak 158 projek yang tidak menggunakan dana kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berkaitan penambahan klausa penanggung ke atas pihak insurans dan takaful yang dikenakan ke atas pembeli-pembeli sebagai syarat pinjaman perumahan, kementerian sedang mengkaji sama ada klausa ini harus ditambahkan di dalam perjanjian jual beli kerana apabila ia ditambah, tentulah akan menambahkan lagi kos kepada pembeli. Sebenarnya kita sedia maklum, sekarang ini kita hanya ada insurans. Ada *fire insurance* dan juga MRTA. Jadi, cadangan Yang Berhormat ini kita akan pertimbangkan dan kemungkinan kalau kita perkenalkan, kita akan memberi pilihan kepada mana-mana pembeli yang ingin membelikan insurans untuk menanggung sekiranya projek-projek ini terbengkalai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masa-masa pembeli rumah terbengkalai juga perlu menanggung kos pelikuidasi ataupun *liquidator* dan kos peguam *liquidator* bagi projek rumah terbengkalai ditanggung oleh pembeli. Ini kerana pemaju asal projek perumahan telah digulung disebabkan pemaju tidak mempunyai dana kewangan atau aset yang mencukupi untuk menyiapkan ataupun meneruskan projek tersebut. Fi *liquidator* dan kos peguam *liquidator* berkaitan urusan perundangan dikenakan dan perlu ditanggung oleh semua pembeli rumah tersebut bagi memastikan projek tersebut dapat diteruskan dan disiapkan. Pembeli juga perlu menanggung kos *liquidator* seperti mana yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016 ataupun Akta 777. Bayaran fi *liquidator* dikenakan selaras dengan Kaedah 142, Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972, di mana kadar yang dikenakan perlu dinyatakan dengan jelas oleh pelikuidasi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kos yang dikenakan oleh pihak *liquidator* yang dilantik oleh mahkamah adalah melibatkan tanggungjawab untuk menyelesaikan obligasi pemaju asal projek perumahan yang digulung seperti yang

terkandung dalam perjanjian jual beli dan juga mana-mana skim pemulihan atau perintah yang diluluskan oleh pihak mahkamah. Terima kasih.

■1110

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan tadi.

Kalau kita melihat di sini, kerajaan adalah sebaik-baik penjamin kepada pembeli rumah yang terpaksa membuat pinjaman kepada bank-bank untuk membiayai pembelian rumah itu. Akan tetapi, pihak kerajaan tidak sanggup untuk menanggung lebih daripada rumah yang harganya lebih daripada RM70,000. Jadi rumah yang lebih itu terpaksa ditanggung oleh pembeli rumah dan jika rumah itu tidak siap, maka orang Kelantan kata *naye lah*-kesian kepada pembeli kerana terpaksa membayar pinjaman tetapi rumah tidak siap.

Jadi, cadangan yang kita berikan ini adalah satu cadangan yang kita harap, *insya-Allah*, sedikit sebanyak boleh membantu pihak kerajaan juga untuk memastikan supaya rumah dapat disiapkan dan seterusnya tidak begitu membebankan kepada pembeli.

Soalan saya ialah bagi pihak kontraktor atau pemaju yang memajukan program ini, mereka disenaraihitamkan. Saya hendak tahu sama ada senarai hitam pada syarikat sahaja atau kepada ahli lembaga pengarah juga disenaraihitamkan dan diambil tindakan kepada mereka ini? Ini kerana tanggungan kepada pembeli itu terlalu teruk dan pihak kerajaan sepatutnya mempunyai sesuatu yang mencegah benda ini daripada berlaku. Adakah pihak kerajaan melakukan kerja ini? Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat. Sebenarnya saya juga sama simpati kepada pembeli-pembeli rumah terbengkalai ini kerana seperti mana Yang Berhormat katakan, mereka bukan sahaja kena bayar pinjaman daripada bank tapi juga mungkin mereka juga kena membayar sewa rumah. Jadi, dua bayaran yang mereka kena bayar.

Oleh kerana itulah, kementerian memang mengambil perhatian berat mengenai projek terbengkalai, selain yang Yang Berhormat cadangkan ini bahawa insurans, kita akan timbangkan untuk kita masukkan di dalam perjanjian jual beli ini. Namun demikian, seperti yang saya nyatakan tadi, apabila insurans ini kita letakkan, kosnya akan semakin bertambah kepada pembeli. Akan tetapi, ini satu cadangan yang baik yang kita akan pertimbangkan.

Jadi, bukan sahaja Yang Berhormat mengambil berat mengenai masalah rumah projek terbengkalai ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, saya ingat, julung-julung kalinya dalam bajet atau belanjawan baru-baru ini telah pun mengumumkan bahawa mana-mana projek perumahan swasta yang terbengkalai, kita telah pun melanjutkan pengecualian duti setem ke atas pinjaman dan juga surat cara pindah milik kepada pembeli asal projek perumahan swasta yang terbengkalai bagi membantu meringankan beban mereka. Ertinya dikecualikan duti setem. Pemaju kontraktor penyelamat pun kita

kecualikan duti setem dan juga pembeli apabila mereka buat pinjaman baru itu kita kecualikan duti setem.

Dalam masa yang sama, kita juga telah pun meminda undang-undang. Kalau dulu *developer* ini dia letak RM200,000 sebagai deposit kepada kementerian, tetapi bila kita melihat bahawa banyak projek-projek terbengkalai ini berlaku, maka hari ini syarat kita ialah mewajibkan pemaju meletakkan tiga peratus daripada kos pemajuan ini. Jadi, *in case* kalau projek ini terbengkalai, maka kementerian *at least* sudah ada deposit untuk kita memulihkan projek yang terbengkalai.

Jadi untuk cadangan Ahli Yang Berhormat mengenai syarikat ini kalau kita ambil tindakan, kita akan ambil tindakan kepada syarikat ini. Di dalam itu, disenaraihitamkan dan sudah tentulah mereka yang dalam lembaga pengarah ini juga kita akan pastikan bahawa apabila mereka memohon APDL dalam projek-projek akan datang juga kita akan senarai hitamkan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Soalan tambahan untuk Yang Berhormat Menteri. Saya rasa isu melibatkan rumah terbengkalai ini bukan sikit jumlahnya dan mereka-mereka yang terlibat terpaksa membayar kepada bank bukan jumlah yang sedikit- RM1,000 hingga RM2,000 sebulan- yang tentu akan menjejaskan kehidupan seharian mereka dan untuk tempoh yang sangat panjang sehingga umur 55 atau 60 tahun.

Kalau sekadar tindakan dikenakan hanya kepada ahli lembaga pengarah syarikat terbabit dengan disenaraihitamkan sahaja, bagi saya, ini agak ringan bagi mereka, kerana mereka boleh juga menjadi pemunya pada syarikat menggunakan nama orang lain. Akan tetapi kalau dikenakan tindakan undang-undang membabitkan penjara dan sebagainya, dan juga suatu jaminan bantuan kewangan kepada mereka-mereka yang terbabit ini, saya rasa ia lebih baik.

Adakah kerajaan berhasrat untuk jangka masa panjang membawa satu akta baru ke Parlimen untuk menangani dan membantu mereka yang tertindas ini dan juga dalam masa yang sama mengenakan tindakan undang-undang terhadap pemilik-pemilik syarikat bukan hanya melibatkan wang sahaja tetapi melibatkan jasad mereka juga seperti penjara dan sebagainya? Itu soalan saya. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan bahawa projek terbengkalai ini memang kita amat bersimpati dengan pembeli. Namun demikian, dalam kita nak perkenalkan undang-undang, kita kena kaji undang-undang yang sedia ada. Seperti mana yang kita sedia maklum, bahawa apabila pembeli dan pemaju membuat perjanjian, ini kalau ikutkan, sebagai perjanjian sivil, ialah perjanjian jual beli. Akan tetapi apabila Yang Berhormat cadang untuk mengenakan hukuman penjara, jadi ini kementerian akan melihat dari kesan undang-undangnya. Terima kasih.

5. **Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, berapakah jumlah eksport Malaysia ke China sehingga Ogos 2017 dan jenis barangan mengikut nilainya.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam negaraku Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Pendang.

Tuan Yang di-Pertua, Republik Rakyat China merupakan rakan dagang terbesar Malaysia bagi lapan tahun berturut-turut sejak tahun 2009. Pada tahun 2016, perdagangan Malaysia dengan China bernilai RM240.91 bilion, mencatat pertumbuhan sebanyak 4.4 peratus. Pada sembilan bulan pertama tahun 2017 pula, jumlah perdagangan dengan China bertambah kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 24.8 peratus iaitu berjumlah RM212.94 bilion berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya iaitu RM170.64 bilion. Jumlah eksport ke China bagi tempoh Januari hingga September 2017 meningkat sebanyak 35.3 peratus kepada RM91.87 bilion, manakala jumlah import ialah RM121.08 bilion.

Komposisi utama barangan eksport ke China bagi tempoh Januari hingga September adalah terdiri daripada barangan elektrik dan elektronik sebanyak RM36.59 bilion, kimia dan bahan kimia sebanyak RM10.3 bilion, keluaran petroleum sebanyak RM10.3 bilion, keluaran getah sebanyak RM4.3 bilion dan LNG sebanyak RM4.12 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan aktiviti pelaburan dari China dalam sektor perkilangan juga sedang berjalan dengan lancar. Aktiviti-aktiviti pelaburan dalam sektor perkilangan ini menyumbang secara langsung pada eksport dan import negara.

■1120

Pada 31 Disember 2016, sejumlah 220 projek perkilangan dengan penyertaan dari China telah dilaksanakan dengan pelaburan berjumlah RM14.2 bilion. Projek-projek ini telah mewujudkan 33,020 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan yang direalisasikan ini, industri produk logam asas mencatatkan pelaburan yang tertinggi iaitu sejumlah RM6.4 bilion diikuti produk elektronik dan *electrical* RM4.7 bilion, produk galian bukan logam RM1.4 bilion dan tekstil dan produk tekstil RM560.9 juta. Pelaburan perkilangan yang telah direalisasikan daripada negara China setakat tahun 2016 berada di kedudukan kelapan selepas Jepun, Amerika Syarikat, Singapura, *Germany*, *Netherlands*, Korea Selatan dan Taiwan. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa perdagangan negara kita dengan China ini terlalu besar, RM240 bilion dalam tahun 2016 sehingga sekarang RM212 bilion tahun ini. Jadi ini suatu bentuk perdagangan yang cukup bermanfaat kepada negara kita yang sudah pasti tidak bererti bahawa kita hendak menjual negara kita kepada China. Ini tuduhan tidak berasas daripada pihak pembangkang.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Ya, dia jawablah nanti. Tunggulah apa dia jawab. Saya cuma hendak mendapat keyakinan saya, hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat tentang pelaburan-pelaburan yang akan masuk daripada negara China ke Malaysia. Kita mengalu-alukan pelaburan besar itu, cuma saya hendak tanya, apakah jaminan pihak kerajaan tentang rakyat tempatan yang akan diutamakan sebagai pekerja untuk memenuhi cita-cita kerajaan supaya rakyat Malaysia dapat manfaat hasil pelaburan rakan terbesar perdagangan kita itu- dengan negara China. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Dari segi pelaburan, ia bukan bermakna penjajahan. Pelaburan asing yang kita terima masuk ke dalam negara kita berjumlah RM556.7 bilion. Sementara syarikat Malaysia yang melabur di luar negara lebih daripada itu. Syarikat Malaysia yang melabur ke luar negara ialah RM573.5 bilion bererti lebih besar daripada pelaburan asing yang masuk ke dalam negara. Ini bukan bermakna syarikat Malaysia menjajah negara-negara tersebut. Malaysia kini merupakan *net exporter of capital*, dengan izin.

Dari segi memastikan peluang pekerjaan, yang saya sebut tadi, yang nombor lapan, negara China ini ialah merupakan pelaburan dalam bidang perkilangan. Jumlah pekerjaan yang telah dihasilkan daripada itu ialah 33,020 peluang pekerjaan. Sebagai contoh, baru-baru ini timbul kontroversi tentang lawatan seorang bekas pemimpin ke *Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP)* iaitu di Gambang. Sebenarnya apa yang berlaku di situ, yang beliau berada itu adalah di hadapan satu kilang iaitu Alliance Steel (M) Sdn. Bhd. Alliance Steel ini ialah salah satu daripada syarikat yang melabur di Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP).

Pada Ogos 2017 tahun ini, Alliance Steel mengadakan *job fair* untuk menarik pekerja-pekerja daripada Malaysia untuk bekerja di syarikat mereka di Kuantan, Zenith Hotel. Daripada 4,000 peluang pekerjaan yang ditawarkan, 1,000 telah mendapat pekerjaan dan mereka akan berusaha lagi untuk mengisi 3,000 peluang pekerjaan yang lain. Itu sebagai contoh bahawa tuduhan yang tidak berasas itu adalah tidak benar. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya pihak kerajaan. Baru-baru ini kita gembarkan eksport durian ke negara China. Difahamkan tahun lepas, eksport hanya RM74 juta, tahun ini dianggarkan RM100 juta. Isunya Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan telah ada satu sistem eksport yang senang digunakan oleh mereka yang hendak eksport durian secara besar-besaran kerana kalaulah memang harga durian begitu baik dan di banyak tempat di negara kita sesuai untuk menanam durian.

Kalau kita mengeluarkan secara besar-besaran seperti kalau menjadi satu tanaman seperti getah dan kelapa sawit, tentunya ia akan turun mendadak kalau ia tidak dapat dieksport dengan baik. Boleh tanya, sejauh manakah kerajaan sudah melengkapkan

sistem eksport secara besar-besaran dan senang untuk mereka yang hendak masuk menanam secara besar-besaran sebagai satu estet. Sebagai contoh kalau 10,000 ekar, adakah ia boleh dieksport secara senang?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, terima kasih Yang Berhormat Beruas. Memang antara produk pertanian yang utama yang kita eksport ke negara China sebelum ini ialah tentunya hasil daripada kelapa sawit iaitu minyak kelapa sawit dan juga baru-baru ini, satu peningkatan yang amat tinggi dari segi eksport kita untuk getah. Saya akan jawab tentang durian sebentar. Getah misalnya, satu peningkatan 101.2 peratus. Peningkatan yang tinggi terhadap getah setelah lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dia membantu untuk menstabilkan harga getah.

Tentang eksport durian ini, antara perkara yang sedang dibincangkan ialah bagaimana kita boleh mengeksport durian dalam bentuk buah durian. Pada saat dan ketika ini, durian yang diterima adalah durian yang sudah dikupas dan isinya dan juga produk-produk yang berasaskan durian sama ada *cookies* yang ada durian dan juga kuih-kuih lain yang ada perisa durian. Kalau dilihat dalam carian yang tertinggi dalam *Alibaba.com*, oleh *consumer*, pengguna daripada negara China, segala perkara yang tentang durian adalah merupakan carian nombor satu dalam portal *Alibaba.com*.

Kita, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebenarnya sedang mengadakan perbincangan dan tidak lama lagi kita akan dapat tahu tentang keputusan bagaimana kita boleh mengeksport durian dengan lebih mudah. Apabila kita membuat pengumuman, bolehlah sesiapa yang berminat untuk menanam durian seterusnya. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Dalam mengeksport barang-barang Malaysia ke China, kita juga terlibat dalam pelaburan di negara China. Apakah kerajaan akan setakat ini telah belajar berapa banyak yang telah dilabur di negara China dan hasil balik daripada negara China? Adakah kerajaan baru-baru ini membuat satu polisi yang baru iaitu untuk meningkatkan lebih pelaburan di negara China supaya kita dapat *to strengthen the economy of* negara China seperti apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjumpa dengan Presiden Donald Trump, mengatakan akan melabur di negara Amerika untuk mengukuhkan ekonomi mereka. Adakah sistem dan polisi yang sama akan digunakan untuk Negara China?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Syarikat kita juga sebenarnya telah melabur ke negara China. Ada senarainya. Cuma hari ini, soalan adalah mengenai perdagangan. Walau bagaimanapun, antara perkara yang kita sentiasa terlibat untuk kita meningkatkan perdagangan dan juga pelaburan dengan negara China ini, kita terlibat dalam pelbagai ekspo. Contohnya semacam *Canton Fair*. Kemudian *China Post*, *Guangxi Free Trade Port*. Macam-macam yang kita terlibat dengan kolaborasi dengan perdagangan dengan negara China. Dengan lain perkataan, setakat angka yang telah diberitahu oleh menteri bahawa jumlah pelaburan Malaysia di negara China sebenarnya

melebihi daripada jumlah pelaburan negara China ke Malaysia dalam jumlah perkilangan, dalam industri perkilangan.

■1130

Jumlah pelaburan Malaysia di negara China lebih tinggi daripada jumlah pelaburan perkilangan Malaysia di negara China, itu setakat angka yang saya boleh maklumkan.

6. Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan respons daripada kementerian kepada rayuan penduduk Kampung Teluk Muroh memohon supaya pantai semula jadi Teluk Muroh dipelihara dengan menghentikan Projek Tambakan Pantai yang dilihat merosakkan alam sekitar.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samurij]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lumut. Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek ini sebenarnya telah bermula pada tahun 2015. Peratus pencapaian setakat ini adalah 75 peratus. Sebenarnya, kajian hidraulik telah dilaksanakan sebelum menjalankan projek ini dan didapati tiada kesan negatif kepada alam sekitar. Dalam masa yang sama *Environmental Management Plan* (EMP) juga dijalankan atau dilaksanakan semasa projek ini dilaksanakan. Projek ini melibatkan tambakan laut di pesisiran Pantai Teluk Muroh, Lumut seluas 17 hektar dan mula dirancang, dilaksanakan pada awal tahun 2015. Maka pada masa itu kajian EIA tidak perlu untuk projek di bawah 50 ekar.

Walau bagaimanapun projek ini telah dirujuk dan dibincangkan dengan agensi teknikal berkaitan termasuklah TLDM yang turut tidak membantah pelaksanaannya. Kawasan Pantai Teluk Muroh pada ketika ini agak terbiar dan tidak terpelihara kerana keadaan semula jadi yang berselut dan bukanlah pantai indah yang sesuai untuk aktiviti pelancongan. Berikutan keadaan pantainya yang tidak mencerminkan sebagai kawasan menarik, ianya telah dicadangkan oleh kerajaan negeri bagi dijadikan kawasan tambakan di mana seperti saya sebutkan tadi kajian hidraulik dan hidrologi telah dilakukan sebelum keputusan untuk menjalankan kerja-kerja tambakan bagi memastikan ekosistem kawasan di situ tidak terjejas dengan kerja-kerja tambakan. Malah kerja tambakan ini dikawal selia dengan ketat mengikut garis panduan konsultan yang dilantik dengan pengawasan pihak JPS. Sekian, terima kasih.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abdul Hamid (B) [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerja-kerja tambakan itu belum selesai. Pantai Teluk Muroh masih boleh diselamatkan. Penduduk melihat kawasan darat pantai masih lagi luas. Mengapa kerajaan negeri tidak membangunkan kawasan tersebut sebaliknya sibuk untuk membuat tambakan. Kos tambakan bernilai RM62 juta Tuan Yang di-Pertua, kos tambakan saja. Kalau kita lihat di Johor Bharu, di Port Dickson, juga di Pulau Pinang, tidak ada buat tambakan untuk buat binaan-binaan bangunan yang diperlukan sedangkan

berhampiran dengan Teluk Muroh juga ada satu kawasan tambakan, Marina Island yang telah dibangunkan tapi keadaannya masih lagi belum membangun. Terdapat banyak rumah-rumah kosong lagi.

Penduduk Teluk Muroh akan terus mempertahankan pantai ciptaan Allah ini supaya tidak dihilangkan, diranapkan oleh kerana mereka mencari, mendapat pendapatan ataupun pencarian daripada binatang-binatang dan juga fauna di pantai tersebut. Oleh itu saya merayu kepada kementerian untuk melihat supaya seboleh-bolehnya diberhentikan projek ini dan dibiarkan Pantai Teluk Muroh terus wujud.

Sekiranya masih lagi hendak diteruskan, penduduk akan terus berusaha mengemukakan perkara ini kepada mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kementerian-kementerian lain. Mungkin juga kepada SPRM, mereka bertanggung projek ini ada berkenaan dengan kewangan yang lumayan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya yakin kerajaan negeri ada alasan tersendiri dari sudut komersial, dari sudut pertanian, ternakan, perikanan dan sebagainya maka projek itu dilaksanakan. Akan tetapi dari sudut Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, seperti yang saya sebut tadi, dari segi kesan atau daripada segi impak *environment*, alam sekitar, tidak serius, makna tidak serius ataupun boleh dibuat mitigasi ke atas apa-apa kesan yang berlaku dalam masa projek dilaksanakan dan selepas projek dilaksanakan. Tugas kementerian hanya dari sudut teknikal dari segi mengawal, memelihara alam sekitar sahaja. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya simpati dengan rakyat di Pantai Teluk Muroh ini, tapi isu yang dibincangkan tentang hakisan pantai perlu juga diambil perhatian oleh kerajaan. Kalau kita lihat di kawasan saya sendiri pada sesi sidang yang lalu saya timbulkan tentang isu hakisan pantai di Kuala Nerus yang berlaku pada bulan Januari di Pantai Tanjung Gelam dan terkini telah mula merebak ke sehingga 200 meter ke hadapan, berlaku hakisan yang teruk.

Soalan saya ialah, adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji semula atau membuat kajian semula terhadap kaedah tambakan pantai ini? Sejauh mana ia merosakkan alam dan sebagainya dan bagaimana ia boleh menyelamatkan pantai-pantai yang ada dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak terutamanya daripada para pensyarah universiti dan dibuat suatu seminar terbuka melibatkan rakyat untuk memberikan pandangan dalam isu ini. Ini supaya satu piawaian dan peraturan terkini boleh disediakan oleh kerajaan dengan melihat apa yang telah berlaku sebelum ini. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini walaupun tidak berkaitan dengan soalan asal tapi berkaitan dengan hakisan pantai. Seperti yang telah saya jawab dulu atas soalan sama, kementerian memang sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan semua pihak termasuklah pandangan teknikal, pandangan

kepakaran daripada Universiti Malaysia Terengganu dan lain-lain. Jadi tidak usah bimbang. Sebenarnya pihak kementerian melalui JPS sentiasa memandang serius perkara tersebut.

Satu perkara yang saya hendak sebutkan di sini, yang berlaku itu yang dibina itu tindakan jangka masa pendek kecemasan yang terpaksa dibuat ekoran daripada hakisan pantai yang serius dan dia tidak berhenti di situ. Ada beberapa lagi projek secara berfasa yang akan dilakukan dengan peruntukan secara berkala. Sudah tentulah mengambil kira semua pandangan termasuk daripada pihak pakar seperti saya sebutkan tadi, Universiti Malaysia Terengganu. Sekian, terima kasih.

7. Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, bilangan golongan gelandangan yang diselamatkan di Kuala Lumpur dan nyatakan lokasinya serta langkah yang diambil bagi membantu golongan gelandangan ini dari segi tempat tinggal, makanan dan kesihatan.

11.39 pg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2017 hingga Jun 2017, Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan sebanyak 127 operasi menyelamatkan di Kuala Lumpur. Manakala bilangan gelandangan yang telah diselamatkan melalui operasi ini adalah sebanyak 224 orang.

Berikut merupakan lokasi di Kuala Lumpur bagi operasi yang telah dijalankan. Terutamanya di Chow Kit, Arka Ria, Medan Tuanku, Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Bunus, Masjid India, Bangkok Bank, Brickfields, Bukit Bintang, Dataran Maybank, Kolej SEGi, Puduraya, Kotaraya, Mydin, Pasar Seni dan Cahaya Suria.

Operasi menyelamatkan golongan gelandangan ini dilaksanakan secara bersepadu, berjadual dan *ad-hock* ataupun mengikut aduan dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, pihak berkuasa tempatan, JKM, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Agama Islam, Jabatan Kesihatan dan lain-lain lagi agensi penguatkuasaan. Dalam operasi bersepadu ini setiap agensi akan mengenal pasti mereka yang diselamatkan dan akan mengambil tindakan terhadap kumpulan sasar masing-masing mengikut bidang kuasa agensi. Kementerian kami, KPWKM melalui Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) telah menubuhkan pusat sehati intervensi bagi golongan gelandangan yang dikenali sebagai Anjung Singgah di Kuala Lumpur sejak tahun 2011.

Sejak mula beroperasi pada 9 April 2011 sehingga September 2017, sejumlah 2,014 orang gelandangan secara sukarela yang ingin mengubah kehidupan mereka telah mendapat khidmat bantuan sosial di Anjung Singgah Kuala Lumpur.

■1140

Pusat ini menyediakan tempat penginapan sementara, pemberian makanan, saringan awal kesihatan, khidmat kaunseling dan juga bantuan kebajikan yang diperlukan melalui kerjasama agensi-agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan. Golongan gelandangan akan dibantu melalui penyediaan tempat tinggal sementara dalam tempoh 14 hari sehingga 30 hari.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kes yang akan dilanjutkan ke satu tempoh yang sesuai mengikut klasifikasi kes. Sepanjang mereka berada di Anjung Singgah, penghuni akan menerima makanan, perkhidmatan saringan kesihatan dan khidmat kaunseling secara percuma.

Anjung Singgah Kuala Lumpur juga menyediakan sesi bimbingan dan kaunseling secara percuma kepada golongan ini yang dikendalikan oleh kaunselor kita yang bertauliah yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Secara amnya mereka yang berdaftar di Anjung Singgah merupakan gelandangan yang masih produktif dan secara sukarela ingin mengubah kehidupan mereka. Seramai 1,490 orang penghuni Anjung Singgah Kuala Lumpur telah pun mendapat padanan kerjaya yang bersesuaian dengan latar belakang pendidikan, kemahiran dan pengalaman mereka. Manakala seramai 367 orang penghuni telah pun pulang ke pangkuan keluarga dan 157 orang telah dirujuk kepada jabatan ataupun agensi serta NGOs yang berkaitan.

Golongan gelandangan di sekitar bandar raya Kuala Lumpur turut juga dibantu melalui pemberian makanan secara percuma. Yang ini adalah hasil bantuan daripada pihak NGOs selaras dengan langkah kerajaan yang telah menetapkan Anjung Singgah Kuala Lumpur sebagai salah satu pusat agihan makanan oleh NGOs. Selain itu, Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur juga di Jalan Pahang dan Pusat Khidmat Gelandangan di Lorong Medan Tuanku juga turut menjadi tempat agihan makanan percuma.

Anjung Singgah juga menyediakan perkhidmatan saringan awal kesihatan. Bagi kes-kes yang memerlukan rawatan lanjut, mereka akan dirujuk kepada klinik-klinik kesihatan dan hospital kerajaan yang berdekatan. Selain Anjung Singgah, Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur merupakan sebuah lagi tempat yang disediakan bagi menampung keperluan tempat tinggal sementara termasuklah kepada golongan gelandangan. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi.

Sebenarnya saya dengan sekumpulan pelajar-pelajar daripada Universiti Kolej Agrosains Malaysia telah bersama-sama membantu dalam program dan saya pun pernah pergi ke Anjung Singgah. Apabila kita nampak program di situ dan saya memberikan sumbangan daripada bentuk makanan, barang-barang dan sebagainya tetapi kita lihat pada asalnya mungkin tidak berapa ramai. Akan tetapi kita lihat apabila kita hendak memberi sumbangan, tengok beribu yang hadir pada malam itu.

Saya telah membuat kajian dan bertanya siapakah mereka. Kebanyakan daripada mereka ini adalah terdiri daripada orang yang tidak ada pekerjaan dan malah ada miskin bandar, ada penagih dan malah ada daripada anggota awam sendiri yang berada di situ. Saya hendak tanya kepada Menteri, apakah tindakan yang seharusnya kerana mereka ini kebanyakannya tidak ada mempunyai tempat tinggal. Adakah langkah-langkah kerajaan telah mencadangkan untuk membuat satu tempat tinggal ataupun memberikan pekerjaan ataupun NBOS dengan kementerian-kementerian yang lain supaya mereka ini kerana kita dapati gelandangan ini terus bertambah dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam dan syabas serta tahniah di atas daya usaha bersama-sama dengan para pelajar untuk datang membantu memberikan makanan dan perkhidmatan kepada gelandangan kita.

Memanglah konsepnya Anjung Singgah itu ialah memberikan tempat penempatan yang sementara kepada gelandangan yang datang secara sukarela yang diselamatkan melalui program-program OPS kita yang dijalankan sama ada secara berkala, secara menerima aduan dan sebagainya. *Alhamdulillah* sebagaimana saya sebutkan tadi, sebilangan daripada mereka ini telah pun kembali kepada keluarga mereka, sebilangan daripada mereka ini telah mempunyai pekerjaan dan juga mereka telah mendapat tempat rumah mereka sendiri yang disewa.

Selain daripada itu, DBKL juga telah menyediakan satu lagi program yang dipanggil Rumah Bimbingan di mana setelah mereka selesai di pusat transit ataupun di Anjung Singgah, mereka disediakan tempat untuk menyewa secara murah sahaja, bulanan saya difahamkan RM30 sebulan sahaja untuk mereka sementara itu sehingga mereka boleh berdikari sendiri. Kebanyakan mereka juga kita berikan sesi kaunseling pekerjaan di mana kita menjemput *JobsMalaysia* untuk datang bersama-sama supaya mereka mendapat pekerjaan yang sesuai dengan pengalaman, dengan pendidikan mereka, dan *alhamdulillah* ada juga di kalangan mereka ini sudah pun dapat pekerjaan. Selain itu kita juga membantu mereka daripada segi kemahiran-kemahiran yang tertentu supaya mereka boleh mencari pekerjaan ataupun memulakan perniagaan dan meneruskan kehidupan mereka.

Memanglah di Anjung Singgah ini kementerian kita mengadakan NBOS dengan pelbagai agensi bagi menjayakan program membantu gelandangan ini. Akan tetapi seperti mana Yang Berhormat nampak tadi bahawa ada juga di antara mereka ini adalah seperti

penagih dadah dan penagih dadah ini terpaksa kita serahkan kepada pihak yang berkenaan iaitu AADK.

Ada mereka ini mungkin orang tua yang kita akan hantar ke pusat-pusat kita yang tertentu, institusi kita yang tertentu. Ada juga mereka ini di kalangan daripada orang papa yang kita akan hantar ke Desa Bina Diri untuk diberikan latihan selama dua tahun. Selepas itu mereka akan boleh berdikari setelah mendapat latihan-latihan yang tertentu. Kita mengalu-alukan pelbagai pihak untuk bersama-sama dengan kita bagi menjayakan program kita. Kita dapati bahawa ada juga di kalangan dikatakan gelandangan ini kerana mereka memang suka bergelandangan dan tidak mahu duduk di rumah yang tetap. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah usaha untuk menempatkan gelandangan di Kuala Lumpur yang berseparah sekitar di satu tempat khas yang mana yang tidak menjadikan *eye sore* di Kuala Lumpur ini? Ramai pemilik bangunan dan juga penghuninya tidak senang hati dengan gelandangan yang melepak dan bersadai di tepi bangunan mereka. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita pun kalau boleh inginkan mereka tidak berada di mana-mana demi untuk kebaikan bukan sahaja masyarakat kita, pengunjung dan juga kesejahteraan keseluruhannya. Akan tetapi kita tidak boleh mengehahkan kamu bergelandanganlah di sini kerana mereka akan memilih tempat itu mengikut suka hati mereka. Maka apa yang kita lakukan bila berlaku, bila ada aduan, kita akan membuat operasi kita untuk menyelamatkan mereka. Operasi ini kita memang buat secara berkala. Kita buat bersama dengan pihak polis, dengan Imigresen dan juga dengan pelbagai agensi lagi, antidadah dan sebagainya dan kita juga membuat operasi ini kalau kita menerima aduan.

Sekiranya Yang Berhormat ataupun mana-mana orang dapat tahu bahawa di hadapan rumah mereka, dekat dengan taman mereka ada gelandangan yang berkeliaran di situ, maka maklumkan, maka kita akan mengambil tindakan untuk menyelamatkan mereka dan akan ditempatkan di tempat-tempat yang sesuai seperti salah satunya ialah di Anjung Singgah. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri. Saya ada sedikit pengalaman berkenaan dengan gelandangan ini kerana saya dengan beberapa rakan yang lain yang hadir ke tempat seperti mana di Menara *Maybank*, di Puduraya, di Cahaya Suria, dekat dengan *Central Market* dan sebagainya iaitu tempat-tempat gelandangan itu.

Persoalan saya ialah berkenaan dengan apakah kerana sikap ataupun ada masalah-masalah yang lain seperti mana krisis rumah tangga ataupun kena buang kerja

ataupun masalah ekonomi yang lain yang menyebabkan mereka ini bersikap gelandangan?

Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan juga daripada Menteri, setakat hari ini setelah kita wujudkan Anjung Singgah sudah tentulah di sana ada program-program untuk penambahbaikan terhadap mereka yang hadir ke situ. Ada atau tidak dari segi data berkenaan dengan mereka yang hadir ke situ, kemudiannya telah pun berubah daripada sebagai seorang gelandangan hinggalah mereka itu boleh hidup berdikari dengan bantuan modal teroka daripada pihak-pihak yang berwajib? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Gantang. Kita semua ada pengalaman. Saya sendiri pun ada pengalaman berhadapan dengan gelandangan ini.

■1150

Saya sendiri mendengar daripada mereka di antaranya seperti saya sebut tadi, memang memang dadah. Mereka tidak akan balik ke rumah. Mereka lebih suka berada di sana. Ada yang saya sendiri menemu ramah, mereka ini tidak suka bekerja. Dia orang muda yang tidak suka bekerja. Jadi mungkin suka duduk di situ atasnya langit dengan bintang-bintang semua dan ada yang dia tidak suka kerja tempat tertentu saja. Dia kata *"Saya ada bekerja di situ tapi saya tidak suka kerja itu. Saya suka kerja di lain tempat lagi. Jadi sementara itu saya suka bergelandangan"*. Jadi kerana negara kita Malaysia kerajaan, NGO kita amat prihatin. Kita pengasih dan penyayang. Kita sediakan makanan. Datanglah NGO bawa makanan. Maka memudahkan mereka untuk bergelandangan.

Bukan kita melihat ini dari segi negatif tetapi inilah realitinya. Walau macam mana pun kita tidak *give up* lah dalam hal ini. Kita meneruskan usaha kita untuk membantu mereka merubah mentaliti mereka dan kehidupan mereka. *Alhamdulillah* seperti mana saya laporkan di awal jawapan saya tadi bahawa daripada mereka yang di bawa ke Anjung Singgah kita, memang ada yang sudah pun mempunyai pekerjaan, ada yang sudah mempunyai tempat tinggal mereka dan ada yang membuat keputusan untuk kembali kepada keluarga mereka. Ada juga yang gagal. Walaupun diberikan tempat tinggal yang semurah RM30 sebulan itu tidak juga membayar walaupun sudah mempunyai pekerjaan. Jadi mungkin sama-sama lah kita Yang Berhormat, bagaimana kita dapat memikirkan merubah pemikiran ataupun mental *attitude* rakyat kita yang bergelandangan ini. Terima kasih.

[Soalan No. 8 - Dato' Mansor bin Othman (Nibong Tebal) tidak hadir]

9. Tuan Anyi Ngau [Baram] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, jumlah peruntukan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (sistem alternatif) yang diluluskan di kawasan pedalaman Sarawak amnya dan kawasan Baram khususnya sejak 2013. Apakah spesifikasi program berkenaan pendawaian dalaman, bilangan *'power and lighting points'* setiap pengguna/bilik dan sebagainya.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Baram.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2013 kementerian telah memperuntukkan sejumlah 662.6 juta bagi Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar secara sistem alternatif solar hibrid di Negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut sebanyak 218.6 juta telah diperuntukkan khusus bagi pelaksanaan projek-projek sebagaimana yang dimaksudkan untuk kawasan Parlimen Baram sejak tahun 2013.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, spesifikasi pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar secara sistem alternatif adalah skop pendawaian dalaman yang melibatkan pemasangan dua soket dan juga tiga lampu untuk setiap buah rumah. Itu saja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Saya rasa pendawaian ini memang sesuai namun kita tengok sebab di kawasan luar bandar khususnya di rumah panjang, jumlah dua soket dan tiga *lighting point* ini memang tidak cukup sebab di kawasan rumah panjang kita mempunyai apa yang orang kita di Sarawak kata, dia punya ruai, beranda. Kita ada dapur, kita ada bilik rehat dan juga rumah panjang sentiasa memang berteres tetapi mempunyai satu tingkat bawah dan satu tingkat yang pertama. Jadi dengan jumlah soket dan *lighting point* ini memang kita nampak solar hibrid itu ada tapi api dia tidak ada.

Lampu dia tidak ada. *Lighting* dia tidak ada. Jadi saya hendak cadangkan supaya pihak kementerian mengambil berat berkenaan dengan keperluan yang diperlukan di kawasan rumah panjang ini sebab saya rasa dengan jumlah lima *lighting point* pun yang dilaksanakan oleh pihak SARES pun tidak mencukupi apatah lagi kalau dia hanya mempunyai dua, tiga bilangan *lighting point* ini. Saya mohon dengan pihak kementerian supaya menambahkan kalau dapat dia boleh dijadikan sebagai sepuluh bilangan pun boleh ini. Saya minta pandangan dan persetujuan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Baram. Saya ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat kerana begitu prihatin terhadap permasalahan ini. Cadangan daripada Yang Berhormat agar dapat ditambah daripada segi soket dan juga lampu untuk setiap buah rumah ini kita akan pertimbangkan dan kita akan bawa ke dalam perbincangan di peringkat kementerian dan *insya-Allah* rasa saya cadangan ini amat baik dan tidak ada sebabnya untuk kita tidak boleh pertimbangkan di pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 10 - Dr. Izani bin Husin (Pengkalan Chepa) tidak hadir]

11. **Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, bilakah cadangan menaik taraf jalan Kampung Tarawas ke Kampung Kaingaran Ulu Sugut, Ranau akan dapat dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Ranau. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan menaik taraf jalan kampung Tarawas ke Kampung Kaingaran Ulu Sugut, Ranau sebenarnya tidak tersenarai di dalam senarai keutamaan kerajaan negeri yang telah diterima oleh pihak kementerian.

Namun begitu sekiranya terdapat keperluan yang dikira mendesak kita memohon agar pihak Yang Berhormat mengemukakan keperluan tersebut kepada kerajaan negeri sebagai senarai keutamaan dan pihak kementerian akan meminta pihak Jabatan Kerja Raya atau JKR menjalankan siasatan tapak dan semakan kos sebelum diangkat ke pihak Unit Perancangan Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri. Untuk kita masukkan dan kalau boleh kita laksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas ini di bawah *Rolling Plan* yang akan datang. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan bergantung pada kedudukan semasa kewangan kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]* Terima kasih di atas jawapan Timbalan Menteri tadi. Tuan Yang di-Pertua, sejak lima tahun dulu memang kita sudah mendapat banyak peruntukkan di kawasan Ranau. Namun masih banyak jalan-jalan raya dan jalan desa yang masih lagi belum diperbaiki ataupun menaik taraf. Jadi oleh yang demikian maka apabila saya kemukakan jalan Tawaras dan Kaingaran ini, ini adalah begitu penting oleh sebab ia melibatkan lebih kurang lebih 20 kampung dan hampir-hampir 20 ribu orang penduduk dia.

Oleh yang demikian walaupun tidak termasuk dalam bajet pada kali ini saya minta kalau boleh kementerian untuk memasukkan dalam *Mid-Term Review* oleh sebab ini adalah benar-benar keperluan mendesak bagi rakyat di kawasan ini. Selain daripada itu ada lagi beberapa tempat di daerah Ranau seperti Jalan Tempias, Tinanam dan juga jalan Miruru, Mangkadait yang juga perlu di naik taraf. Jadi saya juga mohon jasa baik daripada kementerian supaya ini juga dimasukkan dalam *mid-term review*.

■1200

Jadi soalan saya di sini ialah bolehkah Yang Berhormat ataupun kementerian memasukkan ini dalam perancangan ataupun dalam peruntukan *Midterm Review*? Sekian, terima kasih.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Ranau. Kita akan mengambil perhatian dan tindakan terhadap apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Malaysia Boleh!

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub: Kita juga akan meminta pihak negeri Sarawak untuk mengemukakan senarai terhadap permohonan-permohonan yang telah dikemukakan. Eh, Sabah! Minta maaf. Sabah yang telah dikemukakan oleh pihak Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tempat pun salah. Macam mana ini?

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub: Takkanlah benda macam itu bising. Tolong pergi bantu Pulau Pinang itulah daripada *dok* bising di sini.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tolong Pulau Pinang. Banjirlah.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub: Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita memang sentiasa mengambil kira terhadap semua permasalahan, terutama di negeri Sabah terhadap jalan-jalan luar bandar ini kerana kita sedar bahawasanya akses terhadap kawasan-kawasan pedalaman ini perlu di selenggara dan dipertingkatkan kemudahannya di dalam tempoh yang terdekat ini. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, tamat sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Sila Yang Berhormat Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.03 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 8 November 2017."

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2018**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2018 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersefentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” [**6 November 2017**]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari ini adalah hari terakhir tempoh perbahasan peringkat Dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2018 dihadkan selama 15 minit. Ya, Yang Berhormat Semporna... [*Tepuk*]

12.03 tgh.

Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana masa agak singkat, jadi saya hendak *direct to the point*, dengan izin, dan saya waktu itu mendapat berita belanjawan sudah pun dibentangkan semasa saya dalam tahanan. Namun demikian, saya juga mendapat peluang untuk mendengar dan membaca kandungan Belanjawan 2018.

Secara ringkasnya, bila saya meneliti belanjawan pada kali ini, perbezaan tidak banyak daripada belanjawan tahun 2017. Cuma ada peningkatan kewangan daripada belanjawan untuk pengurusan. Kalau berdasarkan dengan belanjawan 2017, 2017 jumlah belanjawan RM262.8 bilion manakala belanjawan mengurus RM214.8 bilion, belanja pembangunan tahun 2017, RM46 bilion dan simpanan luar jangka RM2 bilion. Manakala dalam belanjawan pada kali ini, kita dapati bajet keseluruhan RM280.250 bilion. Peningkatan hampir RM17 bilion dan saya dapati dari segi pembangunan, belanjawan pembangunan 2018 berbanding dengan 2017, sama sahaja, RM46 bilion. *No changes, no increase* dari segi peruntukan yang ada.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Apabila saya dapati, teliti secara mendalam, belanjawan pada kali ini, ada beberapa perbezaan yang saya dapati. Contohnya, bagi perbelanjaan sosial, hanyalah menelan belanja RM12 bilion, untuk keselamatan hanya RM5 bilion, untuk ekonomi RM25.0 bilion. Akan tetapi bila saya lihat, dari segi pencen pun, hanya RM22 bilion dibelanjakan pada tahun ini. Manakala hutang, 11 peratus daripada belanjawan pada kali ini, menjurus kepada pembayaran hutang iaitu 11 peratus, hampir RM30.8 bilion. *You can imagine* belanjawan ini, bukan yang mengurus dari segi hanya setakat sosialnya, rakyat 12 bilion tetapi juga ada peningkatan pengurusan hutang negara. 30 bilion daripada peruntukan ini untuk mengurus hutang negara.

Saya tahu mungkin ECRL hendak bayar hutang, saya pun tidak tahu sama ada 1MDB *is also included*. Kalaupun ada saya hendak tanya dalam Dewan ini, berapa dari pecahan-pecahan hutang yang mana dalam belanjawan ini perlu diuruskan, yang merangkumi RM30 bilion yang sudah pun diperuntukkan dalam belanjawan? Ini data dia... *[Menunjukkan sebuah buku]* *This is* faktanya dan ini adalah fakta dahulu, 2017 yang saya masih simpan, keadaan belanjawan negara ini.

Saya sedar dan tahu kadang-kadang di situ ditekankan tentang pemberian, pemberian untuk bantuan subsidi 9.5 peratus. Akan tetapi jika kita lihat kutipan hasil negara kita, tidak kira tentang *income tax*, GST sahaja, GST *almost* RM40 bilion *plus*. Akan tetapi tidak itu dijanjikan, kalau ada pungutan daripada GST, kita akan pulangkan kepada rakyat. Sudah penat rakyat bayar GST, letih, hendak pulangkan balik. Kalau ikutkan tidak payahlah pungut, jangan menyusahkan.

Saya teringat seorang daripada orang yang berada di kampung di Kunak, orang tua hampir 77 tahun umur dia. *"Kami susah Dato' Seri"*. *"Pasal apa itu?"*. *"Hari-hari kena gigit"*. *"Gigit apa?"*. *"Gigit GST, RM3"*. Itu baru dia, *everyday*. Kalau dia pergi pasar, kalau dia pergi kedai, dia kena gigit RM3. Itu dia punya pandangan, cita rasa rakyat di peringkat bawah. Ini yang penting kepada kita. Walaupun saya akui, ada beberapa pemberian JKKK, bantuan, naik gaji, bonus kepada pegawai-pegawai kerajaan, tetapi saya masih rasa, selaku seorang orang kampung, bila mendengar cita rasa, pandangan masyarakat di peringkat akar umbi ini, masih agaknya membimbangkan kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, belanjawan pada kali bila saya melihat, tidaklah menjurus ke arah yang kita ingin lihat keutamaan diberikan kepada rakyat. Di Sabah digembar-gemburkan kita akan belanja Sabah dan Sarawak RM1 bilion untuk sistem *improvement of telecommunication*. Orang Sabah tidak perlu *handphone*. Kita perlu pekerjaan. *We want jobs in Sabah, we want life income...* *[Tepuk]*

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Walaupun kita tahu itu perlu bagi kita belanja bilion-bilion tetapi di jalan raya, tadi ada persoalan jalan-jalan kampung yang kita katakan ada usaha untuk hendak dinaiktarafkan. Itu pun tidak cukup duit. *One billion you want to spend for handphone. Who is the supplier?*

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Semporna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan?

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Saya mengikuti perbahasan Yang Berhormat Semporna bahawa bajet hari ini tidak menjurus kepada rakyat. Saya ingin tahu, selama Yang Berhormat menjadi ahli Kabinet di Persekutuan, adakah bajet serupa yang pernah berlaku? Itu satu. Keduanya, Yang Berhormat Semporna mengatakan, orang Sabah tidak perlukan *handphone*, tetapi di kawasan saya, rata-rata rakyat di kawasan saya, mahu menggunakan *handphone*. Jadi cuba bagi pandangan.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat Libaran pun biasa datang di pejabat saya minta bantuan... [*Dewan riu*] Saya tahu, saya sedar kerana keadaan di kawasan itu berlumpur, walaupun di bawah kawasan Ketua Menteri Sabah. Kalau pergi Libaran, jalan raya tidak menentu. Saya akui setiap tahun belanjawan dilakukan tetapi bila sampai bulan empat atau bulan tiga, *cut*, potong 20 peratus. Sedap telinga mendengar. *I was in the Cabinet*, dengan izin. *I remember*.

■1210

Sudah sampai waktu dia, itu yang SPRM bising itu. Potong sana, potong sini, dengar sangat. *How many the project* daripada tahun ke tahun bila dibentangkan dapat dilaksanakan 100 peratus?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Ini yang saya sebutkan penjelasan. Kedua persoalan yang dibangkitkan tadi, apa nama itu...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Libaran.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: *Handphone*. Bukan saya kata tidak perlu *handphone*, perlu tetapi kita kena melihat keutamaan. Apa yang perlu diutamakan keperluan rakyat, kosong perut, peluang pekerjaan diperlukan. Ini yang kita hendakkan. Kalau sekiranya ada *jobs* ataupun projek yang *centric* untuk melahirkan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh?

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ...Masyarakat kita buat peluang-peluang pekerjaan, itu yang kita hendakkan. Jadi, saya lihat ini masalah...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh, sahabat daripada Semporna?

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Bukan saya tidak bagi ruang...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini geng keras.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ini hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini geng keras, Putatan.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh sambung, saya boleh bagi ruang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh?

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ... Cuma masanya singkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat ya.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Jadi ini yang saya hendak katakan Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh Yang Berhormat? Ini Yang Berhormat Putatan, geng keras ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya agak tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Semporna. Kita ini geng keras dari dahulu, jadi pernah juga menjadi Kabinet. Jadi soal GST itu dilaksanakan, diwujudkan semasa Yang Berhormat Semporna berada dalam Kabinet. Apakah pendapat Yang Berhormat apabila GST ini dikenal pasti di-*introduce* di negara kita? Jadi saya rasa dahulu Yang Berhormat menyokong, jadi sekarang saya hairanlah. Saya harap Yang Berhormat ini kalau macam berniat mahu menjadi- saya mengharapkanlah sabar sedikitlah Yang Berhormat ya.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Bukan kita dalam Kabinet, ini *collective decision*. Kita bantah- kalau kita bantah- kita ikut *collective decision*, tidak bererti kita sokong. Saya pun sudah sebut banyak kali. Saya memperingatkan kawan-kawan saya Yang Berhormat Pontian, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, jangan cerita barang tidak naik. Barang naik. *You remember that?* Baik, saya nasihatkan sebagai seorang Naib Presiden Parti UMNO pasal di peringkat akar umbi...

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Saya kata GST boleh menurunkan harga barang. Baru-baru ini ada jawapan KPDNKK dalam Dewan ini, 223 barang turun kerana GST...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Nantilah...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: KPDNKK jawab dalam Dewan ini.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mat, duduk Mat.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Itulah yang saya katakan. Cuma saya tekankan dalam Jemaah Menteri, kadang-kadang saya nasihatkan kurangkan belanja. Kurangkan belanja yang diperlukan, kita belanja selaraskan dengan hasil yang kita peroleh. *Don't spend when you don't have the money, that was my advice. You don't have to burden the people* dengan izin, *with all of taxes*, bebanan kepada rakyat. *But the country is rich but if you spend more than you can afford, that's what happen, deficit.* RM30 billion dalam belanjawan baru-baru ini, kita kena bayar itu hutang ini, RM30 billion. Bayangkan, bukan jumlah yang sedikit. Ini yang membimbangkan saya. Dalam keadaan ekonomi dunia, ekonomi rantau ini bukanlah sihat sangat. Belanjawan naik sampai RM17 billion. *You think it will able implement?* Ini yang membimbangkan saya tentang perkara ini yang saya sebutkan tentang berhubung kait dengan belanjawan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masanya agak singkat, saya hendak sebutkan terus kepada- selain daripada belanjawan ini, saya hendak tekankan beberapa yang telah pun dilakukan terdahulu daripada ini iaitu berhubung dengan penggubalan akta cukai pada tahun 2002, penyebab beberapa keistimewaan pendapatan Sabah telah diserahkan kepada Persekutuan. Pihak kerajaan menjelaskan bahawa kehilangan pendapatan hasil pelaksanaan pindaan ini akan diberi gantian untuk *cover* pendapatan yang hilang. Saya hendak minta penjelasan, berapa gantian kerana ini termaktub dalam 20 perkara perjanjian yang telah pun digubal daripada 2002. Ini yang kita hendak tahu, bukan hanya hasil contoh hendak bagi RM1 billion untuk telekomunikasi, kita hendak tahu *the details part of the revenue you supposed to be due* untuk negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh oleh sebab masanya singkat- sudah saya sebutkan dari segi peruntukan, dari segi belanjawan. Kalau kita lihat belanjawan ini tidaklah mengurus dari segi bagaimana yang diperlukan, sebahagiannya mengurus hutang negara. Ini yang saya hendak sebutkan.

Baru-baru ini, semalam saya pun berada di Kota Kinabalu dipanggil oleh SPRM berhubung kait dengan perkara-perkara tertentu, kononnya saya telah menandatangani satu surat berhubung kait dengan projek UMS yang tidak ada kena mengena dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Itu pun *I have to spent four hours under investigation, nothing to do*, dengan izin, *with my ministry*, dengan izin, *just because* ada kononnya tanda tangan saya, bukan ada kuasa saya. Hendak sokong susah, tidak sokong pun susah. Ini yang susah dalam keadaan politiknya. Akan tetapi yang membimbangkan saya apabila berlaku beberapa gambaran yang dilontarkan terhadap tuduhan khususnya saya bagi contoh projek Sungai Intan di Semporna. Itu merupakan projek yang *upgraded*, projek awal dibina pada tahun 1990-an, *and it was a run down* loji yang ada.

Selepas itu ada usaha untuk hendak *upgrade*, ini kerjasama di antara KKLW dengan kerajaan negeri. Tidak mungkin Kerajaan Pusat boleh melakukannya tanpa ada persetujuan kerajaan negeri. Tanah dia punya, sungai dia punya dan ada kelulusan dia untuk membolehkan kerana menampung keperluan bukan hanya penduduk Semporna

yang semakin meningkat, pembangunannya pesat berbanding dengan Beluran, juga peningkatan dari segi jumlah pelancong yang ada meningkat di daerah Semporna. *So how do you dissolve the problem?*

Cadangan pihak profesional yang ada, *consultant is that* supaya kita *upgrade* loji yang ada. Apabila loji itu diadakan, open tender. *Open tender almost RM45 – RM40 to RM50 billion presage run down* dan ada opsyen dia. *Phase one to build up* dia punya loji, *second phase widening the river, deepen the river and the absolute solution* tambah paip daripada *dam* ke sungai. Itu akan dapat mengatasi masalah. Loji ini masih lagi berfungsi, bukan tidak boleh berfungsi, bukan *one elephant*. Saya hendak tunjuk video dia.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Speaker...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Speaker, ada.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Yang Berhormat Semporna...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Nanti dahulu. Ada loji dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Saya sedar tidak cukup air, *environmental problem*. *Has Sabah done any analysis on environmental problem?* Tidak. Akan tetapi macam mana menyelesaikan? Datang seorang *thumb down, went to Sabah campaign, making judgement*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Saya tidak bagi ruang, saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak, tidak bagi jalan.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Dan bila ini dilakukan, keadaan ini membimbangkan kita. Tohmahan kononnya syarikat proksi Dato' Seri Shafie Apdal 20 peratus. Tender dibuka, yang dapat projek anak buah Musa Aman... *[Dewan riuh]* Syarikat dia.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Semporna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Libaran bangun, hendak bagi jalan?

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: *No, but this a thing* yang konsultan...

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Ini Yang Berhormat Semporna...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: *Let me..*

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Semporna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ... *The consultant* yang melakukan projek ini ialah Shahelmey Yahya.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Semporna.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ...Setiausaha Perhubungan Pemuda UMNO Negeri Sabah sekarang dan dia juga merupakan konsultan mengurus *Pan Borneo*. Kalaulah...

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Kalau projek ini gagal, kenapa konsultan ini juga...

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Ini bukan mahkamah Tuan Yang di-Pertua, ini Dewan Rakyat. Kita bincang bajet sekarang ini...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Semporna.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Saya- ini belanjawan...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Semporna.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Yang Berhormat Semporna, boleh saya...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tenom, Tenom.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ...Belanjawan, saya bahas tentang belanjawan kerana...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ...Ada tujuan ketirisan...

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: ... Ini dua kuasa, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Waktu itu, Dato' sebagai Menteri...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: *No, no.* Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Semporna...

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: ...Siapa salah, siapa tidak salah, pergi ke mahkamahlah...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Nanti saya bagi jalan. Saya bagi habis, saya bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak. Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Ini yang saya jelaskan, keadaan yang berlaku di antara projek waktu saya jadi Menteri. Laporan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini *signature* dia. *Report card* sebagai Menteri. *Let me read, 'Penilaian Prestasi Tahun 2012 dan Penetapan Petunjuk Prestasi*

Utama 2013. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah atas pencapaian petunjuk prestasi KPI Yang Berhormat Dato' Seri untuk tahun 2012. Saya berharap usaha giat ini dapat diteruskan ke arah mencapai matlamat Program Transformasi Kerajaan...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Semporna...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ... Bagi KPI 2013, saya bersetuju dengan senarai projek prestasi utama Yang Berhormat Dato' Seri'. The above assessment by PEMANDU is based on- not, is based on quantity and qualitative measure. Bukan hanya dari segi jumlahnya, nilai projek yang ada, prestasi dilakukan oleh Menteri 106 peratus and sign by him.

■1220

Contohnya, projek yang dilakukan 10 kilometer, kita mampu lakukan 15 kilometer. Contohnya, *target* untuk bina PPRT 10 unit, kita mencapai 16 unit, melepasi *target*-nya. That is why 106. Jadi ini yang saya hendak katakan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Boleh bagi peluang?

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Akan tetapi apa yang menyedihkan, bila masalah air ini ditimbulkan- loji air contohnya. "Oh, this is departmental case." But, the ministry punya kes, the minister was called.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Semporna, boleh celah sikit?

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Yang Berhormat Keningau tidak dipanggil Menteri yang bertanggungjawab Jabatan Air. Duit jumpa beratus juta di pejabat, I was accused. Almari pun ada duit- wallahi, wabillahi, watallahi. Dengan nama Allah Yang Maha Kuasa, sesuatu perkara...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Indah khabar dari rupa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan, Yang Berhormat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Boleh jelaskan apa projek air di sana?

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Ini yang sakit ini. I know, ini yang sakit.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Yang Berhormat Semporna.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ini bukan sakit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dah habis masa, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Kalau saya hendak sebut, banyak projek yang dapat pada kawan-kawan di KKLW. Cuma saya tidak hendak sebut. But, takkan lah sampai 60 syarikat yang saya tidak kenal pun my proxy? Jadi saya berharap- saya facilitated dari segi siasatan seumpama ini, tidak menjadi masalah. Cuma, saya harap sungguh supaya apa yang penting kepada kita agar perubahan kerajaan berlaku dalam pilihan raya yang keempat belas. Jadi oleh sebab masanya agak singkat,

terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua pun di kawasan dia pun dapat projek KKLW juga, cuma saya tidak mahu sebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Semua projek pembangunan di bawah KKLW ya. Tiada yang bangun? Yang Berhormat Setiu.

12.22 tgh.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]* Hai, belum bercakap dah bising dah.

Dulu lawan sekarang kawan,

Tabik tunduk dengan DAP,

Bukan belanjawan sebarang belanjawan,

Kerajaan BN tidak tabur janji hanya beri.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini apa ucapan ini?

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi, menariknya bajet kita pada hari ini, kalau kita lihat, ruang disediakan. Sebelum bajet dikeluarkan, ruang selama dua tiga bulan disediakan, diberi kepada rakyat semua peringkat rakyat marhaen dan sebagainya terutama anak muda melalui ruang media.

Jadi, hasil daripada maklum balas, hasil daripada *feedback* dia orang, itulah yang kita keluarkan satu bajet hari ini- seminggu dua minggu lepas- yang kita nampak ke arah pemberian kepada rakyat yang memerlukan. Sebab itulah timbul, maknanya, tuduhan-tuduhan yang bermacam-macam. Timbulnya tuduhan mengatakan ini bajet pilihan raya, ini bajet yang dikatakan bermacam-macam. Bajet itu, bajet ini. Akan tetapi yang baiknya, apa-apa hasil yang kita ada, kita bagi kepada rakyat. Rakyat yang memerlukan. Mereka pun- saya rasa sebelah sana pun memang sudah bersetuju sudah, maknanya bajet ini adalah satu bajet yang seolah-olah bajet pilihan raya nak beri pada rakyat dan sebagainya.

Jadi, inilah yang saya hendak katakan. Selepas kita bentang bajet itu hari, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bentangkan bajet, ramai orang menyangka bahawa dagangan di Bursa Saham ini akan menurun. Saya hendak bagi tahu bahawa dagangan saham menaik. Cerita naik lah pula ya, cerita naik. Ada orang tidak mahu benda naik tetapi kalau dagangan saham naik. Jadi ini kita tengok, kalau dagangan saham naik, bermakna ini adalah kepercayaan dari semua pihak. Sebab, kita lihat kita ada macam-peruntukan banyak kita bagi di beberapa sektor. Industri pembinaan, industri hijau, industri pembuatan, industri pengangkutan, *e-commerce* dan sebagainya. Ini semua yang boleh menyebabkan dagangan Bursa Saham itu menjadi rancak.

Kita lihat apa yang diberi di bawah industri pengangkutan dan juga logistik. RM3 bilion untuk dana pembangunan pengangkutan, RM1 bilion untuk dana pengangkutan

awam. Yang dana pembangunan pengangkutan ini yang macam hendak naik taraf *Airport Penang* dan sebagainya dan juga bina baru di Kelantan. Makna, walau apa keadaan sekali pun, kita bagi. Kita tidak bagi hanya tumpu kepada penyokong kita Barisan Nasional sahaja. Semua kita bagi. Inilah kebaikan- menyeluruh.

Jadi, saya ingin katakan bahawa bajet kita pada hari ini banyak memberi faedah kepada seluruh rakyat termasuk golongan B40 dan juga M40. Jadi, kita tak boleh tengok bajet Pakatan ini. Banyak yang kita lihat sejak beberapa tahun ini memang tidak pernah nampak peningkatanlah. Sama sahaja. Dia mendatar sahaja. Macam bajet tangkap muat sahaja. Apa yang cuba ditonjolkan hanyalah perspektif bahawa kerajaan kita hari ini korup. Setiap kali dia sebut, korup, korup dan sebagainya.

Jadi perbelanjaan kerajaan, sekiranya mereka memerintah, akan dibiayai melalui penghapusan rasuah. Akan tetapi, seolah-olahnya rasuah ini satu perdagangan. Hari ini hapus rasuah, dapat RM20 bilion. Bila hendak hapus, kalau negeri tempat mereka memerintah pun rasuah begitu banyak? Takkanlah kita kata hendak hapus dalam masa setahun? Hendak dapat RM20 bilion dalam masa setahun? Ini tidak masuk akal. Ini satu pendekatan yang saya rasa memang tidak masuk akal langsung.

Kita lihat baru ini ada juga tuduhan yang mengatakan bajet kita ini dicuri daripada Pakatan. Sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selesai membentangkan Bajet, sudah ada suara terpekik terlolong sebelah sana mengatakan, "*Oh, curi, bajet dicuri daripada Pakatan*". Saya kata kalau curi, kenapa mereka hendak kritik lagi? Maksudnya seolah-olah baiklah benda itu, sebab kita curi, yang dikatakan baik tapi sebenar tidak baik. Sebab itulah yang dikatakan bahawa sebenarnya bajet kita yang sebenarnya dicuri, bukan bajet dia orang kita yang mencuri. Ini pun satu fakta yang salah sebenarnya.

Saya ingin menyentuh sedikit dari segi pendidikan. Kalau dari segi pendidikan, diuar-uarkan selama ini seolah-olah hendak mengaburi mata rakyat, tidak ada- maksudnya pendidikan itu tidak ada secara percuma. Kita tidak sedar bahawa pendidikan percuma ini bermula daripada umur lima tahun lagi, daripada pra sekolah sehingga ke Tingkatan 6 Atas. Berapa lama, setiap tahun bajet disediakan RM50 bilion. Lebih kadang-kadang. Lebih 20 peratus. Bermakna, pendidikan percuma sudah sampai ke peringkat itu.

Akan tetapi yang dipersoalkan sepatutnya yang di peringkat pengajian tinggi. Bila di peringkat pengajian tinggi, hanya beberapa tahun sahaja. Dia bagi pinjaman, hendak hapus pinjam dan sebagainya. Hendak bagi pendidikan percuma tetapi mereka tidak sedar. Kalau kita hendak katakan kita hapus, di negara-negara luar yang mengamalkan pendidikan percuma, kita lihat macam mana cukai individu dikenakan. Di antara 38.5 peratus sehingga 57.1 peratus. Akan tetapi ini tidak berlaku di negara kita. Kalau kita hendak buat percuma juga di peringkat pengajian tinggi, bermakna kita kenakan cukai individu sehingga 38 peratus.

Jadi ini akan membebankan rakyat tetapi yang kita ada sekarang cukup baik. Maksudnya cukai kita cukup sederhana. Kita bagi pinjaman pun kita pinjam daripada bank,

bukan makna kita hendak senang-senang bagi pinjam itu daripada sumber-sumber yang sedia ada. Yang sedia ada cukup untuk perkara-perkara lain.

■1230

Kalau kita lihat pula yang banyak dipersoalkan fasal kenaikan harga barang, yang sibuk-sibuk sangat harga barang naik ini kata, satu diberi sebab utama ialah kerana GST. Saya pun tidak faham kenapa yang GST menjadi penyebab. Kalau hendak kira GST, GST ini hanya enam peratus. Kalau SST hendak pulang balik kepada SST, berapa peratus? 10 peratus. Sepatutnya mereka mengurangkan harga dan memasukkan GST, barulah harga akan jadi kurang. Dalam GST sendiri kita ada maknanya dipanggil ketelusan. Ketirisan tidak akan berlaku sebab kita hadkan kepada mereka yang *threshold*-nya RM500,000.

Jadi apa yang sepatut kita buat adalah bukan kita mengecam dasar itu. Kita sepatutnya kena lihat mekanisme, kita sama-sama membantu. Kita ada rakan kepada KPDNKK dan sebagainya. Kita kena lihat perkara ini berjalan atau tidak. Jadi saya hendak tanya pihak Menteri sama ada pengenalan kepada rakan KPDNKK dan sebagainya, adakah memberi kesan dalam usaha kita untuk menurunkan harga barang.

Saya hendak beritahu fasal kebocoran kalau kita bawa balik SST, kebocoran cukup banyak. Kalau dulu kita katalah sebab dia tidak daftar, tidak berdaftar kita tidak boleh hendak kawal. Katalah beli barang harga RM100, daripada peniaga ataupun daripada pemborong kepada pengilang dengan harga RM100. Cukai sepatutnya zaman dahulu adalah RM10. Bermakna kalaulah dia orang hendak tipu cukai, hendak bawa lari cukai senang sahaja caranya mudah. Dia isytiharkan hanya beli RM20, dia berpakat dengan sama ada pengilang atau pemborong dia berpakat. Hanya bayaran dikatakan hanya RM20. Bermakna RM2 dibayar kepada kerajaan, RM8 dibawa balik ke rumah. Ini barangkali yang ada pihak-pihak yang menentang sangat GST ini, hendak bawa balik SST ini kerana mungkin sebelum ini mereka ini membiayai pihak-pihak tertentu.

Sekarang sudah tidak dapat, maka salahkan kerajaan walaupun perkara itu baik. Inilah yang saya hendak beritahu bahawa bahayanya kalau SST ini diadakan balik. Kita tidak dapat hendak memastikan sama ada kalau ada balik SST, harga akan turun. Oleh sebab sekarang pun barang-barang yang *zero rated*, yang tidak kena cukai beratus-ratus lebih daripada 600 barang. Barang-barang asas tidak kena cukai tetapi kenapa barang naik. Barang apa yang naik? Yang muda sahaja naik, yang tua tidak naik *kot*. Inilah yang susahnyanya. Jadi tidak faham dengan cukai yang telus dengan cukai yang tidak telus.

Sebelum saya teruskan dengan GST sikit, saya hendak beritahu saya hendak cerita fasal GST ini- okey. Kebaikan kita kena kata GST ini. Kalau kita kata sifar okey GST ini kata, kadar sifar SST diperkenal semula katakan. Jadi kita lihat Pakatan Harapan ini mengenakan GST enam peratus tetapi berkadar sifar. Sekarang pun kita sudah ada kadar sifar dalam GST tetapi barang-barang yang tertentu yang saya sebut tadi.

Jadi mereka akan memperkenalkan semula SST, 10 peratus atau 10 peratus *plus* enam peratus. Jadi Pakatan Harapan menyasarkan kutipan SST sebanyak RM16.5 bilion

berbanding GST sekarang RM42 bilion. Jadi penghapusan GST kelak tidak mungkin mengurangkan harga semasa barangan, saya tidak nampak. Ini kerana ditambah dengan pengenalan semula harga barangan dijangka melambung naik kerana harga semasa akan ditambah pula beban baru menemui cukai SST. Jadi ini sangat jelas.

Jadi sebab itulah yang saya lagi tidak faham ini fasal dikatakan pakatan ini- ia mengatakan mereka akan hapuskan GST ini kalau mereka berkuasa. Jadi kehilangan pendapatan daripada GST, katanya mereka *offset* dengan RM20 bilion di atas pembaziran. Apa yang saya beritahu tadi, tidak tahu daripada mana hendak dapat. Jadi mungkinlah kalau hendak dapat pun mungkinlah daripada *collection*, macam *collection* hendak bayar denda RM300, dia kutip 1.6. Daripada sini barangkali punca-punca yang hendak diambil barangkali. Boleh buat lagi lepas ini, boleh buat lagi *evoke* dan sebagainya.

Satu lagi pemansuhan tol. Saya hendak lihat daripada pemansuhan tol. Jadi saya tengok bajet Pakatan ini berkenaan dengan pemansuhan tol...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Setiu ikut *evoke* kah? Bagus Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Pemansuhan tol ini dia main hentam sahaja. Dia hanya satu ayat dalam satu *paragraph* dalam muka surat 40, dalam keseluruhan bajet itu. Disebut- jadi dia kata tiada perkiraan, tiada nombor dan tidak dinyatakan bagaimana mereka hendak dapat *fund* itu. Akan tetapi hanya nyatakan *PLUS Highway*. Jadi kosnya sebanyak RM36 bilion untuk *bailout*. Akan tetapi tidak nyatakan berapa banyak secara keseluruhan kos untuk hapuskan tol, yang saya kata tadilah. Mana dapat duit? Tidak tahu daripada mana. Jadi adalah lebih baik kalau jumlah itu dibayar jumlah kepada golongan yang memerlukan iaitu golongan B40.

Ini tidak masuk lagi yang lain LITRAK dengan lain-lain tol. Mungkin ada lagi RM3.1 bilion hendak tambah. Banyak lagi sebenarnya kalau semua tol dihapuskan. Kita sudah hapus sudah sikit-sikit, okeylah atas permintaan. Adalah sedikit sebanyak dihapuskan. Jadi nampaknya masa mencemburui saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nampaknya tinggal 30 saat Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ha, 30 saat ini rasa tidak ada apa lagilah. Jadi saya ikut arahan dan ikut undang-undang peraturan Dewan. Ramai yang tidak ikut peraturan Dewan ini yang susah. Yang banyak tidak ikut peraturan Dewan, yang dapat sokongan, macam-macam. Kalau saya yang timbulkan peraturan Dewan kadang-kadang dari segi peraturan dan sebagainya. Apabila saya timbulkan, di-*viral*-kan mengatakan saya ini ada juga saya disekolahkan oleh si polan, si polan. Padahal saya bercerita benda yang betul. Kalau bercerita fasal rang undang-undang...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Sudah mula tidak ikut peraturan itu, sudah mula.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: ...Maknanya 36(1) terpakai. Akan tetapi apabila sudah dapat pada orang luar sana, penjilat-penjilat mereka ini, mereka kata, "*Oh, makna saya disekolahkan oleh si polan, si polan*". Tidak betul. Maknanya mereka tidak faham dengan peraturan Dewan tetapi mereka bercakap seolah-olah mereka tahu segala-galanya. Sebenarnya yang kompelin saya itulah yang sebenarnya yang tidak faham peraturan. Terima kasih. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

12.38 tgh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Saya bangun untuk bahas beberapa perkara. Satu di antaranya adalah keperluan untuk mengadakan satu *Common Bar Course* di negara ini. Walaupun ini satu cadangan yang telah dibuat lebih dari 10 tahun tetapi saya difahamkan baru-baru ini ada beberapa mesyuarat yang telah dijalankan di antara kerajaan dengan universiti-universiti dan juga dengan *Bar Council*. Satu di antara permohonan yang betul adalah bahawa kita perlukan *standardized* supaya semua peguam yang diiktiraf adalah satu kelayakan yang sama, *standardized examination* untuk semua peguam-peguam di negara ini.

Apa yang kita ada sekarang adalah di mana untuk menjalankan *LLB degree* ia mengambil masa empat tahun di universiti-universiti tempatan. Kita perlu fikir pada universal sistem yang kita ada, ramai di negara ini, di dunia ini di mana perlu membuat satu *degree* yang pertama sebelum menjalankan pelajaran di jurusan undang-undang. Saya pohon ia diambil kira dan jangan hamba atau takut kepada universiti-universiti tempatan yang mengatakan bahawa mereka tidak setuju kerana sedia ada sistem empat tahun yang baik.

Saya rasa kalau kita tengok kualiti peguam-peguam yang dikeluarkan di negara ini nampaknya ramai di antara mereka tidak dapat kerja atau tidak dapat untuk membuat *chambering* atau di-*absorb*-kan dalam kerajaan. Ini adalah kerana kegagalan sistem yang kita ada yang tidak- bukan *merit base* tetapi adalah kepada pihak-pihak yang tertentu. Maka masa telah datang, jangan kita mengeluarkan atau mereka *pass* dalam *exam* tetapi tidak dapat kerja. Kita mesti mengakui bahawa mustahil untuk peguam-peguam negara ini, keluaran di universiti-universiti tempatan untuk mendapat kerja di luar negara.

■1250

Apakah perkara-perkara ini telah diambil kira dan bilakah satu keputusan yang tepat, yang betul yang boleh dibuat oleh kementerian supaya semua peguam-peguam yang dihasilkan dari luar negara ini adalah kelayakannya, *standardize* yang baik dan adalah mutu yang boleh diterima pakai di mahkamah dan untuk rakyat sekalian. Juga *proficiency* dalam bahasa Inggeris walaupun 90 lebih peratus buku-buku undang-undang

adalah dalam bahasa Inggeris tetapi mereka tidak fasih dalam bahasa tersebut maka mereka ada banyak kecacatan. Ramai di antara mereka menghadapi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru-baru ini *CLP results* yang telah diumumkan pada 30 hari bulan Oktober, sebenarnya pada 16 hari bulan Oktober, satu *glitch* telah berlaku di mana murid-murid yang menduduki *exam CLP* mendapat tiga macam arahan daripada *CLP Board*. Satu, dia kata, dengan izin, “*Some candidates received notification that they have passed and need to await for the invitation from LPQB for convocation*”, itu nombor satu.

Nombor dua, “*Some candidates will able to view the subject they need to re-sit.*”

And nombor tiga, “*Some candidates received notification that their registration is yet to be opened*”. Tiba-tiba hari kemudian pada 17 hari bulan mereka kata ini adalah satu *leak* dan jangan percaya kepada itu dan ada yang telah pergi *viral* dan LPQB *posted* pada 17 hari bulan mengatakan bahawa sistem ini *is down* dan pada 24 hari bulan sahaja ini akan dikemas kini.

Akan tetapi bila *results* yang *full* dikeluarkan semua A, B, C itu betul. Jadi macam mana ini boleh jadi *because the anxiety* kepada murid-murid yang menduduki peperiksaan, *anxiety* kepada ibu bapa mereka, kepada profesor dan *lecturers* tersebut. Saya percaya ini *leak* ini dapat dielak menunjukkan tidak ada sistem yang betul digunakan atau ada orang dalaman yang menyebabkan perkara ini. Saya harap tindakan diambil supaya mengatasi masalah-masalah macam ini.

Macam di UK, Tuan Yang di-Pertua semasa saya belajar undang-undang. *For the last many-many decades, the first Friday on July result of the Bar Council will be announced*. Tidak ada beza tetapi Malaysia 1 hari bulan Ogos, 1 September, 1 Julai atau satu kali di bulan November atau satu kali di bulan Oktober, apa ini? Tidak masuk akallah. *There must be standardized date* supaya semua orang dapat tahu. Semua penuntut-penuntut yang menduduki *exam* dia dapat tahu. Kalau di negara-negara lain yang sedia ada telah menggunakan sistem tersebut yang baik kenapa kita menghalang untuk menggunakan sistem tersebut?

Saya ingin mengalih kepada permintaan *Indian National Investigation Agency* (NIA) iaitu mengenai Zakir Naik di mana saya difahamkan *red flag* telah di-*issue*-kan hingga Interpol sudah mencari dia. Saya difahamkan dia ada wang hanya dengan ilmu dan *property*, hanya dengan *property* lebih daripada RM68 juta. Jangan cakap mengenai *cash*. Ini semua adalah asas yang dia peroleh secara *money laundering* dan Kerajaan Negara India telah pun memfailkan beberapa kes di negara itu dan saya difahamkan bahawa mereka juga ingin memohon pertolongan dari negara kita supaya di mana saya pun tidak faham kenapa dia diberi *permanent resident* negara ini.

Saya sudah tanya soalan itu pada sesi yang dahulu. Saya difahamkan satu permohonan telah dibuat supaya dia diberi warganegara dan apakah keutamaan? Kenapa dia diberi macam-macam *protection* dari macam-macam agensi?

Tuan Yang di-Pertua, semestinya ramai di antara kita dapat tahu baru-baru ini satu *viral* video di mana dia dapat VVIP punya *treatment*. Dia dapat *outriders*. Dia pergi ke mana-mana pun di negara ini dia dapat *outriders treatment* manakala Tun Mahathir *outriders* pun sudah ditarik balik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Statesman*, Perdana Menteri untuk 22 tahun di negara ini dia tidak layak tetapi seorang yang sedang dicari di negara India di mana Interpol sedang mencari supaya tindakan diambil terhadap dia tetapi Malaysia menyimpan dia dan memberi macam-macam *privileges*. *Outridges is outrageous! If I can say that...*
[Tepuk]

Ini adalah satu perkara yang saya tidak boleh terima, Tuan Yang di-Pertua. *We are the laughing stock in the world nation.*

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Lualan sedikit, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tidak, tidak cukup masa saya minta maaf. Tidak cukup masa.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Dr. Zakir Naik.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita semua tahu kalau kita baca dalam Internet atau daripada apa yang difailkan di negara India di mana dia telah menyebabkan *hate speech*, dan telah menyebabkan beberapa ratus orang mati di Dhaka.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tentang Zakir Naik, lualan Yang Berhormat Ipoh Barat sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Nerus bangun Yang Berhormat, hendak bagi?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Zakir Naik.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *What is it? No, no sorry.* Saya tidak cukup masa. *I can debate with you privately.*

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Akan tetapi tuduhan kepada Zakir Naik mesti dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya tidak cukup masa kalau Tuan Yang di-Pertua boleh benarkan masa 5 minit lagi saya boleh tetapi yang mustahak adalah ini...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Zakir Naik adalah seorang pendakwah. Ini tuduhan. Orang Malaysia berhak berikan perlindungan kepada pendakwah Islam. Sedikitlah Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Akan tetapi yang mustahak adalah ini kerana *red flag*, kerana ada tindakan dari negara India adakah soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kerajaan akan bekerjasama dengan negara India untuk menghantar balik seorang macam ini kepada negara India kerana esok hari dari negara Malaysia kalau ada orang yang sama lari ke negara India apa akan jadi? *If you don't observe international covenants, international agreements, what type of country is this?*

Ini adalah satu perkara yang perlu diambil kira. *We must be consistent*. Kita tidak boleh *be inconsistent*. Oleh sebab Zakir Naik, oleh sebab UMNO dan parti-parti lain perlukan sokongannya maka satu undang-undang untuk dia dan satu undang-undang untuk orang lain. Ini adalah satu perkara pemikiran yang cacat. Bila sami-sami India datang dari India ada beberapa sekatan yang- tidak perlu langsung sekatan-sekatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya alih kepada *postal votes*. Di Segamat baru-baru ini saya percaya kita tahu bahawa Yang Berhormat Segamat hanya menang dengan 1,079 undi tetapi di tempat beliau 1,217 undi pos telah didaftarkan. Itu tidak apa tetapi *military camp* itu belum lagi wujud, belum siap. Tuan Yang di-Pertua, rumah belum siap tetapi orang telah didaftarkan sebagai pengundi, mana boleh Tuan Yang di-Pertua. Ini Malaysia bolehlah. Kalau ini bukan penipuan lagi apa?

Begitu juga di *Majidee Camp* di Johor Bahru di mana kem itu telah ditutup masih ada 218 undi dan saya difahamkan di Bera baru-baru ini, 1,234 undi telah disuntikkan di tempat di sana *postal vote*, undi pos walhal dia menang hanya dekat 2,000. Semua ini untuk macam mana pun cari jalan tipu pun tidak apalah, menang cukuplah. Tidak apalah. *Don't- common sense* kalau hendak lawan *1 man 1 vote*. Macam kawasan saya ada 85,000. Berapa kawasan UMNO ada 85,000?

Ini adalah satu di antara kecacatan *1 man 1 vote*. *You don't believe it*. Lagi satu di Bagan Datoh sendiri Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Hutan Melintang disuntikkan 1,411 undi. Semua ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua adalah yang kita telah pemindahan-pemindahan ini adalah bermotif politik dan tujuan untuk mempengaruhi keputusan pilihan raya secara tidak sah. SPR patut mengambil di mana lokaliti ini dan mengambil tindakan. SPR adalah satu badan amanah patut bertanggungjawab. Kem-kem *Defence Ministry* ini patut dikeluarkan, SPR patut mengambil tindakan dan saya harap pihak polis dan Peguam Negara akan bangun daripada tidur dan ambil tindakan susulan.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Sekijang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sedikit sahaja, Yang Berhormat Ipoh Barat. Sedikit sahaja Yang Berhormat Ipoh Barat. Fasal penambahan kem ini, saya hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Barat ini pandangan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak kita akan menjadi satu masalah *failed state* di mana kita percaya bahawa penipuan sebesar-besar ini. Ini adalah apa yang kita ketahui dari segi *backbenchers* di sini dari pembangkang tetapi kalau kerajaan mencari satu jalan macam ini untuk menang dalam pilihan raya yang akan datang ini adalah satu penipuan yang terbesar sejak 60 tahun.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Bagilah hendak tanya ini? Kalau betul tipu bagilah jalan sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya tidak cukup masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan, Yang Berhormat Sekijang.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan saya takut, *anytime any debate* boleh bro! Mana-mana *debate* pun boleh saya tidak cukup masa.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Kita hendak bagi fakta. Kita hendak bagi fakta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Teruskan, teruskan. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tidak berani pula.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang benar kita kata benar, yang tipu kita kata tipu tetapi kita cakap yang betul-betul yang benar... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah Tuan Yang di-Pertua mengenai *Civil Law Act* setakat seksyen A di mana *retirement age* untuk pampasan dan sebagainya, saya sudah bangkitkan dalam Dewan ini lebih 20 tahun kerana walaupun *retirement age* sekarang kepada 60 tahun tetapi kepada pampasan atau yang *claim* yang dibuat hanya hadkan kepada 55 tahun. Seksyen 8 adalah satu seksyen yang tidak- *not considerable*.

■1250

Saya harap tindakan diambil untuk *amend* perkara tersebut, pemindaan dibuat supaya orang-orang yang membuat *claim*- pampasan boleh mendapat pampasan yang betul. Semalam Tuan Yang di-Pertua, satu keputusan yang sangat menghairankan telah dibuat di Mahkamah Persekutuan, di mana *for damages* hanya untuk *damages, exemplary damages* tidak dibenarkan. Saya rasa ini adalah sesuatu yang tidak boleh diterima langsung. Saya harap kerajaan dapat meneliti perkara itu, membawa undang-undang untuk mengatasi masalah tersebut. Kalau tidak ini menunjukkan kita akan *condone* kepada kematian di lokap-lokap di negara ini dan mengehendkan wang. Kalau *you* mati kerajaan

perlu bayar tiga ratus, empat ratus ribu sahaja. Walhal kita perlu tunjuk kepada pihak-pihak yang menyebabkan kematian bahawa bukan saja dia ada kes-kes diambil tindakan tetapi pampasan yang lumayan dibayar oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali adalah mengenai KPI. Baru-baru ini saya difahamkan saya sendiri menghadapi masalah ini di Mahkamah Sivil. Di mana KPI diberi keutamaan, dia perlu habiskan kes dalam tempoh kali pertama kes itu dijadualkan untuk bicara. Pengarah-pengarah di seluruh negara di Mahkamah Sesyen, Majistret dan Mahkamah Tinggi diarahkan apabila difailkan patut dihabiskan beberapa segera. *Justice hurried is justice denied*. Ini perlu difikirkan, perlu memberi kelonggaran. Dulu ada sembilan bulan, kenapa ia sekarang sangat di *hurried* kan. *What is the hurry, and why you want to have statistic?* Kita adalah negara statistik. Kalau pergi untuk mendapat penghakiman, untuk mendapat hakim dalam mahkamah, statistik. Berapa kes yang telah diselesaikan? Oh! Sebanyak 80 kes, 79 kes ditarik balik. Itu juga statistik, satu statistik yang baik untuk hakim tapi ini bukan realiti.

Kalau di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan kes-kes tertunggak untuk keputusan lebih dari dua satu tahun, dua tahun apa tindakan yang diambil? Kenapa tidak ada KPI untuk Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan? Kenapa hanya untuk Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret?

Saya harap Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkara-perkara ini satu *framework* yang baru diambil supaya arahan diberi kepada Ketua Hakim Negara, kepada Ketua Pendaftar Negara bahawa kita tidak perlu dengan *speed up*, kita perlu *speed up*. Kita perlu jangan tangguhkan kes tapi jangan terlampau banyak sehingga macam di Ipoh baru-baru ini tidak ada jurubahasa dan jurubahasa diarahkan untuk membuat beberapa kerja yang luar biasa dari yang mereka selalu dibuat. Mereka membuat *statistician*, mereka ada macam-macam yang diharapkan.

Saya harap ini adalah satu keutamaan diberi untuk menyelesaikan perkara ini. Tren servis dalam negara ini, kalau kata kita sampai di Kuala Lumpur 7.30 mustahil dia akan sampai 7.45. Kalau di Ipoh dia kata sampai 8, dia akan sampai 8.15, selalu Tuan Yang di-Pertua. Saya pun kerap kali saya lambat kerana saya gunakan tren, kerap kali lambat! *We have the latest and best system* tetapi yang cukup-cukup tidak boleh pakai.

Saya 35 tahun dulu baca undang-undang di UK Tuan Yang di-Pertua, *there's was never, very rare where trains were late*. Di sini *the norm is train are late, late and late*. *Better for the ministry to take an action before it is too late*. Terima kasih, *nandri vanakkam*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baram.

12.53 tgh.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 sudah pasti mengundang banyak reaksi daripada kita semua kerana kita ini berbilang kaum dan sudah pasti keperluan dan kehendak kita sudah pun memang berbeza-beza di antara satu sama lain dan Bajet 2018 bagi kita di Baram adalah satu bajet yang cukup baik dan perlu disokong kerana dia mengambil kira keperluan dan kehendak semua lapisan masyarakat.

Tidak lupa juga untuk dikatakan di sini bahawa Bajet 2018 seperti juga bajet-bajet yang sebelum ini mengambil berat berkenaan dengan keperluan di luar bandar. Kita sudah pasti banyak peruntukan telah diagihkan kepada kawasan luar bandar dan kita harap supaya semua program ini, semua aktiviti yang telah dirancang dalam Bajet 2018 ini dilaksanakan mengikut SOP yang ditetapkan supaya sasaran lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar ini dapat dinikmati oleh kumpulan-kumpulan sasaran ini.

Saya rasa bagi kita di kawasan Baram kita tidak mahulah supaya BR1M ini yang kita buat, yang dibuat bayaran tiga kali dalam satu tahun ini, kita saya rasa kita di kawasan luar bandar di mana *accessibility*, dengan izin, adalah kurang memuaskan. Saya cadangkan supaya BR1M ini walaupun dibayar melalui bank diberi dalam masa sekali saja supaya peruntukan bantuan BR1M ini bukan saja dapat untuk menampung kos pengangkutan kalau dia dibahagikan dengan di dalam tiga fasa, ini merugikan kawasan ataupun penduduk-penduduk, penerima-penerima BR1M di kawasan luar bandar.

Saya mohon supaya agensi yang bertanggungjawab untuk mengkaji dan mencari satu cara yang paling efektif supaya bantuan ini dapat dipergunakan oleh penerima-penerima ini dan bukan untuk membayar tambang ataupun selainnya itu. Di samping itu, kita di kawasan pedalaman di mana bantuan pengangkutan daripada Kementerian KPDNKK dilaksanakan, kita mengalu-alukan supaya cara ini juga, cara untuk kita menyampaikan bantuan ini kepada kawasan luar bandar ini dikajikan semula.

Kita sudah sebut beberapa kali dalam Dewan ini untuk satu cara ataupun SOP yang lebih efektif dilaksanakan ataupun diambil oleh pihak yang berkenaan supaya apabila bahan-bahan bantuan ini sampai dekat kawasan luar bandar, kita tidak mahu dengar daripada *Point of Sale* (POS) ini yang menyatakan bahawa semua bahan-bahan keperluan ini telah pun habis oleh kerana dia tidak diagihkan dengan cara yang sistematik ini. Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan di sini supaya sistem penyampaian untuk program-program yang melibatkan kawasan-kawasan luar bandar di mana bantuan-bantuan ini disalurkan. Kita sangat-sangat mengharap dan saya percaya memang ada cara yang lebih efektif untuk kita laksanakan program dan aktiviti ini supaya dinikmati oleh semua lapisan masyarakat lebih-lebih lagi mereka yang di kawasan luar bandar yang kebetulan juga adalah golongan yang kurang mampu ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada kawasan, saya percaya saya sudah sebut satu, dua kali dalam Dewan ini bahawa kawasan luar bandar khususnya di kawasan Baram ini adalah satu kawasan yang amat memerlukan intervensi daripada pihak kerajaan dan saya rasa Kerajaan Barisan Nasional inilah yang dapat membantu masyarakat di kawasan luar bandar... *[Dewan tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, yang lain itu sambung petang Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

■1430

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dijemput Yang Berhormat Baram untuk menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya kata, kita masuk ke kawasan, kita perlukan *intervention* daripada kementerian-kementerian supaya kemudahan-kemudahan asas perlu dilaksanakan di tempat kawasan Baram ini. Kita tahu bahawa baru-baru ini Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan satu agensi yang dinamakan sebagai *Highland Development Agency* di bawah naungan RECODA.

Jadi dalam perancangan yang telah dipastikan untuk kawasan HDA ini yang termasuk juga kawasan Baram adalah untuk pembinaan jalan sebab jalan kita tahu memang di mana-mana tempat kita perlukan jalan. Jadi di kawasan Baram, mengikut perancangan yang dibuat oleh HDA adalah dicadangkan supaya jalan dari simpang Lapok ke kawasan Long Banga yang seterusnya akan bersambung ke kawasan Bario. Itu satu jalan yang amat diperlukan pada masa ini.

Kedua ialah jalan dari pekan Long Lama ke Daerah Kecil Long Bedian dan terus menuju ke kawasan Long Seridan dan dari Long Seridan akan terus pergi ke Long Lopeng dan di kawasan Parlimen Lawas. Ini adalah antara jalan raya-jalan raya yang dicadangkan dan perlu diberi keutamaan oleh pihak kementerian supaya jalan-jalan ini dapat membukakan kawasan Baram dan juga kawasan Lawas dan juga kawasan-kawasan sekeliling untuk menaikkan taraf kehidupan rakyat di kawasan luar bandar.

Kedua, berkenaan dengan jalan raya ini adalah saya hendak bertanya dengan kementerian yang berkenaan, berkenaan dengan satu usaha Kerajaan Barisan Nasional sejak tahun 2014 dahulu yang menjanjikan supaya jalan-jalan balak ini dinaikkan taraf. Saya ingin *put on record* di sini bahawa separuh daripada peruntukan ataupun jalan-jalan yang dimaksudkan ini telah pun dilaksanakan. Namun menaik tarafkan jalan-jalan, bekas jalan balak seperti di Kampung Tanjung Tepalit, seperti juga di Kampung Long Sela'an, Long Semiang, Long Tungan, dan kawasan-kawasan yang sekitar itu belum lagi nampak apa-apa perkembangan berkenaan dengan status menaikkan taraf jalan balak ini walaupun sudah dijanjikan oleh kita pada suatu masa dahulu.

Saya juga ingin bertanya dengan kementerian, setelah jalan-jalan menaikkan taraf ini dibaik pulih, siapakah agensi yang akan *maintain*, yang akan menyelenggarakan jalan-jalan ini? Ini disebabkan pada masa ini, terdapat jalan di kawasan Long Peluan, Long Banga yang sudah pun dinaikkan taraf dulu tetapi setelah dua atau tiga tahun, maka jalan ini pun sudah rosak dan dia kembali kepada keadaan yang sebelum ini. Saya minta supaya kementerian dapat membaik pulih semula jalan-jalan ini dan memang ada satu agensi yang tetap yang akan menyelenggarakan jalan-jalan ini sepanjang masa.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Baram ialah kita ucapkan banyak terima kasih lah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sebab telah meluluskan peruntukan yang besar untuk menyelenggarakan dan membaik pulihkan sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak. Saya difahamkan bahawa peruntukan RM2 bilion ini adalah *above the normal annual allocation for the two states*, untuk Kementerian Pendidikan.

Saya mohon supaya sekolah-sekolah di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan Baram, *I just can say one or two* tetapi yang paling teruk saya tengok itu ialah SK Long Lapok dan SK Ubong Imang. Memang ada lagi yang lain tetapi saya minta supaya ini diperbaiki dengan segera dan seboleh-bolehnya, peruntukan RM1 bilion untuk Sabah dan Sarawak masing-masing ini diserahkan kepada agensi-agensi di peringkat negeri untuk dilaksanakan. Ini disebabkan saya percaya bahawa agensi-agensi di peringkat negeri lebih termaklum berkenaan dengan situasi dan keadaan tempatan dan ini sudah pasti dapat mempercepatkan dan memperlicin lagi pelaksanaan projek-projek sekolah ini di peringkat negeri.

Ketiga ialah berkenaan dengan bekalan elektrik. Saya percaya pagi tadi pun kita dengar berkenaan dengan peruntukan yang besar telah pun digunakan untuk Sarawak dan saya amat berterima kasih. Kita di kawasan Baram amat berterima kasih kerana sejumlah RM600 juta lebih lagi diperuntukkan untuk pembangunan elektrik di kawasan-kawasan luar bandar. Saya mohon supaya di kawasan Ulu Baram yang termasuk Kampung Lio Mato, termasuk juga Kampung Long Tungan, Long Sela'an, Tanjung Tepalit, Long Selatong, Long Apu dan kawasan-kawasan yang berdekatan itu dibekalkan dengan

kemudahan elektrik ini sama ada dia dalam bentuk alternatif ataupun dari grid yang sebenar akhirnya.

■1440

Di samping itu, di kawasan hilir Baram, kita juga amat memerlukan bekalan elektrik ini, baik sama ada dia bekalan alternatif ataupun melalui grid seperti kawasan Uma Lingkung, Uma Muna yang saya rasa mereka inilah antara yang amat memerlukan kemudahan-kemudahan elektrik ini sebab kita sudah dapat di kawasan lain tetapi yang lain ini tidak dapat. Ini saya tidak begitu sejajar dengan slogan kita 1Malaysia ini.

Seterusnya ialah berkenaan dengan telekomunikasi kita di kawasan pedalaman amat memerlukan kemudahan ini. Saya minta jabatan atau kementerian yang berkenaan supaya dapat membekalkan kemudahan telekomunikasi ini ke kawasan-kawasan luar bandar seperti Baram, Long Luyang, Long Segar, Long Spigen dan seperti juga dengan Long Apu dan kawasan-kawasan yang lain. Dengan harapan yang begitu tinggi, saya menyokong Bajet 2018 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ampang.

2.42 ptg.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk mengambil bahagian dalam bahas Bajet 2018.

Tuan Yang di-Pertua, pada Jumaat 27 Oktober, Yang Amat Berhormat Pekan selaku Perdana Menteri Malaysia telah membentangkan satu bajet, bajet yang dipanggil ibu kepada segala bajet ya. Ibu kepada segala bajet. Jadi saya fikir dalam penelitian saya, dalam buku yang telah diedarkan ini adalah sewenang-wenangnya kalau boleh saya sebut adalah bajet gula-gula. Tabur duit sana sini, juta sana sini tetapi malangnya kita lihat pada bajet tahun 2017 sendiri, banyak yang dijanjikan tidak terlaksana dan tidak tercapai.

Di antaranya apa Tuan Yang di-Pertua? Perumahan Rakyat 1Malaysia yang dijanjikan pada manifesto Bajet 2017 untuk membina rumah PR1MA sebanyak '500' unit. Akan tetapi kalau kita lihat rekod, ia adalah setakat Jun 2017, hanya mampu membina sebanyak 8,475 unit. Satu lagi apa janjinya, untuk mengurangkan harga kereta. Mengurangkan harga kereta kononnya akan berkurangan berperingkat 20 peratus, 30 peratus. Akan tetapi kita lihat janji hanya janji. Apa yang terjadi, Proton telah dijual kepada Geely Holding, syarikat China.

Ini di antara perkara-perkara yang kita lihat bahawa Barisan Nasional memang tidak mampu untuk menunaikan janji. Sekadar untuk membentangkan bajet untuk menyedapkan telinga rakyat, tetapi bukan berniat dengan sesungguhnya untuk menunaikannya. Apatah lagi dengan bahasa-bahasa yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, bahasa perli-memerli, gurau-senda. Ini bukan platform untuk bergurau

senda, untuk membentangkan bajet yang satu perkara yang serius untuk rakyat Malaysia. Jadi ini adalah satu saya lihat memang tidak sewajarnya Yang Amat Berhormat Pekan mengambil pembentangan bajet ini sebagai satu yang gurau-senda, untuk dimain-mainkan di dalam Dewan ini.

Imej Perdana Menteri sudahlah ketika ini sangat rosak di luar negara dan juga di dalam negara. Jadi untuk membentangkan satu bajet yang sebegini, lagilah merosakkan imej Yang Amat Berhormat Pekan kepada rakyat Malaysia sendiri. Tidak guna membentangkan, menceritakan dongengan ekonomi Malaysia kononnya semakin baik sedangkan rasuah dan ketirisan wang berleluasa. Tidak guna hendak kata ekonomi baik, tetapi masih ada rakyat yang terbeban dengan cukai GST. Tidak guna hendak mengatakan bahawa keadaan ekonominya baik, tetapi masih ada anak-anak yang tidak ke sekolah. Tidak guna hendak katakan ekonomi yang baik, tetapi masih ada orang yang bergaji RM500. Tidak guna hendak kata ekonomi baik, tetapi masih ramai lagi masyarakat India, Cina dan juga Melayu yang miskin Tuan Yang di-Pertua.

Apatah lagi baru-baru ini kita lihat trend keadaan amat menyedihkan apabila kita juga melahirkan anak-anak yang berani untuk membuat perbuatan jenayah seawal-awal umur yang kecil. Jadi ini menunjukkan bahawa walaupun cuba hendak didongengkan, diuar-uarkan ekonomi yang baik tetapi keadaan kesejahteraan rakyat memang tidak terbela oleh kerana pentadbiran yang tidak efektif dan tidak cekap. Apakah indeks kebahagiaan dalam negara ini? Apakah indeks keharmonian keluarga dalam negara ini? Apakah indeks kesejahteraan bangsa dalam negara ini? Sekalipun keadaan ekonomi kita dikatakan baik, tetapi perkara-perkara ini adalah juga menjadikan pengukuran sama ada sebuah negara itu sebuah negara yang aman, selesa dan nyaman untuk didiami oleh rakyatnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang bekalan ubatan dan barangan *consumable* serta sokongan perubatan RM4.1 bilion. Terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan pada isu kesihatan. Meskipun Yang Amat Berhormat Pekan dalam ucapannya mengumumkan bahawa sebanyak RM4.1 bilion diperuntukkan untuk bekalan ubat serta sokongan perubatan, namun dalam buku anggaran perbelanjaan ini, dana peruntukan kepada farmasi dan bekalan mengalami pengurangan sebanyak RM29.01 juta berbanding tahun lalu.

Kita bukan bicara soal penghapusan GST terhadap ubat-ubat ini yang tidak mampu dilakukan oleh kerajaan, namun kita berbicara soal ubat untuk rakyat. Tidak cukup dengan cukai yang mencekik, ditambah pula dengan peruntukan ubat yang dipotong, maka tahun 2017 Klinik 1Malaysia yang dikenali dengan 'Klinik Panadol'. Tuan Yang di-Pertua, sakit kepala Panadol, sakit kaki Panadol, sakit dada Panadol. Inilah standard yang ada dalam negara kita ini bila Barisan Nasional melancarkan Klinik 1Malaysia.

Berbanding dengan Selangor yang memperkenalkan kad Peduli Sihat yang bernilai RM500 kepada semua pendapatan rumah tangga sebanyak RM3,000 ke bawah,

dapat menerima satu kad Peduli Sihat untuk seluruh keluarga untuk pergi ke klinik swasta. Pada bajet yang terkini yang telah dibentangkan oleh Dato' Seri Menteri Besar Selangor, ditambahkan lagi sebanyak RM200 menjadikan RM700. Memandangkan satu perkara yang harus ditangani adalah untuk suntikan vaksin *Pneumococcal* yang mana adalah satu jangkitan bakteria yang begitu berbahaya di kalangan kanak-kanak dan orang-orang tua. Jadi yang ini kita harus lihat kalau kita betul-betul, kesihatan adalah satu perkara yang penting untuk rakyat Malaysia. Rakyat yang sihat akan menjadi rakyat yang produktif dan negara juga akan bermanfaat daripada mereka.

Menaik taraf dan menyelenggarakan *facility* juga dalam perubatan. Saya kagum kepada Yang Amat Berhormat Pekan dengan riaknya memperuntukkan wang yang besar kononnya kepada tiga buah hospital. Saya ingin bertanya, apakah rasional untuk menaik taraf tiga buah hospital ini sahaja? Apakah keperluan yang mendesak sehingga tiga buah hospital ini sahaja diberikan keutamaan untuk menaik taraf dan menyelenggarakan *facility*nya, sedangkan beberapa hospital yang telah dijanjikan untuk dibina tidak terbina termasuk Hospital Pasir Gudang, Hospital Parit Buntar, Hospital Rembau, Hospital Tanjung Lumpur. Kita lihat Hospital Rembau ini sudah lama sudah dijanjikan, daripada tahun 2008 sampaikan Yang Berhormatnya pun sudah menjadi Menteri sekarang, tetapi hospitalnya tidak terbuat-buat lagi.

Kanak-kanak dalam - saya dapati juga bahawa ada rungutan daripada ibu bapa, penjaga yang mempunyai anak-anak kelainan upaya. Mereka mengatakan elaun untuk anak-anak kelainan upaya ini masih pada kadar yang sama meskipun telah dinaikkan sebanyak RM50 daripada RM150 kepada RM200.

■1450

Maka saya ingin tahu, benar kah masalah ini timbul dan mengapakah elaun kepada anak-anak kelainan upaya ini sering kali tertanggung sehingga selama berbulan-bulan? Ini bukan sahaja menganiaya kanak-kanak istimewa ini malah menyusahkan ibu bapa mereka yang bergantung pada elaun bulanan yang diterima untuk menampung keperluan dan mengurangkan beban belanja.

Dalam pembentangan Bajet juga, Yang Amat Berhormat Pekan memperuntukkan, untuk memartabatkan pendidikan, sebanyak RM2.2 bilion kepada golongan cerdik pandai sebagai biasiswa, RM400 juta kepada universiti-universiti IPTA dan untuk tujuan penyelidikan dan RM90 juta untuk golongan *post graduate* dalam Program MyBrain, RM1.2 juta untuk kesemua penuntut universiti. Malangnya, kita tidak lihat di manakah ruang yang ada kelompangan yang mana berikan ruang kepada lepasan-lepasan sekolah yang tidak berjaya untuk mendapatkan ijazah sarjana muda diberikan keutamaan.

Yang Amat Berhormat Pekan juga menyebut tentang peranan guru dengan sajak Usman Awang, "*Guru Oh Guru*". Kata dia, kerana gurulah yang mengajar kita menulis dan membaca dan gurulah yang keringatnya dan sebagainya dan membangunkan anak-anak bangsa untuk menjadi orang yang berguna.

Akan tetapi malangnya, di dalam bajet ini juga tidak membentangkan apakah faedah yang dia dapat pada guru-guru. Apakah manfaatnya? Adakah sudah tiba masanya memberikan rombakan terhadap gaji guru-guru dan juga kedudukan guru-guru dan juga sistem pembelajaran dan kesejahteraan mereka? Kebajikan mereka, gaji mereka masih dalam tahap yang rendah kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Bilakah lagi Kerajaan BN ini akan menaiktarafkan, memartabatkan guru sebagai satu kerjaya yang sangat-sangat murni dan mulia, diberikan gaji yang setaraf dengan kedudukan sebagai seorang guru? Kerana, sekarang kita dapati bahawa— kita tidak mahu pekerjaan guru itu diambil sebagai satu pekerjaan *as a second choice job*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga hendak sebut tentang isu wanita yang mana kononnya tahun ini memperkasakan wanita. Ya, dengan janji-janji *board of director* 30 peratus bagi GLC dan lembaga pengarah kerajaan. Ini tidak mencukupi kerana kita sudah berkali-kali— perkara yang boleh dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan adalah untuk meletakkan sekurang-kurangnya 30 peratus menteri wanita dalam Kabinet, timbalan menteri wanita dalam Kabinet, calon-calon wanita dalam Kabinet. Ini untuk melengkapkan 30 peratus ini. Dalam tangan ini, Yang Amat Berhormat Pekan boleh buat tapi ini pun tidak mampu hendak buat, bagaimana hendak laksanakan perkara-perkara untuk menaiktarafkan pengarah-pengarah wanita dalam GLC dan sebagainya? Banyak lagi. Ini boleh dilaksanakan.

Dan saya amat kagum dengan Kerajaan Negeri Selangor yang baru-baru ini mengiktiraf peranan wanita sebagai pembangun negara dengan memberikan RM200 sebulan kepada suri rumah tangga di Selangor. Ini satu perkara yang tidak pernah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional di mana-mana negeri Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, ini pengiktirafan kerana ibu-ibu suri rumah yang buat kerja tanpa gaji, tetapi amat penting untuk negara ini. Akan tetapi di Barisan Nasional ini, yang mampu hendak buat pun tidak terbuat. Masih lagi cakup lagi 30 *percent*, tetapi tidak terlaksana. [*Dewan riuh*].

So, saya harap Yang Amat Berhormat Pekan dapat tunaikan janji dari segi janji kononnya tahun 2018 adalah untuk memperkasakan wanita. Adakah sekadar untuk mendapatkan undi wanita dan mengatakan GLC dan sebagainya? Ini kalau hendak dapat undi wanita, harus laksanakan, mulakan dengan Kabinet Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya habis ucapan saya, saya hendak menyentuh tentang FELDA. Saya pergi ke Felda Chini pada minggu lepas. Saya dapati peneroka-peneroka FELDA di situ mengadu kepada saya mengatakan bahawa wang hari raya RM300 yang dijanjikan, sudah tiga tahun, sampai sekarang tidak ditunai-tunaikan Yang Amat Berhormat Pekan ataupun ADUN Chini. Dan duit insentif hasil RM5,000 pun tidak tercapai. Alasannya apa? Kerana mereka dipersepsikan sebagai penyokong kepada pembangkang.

Ini tidak wajar, Tuan Yang di-Pertua. Mereka adalah peneroka rakyat Malaysia. Kita tidak kira— sebab itu di Selangor, siapa dapat air, orang kaya, miskin, menteri-menteri duduk Selangor pun dapat air percuma. Tidak pernah kita diskriminasikan. Akan tetapi apabila nampak orang menyokong pembangkang, mereka didiskriminasikan dan tidak diberikan apa yang mereka patut terima, Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi, Orang Asli Kampung Meloi Chua, Chini yang telah mengadu beberapa kali tentang *waste* kilang sawit yang dibuang di kawasan mereka dan balai raya yang tidak siap, bekalan air dan elektrik yang tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Sekiranya saya hendak juga menyentuh tentang GST, kita lihat bagaimana Kerajaan Selangor cuba meringankan beban rakyatnya dengan beberapa program insentif Peduli Rakyat. Akan tetapi dalam bajet ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan bangganya mengatakan apa? Dia mengatakan bahawa GST ini menjadi penyelamat kepada ekonomi kita tahun ini, kerana tanpa kutipan GST RM41 billion, kita tidak dapat bayangkan bagaimana negara boleh menampung. Ini sepatutnya rakyat berharap dengan kerajaan, tetapi ini kerajaan bergantung dengan rakyat. Ini sudah terbalik, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana rakyat yang miskin, gaji tidak naik, kerajaan pula yang bergantung pada rakyat. Rakyat patut bergantung pada kerajaan, yang memberikan mereka kesejahteraan, mesti cukup gaji, cukup untuk mengelolakan keluarga mereka dan hidup mereka.

Sebab itu kita di Selangor, kita tidak ada diskriminasi. Sama ada orang BN kah, MCA kah, MIC kah, semua dapat apa yang program kita buat— air percuma kah, Hijrah kah, untuk suri rumah tangga RM200 kah, Kad Peduli Sihat. Kita tidak memilih bulu, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu pada tahun 2008 kita menang 36 kerusi. Tahun 2013, kita menang 44 kerusi. *Insyah-Allah*, PRU14 kita akan 56-0, Tuan Yang di-Pertua. Sampai dapat 56-0, *insyiah-Allah*, kita akan ke Putrajaya dan bebaskan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Melaka.

2.57 ptg.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada beberapa perkara yang dibangkitkan dalam Bajet. Perkara pertama yang saya ingin bahaskan ialah tentang sektor atau industri pelancongan. Dalam Bajet ini, mempergiatkan industri pelancongan, sektor pelancongan merupakan antara penjana pendapatan utama kepada ekonomi negara. Dijangka 28 juta pelancong melawat Malaysia pada tahun 2018. Juga, diisytiharkan dalam Bajet ini, tahun 2020 sebagai Tahun Melawat Malaysia atau *Visit Malaysia Year 2020*. RM2 billion diperuntukkan kepada Tabung Pelancongan PKS sebagai pinjaman kepada

pengusaha pelancongan dengan memberikan insentif subsidi kadar faedah dua peratus. Juga, menambah RM1 bilion kepada Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan sebagai pinjaman mudah juga.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tanya, jawatankuasa manakah yang akan bertanggungjawab untuk mempertimbangkan permohonan dan pinjaman dari Tabung Pelancongan PKS? Adakah ia di bawah Kementerian Pelancongan atau di bawah Kementerian Kewangan? Saya berpendapat Kementerian Pelancongan yang lebih sesuai untuk tugas ini kerana mereka yang lebih dekat dan faham dengan usaha pembangunan program dan infrastruktur pelancongan.

Saya juga ingin tanya, sejak kerajaan mengutip cukai pelancongan, berapakah jumlah yang telah dikutip dan sampai akhir tahun ini, berapa anggaran kutipan cukai ini? Juga, bilakah ia akan diagihkan kepada Kementerian Pelancongan dan juga kepada negeri-negeri yang lain?

■1500

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa tapak sejarah dan harta purba merupakan tarikan pelancong terutama dari negara asing yang ada perhubungan kuat dengan negara kita. Negeri Melaka, salah satu bandar raya yang bersejarah. Semestinya terdapat banyak tapak sejarah yang menarik. Akan tetapi terdapat tapak sejarah tertinggal atau terbiar kerana kurang kerja pemantauan dan juga kerja pemuliharaan dan pemeliharaan. Adakah ini merupakan kurang pemantauan atau jabatan-jabatan atau agensi atau kerajaan tempatan yang ditugaskan tidak menjalankan kerja mereka dengan baik. Akibat ini, beberapa tapak bersejarah telah menjadi dengan izin *forgotten* atau *an eyesore*.

Saya ingin memberikan satu contoh. Kota Linggi iaitu di muara Sungai Linggi atau lebih dikenali sebagai Kota Bukit Supai. Tidak dinafikan ini merupakan jalan perhubungan terpenting bagi Negeri Sembilan serta Melaka ketika dahulu. Kota ini dibina pada tahun, abad ke-17. Disebabkan kepentingan kota ini, iaitu ia dibina di muara Kuala Sungai Linggi, laluan sungai ini ada juga satu tapak yang penting untuk mengutip cukai oleh pembesar tempatan serta kuasa luar sejak abad ke-17. Perebutan ini telah membawakan kepada pembinaan kota ini dan lebih dikenali sebagai Kota Bukit Supai.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah melawat kota ini 15 tahun yang dahulu. Didapati keadaan kota ini masih dalam keadaan yang boleh kita terima. Bukan hanya masih bersih dan juga kita boleh nampak dengan pameran iaitu pameran latar belakang atau sejarah kota ini oleh muzium. Akan tetapi baru-baru ini, saya buat satu lawatan sekali dan amat mengecewakan selepas saya melawat kota ini, lalang telah lebih tinggi daripada saya. Saya tidak dapat cari jalan yang dulu yang saya masuk dari jalan besar dari Kuala Linggi kerana telah ditukar sebagai satu *homestay program*. Dia punya plat oleh Jabatan Warisan pun telah *crack*. Telah dipecahkan.

Saya difahamkan bahawa kementerian telah belanja berjuta untuk mengindahkan atau membaik pulih kota ini dengan pembinaan jeti. Ada juga restoran tetapi kemungkinan

tidak banyak pelancong tahu tentang kota ini. Mungkin kerana dengan promosi yang kurang baik atau pengusaha tapak ini telah diserahkan kepada agensi atau kerajaan tempatan yang tidak bertanggungjawab untuk memastikan tapak sejarah ini masih dapat menarik pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini juga telah meluluskan satu akta iaitu satu pindaan ke atas Akta Kebankrapan 1967. Di antara pindaan-pindaan yang diluluskan, fasal 12 akta berkenaan bertujuan untuk menaikkan nilai minimum hutang bagi memfailkan petisyen kebangkrupan daripada RM30,000 kepada RM50,000 dan juga memperuntukkan bahawa pemiutang tidak boleh memulakan prosiding kebangkrupan terhadap penjamin sosial. Dengan pindaan ini, saya ingin tanya Jabatan Insolvensi Malaysia, adakah jabatan ini akan menjalankan satu proses penyemakan kes-kes yang dahulu dijadikan bankrap, akan jadi salah jika ikut pindaan baru ini. Sila berikan jumlah 'C' bankrap di bawah kategori ini dan adakah ia akan dilepaskan oleh Jabatan Insolvensi sendiri? Jika tidak, harap semua yang terlibat akan diberitahu supaya mengambil tindakan selanjutnya.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, seorang pekerja kontrak atau pekerja pembinaan. Namanya Yew Ah Beng. Umurnya sekarang 63 tahun. Kad pengenalan 540901-04-5159. Pada tahun 90-an, nama beliau telah digunakan oleh seorang rakan pekerja dari Johor untuk membuat pinjaman. Beliau tidak pernah menerima sebarang surat atau notis dari mana-mana institusi kewangan atau dari mahkamah. Dipercayai mungkin alamat beliau disengajakan ditukar kepada alamat yang lain. Beliau hanya diberitahu sudah menjadi bankrap semasa beliau memohon pasport Malaysia. Sudah 20 tahun Encik Yew bayar RM100 setiap bulan sehingga hari ini. Permohonan beliau untuk dilepaskan masih belum dapat dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan semasa pindaan Akta Kebankrapan 1967 di Dewan yang mulia ini, dikatakan ini akan untuk lebih adil kepada peminjam iaitu *guarantor* atau peminjam sosial yang tidak dengan terus *direct* terlibat dengan pinjaman itu. Saya juga sokong pindaan semasa itu kerana kita difahamkan banyak yang peminjam sosial ini amat tidak adil kepada mereka sebab mereka tidak terlibat secara langsung dalam pinjaman atau menggunakan pinjaman ini tetapi mereka terpaksa tanggung bersama dengan peminjam utama dan juga dijadikan bankrap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Boleh, Yang Berhormat Kota Melaka?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sedikit sebab saya ada beberapa...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sikit sahaja.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sila, sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Kota Melaka tadi

bercerita tentang Bukit Supai tadi. Bukit Supai ini perkataan daripada Sepoy dan ia *Dutch Fort actually*. Saya tertarik sebab Bukit Supai ini mempunyai satu sejarah yang dalam sejak zaman *Dutch* lagi. Selepas itu buat penempatan Bugis dan akhirnya ada satu kota yang sangat menarik tetapi tidak dijaga dengan baik. Cuma saya menyokong Yang Berhormat Kota Melaka. Saya minta kementerian, apa pandangan Yang Berhormat Kota Melaka. Saya difahamkan ada pembangunan yang besar di situ dengan *fort*, dengan ada buat *bunker* dan logistik dan bangunan yang besar dan saya hendak pandangan Yang Berhormat Kota Melaka, kalau boleh *historical* tempat-tempat yang cantik ini yang mempunyai sejarah yang dalam ini *dipreserve* dan dipertingkatkan lagi dan jangan dia tenggelam disebabkan oleh pembangunan yang besar akan berlaku di Kuala Linggi. Apa pandangan Yang Berhormat Kota Melaka? Terima kasih.

■1510

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya saya memang setuju dan sokong Yang Berhormat. Tapak itu memang telah diwartakan sebagai satu tapak sejarah dan perlu *direserve* dan ada juga yang saya katakan *plate* yang seperti tanda warisan mengisytiharkan ini satu tapak sejarah.

Akan tetapi saya tidak nampak orang-orang bertanggungjawab untuk pemulihan dan pemugaran dengan tapak ini dan juga tidak langsung ada pameran dan promosi yang baik. Sampai kita hendak *entrance* pun kita kena terca-cari sebab kita tidak dapat tahu tidak ada *signboard clear* dari luar di jalan besar yang ke Kuala Linggi.

Saya ingat ini kita perlu minta pihak kementerian memberi lebih perhatian. Adakah itu boleh diswastakan kepada - ada juga pengusaha pelancongan di kawasan itu dengan berjaya mereka saya nampak *homestay program* yang lain pun berjaya. Ini supaya mereka boleh menggunakan tapak sejarah ini sebagai satu *main theme*. Terima kasih. Saya tinggal hanya tidak sampai dua minit.

Tuan Yang di-Pertua, tentang insolvensi ini. Saya masih ada satu yang saya harap boleh saya bangkitkan di Dewan ini iaitu saya ingat ramai Ahli Parlimen pun terima surat dari seorang yang pernah bangkit tentang *bankruptcy notice* atau *creator petition* iaitu di *notified by a substitute way including through advertisement and newspaper*.

Memang ini saya ingat kita perlu mengambil berat kerana kalau 70 peratus si bankrap telah jadi bankrap melalui petisyen sebegini bukan hantar notis sampai ke tangan peminjam ini, saya ingat kita perlu kaji semula tentang cara *servicing a notice*. Banyak terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Lubok Antu.

3.12 ptg.

Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk ikut serta berbahas sempena pembentangan

bajet tahun 2018 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya teruskan dengan perkara yang di hati saya dan dekat di hati rakyat mengenai dengan mempergiatkan aktiviti pertanian. Setiap kali saya balik ke kawasan, berpuluh-puluh atau ratusan borang MPOB minta saya mohon untuk menyokong permohonan mereka untuk mendapatkan skim bantuan MPOB, satu Penanam Baru Sawit di kawasan bermula daripada pekebun-pekebun kecil di kawasan saya.

Saya mohon supaya peruntukan lebih banyak lagi disalurkan kepada pihak MPOB supaya mereka dapat memenuhi keperluan-keperluan penanam baru sawit di kawasan Sarawak khususnya pekebun-pekebun kecil.

Kedua, mengenai dengan program baru atau penanam baru iaitu Musang King. Musang King belum terkenal sangat di Sarawak. Saya memohon supaya Musang King ini diperkenalkan di Sarawak dan lebih banyak lagi benih-benih Musang King harus diberi kepada Sarawak kerana kawasan Sarawak masih luas yang belum lagi diterokai dan ia sudah tentu kerana akan mengangkat ekonomi penduduk-penduduk khususnya penduduk di luar bandar.

Kedua, adalah mengenai dengan penanaman kelapa. Kelapa adalah satunya masih keperluan atau *demand* masih banyak di market-market. Saya mahu penanaman kelapa di kawasan-kawasan negeri Sarawak diperbanyakkan atau ditambahkan lagi.

Begitu juga mengenai pelaksanaan penanaman semula getah di Sarawak. Saya memuji pihak RISDA kerana menggunakan pendekatan iaitu melalui jawatankuasa JKK yang menyalurkan peruntukan untuk penanaman semula getah. Ini kerana dengan cara ini, melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung, peruntukan tersebut telah digunakan sepenuhnya dan ia telah berjalan begitu lancar.

Oleh demikian, saya mohon supaya RISDA meneruskan peruntukan untuk menanam semula getah di kawasan Sarawak melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung atau rumah-rumah panjang.

Perkara ketiga yang saya ingin sentuh di sini ialah berkenaan dengan kemudahan jalan luar bandar. Saya sering kali mengutarakan menaik taraf Jalan Ulu Skrang yang telah dibina dua tahun yang lepas tetapi setengah jalan tersebut masih tidak dapat dilalui. Ini kerana sistem perparitan yang masih tidak sempurna, begitu juga masih banyak sungai yang belum lagi dibuat jambatan.

Oleh yang demikian, saya mohon supaya peruntukan yang telah diluluskan diketahui oleh penduduk-penduduk kawasan tersebut semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke kawasan tersebut sejumlah RM2.5 juta belum lagi dimulakan sehingga sekarang. Begitu juga dengan kelulusan menaik taraf jalan balak Ulu Lemanak yang telah semasa Bajet 2017 dahulu telah diumumkan sebanyak RM12.5 juta telah diluluskan untuk naik taraf jalan balak Ulu Lemanak. Akan tetapi sehingga ke hari ini pembinaan belum lagi nampak bermula.

Seterusnya saya ingin mengutarakan masalah kemudahan asas iaitu bekalan air luar bandar. Kawasan-kawasan yang begitu kritikal adalah kawasan-kawasan Wong Pandak, Wong Panjai, kawasan Ensawang, kawasan Rasau, kawasan Nanga Kumpang, kawasan Danau, kawasan Kandis, Kumpang Paoh, Kumpang Langir, kawasan Hilir Engkilili melibatkan 20 buah rumah panjang, kawasan Sang Semenjuk, Lituk, Munuk Beging untuk melibatkan 12 buah rumah panjang. Begitu juga kawasan Hilir Skrang yang melibatkan lebih kurang enam buah rumah panjang dan kawasan ini betul-betul kritikal kerana air terawat mereka tidak dapat menggunakan sumber air sungai atau disebabkan kegiatan pembalakan atau sungai itu sudah tidak dapat diminum kerana dari segi kesihatan kerana tercemar oleh kegiatan ladang atau pembalakan.

Begitu juga dengan Jalan Ulu Engkari. Jalan Ulu Engkari adalah satu-satunya jalan adalah menuju lebih kurang 12 buah rumah panjang, dua buah sekolah, satu klinik dan mereka masih menggunakan perahu setakat ini. Saya mahu sementara waktu supaya jalan

balak menuju ke kawasan ini akan dapat dinaiktarafkan.

Satu lagi saya mohon di sini adalah mengenai dengan perhubungan komunikasi. Saya dengar tadi Yang Berhormat Semporna mengatakan tidak perlu tetapi untuk Sarawak tadi Yang Berhormat Baram menyebut perkara yang sama. Kami di Sarawak masih memerlukan perhubungan komunikasi di kawasan-kawasan pedalaman khususnya di Sarawak. Ini kerana selama ini mereka terpaksa naik bukit sampai berjalan satu jam atau dua jam untuk mendapatkan liputan talian telefon di kawasan luar bandar.

■1520

Sehubungan dengan ini saya mahu supaya komunikasi telefon atau *tower* dapat dipasang atau dapat diperbanyakkan lagi untuk memenuhi lebih-lebih lagi buat sementara ini Kerajaan Negeri Sarawak khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan e-digital ekonomi untuk kawasan-kawasan seluruh negeri Sarawak. Dengan itu, itu sahajalah saya ucapkan. Terima kasih saya ingin menyokong Bajet 2018 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Termerloh.

3.21 ptg.

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Termerloh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, [Kata-kata aluan dalam bahasa Arab]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan bajet pada kali ini. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa belanjawan ini adalah merupakan satu instrumen bagaimana kerajaan mengagihkan sumber kekayaan negara sama ada di peringkat pendapatan mahupun juga perbelanjaan yang diurus secara adil dan juga saksama.

Di samping ianya adalah bertujuan untuk menstabilkan pembangunan ekonomi negara, ini adalah fungsi belanjawan. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini mestilah seimbang dalam memenuhi keperluan manusia dan juga rakyat dan juga negara kita. Keseimbangan itu jangan semata-mata kita nilai dari sudut timbangan duniawi semata-mata. Akan tetapi mestilah juga dilihat kepada tuntutan ukhrawinya. Tuan Yang di-Pertua, keseimbangan faktor duniawi dan juga ukhrawi ini adalah merupakan sesuatu yang sangat penting bukan sahaja untuk memastikan supaya suburnya pertumbuhan ekonomi negara tetapi juga adalah untuk mewujudkan sebuah tamadun dan juga kemajuan yang sejahtera dan makmur dan juga kehidupan rakyat yang harmoni dan sentosa.

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan keseimbangan ini sebenarnya boleh kita lihat dalam apa yang telah diwahyukan oleh Allah SWT dalam Al-Quran Al-Karim, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Maksudnya, 'Wahai orang-orang yang beriman apabila diseru kepada kamu untuk mendirikan sembahyang pada hari Jumaat maka segeralah kamu mengingati Allah.' Ertinya, "*segeralah kamu mendirikan sembahyang, menunaikan perintah Allah dan tinggallah segala bentuk urusan jual beli*". Yang demikian itu firman Allah, "*adalah bagi kamu yang terbaik, terbaik bagi kamu jika sekiranya kamu mengerti*". Apabila kamu telah selesai mendirikan sembahyang, ertinya selesai menunaikan perintah Allah SWT. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "*Maka bertebaranlah kamu ke atas muka bumi ini*". [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Carilah kurniaan-kurniaan Allah, habuan-habuan dunia yang dianugerahkan oleh Allah dan dalam masa yang sama [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] dan ingatlah Allah dengan sebanyak-banyaknya. Mudah-mudahan kamu berjaya di dunia dan di akhirat.

Ayat yang saya baca daripada surah Al-Jumaah ini sebenarnya mendidik kita untuk *tawazun* ataupun seimbang antara keperluan duniawi dan juga ukhrawi dalam pengurusan kehidupan kita terutama berkenaan dengan belanjawan yang sedang saya sentuh ini. Pertamanya tadi saya sebut ialah Allah sebut ialah tunaikan solat bila azan dan ketepikan dulu segala urusan jual beli dan apabila selesai solat maka pergilah ke seluruh penjuru alam ini di muka bumi ini untuk mencari rezeki yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT. Ertinya mestilah yang pertama menyelesaikan dulu perintah-perintah Allah SWT dan kemudian carilah rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Namun apa yang lebih paling penting dalam usaha kita mencari keuntungan, kemewahan, kemajuan, rezeki yang dikurniakan oleh Allah, apa yang Allah sebut dalam ayat ini ialah [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Ingat Allah dengan sebanyak-banyaknya. Ertinya, kita jangan lupa Allah sewaktu mengurus perbelanjaan dan juga ataupun belanjawan ini supaya kita juga jangan lupa pantang larangnya sebab mengurus dan memacu pertumbuhan ekonomi ini di sana ada halal haramnya, di sana ada dosa pahalanya. Di sana ada syurga nerakanya yang perlu diambil kira. Mudah-mudahan daripada situlah *insya-Allah* kita akan beroleh kejayaan di dunia dan juga di akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, lantaran itu jika sekiranya kita benar-benar mahu melahirkan satu keseimbangan dalam pengurusan dan pelaksanaan belanjawan negara ini kita memerlukan sebuah kerajaan sebagai pemacu atau sebagai pengendali ekonomi negara ini yang takutkan Allah, yang patuh syariah dan kerajaan yang jujur dan bertanggungjawab di atas kuasa dan mandat yang diberikan oleh rakyat yang dimiliki oleh mereka.

Kita tidak mahu sebuah kerajaan yang boros, kerajaan yang rakus dalam mengurus sumber kekayaan negara sehingga akhirnya terjebak dalam projek-projek mega yang membazir yang tidak membawa keuntungan yang banyak kepada rakyat marhaen dan juga kepada negara umumnya. Dan juga kita tidak mahu sebuah kerajaan yang hanya memikirkan soal keuntungan duniawi semata-mata tanpa merujuk dan melihat mengambil kira soal kerugian ukhrawi yang bakal memusnahkan tamadun negara dan juga kesejahteraan rakyat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, cantik dan indah bagaimanapun bajet ataupun belanjawan yang kita bentangkan ini, kita namakan dia sebagai ibu bajet kah, kita namakan sebagai bapa bajet kah. Jika sekiranya kerajaan masih belum keluar daripada situasi *corruption* umpamanya tidak telus dan juga tidak patuh syariah seperti rasuah yang masih berleluasa.

Kalau saya lihat dalam satu indeks yang dikeluarkan oleh Indeks Persepsi Rasuah 2016, Malaysia turun satu anak tangga berada pada kedudukan 55 daripada 176 buah negara. Kalau dilihat pada *Transparency International Malaysia* ukuran skor Malaysia juga merosot kepada 46 berbanding 50 tahun yang lalu. Ini juga telah melahirkan satu kebimbangan daripada presiden *Transparency International* ini yang juga melahirkan rasa bimbang kerana masih belum wujud satu keinginan politik yang tinggi dalam negara kita ini untuk menangani rasuah yang semakin hari semakin membarah yang semakin hari semakin membimbangkan kita.

Jadi rasuah masih berleluasa kalau pecah amanah juga masih berlaku. Ketirisan menjadi rutin dalam negara kita. Amalan riba sebagai contoh yang dimurkai oleh Allah juga masih bermaharajalela maka Bajet 2018 ini pada saya dia tidak akan ke mana dan dia akan mengulang orang panggil duka lama ataupun akan berterusanlah malapetaka silam dan ia akan menjadi bajet yang hanya, "*indah khabar dari rupa*" yang sebenar ataupun dia akan menjadi bajet yang manis di bibir tetapi pahit di tekak untuk kita menerima realiti ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tekankan perkara ini sebab setiap tahun kita baca laporan audit dan juga kita baca laporan yang dikeluarkan oleh pihak SPRM. Ada sahaja ketirisan, ada sahaja penyalahgunaan dana, ada sahaja pembaziran yang membawa kepada kerugian anak-anak syarikat kerajaan, sama ada di peringkat *federal* ataupun di peringkat negeri.

Berlakunya rasuah yang berleluasa melibatkan kakitangan kerajaan, melibatkan pemimpin-pemimpin politik dan seumpamanya. Jadi cuba kerajaan beritahu kepada kita semua pada hari ini, apakah sebenarnya tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan dengan satu tindakan yang efektif, satu tindakan yang benar-benar berkesan untuk

menangani perkara-perkara seperti ini sebagaimana yang telah dilaporkan oleh pihak audit dan juga pihak SPRM?

■1530

Ataupun apakah kerajaan macam buat tidak kisah selagi mana ada kuasa di tangan maka mereka yakin mereka boleh terus *survived* kerajaan ini. Walaupun laporan demi laporan yang dikeluarkan oleh audit dan SPRM ini terus mencengkam rasa bimbang kita terhadap tahap integriti dalam negara ini. Oleh sebab saya lihat laporan audit ini dibenteng setiap tahun dan keadaannya tidak berubah. Masih ada sahaja perkara-perkara yang kita tidak ingini berlaku dan dilaporkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah peringatan saya kepada kerajaan dan juga kepada seluruh kakitangan kerajaan yang akan mengurus dan melaksanakan Bajet 2018 ini kelak.

Hal ini kerana, kita ada dua perkara yang akan dipantau dan akan diperhatikan oleh semua kita ini. Pertamanya ialah bajet yang di bentang, bajet yang di bentang ini bagaimana peruntukannya, ke mana disalurkanannya, daripada mana sumbernya? Ini telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sepanjang sesi perbahasan bajet ini. Kedua ialah, pelaksanaannya selepas ini. Bagaimana bajet ini dilaksanakan? Bagaimana ia diurus selia kan? Sampai kah tidak peruntukan yang telah dikemukakan itu kepada golongan sasar yang disenaraikan? Ataupun nantinya dia hanya akan berlonggok di kalangan golongan pemodal-pemodal sahaja dan akhirnya yang kaya itulah terus menikmati kekayaan dan akhirnya yang miskin terus kekal miskin. Maka, jurang kaya miskin itu tidak dapat dihilangkan ataupun di minimum-kan.

Jadi inilah yang ditegur oleh Allah SWT. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Supaya harta kekayaan itu tidak berlegar di kalangan orang-orang kaya ataupun golongan pemodal semata-mata.*” Sehingga akhirnya berlakunya satu jurang yang begitu jauh, yang begitu jarak antara yang kaya dan yang miskin dan ini merupakan satu bentuk penindasan dan kezaliman sistem ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya mahu tekankan dalam ucap bahas saya kali ini. Saya percaya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat lain telah pun banyak memberikan input dalam pelbagai aspek ucapan mereka.

Baiklah, yang kedua, segmen kedua yang saya ingin sebutkan di sini – Masa yang diperuntukkan untuk saya pun sangat terbatas. Saya ingin bangkitkan beberapa perkara yang menjadi isu. Pertama, mengenai dengan Projek ECRL dan juga berkenaan dengan kos sara hidup dan juga berkait dengan isu inflasi dan juga subsidi. Saya tengok mana yang sempat dalam masa yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ialah Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) yang merupakan satu projek laluan rel terpanjang di negara ini dengan anggaran kos sebanyak RM55 bilion. Sebagaimana kita maklum bahawa perjalanan kereta api ini yang akan bermula daripada terminal pengangkutan bersepadu di Gombak

seinggalah mengunjur ke Kota Bharu. Jadi daripada sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan satu keluhan daripada rakyat di Parlimen Temerloh yang berhubung dengan pembinaan ECRL ini, setelah saya meneliti beberapa maklumat dan juga penelitian yang diserahkan kepada saya oleh pihak rakyat di Parlimen Temerloh ini, yang mana ada bantahan yang melibatkan pembinaan laluan rel melalui Kampung Tanjung Batu di Temerloh.

Bantahan yang pertama telah dikemukakan kepada pihak yang berwajib yang mana disebabkan cadangan laluan rel itu telah melibatkan sepuluh hingga 15 buah rumah rakyat tempatan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, apabila penduduk setempat mengemukakan bantahan, cadangan jajaran baru yang dikemukakan oleh pihak berwajib pula melibatkan lebih daripada tiga puluh kawasan rumah dan juga 120 sangkar ikan dan juga kebun-kebun mereka. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pihak kerajaan perlu tampil supaya pihak berwajib ataupun pihak bertanggungjawab mengambil risiko yang atau mudarat yang paling ringan dalam pembinaan projek ini.

Saya meneliti satu syor yang dicadangkan oleh pihak penduduk tempatan yang sebenarnya telah dikemukakan oleh mereka kepada pihak berwajib untuk diteliti, yang mana syor tersebut lebih selamat dengan hanya melibatkan dua ke tiga buah rumah sahaja yang terlibat dan ditambah dengan kelebaran yang melangkaui 200 meter untuk pembinaan rel tersebut. Jadi perkara ini saya kira Tuan Yang di-Pertua sangat penting. Justeru, dia melibatkan tanah-tanah penduduk tempatan, penduduk setempat yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan malah syor yang dikemukakan oleh rakyat tempatan ini ataupun masyarakat tempatan ini lebih kurang risikonya berbanding dengan cadangan daripada pihak berwajib. Ertinya apa yang saya maksudkan di sini ialah, pihak yang bertanggungjawab yang mengendalikan projek ini masih mempunyai opsyen yang lain. Di mana ia lebih ringan mudarat itu sebagaimana dikemukakan oleh penduduk tempatan.

Jadi, saya ingin bertanya apakah sikap kerajaan terhadap isu ini? Apakah syor yang telah dikemukakan oleh pihak rakyat ini telah mendapat perhatian wajar oleh pihak kerajaan dan saya sangat mengharapkan supaya dia dapat dipertimbangkan dan diperhalusi untuk memastikan supaya apa yang saya sebutkan tadi mudaratnya lebih ringan berbanding 30 buah rumah yang terpaksa dikorbankan. Lebih 120 sangkar ikan yang dimiliki oleh penduduk tempatan dikorbankan dan juga kebun-kebun tanaman mereka kepada hanya dua ataupun tiga buah rumah sahaja yang terlibat dengan pelan baru ataupun syor yang baru. Kelebaran dan keluasan rel itu mencapai 200 meter.

Jadi saya kira ini opsyen yang boleh dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas waktu dan masa yang diperuntukkan kepada saya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dijemput Yang Berhormat Alor Gajah.

3.36 ptg.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 iaitu Bajet 2018. Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah merangkakan satu bajet yang merangkumi semua aspek untuk menjaga semua rakyat di negara ini. Ia menumpu kepada pertumbuhan ekonomi negara dan mensejahterakan rakyat seluruh negara termasuk negeri-negeri yang ditadbir oleh pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kesuntukan masa, saya ingin menyentuh hanya dua perkara berkaitan dengan Bajet 2018. Pertama, mengenai kesejahteraan rakyat. Saya ingin mengambil kesempatan menyentuh masalah beban kos sara hidup yang semakin tinggi yang dihadapi oleh rakyat. Walaupun kos sara hidup yang semakin tinggi merupakan satu isu global tetapi kerajaan dalam merangka dasar-dasar nasional Malaysia dalam merapatkan jurang pendapatan telah mengambil kira faktor-faktor dari pelbagai aspek yang dihadapi oleh rakyat dari semua sektor, semua lapisan dan juga semua golongan. Merapatkan jurang pendapatan adalah penting supaya ia dapat mengimbangkan kos barangan adalah sama rata untuk setiap golongan untuk belanja dan juga setiap rakyat akan belanja pada nilai yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya golongan yang berpendapatan rendah iaitu B40 adalah golongan seramai 40 peratus daripada *structure* masyarakat negara kita. Golongan ini menghadapi kesulitan kewangan dalam mengatasi beban kos sara hidup yang semakin tinggi. Golongan ini berpendapatan rendah dan mereka juga harus meneruskan perbelanjaan bagi menanggung kehidupan sekeluarga. Maka, kerajaan harus membantu golongan B40 bagi meningkatkan pendapatan di samping mereka dapat terus berbelanja. Hal ini adalah penting kerana ia dapat memastikan ekonomi negara akan terus berkembang selari dengan rakyat Malaysia terus berbelanja.

Tuan Yang di-Pertua, skim bantuan BR1M memang terbukti keberkesannya yang memberi subsidi secara terus kepada rakyatnya. BR1M dapat secara langsung membantu mengurangkan kos sara hidup, kerajaan telah mengambil ketetapan untuk meneruskan bantuan BR1M dan juga bantuan *voucher* buku dalam Bajet 2018 bagi meringankan beban kehidupan rakyat. Bagi golongan berpendapatan sederhana iaitu M40, peruntukan cukai pendapatan juga merupakan salah satu langkah yang terus dapat membantu mereka dalam menjimatkan bayaran cukai pendapatan.

■1540

Mereka juga boleh menggunakan jumlah bayaran cukai pendapatan yang diijamatkan untuk menangani kos sara hidup yang semakin tinggi. Ini secara tidak langsung akan merupakan salah satu langkah kerajaan untuk membantu seramai 40 peratus daripada rakyatnya. Di samping menurunkan cukai pendapatan individu, kerajaan telah juga mengambil inisiatif untuk melancarkan pelbagai program seperti program

mobilepreneur, 1AZAM dan lain-lain yang dapat membantu rakyat untuk menajana pendapatan dan juga memberi peluang pekerjaan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet sebelum ini, kerajaan telah memberi insentif bagi syarikat korporat, agensi kerajaan serta swasta untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak. Terdapat segelintir golongan B40 yang bekerja di ladang, sawah, kilang dan sebagainya yang tidak mempunyai pusat asuhan kanak-kanak. Maka, sebahagian daripada ibu-ibu yang mempunyai anak kecil terpaksa berhenti kerja untuk menjaga anak sendiri. Saya ingin menyeru kepada kerajaan untuk menggalakkan penubuhan atau memperkasakan pusat komuniti yang diketuai oleh rukun tetangga atau Ketua Kampung atau JKKK. Di mana anak-anak dan lain-lain ahli masyarakat boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat.

Pusat komuniti ini bukanlah semestinya menjaga anak-anak kecil sahaja tetapi boleh juga jadi tempat penjagaan warga emas sekiranya ada kemudahan dan kakitangan yang berkelayakan. Selain itu, Tuan Yang di-Pertua saya berharap kerajaan akan mempertimbangkan supaya membenarkan atau menggalakkan pihak swasta ataupun individu, NGO dan sebagainya menjalankan aktiviti di Pusat Asuhan Warga Emas (PAWE) supaya warga emas dapat melakukan aktiviti yang merangsang seperti melukis, main muzik dan sebagainya.

Ini adalah satu cara untuk merapatkan komuniti dan memastikan keadaan emosi dan mental warga emas dipelihara. Kerajaan memang sentiasa menjaga rakyatnya yang perlu bantuan, itu tidak dapat dinafikan. Banyak program telah dilancarkan dan banyak projek telah diadakan. Selepas kemudahan diadakan diharap agar pihak kerajaan dapat menyediakan peruntukan untuk kerja-kerja penyelarasan dan untuk memastikan penggunaan kemudahan tersebut yang berterusan sehingga memberi manfaat kepada rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini juga ingin sentuh mengenai memacu pembangunan inklusif. Tidak dapat dinafikan kerajaan dalam menyediakan infrastruktur rakyat yang berkualiti telah menyediakan pelbagai bajet seperti projek mesra rakyat, projek jalan luar bandar dan yang membantu dalam pembangunan infrastruktur untuk kemudahan dan penggunaan rakyat. Walau bagaimanapun, saya ingin mohon pihak berkenaan memberi pertimbangan kepada faktor luar kawalan seperti bencana alam yang kini sering berlaku pada saat-saat yang tidak dapat dijangka. Bencana yang sering dihadapi oleh rakyat adalah seperti banjir atau banjir kilat.

Sebagai contoh, di kawasan saya iaitu Parlimen Alor Gajah. Penduduk kampung yang juga di taman-taman perumahan di sepanjang sungai khususnya di kawasan yang rendah sentiasa menghadapi masalah banjir kilat. Kerajaan dalam beberapa mesyuarat iaitu mesyuarat perbincangan langkah mengatasi masalah banjir telah mencadangkan memulihkan beberapa kolam tahanan banjir dan kerja-kerja menaik taraf sungai serta kerja-kerja membersihkan sungai. Akan tetapi, setakat hari ini hanya sedikit peruntukan

yang disalurkan untuk tujuan berkenaan dan kita masih menunggu bajet yang mencukupi untuk tangani atau mengadakan kolam tahanan air banjir. Ini kerana supaya banjir kilat dapat diatasi.

Akhir kata saya dengan ini menyokong rang undang-undang Perbekalan 2018 iaitu Bajet 2018 untuk diluluskan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

3.45 ptg.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia. Dengan keterbatasan masa, saya kena terus pecut. Walau bagaimanapun, saya mulakan dengan sama-sama kita panjangkan doa kepada Allah SWT supaya dilindungi rakyat yang sedang bergelut dengan ujian banjir baik di Pulau Pinang, baik di Kedah, di Johor dan tempat-tempat yang lain. Terima kasih kepada semua yang telah membantu tidak kira daripada belah mana.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 sebenarnya dalam sepanjang lima tahun dan lima kali bajet yang saya turut serta di Dewan yang mulia ini adalah bajet yang saya paling gerun sekali yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Ini kerana pembentangan bajet ini ada potensi untuk menjadi ibu kepada segala senjata yang kalau pandai digunakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan boleh sahaja memenangkan UMNO Barisan Nasional dalam pilihan raya umum yang akan datang.

Sebenarnya cukup mudah untuk Yang Amat Berhormat Pekan meredakan kemarahan rakyat untuk menarik kembali sokongan kepada UMNO Barisan Nasional. Yang Amat Berhormat Pekan hanya perlu membuat beberapa pengumuman sahaja supaya segala kemarahan akibat daripada kenaikan harga barang yang disebabkan oleh GST, penghapusan subsidi dan juga gaji yang tidak setimpal itu boleh diredakan dalam tempoh yang pendek. Contohnya kalau saya jadi Yang Amat Berhormat Pekan, saya akan umumkan contohnya kita bagi bonus dua bulan kepada semua kakitangan kerajaan. Kemudian, Yang Amat Berhormat Pekan boleh umumkan contohnya, untuk menaikkan BR1M kepada RM1,500. Kalau tidak pun RM2,000 setahun dan ketiga, tiga pengumuman sahaja cukup Yang Amat Berhormat Pekan boleh umumkan bahawa mengambil kira kesusahan rakyat GST diturunkan kepada empat peratus.

Kalau tiga pengumuman ini dibuat, saya rasa Pakatan Harapan payah hendak menang dalam pilihan raya umum akan datang. Apatah lagi, apabila Yang Amat Berhormat Pekan akan mendapat laba pendapatan yang lebih berbanding tahun 2017. Pendapatan yang dimaksudkan dalam anggaran pendapatan yang dibentangkan mengambil kira harga minyak mentah pada 50 dolar setong. Hari ini, mintak mentah telah mencecah 63 dolar. Dijangkakan ini berterusan kerana bulan tiga nanti OPEC akan meneruskan catuan kepada pengeluaran minyak. Pergolakan yang berlaku di Arab Saudi menyebabkan ada

ketidaktentuan pasaran harga minyak yang dijangkakan menyebabkan harga minyak akan terus naik.

Oleh sebab itu, maka dalam anggaran yang paling konservatif ini pun Yang Amat Berhormat Pekan paling kurang akan dapat RM10 bilion tambahan berbanding dengan tahun 2017. Daripada itu, lebih kurang sebanyak RM4 bilion kutipan cukai tambahan daripada syarikat korporat, RM2 bilion kutipan cukai pendapatan tambahan daripada orang biasa, lebih kurang RM2 bilion lagi daripada GST, RM2 bilion daripada petroleum *income tax* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Maknanya, paling kurang RM10 bilion yang kalau dia cerdik dia boleh umum sahaja Yang Berhormat Kinabatangan — untuk orang Kinabatangan bagi banyak ini, untuk Ranau banyak itu. Tiga, empat bulan rakyat akan berterima kasih. Mudah sahaja Yang Amat Berhormat Pekan menang. Akan tetapi, saya balik tersenyum lebar kerana nampaknya ibu segala bajet Yang Amat Berhormat Pekan ini dia sebenarnya ibu yang nampak besar, gemuk, hebat di luar dalam lompong. Tiada apa untuk rakyat. *[Disampuk]*

■1550

Apabila kita tengok balik sebenarnya di sebalik segala pengumuman yang gah itu Tuan Yang di-Pertua, saya belek-belek, sebenarnya, tiada apa sangat pun. Kami memang tidak dapat lah tetapi rakyat biasa, BR1M sama, tiada beza. Kemudian kalau ada lebih sedikit kepada kakitangan awam – Saya ada jumpa pegawai-pegawai kakitangan awam. Dia bagi lebih sikit di sana, dia akan tarik balik ikut cara lain. Contohnya apa dia? Apabila dapat tambahan gaji kah, bonus lebih sikit, dia kena bayar cukai lebih. Apa yang dia potong ikut kiri, dia ambil ikut kanan. Dia bagi bonus lebih sikit, setengah bulan kah, lebih sana, dia akan potong pada elaun contohnya, elaun minyak untuk pegawai-pegawai rendah konstabel polis semua ini. Tidak ada kah. Jadi cerdik lah. Di bab itu saya tabik lah Yang Amat Berhormat Pekan ini.

Akan tetapi sayangnya kerana saya kena persoalkan kenapa dengan segala peluang yang dia ada itu, dia tidak gunakan sekali sahaja dalam lebih kurang sembilan ke sepuluh belanjawan Yang Amat Berhormat Pekan bentangkan. Kalaupun tidak peduli sangat kepada pengundi, paling kurang tahun ibu segala pilihan raya ini, bagi lah lebih sikit. Sebab bila kami akan dedahkan satu demi persatu – Saya sebenarnya kasihan kepada Tuan Yang di-Pertua, saya kasihan kepada sahabat-sahabat yang ada ini kerana hendak balik berdepan dengan rakyat payah. Ini disebabkan kalau kita tengok peruntukan demi peruntukan – Saya bagi contoh. Yang Amat Berhormat Pekan konon umum dalam belanjawan, ada peruntukan belanjawan tambahan RM164 juta tetapi dia tidak umum bahawa sebenarnya, di dalam setiap laporan kewangan FELDA daripada tahun 2013, 2014, 2015 Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun, Ketua Audit Negara terpaksa melupuskan perbelanjaan yang sedia ada kerana belanja ratus-ratus juta rumah tiada. Dia umum tambahan RM164 juta untuk buat rumah Felda. Dia tidak umum RM500 juta sudah hilang. Pergi mana?

Kalau rujuk kepada Laporan Tahunan Kewangan FELDA tahun 2015 yang terkini, selalunya, dalam Laporan Ketua Audit Negara, bahagian depan itu Tuan Yang di-Pertua, dia bersih. Dia kata, “*Saya sudah tengok semua, tiada apa-apa. Alhamdulillah*”, sain. Tahun 2015, bagi mereka yang biasa dengan laporan kewangan, ada satu nota teguran bahawa setelah diaudit, Ketua Audit Negara mendapati ada sejumlah – Saya tidak ingat berapa, RM100 juta lebih, yang sebenarnya diragui dan oleh itu telah pun dilupuskan walaupun dibelanjakan tetapi Ketua Audit Negara merasakan ini tidak boleh dijadikan sebagai aset yang boleh ada rumah perlu dilupuskan ataupun dalam bahasa Inggeris, *write-off*. RM500 juta hilang, dia tidak sebut yang itu, dia besarkan RM164 juta.

Sama juga contohnya bila dia sebut gah – Saya sebenarnya tulis sampai banyak itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebab ada orang lompat. Saya ingat pukul 5. Tiba-tiba pukul 4. Jadi yang lain, saya sembang sendiri. Kedua, Yang Amat Berhormat Pekan ada sebut tentang peruntukan belanjawan biasiswa MARA berjumlah RM2.4 bilion. Kalau tengok kepada peruntukan yang diberikan kepada MARA, tahun 2012, 2013, 2104, memang lebih kurang 2.4, 2.5, 2.6 bilion pun, tiada beza. Dia tidak sebut bahawa sebenarnya, RM2.4 bilion peruntukan kepada MARA itu sebenarnya adalah lebih sedikit kalau diambil kira kenaikan harga barang jumlah pelajar yang telah semakin ramai, gaji pensyarah-pensyarah yang sepatutnya lebih tinggi.

Jadi sebab itu saya rasa, selepas satu minggu, dua minggu, Yang Amat Berhormat Pekan sendiri pun tahu bahawa sebenarnya belanjawan ini tidak lah disambut dengan kegembiraan oleh rakyat. Dia tidak dapat reaksi itu. Maka sebab itu dalam ucapan dalam MCA baru-baru ini nampak dia marah sedikit. Sepatutnya dia faham bahawa rakyat tidak teruja kerana sebenarnya tidak ada satu pun yang benar-benar lebih baik berbanding dengan sebelum ini, dalam keadaan Yang Amat Berhormat Pekan akan dapat RM10 bilion paling kurang, lebih banyak daripada tahun yang lepas.

Maka saya ada lebih kurang 5 minit 37 saat Tuan Yang di-Pertua. Saya kena belajar *landing* awal, tidak boleh lama-lama. Kita kena tanya soalan ini dan sahabat-sahabat yang di seberang sana [*Merujuk kepada blok kerajaan*] pun kena tanya soalan ini. Ini perkara dengan izin, *common sense* paling mudah. Tahun pilihan raya, Yang Amat Berhormat Pekan lemah, mungkin kalah, maka yang sepatutnya ada, bagi lah wang. Apa susah. Saya telah nyatakan secara terbuka. RTM1 jemput saya, saya kata saya tidak ada masalah selagi wang itu dikembalikan kepada rakyat. Siapa hendak bagi, bagi lah. Itu wang rakyat tetapi dia tidak bagi. Maka saya hendak utarakan kepada Dewan ini supaya kita sama-sama tanya Yang Amat Berhormat Pekan nanti bila dia datang gulung dan jawab.

Adakah di sebalik pertambahan RM10 bilion paling kurang ini, tidak diterjemahkan kepada kebaikan yang lebih besar kepada rakyat? Adakah disebabkan kita ada hutang-hutang yang perlu dibayar selepas ini? Ini hutang 1MDB ini kita tahu RM40 bilion. Hutang RM10 boleh simpan, hutang RM20 boleh simpan, RM40 bilion Tuan Yang di-Pertua, mana

hendak sembunyi? Saya hendak tanya kepada Yang Amat Berhormat Pekan, apakah disimpan satu peruntukan di tepi supaya walaupun wang itu sebaik-baiknya dibelanjakan untuk rakyat tetapi mengambil kira hutang tanggungan dan segala denda cukai faedah yang terpaksa dibayar, maka segala tambahan itu diletakkan ke tepi untuk membayar hutang-hutang yang ini?

Sebab memang betul hutang 1MDB tidak masuk dalam belanjawan tetapi hutang 1MDB ini dijamin oleh kerajaan. Hutang-hutang yang diambil oleh syarikat yang ditubuhkan khas untuk mengambil hutang bagi pihak 1MDB ini secara langsung atau tidak langsung, dijamin oleh kerajaan dan kerajaan juga lah terpaksa bayar. Jadi saya tanya soalan itu kepada Yang Amat Berhormat Pekan untuk dia jawab. 3 minit 23 saat, saya hendak tutup begini.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua dan di dalam Dewan yang mulia, bahawa rakyat boleh menilai antara Pakatan Harapan di sebelah sini dan Barisan Nasional di sebelah sana, tidak ada rakyat yang kata, "*Ini Barisan jahat, Pakatan semua baik atau Pakatan semua jahat, Barisan semua baik*". Tiada orang kata begitu. Rakyat tahu bahawa ini pertembungan dan juga persaingan dua kumpulan parti politik. Sebelah pihak ada satu kerajaan, sebelah pihak pun ada satu kerajaan. Di Pulau Piang pun ada, di Selangor pun ada. Masing-masing bersaing supaya mendapat hati rakyat.

Dia seolah-olah ada seorang wanita cantik, Kinabatangan seorang, Ranau seorang. Dua-dua. Jadi rakyat tahu bahawa akhirnya, tidak lagi timbul soalan siapa yang boleh memerintah, siapa tidak boleh memerintah, siapa lagi bijak, siapa lagi tidak bijak. Akhirnya rakyat tahu kita sudah sampai ke peringkat kedua-dua kumpulan masing-masing ada orang yang baik, ada orang yang nakal, ada yang tidak boleh pakai. Oleh sebab itu yang paling penting ialah keikhlasan, kejujuran dan amanah pimpinan yang paling atas sekali. Saya tidak pernah sentuh mana-mana, banyak sangat pimpinan ataupun sahabat-sahabat Yang Berhormat daripada sebelah sana [*Merujuk kepada blok kerajaan*] kerana amanah yang paling besar itu adalah kepada Yang Amat Berhormat Pekan. Kalau Tuan Yang di-Pertua paling baik pun dan saya kalau bertanding di tempat Tuan Yang di-Pertua pun akan kalah.

Akan tetapi kalau rakyat menghukum Yang Amat Berhormat Pekan, Tuan Yang di-Pertua sekali bungkus sebab itu. Jadi sebab itu, saya hendak sebut, kita ada peranan masing-masing, tolong maklumkan kepada Yang Amat Berhormat Pekan, harga minyak mentah hari ini 63 dolar satu tong. Ia akan terus naik kerana berlaku ketidaktentuan dan pergelutan kuasa di Arab Saudi. Kalau ia naik 70 dolar, kalau ia naik 75 dolar, harga minyak boleh jadi RM2.50 sen, RM2.60 sen. Saya minta satu sahaja, tolong bagi balik subsidi. Sekejap sahaja, sekejap sahaja. Bagi lima bulan pun tidak apalah. Kalau Yang Amat Berhormat Pekan boleh buat yang itu, kami yang bermasalah.

Akan tetapi saya yakin rakyat cerdik. Dia boleh dapat bandingkan yang mana bela dia, yang mana dan saya rasa, itulah yang sepatutnya yang terbaik untuk rakyat bila kita

ada kerajaan dan pembangkang yang sama-sama tegur-menegur dan bersaing untuk memenangi hati macam Yang Berhormat Kinabatangan dengan Yang Berhormat Ranau, sama-sama bersaing.

■1600

Kedua dan terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya minta sahabat-sahabat di seberang sana maklumkan kepada Yang Amat Berhormat Pekan, turunkan GST walaupun tidak boleh hapuskan. Dia tidak ada alasan kerana kutipan tahun ini banyak. Kutip cukai banyak, cukai minyak banyak. Dia kata ekonomi akan berkembang, tidak ada sebab dia tidak boleh turunkan dua peratus...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin, sikit.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tujuh saatlah Yang Berhormat Rompin, minta maaflah kecuali Tuan Yang di-Pertua hendak bagi sikit sahaja. Tidak bagi? Minta maaf Yang Berhormat Rompin, dia tidak bagi.

Jadi, *insya-Allah* saya sampaikan itu kepada Tuan Yang di-Pertua, supaya Yang Amat Berhormat Pekan boleh jawab semasa sesi penggulungan nanti. Saya sudah dengan *wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Saratok.

4.01 ptg.

Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah selamat membentangkan Bajet 2018 pada jam 3.30 petang Jumaat, 27 Oktober 2017 yang lalu di mana telah mencatat satu sejarah baru dalam pembentangan bajet yang pada lazim dan kebiasaannya akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada jam 4.00 petang. Sekalung ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga selaku Menteri Kewangan. Syabas dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tema "*Memakmurkan Ekonomi Yang Inklusif Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahterakan Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50*", Bajet 2018 telah memberi sinar bukan sahaja kepada negeri-negeri di Semenanjung tetapi terus memberi sinar kepada Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2017, sebanyak RM38 bilion telah dibelanjakan untuk pembangunan Sabah dan Sarawak. Terima kasi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan pelbagai transformasi yang dilakukan membolehkan Sarawak terus bersinar untuk sama-sama bersaing, berjalan dan terus berlari dengan semua negeri di Malaysia bagi membentuk masa depan negara kita yang terus gilang-gemilang.

Berlandaskan konsep *National Blue Ocean Strategy*, kerajaan kita telah mengorak langkah untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dalam sistem penyampaian awam bagi memberangsangkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan mampan serta mewujudkan masyarakat berpendapatan tinggi dan harmoni. Sudah 54 tahun Sarawak bersama membentuk Persekutuan Malaysia. Sejak Rancangan Malaysia Kedua dilancarkan pada tahun 1971, banyak program pembangunan dijalankan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Sarawak. Tidak dapat dinafikan bahawa 54 tahun yang lepas, kualiti hidup rakyat Sarawak berjaya dipertingkatkan ke tahap yang hampir sama dengan kualiti hidup rakyat di Semenanjung.

Jatuh dan bangun kita bersama. Walau kedudukan demografi, landskap dan geografi Sarawak yang unik serta taburan penduduknya yang tinggal di perbagai kawasan, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri telah berusaha berganding bahu untuk terus memberi impak yang terbaik bagi pembangunan negeri. Jika diimbau 41 tahun lalu, lebih dari separuh penduduk Sarawak berada di dalam kemiskinan dengan kadar 56.5 peratus pada tahun 1976. Namun dengan berkat kegigihan usaha keras Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, ekonomi Sarawak terus mencatatkan prestasi positif apabila kadar kemiskinan berjaya diturunkan pada tahap 0.9 peratus pada tahun 2014.

Pada tahun 2016, kita telah menyumbangkan hasil RM121,414 juta kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Ini sudah cukup memberi gambaran jelas ekonomi Sarawak dipacu dengan baik sekali. Selaras dengan perkembangan pembangunan yang pesat pada tahun 2017, kita telah menyaksikan jaringan Lebuhraya Pan-Borneo, pengecualian Dasar Kabotaj yang menjalankan aktiviti kargo dengan izin, *devolution of powers* daripada Putrajaya ke Kuching mula terus berbunga dan berkembang seiring dengan matlamat pimpinan negara.

Perkembangan ekonomi digital merupakan hab baru dalam bidang ekonomi. Jaringan telekomunikasi yang baik dan menarik pelabur untuk melabur. Harapan penduduk Sarawak terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memulihkan setiap isi rumah di Sarawak mendapat liputan jalur lebar sepenuhnya yang pada ketika ini hanya 51.8 peratus menikmati kemudahan ini. Kita tidak mahu terdapat lagi kawasan yang dinilai sebagai kawasan titik buta ataupun dalam kata lain, kawasan yang tiada liputan untuk kawasan kurang penduduk.

Dengan jaringan telekomunikasi yang berada pada tahap terbaik, penggunaan ekonomi digital dapat dibangunkan dengan lebih meluas di Sarawak dan membuka peluang bagi menjana ekonomi negeri. Tidak mustahil pada tahun 2050, Sarawak juga mempunyai jajaran seperti MRT yang membolehkan negeri terus merangsang pembangunan ekonomi ke kawasan yang sukar untuk dihubungkan.

Tuan Yang di-Pertua, Transformasi Nasional. Sidang Dewan yang dihormati, kami semua daripada Barisan Nasional terus mengorak langkah dengan berlari menuju ke arah

Transformasi Nasional 2050. Dalam masa 30 tahun akan datang, kita telah merangka strategi daripada pelbagai bidang seperti ekonomi, kemasyarakatan, sosial dan alam sekitar untuk masa depan negara yang akan diwarisi kepada generasi muda masa kini. Apa yang paling utama dan yang paling harus kita semua sedar, strategi-strategi ini dirangka sendiri oleh generasi belia kita untuk digunakan oleh mereka dalam tempoh 30 tahun daripada sekarang.

TN50 adalah satu petanda aras baru untuk kita membentuk masa depan negara. Dalam bahasa mudah, bahasa orang kampung iaitu daripada rakyat kepada rakyat dengan berlandaskan amalan sesuai dengan perubahan-perubahan utama yang dialami oleh negara melalui geografi dan demografi. Membentuk masa depan negara melalui TN50 adalah asas untuk setiap rakyat di negara ini tidak kira daripada golongan profesional, petani dan pelajar. Mereka mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membentuk masa depan negara yang cemerlang.

Kita tahu delima politik yang utama berlaku di dalam atau luar negara adalah untuk mengatasi masalah jurang ekonomi sesebuah kumpulan isi rumah. Oleh itu, TN50 akan mewujudkan hubungan saling melengkapi jurang ekonomi yang berlaku pada hari ini dan membolehkan pada tahun 2050, jurang ini semakin mengecil dan seterusnya hilang. Ini juga akan membolehkan semua negeri, semua masyarakat daripada bandar dan luar bandar sama-sama berkongsi hasil negara. TN50 ini perlu dilihat dalam konteks yang lebih besar dalam konteks kesaksamaan. Kemajuan yang wujud adalah hasil semangat perpaduan, semangat cintakan negara yang membentuk masa depan negara yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, geopolitik Malaysia. Sidang Dewan yang dihormati, negara berdepan cabaran geopolitik yang juga menjadi ancaman besar kepada dunia hari ini. Kita sedar ada risiko baru berikutan krisis negara teluk, ancaman balistik Korea Utara dan keputusan Parlimen United Kingdom berkenaan Brexit untuk menyumbang ketidaktentuan keadaan geopolitik dan ekonomi global. Walau bagaimanapun, Malaysia bersedia untuk menangani dan berhadapan dengan keadaan tersebut. Malah, terus mencatat pertumbuhan ekonomi yang positif dan memberangsangkan.

Dalam era globalisasi, Malaysia tidak dapat meneruskan agenda pembangunannya secara bersendirian.

■1610

Pembangunan ekonomi negara bukan sahaja bergantung kepada sumber domestik tetapi sumber-sumber dan kepakaran dari luar. Dalam usaha memelihara kepentingan Malaysia di arena antarabangsa, kita perlu mengurus, mentadbir secara bijak jalinan perhubungan yang diwujudkan dengan negara lain melalui dasar yang berprinsip, bebas dan pragmatik. Malaysia berpegang teguh kepada prinsip kedaulatan sesebuah negara walau sekecil mana negara tersebut. Malaysia dihormati kerana kebijaksanaan

mengamalkan diplomasi halus secara tersirat terutama dalam usaha merintis pendamaian serta membantu menyelesaikan krisis dan konflik.

Tuan Yang di-Pertua, budaya politik menghasut. Sidang Dewan yang dihormati, perkembangan globalisasi telah memberi impak mengenai perubahan budaya politik sesebuah negara. Pada dasarnya, dalam bahasa mudah, budaya politik dianggap sebagai faktor yang menyediakan andaian dan peraturan dasar yang menjadi nilai dan norma dalam sistem politik dan masyarakat sesebuah negara. Sistem yang diwarisi oleh nenek moyang kita dengan penuh kesopanan dan kesusilaan telah hilang ditelan dengan revolusi teknologi. Informasi yang mudah disampaikan melalui pelbagai media telah menyebabkan budaya politik menghasut semakin menjadi-jadi kebelakangan ini.

Negara kita sebuah negara yang aman damai di samping penduduk yang berbilang kaum. Keadaan ini dapat dikekalkan kerana berlakunya toleransi antara kaum-kaum utama terbesar di negara kita. Justeru itu, kita seharusnya bersyukur dengan keamanan dan keharmonian yang telah kita kecapai. Kita semua boleh duduk bersama dan berbincang tanpa ada rasa perbezaan politik antara satu sama lain. Persefahaman yang telah berjaya dicapai ini perlu dikekalkan supaya tidak ada perasaan curiga antara kita kerana ia akan menjejaskan serta merosakkan semangat perpaduan yang telah terjalin sekian lama.

Ini ditambah pula dengan anasir-anasir baru yang cuba menggugat lagi kestabilan dan keharmonian politik negara kita. Kita semua dikejutkan dengan berita-berita mengenai kewujudan aktiviti-aktiviti militan seperti DAISH dan ISIS. Inilah ancaman-ancaman dalam diam yang boleh merubah landskap politik sesebuah negara. Bayangkan bagaimana pengaruh militan ini bukan sahaja mempengaruhi golongan profesional tetapi pelajar sekolah turut menjadi mangsa.

Walau bagaimanapun, berita ini amat mendukacitakan kita kerana terdapat anasir-anasir luar yang mengganggu gugat kestabilan politik negara. Namun, ucapan tahniah juga harus diberikan kepada pasukan keselamatan negara kerana bertindak dengan pantas untuk melumpuhkan anasir tersebut. Kita tidak mahu gerakan militan ini menjadi tidak terkawal seperti yang dihadapi oleh sesetengah negara.

Program-program bagi memulihkan anggota militan yang dilaksanakan di negara kita telah berjaya menjadi contoh kepada negara luar. Ini memperlihatkan penerimaan negara luar terhadap inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak keselamatan kita dalam memerangi keganasan.

Sidang Dewan yang dihormati, sebagai rakyat Malaysia, seharusnya kita bersyukur dengan keamanan dan perpaduan yang kita kecapai dan kekalkan sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Bajet 2018 ini dilihat sebagai satu manifestasi jelas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan serta pihak kerajaan dalam memastikan kehendak rakyat di semua peringkat diberi pembelaan

yang sewajarnya tidak kira di mana jua mereka semua berada, sama ada di bandar mahupun kawasan luar bandar. Kita berdoa semoga negara kita yang tercinta ini akan terus aman makmur serta dapat terus bersaing di peringkat mana sekali pun.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan kerana telah berjaya membentangkan Bajet 2018 yang dilihat sebagai satu peruntukan yang sangat realistik dan sangat mesra kepada rakyat semua. Ini telah membuktikan kerajaan sangat konsisten di dalam memastikan apa-apa keutamaan dan kesejahteraan rakyat sentiasa akan dibela demi ekonomi serta masa depan negara yang lebih baik.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong.

4.15 ptg.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas terhadap Bajet 2018.

Pada 4 dan 5 November 2017, telah berlakunya satu bencana ribut kencang dan banjir yang paling teruk di Pulau Pinang di mana kelima-lima daerah semua dilanda banjir dan beribu-ribu mangsa terpaksa ditempatkan di pusat-pusat pemindahan sementara sehingga air banjir surut. Hujan mulai turun pada 2 petang pada 4 November 2017 dan diikuti dengan angin yang amat laju, tetapi amat menghampakan, amaran yang diberikan oleh Jabatan Meteorologi tidak dapat menyediakan rakyat di negeri Pulau Pinang untuk berhadapan dengan krisis yang begitu serius ini.

Amaran cuaca buruk yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi pada 1 November pada 12.18 tengah hari di mana dikatakan hujan berterusan berserta angin kencang dijangka berlaku di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Terengganu dari Khamis 2 November sehingga Sabtu 4 November. Ini adalah amaran peringkat kuning. Amaran peringkat kuning ini berlarutan sehingga 4 November sehingga jam 6.10 petang, baru ditukar kepada peringkat jingga di mana pada masa itu, hujan telah turun empat jam, baru ditukar kepada jingga. Amaran itu ditukar kepada peringkat merah pada 4 November jam 9.30 malam selepas tujuh jam setengah sejak hujan mulai turun. Jadi baru ditukar kepada merah.

Ini menunjukkan Jabatan Meteorologi kita memang lambat, memang bersikap tidak profesional dalam menangani masalah ini, kerana mengikut lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Pulau Pinang kelmarin, beliau pun mengaku memang maklumat yang diperolehi oleh Jabatan Meteorologi itu tidak dapat disampaikan kepada jabatan-jabatan atau agensi-agensi atau pihak-pihak terlibat sehingga seluruh rakyat negeri Pulau Pinang tidak sempat untuk membuat sebarang persediaan terhadap

apa yang telah berlaku. Pada masa itu, tiada seorang yang sedar di mana mereka akan menghadapi banjir yang begitu besar. Banjir yang melebihi ARI untuk 100 tahun. Ini 100 tahun tidak pernah— baru akan berlaku sekali tetapi sudah berlaku pada beberapa hari yang lepas.

Amaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi ini tidak menyebut langsung bahawa akan berlakunya taufan. Taufan yang akan membawanya hujan ke negeri Pulau Pinang akan menyebabkan air laut pasang, akan menyebabkan air bertakung dan tidak dapat disalurkan ke laut. Ini adalah satu masalah besar di mana Taufan Damrey yang sebelum ini telah melanda tengah Vietnam dan selatan Vietnam di mana ia telah menyebabkan 49 orang mati dan 27 orang hilang, 2,000 rumah runtuh dan 80,000 rumah mengalami kerosakan.

■1620

Jikalau taufan yang sama melanda negara kita, pastinya kita akan menghadapi suatu keadaan yang amat serius kerana rakyat tidak bersedia langsung, ke mana rakyat hendak dipindahkan? Memang kita menghadapi satu krisis yang begitu besar kerana taufan ini, kelajuan anginnya boleh mencecah 90 kilometer satu jam. Semalam apabila saya memeriksa laman web Jabatan Meteorologi, tidak dapat berfungsi. Sehingga tengah hari ini baru dapat dibaiki sepenuhnya, dapat beroperasi semula.

Ini menunjukkan memang Jabatan Meteorologi kita hanya pandai mengeluarkan amaran saja. Kita boleh mengimbas kembali berapa amaran kuning dikeluarkan untuk satu bulan yang lepas. Itu amaran kuning memang sesuatu yang biasa. Akan tetapi apabila dia bertukar ke jingga, ke merah, rakyat pun tidak sedar langsung atau dia hanya keluar amaran itu, amaran jingga atau amaran merah selepas banjir sudah berlaku, ketika tanah runtuh telah berlaku. Ini jika pada masa itu semua sudah berlaku apa maknanya? Jikalau masih mengeluarkan amaran cuaca peringkat jingga atau merah ia langsung tidak dapat membantu.

Jikalau dengan laman web yang tidak dapat dimasuki dan tidak dapat diakses pada waktu kritikal ini, rakyat tidak dapat akses, tidak dapat mengetahui masalah yang sebenarnya. Seperti apa yang berlaku semalam apabila ada berita, ada desas desus khabar angin yang mengatakan ada taufan yang akan melanda semula Wilayah Utara Malaysia. Ini dilaporkan oleh CNN. Rakyat hendak tahu sama ada itu benar atau tidak. Mereka pergi, saya akses ke Jabatan Meteorologi dengan *Appsnya myCuaca* itu, saya *check*, saya semak Nasihat Lekukan Tropika di mana nasihat itu yang dikeluarkan pada 10.30 pagi semalam. Disebutkan dalam nasihat itu tiada sistem *cyclone tropical* dicerap dalam kawasan pemantauan MMD, Jabatan Meteorologi.

Bagi kawasan pemantauan MMD adalah latitud 0 ke 20 utara dan longitud 95 ke 130 timur. Jadi jikalau ada taufan yang sedang dibentuk dan sedang bergerak dari luar kawasan pemantauan Jabatan Meteorologi kita, kita tidak tahu, kita tidak dapat kesan. Tiada sebarang sumber yang dapat memberitahu kita sama ada bilakah taufan ini akan

melanda kita. Sama ada dia sedang bergerak ke arah kita, ke arah negara kita dan di kawasan mana yang akan menghadapi masalah. Semua, bila kita lihat semula, amaran cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi selama ini. Ianya terlalu *general* di mana amarannya tidak spesifik, tidak memberitahu kawasan secara spesifik kawasan mana yang akan menghadapi masalah, yang akan menghadapi banjir.

Bila dia sebut macam dia keluarkan pada 1 November, biasanya akan berterusan berlaku di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu. Kawasan yang sebegitu besar. Tapi di mana kawasan yang spesifiknya. Di setiap negeri kita ada banyak daerah. Setakat mana setiap daerah akan menghadapi masalah. Setakat mana impaknya. Ini perlulah dibuat secara lebih spesifik, secara profesional supaya rakyat di setiap daerah, mereka boleh mengetahui masalah yang sebenarnya yang akan dihadapi kerana air turun di satu daerah mungkin tidak akan berlaku di daerah yang lain.

Akan tetapi dengan amaran sebegini, memang rakyat satu Pulau Pinang, walaupun ada amaran sebegini, tiada orang kesan, tiada orang mengetahui setakat mana keseriusan yang mereka akan hadapi. Selepas amaran cuaca buruk yang dikeluarkan pada 1 November berperingkat kuning ini, selain daripada dipaparkan di atas laman web, dalam *Apps* Jabatan Meteorologi itu, tiada sumber lain yang dapat menghebahkan berita tersebut. Tiada sumber lain di mana rakyat jikalau tidak akses kepada Jabatan Meteorologi, tidak akses kepada sumber-sumber yang berkaitan, mereka tidak dapat akses lain. TV tiada siaran daripada televisyen. Tiada *alert*, tiada amaran dikeluarkan oleh syarikat-syarikat telco. Kita tidak dapat sebarang *alert* daripada internet. Ini satu masalah besar.

Saya berharap apabila Jabatan Meteorologi ditegur Timbalan Perdana Menteri semalam, ini menunjukkan Jabatan Meteorologi memang menghadapi satu masalah yang besar. Mereka begitu reaktif saja, mereka tidak proaktif. Mereka tidak langsung menghubungi pihak berkuasa negeri di pihak berkuasa tempatan supaya segala persediaan dapat dilakukan dengan awal. Bila jabatan ini ditegur secara terbuka oleh Timbalan Perdana Menteri, ini menunjukkan jabatan ini tidak membuat kerja dengan betul, tidak membuat kerja dengan berkesan, tidak membuat kerja dengan secara proaktif sehingga maklumat yang diperoleh tidak disampaikan. Sehingga berlakunya banjir yang begitu besar, semua orang tidak sempat untuk melakukan sesuatu.

Jadi saya berharap Jabatan Meteorologi, Ketua Pengarah Jabatan ini perlu mengambil tanggungjawab sepenuhnya ke atas ketidakberkesanan jabatan tersebut. Beliau haruslah bertanggungjawab dan jangan bagi pelbagai alasan yang langsung tidak dapat diterima oleh rakyat, di mana alasannya, amaran telah dikeluarkan. Apabila suatu amaran dikeluarkan, setakat mana amaran ini dapat disampaikan, dapat dihebahkan. Ini adalah sesuatu yang penting.

Dalam zaman era internet ini kita boleh berhubung melalui *Facebook*, kita boleh berhubung melalui *Google* supaya semua maklumat ini dapat dihebahkan. Jikalau dia

hanya bersangkutan dengan Wilayah Utara Malaysia, maka maklumat itu boleh disampaikan secara spesifik untuk satu kawasan tertentu melalui syarikat telco. Kita boleh melalui *Facebook*, kita boleh melalui *Google*. Semua ini kita ada akses tapi akses ini tidak diguna secara optimum.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap masalah banjir di Pulau Pinang dapat ditangani dengan segera, dengan kerjasama daripada semua jabatan, agensi Persekutuan dan juga jabatan negeri dan tempatan. Saya juga ingin mengguna kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan yang kini telah menghulurkan pelbagai bantuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu mangsa-mangsa bencana yang terlibat.

Tidak lupa juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bagan Datuk yang sudi menjawab panggilan telefon Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang pada jam 3.30 pagi. Dalam masa yang tersingkat arahan telah diberikan kepada Angkatan Tentera Malaysia supaya anggota-anggotanya turut dikerah untuk membantu dalam kerja-kerja membantu mangsa bencana di Pulau Pinang.

Ini menunjukkan kesudian parti-parti politik yang berlainan sanggup membelakangkan perbezaan fahaman politik untuk matlamatnya untuk membantu mangsa-mangsa bencana secara amnya di negeri Pulau Pinang. Apa yang berlaku di Pulau Pinang akan berlaku di negeri-negeri yang lain pada masa yang akan datang. Seperti semalam telah berlaku di Klang, di Selangor. Jadi apakah strategi-strategi atau pelan kita untuk berdepan dengan cabaran-cabaran perubahan iklim sedunia yang akan mendatangkan perubahan cuaca yang susah dijangkakan serta kenaikan paras air laut yang semakin menakutkan.

■1630

Peranan Angkatan Tentera Malaysia dalam perkara ini amatlah dihargai tetapi apabila saya merujuk satu laporan berita di mana Presiden Persatuan Patriot Kebangsaan, Brigedier Jeneral (B) Datuk Mohd. Arshad Mohd. Raji. Beliau menyatakan bahawa terdapatnya SOP yang sepatutnya diaktifkan secara automatik untuk melibatkan Angkatan Tentera Malaysia supaya mereka dapat dikerah untuk membantu kerja-kerja menyelamatkan mangsa banjir di Pulau Pinang sekiranya berlaku bencana alam sebegini.

Jadi apabila dia membaca tentang Ketua Menteri meminta bantuan ketenteraan daripada TPM jadi dia berasa ini bukanlah satu cara yang betul. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada kerajaan apabila berlakunya insiden sebegini, macam mana dengan SOPnya? Macam mana kita boleh secara automatiknya untuk dapat mengerahkan Angkatan Tentera Malaysia untuk membantu dalam kerja-kerja sebegini?

Emergency Response Team juga sesuatu yang penting di mana walaupun kita ada MKN 20 tetapi kita tidak ada *Emergency Response Team* di setiap peringkat. Kita ada SMART Team, kita ada Agensi Pengurusan Bencana Negara tetapi dari segi

hakikatnya ia hanya berpusat berpangkalan di pusat tetapi tidak ada cawangan di setiap negeri. Jadi memanglah perlunya satu mekanisme yang baharu supaya semua peringkat boleh ada mekanisme untuk menubuhkan *Emergency Response Team* untuk berhadapan dengan sebarang krisis, dengan segala bencana alam yang bersaiz begitu besar ini.

Saya juga ingin menyentuh isu pendidikan di mana mengikut laporan daripada *The Malay Mail*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, 15 minit?

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: 5 minit.

Tuan Yang di-Pertua: 15 minit.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Okey, habis?

Tuan Yang di-Pertua: Itu jam mengatakan bahawa sudah habis.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Okey, baik. Terima kasih sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat Langkawi. Selepas Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Bayan Baru, selepas Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Kudat, bersedia.

4.32 ptg.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2018. Saya akan sentuh beberapa perkara iaitu teksi di Langkawi, penipuan perumahan, kenaikan harga barang dan juga pelancongan di Langkawi.

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia kerana telah membentangkan satu Bajet 2018 yang cukup hebat dan menyeluruh dari bawah di peringkat kanak-kanak sehinggalah ke orang dewasa, dari bandar sehinggalah ke kampung pedalaman, dari orang kaya sehinggalah orang miskin, dari pegawai kerajaan sehinggalah pekerja swasta. Pendek kata inilah bajet yang paling terbaik pernah Kerajaan BN bentangkan sejak memerintah negara ini.

Teksi *versus* e-Hailing, Uber, GrabCar saya tertarik dengan sumbangan kerajaan pada golongan teksi iaitu RM5,000 geran bagi menukarkan kenderaan mereka untuk beralih ke e-Hailing. Ini adalah satu inisiatif oleh kerajaan untuk mengukuhkan industri pengangkutan awam negara Malaysia. Namun begitu, saya ingin menarik perhatian kepada lebih 1,300 pemandu teksi di Langkawi. Kalau di kali dengan anak-anaknya kali dengan empat atau lima sudah tentu jumlah mereka melebihi 5,000. Sebuah pulau yang kecil sebesar Singapore tetapi penduduknya hanyalah lebih 100,000 jauh lebih kecil daripada penduduk Singapore yang berjumlah 5.7 juta.

Rata-rata pemandu teksi di Langkawi mendapat pendapatan yang selesa sejak pulau ini disiarkan sebagai Pulau Bebas Cukai dan Pelancongan 1987. Namun begitu,

kehidupan mereka terjejas teruk bila terwujudnya sistem e-Hailing seperti Uber dan GrabCar yang memasuki pasaran pengangkutan awam di Langkawi bermula sejak Pameran LIMA 2017 iaitu Mac 2017. Saya dimaklumkan oleh rakan-rakan melalui SMS, melalui *Whatsapp*, melalui *Facebook* dan melalui telefon bahawa mereka mengalami kemurungan yang amat dahsyat apabila lebih 50 peratus pendapatan mereka hilang dengan tiba-tiba apabila Uber dan GrabCar memulakan operasi di Pulau Langkawi.

Daripada sehari mendapat lima hingga enam trip perjalanan menjadi sehari hingga satu hingga dua trip sahaja sementara lainnya dibolot oleh Uber dan GrabCar. Kita menyokong usaha kerajaan untuk mewujudkan satu sistem yang lebih efisien dan disukai oleh rakyat tetapi pada masa yang sama, saya merayu agar kita mengambil perhatian dan mencari jalan membantu pemandu teksi sedia ada. Kekurangan yang ada pada industri pengangkutan teksi di Pulau Langkawi boleh saya gariskan seperti di bawah:-

- (i) mereka tiada *apps* yang masyhur telah kita lakukan *apps* WOWORA tetapi gagal kerana tidak ada orang pun mengetahuinya;
- (ii) harga yang tidak kompetitif, harga Uber lebih jauh murah daripada harga teksi berkali ganda menyebabkan mereka tidak menjadi pilihan tetapi harga itu merugikan mereka kerana kos operasi harian teksi pun tidak boleh *cover*;
- (iii) kek perniagaan yang kecil Pulau Langkawi yang terbatas dengan keluasan yang kecil dengan jumlah pelancong yang terhad maka jumlah orang yang hendak naik juga terhad tetapi apabila wujudnya persaingan yang banyak daripada kumpulan e-Hailing ini menyebabkan kek pembahagian itu menjadi sangat kecil per teksi;
- (iv) 20 peratus daripada pemandu teksi ini tidak tahu memakai *mobile phone* ataupun membaca. Sudah tentu mereka ini sukar untuk kita berbuat sesuatu bagi meningkatkan keupayaan mereka;
- (v) kenderaan teksi yang lama ada teksi yang sudah 12 tahun sementara untuk masuk e-Hailing perlu hanya kenderaan kurang daripada 7 tahun. Jadi sudah tentu sebahagian besar daripada mereka ini tidak mampu untuk diserapkan ke dalam sistem e-Hailing;
- (vi) faktor punca pendapatan utama berbanding dengan pendapatan sampingan bagi pengusaha-pengusaha e-Hailing. Orang yang membawa teksi itulah tempat mereka cari makan, di situlah wang digunakan untuk keluarga, di situlah wang untuk anak pergi sekolah, di situlah wang untuk memperbaiki teksi dan sebagainya tetapi berbanding dengan mereka e-Hailing hanya selepas kerja utama pukul 5, pukul 6, pukul 7 dan pukul 8 mereka baru memulakan tugas mereka;
- (vii) di Langkawi hanya satu hala biasanya, hantar dan selepas itu balik kosong. Jadi sudah tentu berbeza dengan di Kuala Lumpur. Kawasan

tumpuan di Langkawi juga sangat terhad iaitu di Pekan Kuah, Pantai Chenang, Airport dan sedikit di *cable car* sementara di kawasan lain seperti di Kuala Lumpur tempat tumpuannya merata-rata.

Buat masa sekarang ini terdapat 1,300 teksi berbanding dengan 700 Uber dan 1,200 GrabCar. Makna kata kalau kita campur Uber dan GrabCar ia melebihi teksi satu setengah kali ganda. Harga Uber terlampau rendah iaitu 60 sen per kilometer berbanding dengan GrabCar RM1.00 dan juga teksi RM1.50. Ini mewujudkan ketidakseimbangan dari segi persaingan harga. Hasrat kerajaan untuk mewujudkan suasana kompetitif di antara teksi dan e-Hailing nampaknya tidak dapat dipenuhi dengan baik buat masa sekarang.

Jadi saya memohon bagi mewujudkan satu padang permainan yang sama rata ataupun *a level playing field* maka saya memohon agar kerajaan:-

- (i) menaikkan harga Uber setara dengan GrabCar dan turunkan harga teksi sekata dengan harga e-Hailing supaya e-Hailing tidak boleh menghancurkan pertandingan dengan mainan harga sedangkan teksi tidak boleh. Jadi teksi turun sedikit, e-Hailing naik sedikit supaya ianya bertemu di satu titik untuk menjadikan industri itu industri yang lebih baik;
- (ii) mengehadkan jumlah e-Hailing di Langkawi supaya kek *business* yang wujud berbanding dengan rakan-rakan yang lain tidak mengecil sehinggakan mereka tidak dapat *cover* kos kehidupan harian;
- (iii) untuk Langkawi sahaja saya memohon dan merayu kepada kerajaan dan Menteri yang berkenaan supaya geran RM5,000 ini dapat diluaskan bukan hanya untuk penukaran teksi kepada e-Hailing tetapi kepada penukaran teksi kepada teksi supaya mereka juga dapat memandu teksi yang baharu yang boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan;

■1640

- (iv) membenarkan perkhidmatan teksi Langkawi masuk ke *e-hailing* seperti Grab kerana Grab sekarang dia ada *special button* untuk tekan Grab teksi. Saya berharap Uber juga akan melaksanakan program yang sama supaya ia dapat merealisasikan hasrat kita mewujudkan suasana industri yang lebih sempurna; dan
- (v) mengubah format caj teksi untuk memasuki Uber teksi seperti mana Grab yang hanya memberi caj satu ringgit. Sementara untuk Grab buat masa ini 25 peratus daripada pendapatan. Saya harap Uber dapat mengurangkan caj itu untuk teksi di

Langkawi kepada mungkin sama dengan Grab, satu ringgit pada setiap teksi.

Ketiganya, seterusnya Tuan Yang di-Pertua, penipuan syarikat perumahan. Saya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi Bajet 2018 sebanyak 2.2 bilion untuk pembinaan perumahan rakyat melalui SPNB, Kementerian KPKT dan lain-lain. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana daripada 17,300 unit rumah rakyat PPR yang diluluskan, Langkawi turut merasakan nikmatnya di mana *insya-Allah* pada bulan Januari ini akan dimulakan pembinaannya.

Baru-baru ini kita telah dikejutkan dengan sebuah syarikat yang beroperasi secara menipu dengan menawarkan pemilikan rumah melalui pembinaan rumah di atas tanah sendiri dengan harga yang cukup murah. Mereka menggunakan modus operandi yang cukup licin dan melibatkan orang yang berpengaruh di dalam projek mereka secara memasang perangkap menipu seperti apa yang berlaku kepada Menteri kita sendiri, KPKT dan saya sendiri di Langkawi.

Di seluruh negara saya difahamkan mangsa yang terlibat lebih kurang 300 orang dan di Langkawi sahaja lebih kurang 50 orang. Di Langkawi, mereka mencari orang baru dalam politik dan ada pangkat yang boleh mengelirukan masyarakat iaitu Ahli Parlimen Belia sebagai promoter dan saya sebagai Ahli Parlimen dijemput untuk pelancaran walaupun saya tidak hadir. Kebanyakan mangsa tertipu kerana percaya ini adalah projek kerajaan kerana mereka menggunakan nama Ahli Parlimen Belia dan Ahli Parlimen secara tidak sah dan mereka tidak mendapat kebenaran bertulis atau secara rasmi dari empunya diri.

Lantaran kerana terpesona dengan gula-gula, siapa bayar penuh dahulu akan dapat dibina dahulu, maka ramailah yang terkena dalam julat yang tinggi iaitu lebih kurang RM40 ribu seorang. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan dan Menteri KPKT Tan Sri Noh yang mengambil inisiatif untuk membanteras penipuan ini mengambil tindakan susulan iaitu:

- (i) menubuhkan satu jawatankuasa khas yang terdiri dari pelbagai jabatan dan kementerian bagi menangani isu ini;
- (ii) menangkap semua ketua kumpulan dan konco-konconya; dan
- (iii) akan membawa mereka ke mahkamah untuk keadilan.

Sementara saya mewakili mangsa di Langkawi dengan ini merayu kepada kerajaan agar dapat membantu:

- (i) memberi secara kelulusan istimewa untuk mangsa mendapatkan rumah mereka melalui tiga skim sama ada PPR, RMR ataupun Skim Pinjaman Perumahan 60 ribu KPKT;

- (ii) membantu mendapatkan *lawyer* kerajaan bagi membawa kes 50 orang mangsa ini ke mahkamah supaya wang mereka dapat didapati semula; dan
- (iii) memohon kerajaan menyita harta dan kewangan mereka untuk proses pembayaran kepada mangsa nanti.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Menteri Tan Sri Noh kerana mengambil berat hal ini dan secara *verbal* bersetuju untuk membantu mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga barang. Hari ini terdapat banyak suara rakyat berbunyi tentang harga barang naik dan ianya menjadi satu kewajipan bagi pihak kerajaan untuk menangani isu ini. Saya melihat beberapa agenda yang telah disarankan oleh kerajaan akan dapat membantu rakyat bawahan untuk menangani peningkatan kos sara hidup dan peningkatan harga barang keperluan harian. Contoh yang sangat jelas ialah usaha murni kerajaan demi mencari jalan membantu rakyat, dapat kita lihat dari agenda subsidi barangan, pengangkutan, elektrik 3.9 bilion, menyediakan kedai KR1M 2.0, dan lain-lainnya. Bagi pendapat saya, rakyat B40 ke bawah memerlukan barang makanan dan keperluan harian utama berkadar rendah, munasabah dan stabil harganya untuk jangka masa waktu yang panjang tanpa ada kenaikan harga setiap kali ada sesuatu peristiwa.

Sebenarnya harga barang ini dikawal oleh para pengilang, peniaga dan kartel persatuan peniaga yang sudah ada satu *network* rangkaian *supply chain* yang mantap dan menyeluruh dan mereka boleh menetapkan apa sahaja harga barang yang mereka jual. Kalau rakyat hendak salahkan kenaikan harga barang disebabkan oleh GST, saya rasa ia bukanlah semua terletak pada GST kerana logiknya:

- (i) semasa tiada GST harga barang masih naik. Dulu ada kempen BN - barang naik sebelum PRU13;
- (ii) kalau lah GST sebagai penyebab kenaikan harga barang, mengapa pula harga barang yang GST kosong turut naik harganya;
- (iii) Saya di Langkawi dan Yang Berhormat Rozman di Labuan, kami *duty free*. Tiada ada cukai, tiada ada GST. Tetapi harga barang naik. Ini membuktikan bahawa GST bukanlah faktor utama kenaikan harga barang.

Sebenarnya kenaikan harga barang ini akan terus naik kerana tiga sebab utama. Pertama, kawalan *network* perniagaan dan harga oleh kartel persatuan peniaga. Kedua, susut nilai wang setiap tahun yang menggunakan *formula future value of money*. Ketiga, kejatuhan nilai wang ringgit *verses* USD sekarang ini lebih kurang 30 *percent*. Makna kata semua barang import susu dan sebagainya akan naik harga 30 peratus.

Untuk itu kita... [Batuk] minta maaf. Untuk itu saya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana mewujudkan KR1M2.0. Sebenarnya jika kita lihat daripada sistem *network* perniagaan yang sedia ada, kita ada enam lapis. Pertama, *supplier*. Kedua, *manufacturer*. Ketiga, *wholesale*. Keempat, *distributor*. Kelima *retailer* dan sampai yang keenam *stage* baru pengguna. Tetapi dengan adanya KR1M kita dapat potong dua *stage* iaitu daripada *supplier* kepada *manufacture*, lepas tu kepada *retailer* dan juga kepada pengguna. Dengan demikian itu harga akan turun dan murah.

Yang ketiga, baru-baru ini kerajaan telah mewujudkan satu *Digital FreeTrade Zone* di KLIA. Sudah tentu ia hanya akan guna tiga *step* iaitu *supplier*, *manufacturer* terus kepada pengguna menggunakan sistem *digital apps* dan sebagainya. Dan pada hari ini rakyat juga boleh membeli barang dengan harga yang murah melalui *digital application* seperti Lazada, Mysale, Zalora dan sebagainya. Bagi saya di Langkawi dan juga di Labuan, kami tidak ada GST apabila sampai ke Pulau Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya masa saya habis. Tetapi saya mohon satu minit Tuan Yang di-Pertua. Beberapa hari yang lepas Puchong ada menempelak saya bahawa saya ini selalu tidak tahu apa yang saya cakap. Tetapi sebenarnya saya hendak maklum kepada Puchong bahawa saya memang tahu apa yang saya cakap dan saya *score A1* dalam Bahasa Malaysia.

Saya bertanya kepada Puchong berkenaan dengan soalan yang Puchong bangkitkan. Puchong bangkitkan tentang Ketua SPRM. Gambarnya di Bali. Saya bertanya kalau lah Puchong boleh bangkitkan tentang Ketua SPRM, apakah tidak boleh Puchong menggunakan format yang sama untuk bangkitkan gambar yang sama yang *viral* di media bagi seorang Menteri Besar di sebuah negeri.

Jadi itu kita perlu jawapan. Kalau Puchong tidak boleh bangkitkan kedua-duanya, maknanya ini *double standard*. Jadi yang keduanya saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, bahawa gambar ini kita tidak boleh percaya. Pada zaman teknologi ini muka Tuan Yang di-Pertua boleh jadi muka saya. Kerana teknologi. Jadi sebab itu kalau lah Puchong kata kita kena bangkitkan isu gambar Ketua SPRM, saya rasa itu tidak tepat kerana apa. Kerana zaman teknologi ini boleh buat macam-macam. Pernah kita dengar satu ketika dahulu *correct, correct, correct*. Dia kata *it's look like me, it's sound like me maybe it's not me*. Jadi saya harap perkara ini kita dapat matikan di sini dan saya pohon menyokong. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bayan baru.

6.49 ptg.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Bayan Baru untuk membincangkan dan membahaskan Bajet 2018. Perbahasan saya terbahagi kepada dua. Nombor satu adalah isu tentang banjir yang berlaku di negeri Pulau Pinang. Kedua pula adalah isu bajet dan janji-janji oleh kerajaan

Barisan Nasional. Bahagian pertama, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menghulurkan bantuan ke negeri Pulau Pinang.

■1650

Saya difahamkan Yang Amat Berhormat Pekan sekarang berada di Pulau Pinang. Semalam dan hari yang lain Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Angkatan Tentera Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Malaysia, JPAM dan RELA telah menghulurkan bantuan. Dari kerajaan negeri pula, semua wakil rakyat kawasan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, PBAPP, pejabat daerah, JKR, JPS dan semua jentera kerajaan negeri telah dikerah untuk membantu mangsa-mangsa banjir. Dari pihak NGO pula, seperti Tzu Chi, seperti Foh Yee Pasukan peronda sukarela, bomba sukarela, parti-parti politik, NGO-NGO yang saya tidak dapat namakan semua, individu-individu yang penuh kasih sayang, Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Kelantan juga menghulurkan bantuan. Saya mengucapkan terima kasih setinggi-tinggi kepada semua yang terlibat membantu satu sama lain.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seorang individu yang penuh kasih sayang dengan menghulurkan bantuan tanpa mengira agama dan bangsa. Nama beliau adalah Tok Bilal Sapno Tukijo. Beliau mempelawa lebih kurang 70 orang bukan Islam untuk berlindung di Surau Taman Free School pada saat-saat yang genting semasa banjir berlaku. Pada mulanya penduduk Lengkok P. Ramlee enggan kerana ingin menghormati agama Islam, jaga sensitiviti tetapi apabila air pasang terlalu cepat maka mereka terpaksa berlindung di surau. Jadi saya ingin mengucapkan terima kasih dan kepada tok bilal. Saya nampak ini adalah semangat bangsa Malaysia di mana semua orang bantu satu sama lain dalam keadaan yang susah dan saat-saat yang genting, "*Berat sama dipikul*" ini semangatnya. Maka, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencatat penghargaan kepada Tok Bilal Sapno Tukijo dalam Dewan yang mulia ini.

Saya juga ingin membawa suara rakyat negeri Pulau Pinang ke Dewan yang mulia ini untuk menuntut Kerajaan Pusat terutamanya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya memberi peruntukan bajet untuk projek-projek tebatan banjir negeri Pulau Pinang. Bencana banjir pada 4 dan 5 November yang lalu membanjiri 80 peratus kawasan negeri Pulau Pinang telah membuka mata rakyat bahawa ada keperluan mendesak untuk projek-projek tebatan banjir. Kerajaan tidak boleh berdolak-dalik dalam hal ini. Negeri Pulau Pinang adalah nadi kepada eksport elektrik dan elektronik negara. Sebanyak 40 peratus daripada *global shipment of microprocessor assembler* adalah dari negeri Pulau Pinang. Eksport E&E negara adalah RM287 bilion, lebih besar daripada Bajet 2018 dalam setahun. Majoriti adalah datang dari Pulau Pinang. Kita tidak boleh membiarkan masalah banjir menjejaskan aktiviti industri dan sekali gus menjejaskan eksport negara.

Di Bayan Baru, terutamanya masalah banjir telah menjejaskan aktiviti-aktiviti kilang di *Free Industrial Zone Bayan Lepas*. Ramai pekerja tidak dapat pergi ke kerja akibat banjir yang kerap berlaku kebelakangan ini. "*Jangan main-main*", mendiang Karpal Singh

kata. Ini akan menjejaskan ekonomi negara. Kerajaan negeri pernah meminta bajet RM4 bilion untuk projek tebatan banjir di negeri Pulau Pinang, laporan telah diserahkan kepada kementerian tetapi masih menunggu jawapan. Kita masih menunggu, menunggu dan menunggu. Kita tidak tahu bila lagi perlu rakyat Pulau Pinang menunggu.

Kementerian boleh meluluskan, saya seru kementerian pada bajet ini luluskan beberapa projek yang dicadangkan dalam laporan permohonan tersebut. Maka sempena Bajet 2018 yang masih belum lulus, saya tuntutan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memperuntukkan bajet tebatan banjir khas untuk negeri Pulau Pinang. Untuk Parlimen Bayan Baru, saya mohon Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk memberi bajet untuk mendalami beberapa sungai iaitu:

- (i) Sungai Dua;
- (ii) Sungai Keluang;
- (iii) Sungai Nibong;
- (iv) Parit Mok;
- (v) Sungai di Kampung Naran, Batu Maung bersebelahan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Moga-moga pendalaman sungai ini akan membantu meringankan masalah banjir di kawasan Bayan Baru.

Bahagian kedua ucapan saya adalah berkenaan dengan Bajet 2018. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengumumkan bajet ini. Kenapa saya hendak ucapkan terima kasih? Ini kerana kalau inilah setakat bajet yang mampu dikeluarkan oleh Barisan Nasional, ini banyak membantu kami dari Pakatan Harapan. Pada tahun 2013, Barisan Nasional membentuk kerajaan dengan slogan iaitu "*Janji Ditepati*". Dalam kempen pilihan raya pelbagai janji-janji manis ditaburkan untuk memancing undi. Barisan Nasional memberi gambaran semua janji manis akan ditepati. Kini tiba tahun kelima dan kita akan masuk Pilihan Raya Umum yang ke-14. Biarlah kita imbas kembali, beberapa janji utama yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan.

Janji pertama adalah meringankan beban rakyat, menghentikan barang naik. Dalam manifesto tersebut BN menjanjikan nombor satu, meringankan bebanan hidup. Kedua, menurunkan harga kereta 20 peratus hingga 30 peratus. Ketiga, menubuhkan lebih banyak Kedai Rakyat 1Malaysia. Hakikatnya apa yang berlaku dalam lima tahun ini adalah Barisan Nasional mengenakan GST. Bukan sahaja tidak meringankan bebanan rakyat, bebanan hidup, menghentikan harga barang naik tetapi tambah lagi dengan GST enam peratus. Ibu kepada segala cukai yang menyebabkan rakyat seluruh Malaysia sengsara.

Nilai mata wang ringgit menurun, jatuh menjunam 28 peratus dan sekali gus meningkatkan harga barang lagi. Harga kereta tidak turun 20 peratus, 30 peratus, tidak. Rakyat masih dibebankan dengan harga kereta yang tinggi dan tanggungan hutang selama sembilan tahun. Kedai Rakyat 1Malaysia pula gagal sekarang, ditutup kedai

kerana didapati bahawa Kedai Rakyat 1Malaysia yang sepatutnya menjual barang 30 peratus sehingga 50 peratus lebih murah daripada harga pasaran sebenarnya menjual harga barang lebih tinggi daripada kedai-kedai yang biasa. Jadi ini adalah janji-janji yang ditaburkan. Kerajaan Barisan Nasional juga janji meningkatkan pendidikan Malaysia ke tahap *the top third category* pendidikan terbaik di dunia.

Mereka juga menjanjikan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai wajib lulus. Apa yang terjadi? Bahasa Inggeris belum diwajibkan lulus dengan SPM. Pada tahun 2012, Malaysia hanya mendapat kedudukan 52 daripada 65 negara yang mengambil ujian PISA daripada OECD. Ini bukan kejayaan yang boleh dibangga-banggakan kerana Singapore nombor dua di dunia. Negara jiran seperti Hong Kong juga *top five*, Malaysia 52, Vietnam 17 jauh lebih baik daripada Malaysia. Ini memalukan, amat memalukan negara kita.

Pada tahun 2015, kita menanti-nantikan laporan PISA yang baru moga-moga prestasi pelajar-pelajar kita lebih maju tetapi apa yang dikejutkan adalah penyertaan Malaysia ditolak oleh PISA kerana Kementerian Pendidikan Malaysia cuba menambahkan pelajar asrama penuh berbanding pelajar sekolah biasa. Ini seolah-olah menipu. Akibatnya PISA menyingkirkan Malaysia daripada laporan 2015. Jadi saya harap kita tidak menuduh sesiapa. Kita mahu supaya kerajaan mengambil iktibar, peningkatan prestasi pelajar-pelajar kita adalah usaha semua pihak termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia.

■1700

Kita mahu supaya Kementerian Pendidikan Malaysia menyertai PISA dan pada tahun yang akan datang iaitu 2018, dengan cara yang betul supaya kita boleh menilai prestasi anak-anak kita semua.

Janji yang paling manis oleh Barisan Nasional adalah membina satu juta rumah mampu milik. Antaranya 500,000 dibina oleh PR1MA. PR1MA ditubuhkan kerana semasa itu orang muda susah mendapatkan- tidak mampu membeli rumah yang semakin meningkat, sangat mahal. Jadi PR1MA ditubuhkan seolah-olah untuk menyelesaikan masalah orang muda membeli rumah. Pelbagai janji dijanjikan. 500,000 rumah PR1MA, selepas itu 500,000 lagi dengan swasta dan sebagainya untuk mendapatkan 1 juta rumah.

Saya baru-baru ini tanya daripada Parlimen, apakah hasil daripada itu? Sehingga Jun 2017, hanya 8,475 unit rumah siap dibina dengan hanya 934 diserahkan kepada pemilik. Ini bermaksud, hanya kurang daripada dua peratus rumah PR1MA siap dibina. Apa terjadi kepada janji manis 500,000 rumah mampu milik? Orang muda masih menunggu-nunggu di luar sana. Sekarang mereka tidak mampu beli rumah lagi, terlalu mahal. Jadi saya rasa ini adalah janji-janji manis yang ditaburkan.

Bajet ini adalah bajet yang terakhir dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan menjelang Pilihanraya Umum Keempat Belas. Ini bermaksud, segala janji manis yang dikeluarkan dalam manifesto Barisan Nasional pada tahun 2013, harus dilaksanakan kerana tahun depan kita semua masuk pilihan raya. Namun saya tidak nampak ada apa-

apa tindakan daripada Yang Amat Berhormat Pekan untuk memenuhi janji-janji yang ditaburkan dalam PRU Ke-13. Sebenarnya, beliau harus menggunakan peluang terakhir dalam bajet ini untuk memenuhi segala janji tetapi sayangnya, selama lima tahun ini, kita tahu bahawa legasi beliau sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah dua isu sahaja.

Nombor satu, mengenakan GST enam peratus kepada rakyat. Kedua, adalah skandal 1MDB yang merupakan kes kleptokrasi terbesar di dunia. Kedua-dua isu ini menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak popular di kalangan rakyat Malaysia iaitu hanya pada *approval rating* yang lebih rendah daripada 30 peratus sahaja. Jadi, sebagai kerajaan atau sebagai parti-parti politik, selalunya kita menaburkan janji-janji yang manis.

Akan tetapi saya ingin ingatkan kepada pihak sebelah sana... [*Merujuk kepada blok kerajaan*] Dan juga pihak di sebelah sini... [*Merujuk kepada blok pembangkang*] Kita juga kena- janji dan ditepati. Janji harus ditepati. Jangan ingat rakyat di luar sana mudah lupa. Mereka tidak lupa. Mereka sekarang sebab segala janji yang manis yang ditaburkan oleh sebelah sana... [*Merujuk kepada blok kerajaan*] Mereka hanya tunggu masa sahaja untuk membuat keputusan untuk memilih kerajaan dan saya- moga kerajaan Pakatan Harapan yang baru untuk menggantikan Kerajaan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kudat. Yang Berhormat Kudat tiada? Yang Berhormat Sik.

5.04 ptg.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia... [*Membaca sepotong doa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya berbahas di peringkat dasar dalam Bajet 2018 ini.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas, pertamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang setia membantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mengemudi negara serta menyediakan bajet ini. Bajet ini adalah bajet yang holistik dan inklusif dalam semua aspek dan meliputi semua golongan rakyat, melingkupi seluruh alam kehidupan dari segi jasmani, rohani, dunia, akhirat.

Bukan setakat bajet ini sahaja, malah sepanjang dari tahun 2009 ketika Yang Amat Berhormat Pekan mengambil alih menjadi Perdana Menteri sehingga sekarang, Yang Amat Berhormat Pekan berjaya membawa Malaysia mencapai pertumbuhan yang begitu tinggi, hasil daripada Pelan Transformasi Ekonomi yang dimulakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sendiri yang membezakan kita dengan negara-negara lain dalam dunia ini. Bukan sahaja di antara negara kecil, malah meletakkan kita di tempat yang tinggi di mata dunia, sehingga kita menjadi perhatian dan rujukan beberapa

negara di dalam dunia ini. Hebat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. *We all salute you.*

Tuan Yang di-Pertua, inilah bajet yang disifatkan sebagai ibu segala bajet. Perhatian diberi dalam bajet ini bermula dari ibu mengandung hingga ke alam kanak-kanak sekolah rendah, sekolah menengah, remaja, belia, pemuda, pelajar IPT, wawasan anak-anak muda, pekerja awam dan pekerja swasta, pekerjaan dan peluang pekerjaan, kesihatan, OKU dan akhirnya, penyakit yang biasanya menjadi penamat kehidupan seseorang. Dengan komitmen dan akhlak kepimpinan kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menerajui negara *insya-Allah*, kita dapat keberkatan dan balasan Allah SWT seperti dalam Surah Al-A'raaf, ayat 96... [*Membaca sepotong ayat Surah Al-A'raaf*] *Shadaqallahul adzim.*

Tuan Yang di-Pertua, bermula semasa ibu mengandung, bajet ini memberi keistimewaan kepada ibu dan ayah supaya pulang awal semasa kerja. Ketika dalam pantang, cuti bersalin diberi selama setahun sepanjang perkhidmatan iaitu 360 hari manakala swasta mengikut kerajaan, dimestikan tiga bulan cuti bersalin. Ketika anak dilahirkan, kerajaan memberikan RM200 setiap orang bermula 1 Januari 2018 sebagai permulaan pelaburan dalam skim amanah ADAM. Pihak berkuasa tempatan diwajibkan membuat pusat penjagaan kanak-kanak manakala ibu mendapat pembantu rumah untuk membantu ibu menjaga rumah dan anak-anak. Kita boleh pergi ke luar negara untuk mencari sendiri pembantu rumah dan penjimatan berbelas-belas ribu ringgit boleh didapati.

Bajet memperuntukkan sebanyak RM61 bilion untuk pendidikan di mana bajet ini merupakan dua kali ganda purata bajet pendidikan negara-negara ASEAN. Di alam persekolahan, kerajaan memperkasakan tadika PERMATA kanak-kanak autisme, pusat STEM, pembelajaran komputer, menaiktarafkan 2,000 kelas menjadi Bilik Darjah Pintar Pembelajaran Abad Ke-20 dan mengangkat mutu seni budaya ke peringkat yang lebih tinggi di peringkat sekolah. RM280 juta akan diberikan kepada 500,000 orang pelajar sekolah rendah berumur di antara tujuh tahun hingga 12 tahun dalam Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia dan mereka hanya boleh keluaran sehingga berumur 18 tahun iaitu ketika memasuki matrikulasi.

Para belia memerlukan pendidikan sebagai bekalan untuk menerajui negara. Sangatlah tepat kerajaan memberikan peruntukan yang besar sebanyak RM4.9 bilion kepada pelan induk TVET Malaysia memandangkan Malaysia memerlukan tenaga kerja mahir tinggi dan berdaya saing yang tinggi, ditambah lagi pula dengan RM45 juta biasiswa untuk TVET.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh belia, orang muda, pendidikan tinggi IPT di mana mereka ini dipandu oleh kerajaan dengan gagasan Transformasi Nasional 2050 atau TN50 iaitu satu wawasan ke arah 30 tahun akan datang. Tahniah Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri kerana TN50 adalah satu gagasan yang unik dan tidak pernah dilakukan seperti wawasan sebelum ini.

■1710

TN50 berjalan secara *bottom to up* di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerima lebih 80,000 aspirasi orang-orang muda yang akan menjadi pemimpin kelak dan bagaimana mereka ingin mencorakkan negara kesayangan mereka ketika mereka menjadi pemimpin 30 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam alam mencari peluang pekerjaan, pelaburan berimpak tertinggi negara dijangka meningkat sebanyak 6.7 peratus. Pelaburan swasta dijangka meningkat kepada 70 peratus dengan nilai RM260 bilion dan pelaburan awam dijangka meningkat 30 peratus dengan nilai RM100 bilion. Peluang pekerjaan untuk golongan muda dan meningkatkan ekonomi akan wujud dalam pelaburan di koridor-koridor utama negara. Contohnya, Wilayah Perak Selatan, Kawasan Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam, pelaburan di Pelabuhan Tok Bali Kelantan dan Empangan Baleh di Sarawak. Dari segi peluang pekerjaan dari perusahaan kecil dan sederhana pula, syarikat PKS mesti mengambil peluang dari skim pembiayaan perniagaan iaitu sebanyak RM7 bilion, manakala RM1 bilion diperuntukkan bagi pinjaman untuk proses pertambahan pekerja tempatan yang dijamin oleh kerajaan. Ini akan membuka peluang kepada anak-anak muda tempatan di dalam Malaysia bekerja, berbanding daripada pekerja-pekerja daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi peniaga kecil, kerajaan telah memperuntukkan setengah bilion, RM500 juta kepada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN). Peruntukkan paling tinggi yang pernah diberikan kepada TEKUN dalam usaha membentuk perusahaan kecil dan sederhana tempatan khususnya bumiputera. Makanya, penduduk luar bandar juga ditambah peluang untuk bekerja dan berniaga. Selain itu, kerajaan juga turut menambah Dana Amanah Ikhtiar Malaysia sebanyak RM200 juta. Kerajaan juga memperuntukkan RM80 juta di bawah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) di bawah KKLW.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersyukur dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengumumkan begitu banyak bajet iaitu sebanyak RM6.5 bilion kepada sektor pertanian, penanaman getah, pesawah, petani, nelayan, termasuk nelayan darat dan penternak. Kawasan saya terdiri daripada penduduk-penduduk yang mencari rezeki dalam bidang ini. Bagi penduduk yang menoreh getah, salah satu peruntukan dalam bajet ialah BMT (Bantuan Musim Tengkujuh). Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan di Alor Setar minggu lepas bahawa Bantuan Musim Tengkujuh ini akan diteruskan pada tahun-tahun ke hadapan.

Oleh itu, saya menggesa supaya penoreh getah membuat kad PATG dengan segera. Janganlah menunggu *last minute* kerana tanpa kad ini, Bantuan Musim Tengkujuh yang mana adalah hak anda tidak dapat dituntut. Bagi penduduk luar bandar yang mempunyai dusun, marilah kita membuat revolusi dengan menukarkan dusun-dusun.

Contohnya dusun durian di kampung yang tinggi-tinggi, apabila buahnya jatuh, dia akan pecah tidak boleh dimakan dan tidak boleh dijual. Dusun-dusun durian yang pokoknya batangnya besar-besar satu pemeluk, dua pemeluk, dusun-dusun durian ini mestilah digantikan dengan yang lebih komersial. Contohnya seperti Musang King yang boleh dijual dengan harga kalau biji buahnya besar, lebih kurang dekat-dekat RM100 sebiji. Tinggalkanlah sepokok dua sahaja durian kampung ini sebagai *sentimental value* buat nostalgia kerana dia tidak ada harga.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia. Peribahasa berkata, "*Berakit-rakit dahulu berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian*". Saya mengambil kesempatan ini walaupun ini perbincangan dasar untuk menyeru kepada semua penduduk dalam kawasan saya, rebutlah peluang dari peruntukkan RM2 bilion, bukan RM2 juta tetapi RM2,000 juta daripada Tabung Pelancongan Pengusahaan Kecil Sederhana sebagai pinjaman dengan faedah yang rendah. Di kawasan Sik ada anak sungai untuk merakit, ada tasik untuk berenang, ada tanah untuk bercucuk tanam.

Semua ciri ini boleh dilakukan untuk produk *tourism* dan *ecotourism*. Meningkatkan tempat-tempat pelancongan, tempat penternakan, tempat pertanian, chalet, penternakan ikan air tawar dan *sport tourism*. Tiga hari yang lepas, saya bersama dengan Kelab Motor Lasak Sik telah menganjurkan pertandingan motor lasak di tapak pelancongan Tasik Beris. *Alhamdulillah*, sambutan di luar jangkaan sebanyak hampir 3,000 orang yang datang. Banyak peserta dari luar Sik dan luar negeri Kedah dan ada juga peserta daripada luar negara iaitu daripada Kanada.

Saya juga mencadangkan pelabur-pelabur dari luar supaya datang ke kawasan Sik untuk melabur dalam pelancongan. Sik adalah tempat yang amat sesuai untuk aktiviti pelancongan. Oleh itu Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, di samping kawasan luar bandar lain yang berdekatan dengan Parlimen Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan sendiri iaitu Gerik contohnya dan Lenggong, saya mohon Yang Berhormat Menteri melihat-lihat juga *proposal* pelancongan dan permohonan daripada Parlimen Sik. Program yang kami mulakan sekarang seperti sukan sebagai satu loncatan untuk menjadikan Sik sebagai destinasi pelancongan Tahun Melawat Malaysia 2020 sebagai menyahut seruan Menteri sendiri, seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seruan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada peluang pekerjaan yang di atas, bajet kali ini menambah lagi peluang pekerjaan dan usaha niaga iaitu RM60 juta bantuan dari 1Azam. Sudah lama bantuan dari 1Azam tidak ada. RM100 juta bantuan untuk 100 orang peniaga *food truck*, RM25 juta untuk roda tiga dan pemandu teksi diberi RM5,000 untuk memulakan servis *hailing* yang boleh menambah pendapatan. Kemudahan-kemudahan ini boleh memberi dan menambah pendapatan penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sentuhan bajet dalam sektor perubatan dan kesihatan dan menyantuni rakyat yang sakit dan tidak sihat. Dalam memastikan perkhidmatan kesihatan berkualiti, sebanyak RM27 bilion diperuntukkan kerajaan iaitu meliputi bekalan ubat-ubatan, keperluan dan sokongan, menaiktarafkan dan menyelenggarakan fasiliti kesihatan, peralatan perubatan dan ambulans termasuk pembinaan dewan bedah di hospital-hospital tertentu. Saya sering sangat didatangi oleh pesakit-pesakit yang keluar daripada wad, yang tidak mampu membayar bil hospital. Saya ucap terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memperuntukkan RM40 juta dalam tabung perubatan untuk pesakit kurang mampu untuk membayar bil dan sebagainya. Saya cadangkan supaya tabung perubatan ini disebarakan secara saksama, terutama di hospital-hospital berhampiran dengan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM50 juta diperuntukkan untuk hemodialisis di hospital-hospital. Kerajaan membayar RM100 bagi tiap-tiap pesakit yang menjalankan hemodialisis di mana kos rawatan untuk hemodialisis bagi setiap pesakit ialah RM110. Jadi apabila kerajaan subsidi RM100, pesakit di hospital kerajaan dikenakan bayaran RM10 sahaja. Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kerajaan mempunyai rancangan dan peruntukan untuk memberi subsidi kepada pesakit swasta di mana tiap-tiap pesakit swasta kena bayaran sebanyak RM200 setiap kali mereka pergi membuat dialisis? Ini bermakna, dalam satu bulan mereka melakukan dialisis sebanyak 12 kali. Mereka kena bayar minimum RM2,400 sebulan untuk mendapatkan rawatan dialisis. Saya mohon agar mesin dialisis ditambah di hospital luar bandar seperti Hospital Sik kerana penduduk luar bandar tidak mampu dengan kos rawatan swasta iaitu RM2,400 ke RM3,000 lebih dalam masa sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada kerajaan yang memberi peruntukan sebanyak RM500 juta, setengah bilion untuk membina pusat kanser di Sungai Petani. Buat masa ini di utara, semasa saya berkhidmat dulu dan juga sekarang, Pusat Rawatan Kanser ataupun Pusat Onkologi yang ada rawatan radioterapi di kawasan utara hanyalah di Mount Miriam di Pulau Pinang dan rawatannya juga mahal. Sebelum ini daripada pengalaman saya, kerajaan membayar sebahagian daripada rawatan itu. Terima kasih juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan memberi peruntukan kardiologi dan kardiotorasik di Hospital Alor Setar. Soalan saya, bilakah perkhidmatan ini akan bermula? Berapa orang *cardiologist* yang ada di Hospital Alor Setar dan adakah sudah ada dewan bedah *cardio surgery* dan *Unit Cardio Surgery* dan *cardio surgeon* di Hospital Alor Setar.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kemudahan dan prasarana yang saya sebut di atas, kerajaan juga memperuntukkan kemudahan umum seperti jalan pengangkutan, bekalan air bandar dan luar bandar, bekalan elektrik terutama rumah kediaman dan

sebagainya yang saya tidak sempat sentuh dalam ucapan saya. Mana-mana yang ada kaitan dengan kawasan saya, saya akan sentuh di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat bahawa Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan adalah menyeluruh setiap lapisan masyarakat di seluruh negara sama ada Semenanjung atau Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, Sik menyokong bajet ini dan sangat yakin dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan terus menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan negara akan terus maju berkembang pesat, akan makmur, seterusnya menjadi sebuah negara hebat, *par excellence* dunia, *par excellence* akhirat, sejahtera seperti yang disebut dalam Al-Quran surah Saba' iaitu satu negara yang... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kudat, sila. Selepas Yang Berhormat Kudat, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, selepas itu Yang Berhormat Kuala Langat.

5.21 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk berbahas dan menyokong Bajet 2018 yang berjumlah RM280.866 bilion yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 27 Oktober 2017 yang lalu. Sesungguhnya, bajet ini adalah merupakan bajet yang sangat baik, inklusif dan komprehensif mencakupi semua sektor dan golongan lapisan rakyat negara ini dengan tema, "*Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi dan Mensejahterakan Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50*".

Di antara indikator dan barometer mengukur tahap kesihatan ekonomi negara ialah dengan merujuk kepada pelbagai statistik serta rating dari dalam dan luar negara. Ternyata semenjak Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib menjadi Perdana Menteri, pengurusan ekonomi negara berada di lapisan progresif walaupun berhadapan cabaran ekonomi dari pelbagai sudut berikutan kejatuhan ekonomi global, kejatuhan harga minyak, kemunculan China sebagai gergasi ekonomi dunia dan pergolakan politik dunia di sana sini.

Agensi antarabangsa seperti OECD, IMF dan *World Bank* telah memberikan *endorsement* terhadap keamanan ekonomi Malaysia. Malah, agensi rating dunia seperti S&P dan Fitch masing-masing menarafkan Malaysia dalam kategori 'A' minus. Manakala indeks persaingan global Malaysia sentiasa bertambah baik dari tahap ke-25 ke tahap 23 pada tahun 2017 dan ini menunjukkan daya saing ekonomi Malaysia adalah yang kedua terbaik di negara ASEAN selepas Singapura.

Sistem perbankan kita juga dalam keadaan yang kukuh dan mencatat keuntungan dan tidak ada tanda-tanda ancaman *systemic risk* ataupun *financial crisis* seperti mana yang telah berlaku pada tahun 1997 iaitu krisis terburuk di negara ini dan di Asia Tenggara.

Selaku negara yang mengamalkan ekonomi bebas, sekali lagi, *private sector* adalah menjadi *engine of growth*. Oleh itu, walaupun kita melihat perbelanjaan awam bagi pembangunan hanya sekadar RM46 bilion tetapi peranan sektor swasta akan menampung kekurangan tersebut dengan projek-projek swasta dan pelaburan yang sentiasa mengalir masuk dan adalah menjadi pemangkin utama terhadap pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Anjakan kenaikan harga minyak yang semakin baik sehingga mencecah USD57 mengikut WTI dan juga USD64 *brent* se *barrel* baru-baru ini adalah bonus tambahan terhadap pertumbuhan dan juga pemulihan ekonomi negara. Pemulihan ketara ekonomi kita adalah semakin kelihatan dalam suku kedua tahun 2017 di mana KDNK kita telah pun berkembang 5.8 peratus, menokok dari 5.6 peratus di suku pertama. IMF mengunjurkan kadar pertumbuhan purata tahun 2017 ialah sekitar 4.8 peratus berbanding 4.5 peratus dalam unjuran awal. Bagi sebuah ekonomi yang berkembang dan berdekad lamanya, pencapaian ini adalah memberangsangkan. Manakala ramalan *World Bank* juga lebih optimistik terhadap ekonomi Malaysia iaitu pada tahun 2017 ini, ekonomi Malaysia dijangka akan berkembang 5.2 peratus daripada ramalan awal 4.9 peratus.

Satu lagi barometer penting ialah rizab antarabangsa Bank Negara kita yang telah mencecah USD101.4 bilion ataupun RM428.76 bilion dicatatkan pada 13 Oktober 2017 dan rizab ini mampu membiayai 7.5 bulan import tertanggung. Dengan rizab ini, maka dakwaan bahawa Malaysia ini *in the risk of bankruptcy* adalah dakwaan yang tidak benar semata-mata malah tidak berasas.

Keseluruhan pencapaian ini adalah hasil perancangan mikro dan makro yang telah membuahkan hasil melalui ETP, Model Ekonomi Baru, GTP serta kejayaan sistem penyampaian yang lebih baik yang telah menyumbang pertumbuhan ekonomi negara yang telah diilhamkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Antara inti pati penting Bajet 2018 ini antaranya ialah komitmen terhadap pembangunan Sabah dan Sarawak. Negeri Sabah sahaja telah pun mendapat agihan sebanyak RM4.533 bilion dan RM1 bilion daripadanya adalah untuk membiayai pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo yang akan menjadi *game changer* ekonomi Sabah dari segi pewujudan peluang-peluang pelaburan dan peluang pekerjaan.

Oleh itu, saya memohon sekiranya pihak kementerian berwajib khususnya Kementerian Kerja Raya dapat menyenaraikan dan memperincikan *target* siap bagi tiap-tiap fasa pelaksanaan lebuhraya ini khususnya bagi jalan *coastal highway* daripada Tuaran, Kota Belud dan Kudat iaitu merupakan satu jalan *dedicated* yang akan menjadi pemangkin pembangunan ekonomi di kawasan sekitar ini.

Sukacita juga saya ingin mencadangkan supaya jambatan Menumbok-Labuan yang telah pun diumumkan baru-baru ini supaya dimasukkan ke dalam sebahagian daripada pakej Pan Borneo menggunakan dana khas Pan Borneo bagi maksud membangunkan infrastruktur ini kerana lebih lama projek ini lambat untuk dilaksanakan,

saya percaya kosnya akan meningkat dengan lebih banyak lagi. Suatu ketika, projek ini hanya dianggarkan RM700 juta tetapi di dalam anggaran yang terkini, ianya telah pun meningkat sebanyak RM2 bilion dan penangguhannya akan menyebabkan kos yang akan meningkat bertambah dengan lebih banyak lagi.

Peruntukan RM1 bilion untuk memperbaiki sekolah daif khususnya di luar bandar adalah amat dihargai khususnya di Sabah, dan pembinaan asrama bagi pelajar-pelajar di luar bandar yang sangat memerlukan seperti di kawasan saya SMK Pinggan-Pinggan yang hari ini dapat disenaraikan terutamanya untuk melaksanakan penyediaan asrama bagi sekolah ini kerana pada ketika ini, ramai pelajar-pelajar yang tidak dapat tinggal dengan sempurna dan terpaksa menyewa di tempat-tempat lain dan ini adalah merupakan bebanan kepada penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan adalah merupakan nadi ekonomi negara dan jangkaan untuk menerima kedatangan pelancong seramai 28 juta pada tahun 2018 adalah suatu yang boleh dicapai. Di Sabah sahaja baru-baru ini, seorang pegawai China telah memberikan komitmen kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah untuk membantu mendatangkan pelancong ke Sabah seramai satu juta dan ini adalah merupakan satu komitmen yang akan memberikan keuntungan yang besar kepada ekonomi negeri Sabah dengan penambahan *charter flight* dan juga *schedule flight* daripada China dan juga negara-negara lain seperti Korea yang semakin banyak dan bertambah setiap masa.

■1730

Berkait rapat dengan kemajuan sektor ini saya juga ingin mencadangkan infrastruktur pelancongan. Kita amat berterima kasih dan mengalu-alukan terhadap keputusan kerajaan untuk membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Sandakan dalam bajet ini.

Akan tetapi Lapangan Terbang Kota Kinabalu yang telah mengendalikan melebihi RM7 juta penumpang sudah hampir mencapai tahap kapasiti dengan *aircraft movement* RM70,000 setahun. Sebagai *second largest airport* di Malaysia sudah tiba masanya rancangan pembesarannya dapat dibuat dari sekarang bagi memenuhi permintaan masa hadapan.

Jika kita ingin mencapai sasaran 36 juta kedatangan pelancongan menjelang 2020, dan jangkaan perolehan sebanyak RM168 bilion, maka usaha-usaha ke arah ini haruslah dilakukan dan negara-negara kita harus berbangga kerana pada ketika ini Malaysia adalah merupakan negara ke-12 paling dikunjungi pelancong di dunia.

Pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan peruntukan Tabung Pelancongan PKS sebanyak RM26 bilion dan Tabung Infrastruktur Pelancongan RM1 bilion adalah sesuatu yang dialu-alukan. Bagaimanapun saya mencadangkan supaya peruntukan sebegini juga dapat diberikan perhatian terhadap khususnya bagi pembangunan pelancongan di Sabah dan Sarawak khususnya di kawasan saya Kudat.

Industri pelancongan adalah merupakan industri yang penting di kawasan saya dengan pembangunan banyak destinasi-destinasi pelancongan utama yang telah pun begitu popular dan dikunjungi oleh ramai pelancong-pelancong luar negara. Ini kerana destinasi-destinasi tersebut adalah merupakan destinasi yang berpotensi khususnya di Borneo Bawang Jamal, Pantai Kelambu dan Pulau Maliangin di Pulau Banggi yang semakin popular di kalangan pelancong-pelancong luar negara.

Oleh sebab itu saya juga minta supaya kerajaan dapat memperuntukkan sejumlah insentif dan juga memberikan untuk saya mencadangkan supaya Hotel Malaysia juga dapat diwujudkan khususnya di kawasan saya di Kudat.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kepada sektor kesihatan sejumlah RM24.73 bilion adalah sesuatu yang sangat dihargai oleh rakyat dan dialu-alukan. Menderita pelbagai jenis penyakit semakin bertambah akibat perubahan gaya hidup dan persekitaran. Penyakit talasemia adalah salah satu penyakit hematologi yang semakin membiak dengan banyaknya seperti yang saya perhatikan di Sabah khususnya di kawasan saya di Kudat.

Oleh itu saya ingin meminta penjelasan daripada Kementerian Kesihatan, apakah kaedah mencegah penyakit talasemia ini kerana penderita-penderita pesakit talasemia ini menjadi tidak produktif akibat daripada penyakit ini dan mereka adalah merupakan penderita yang sangat kita prihatin terhadap nasib mereka. Bagi mereka yang sihat dan tidak merasai komitmen kerajaan menolong pesakit-pesakit khususnya orang awam yang tidak berkemampuan, satu pembedahan yang dilakukan oleh hospital-hospital swasta ialah menelan belanja puluhan ribu ringgit seperti pembedahan urologi. Begitu juga dengan pesakit-pesakit buah pinggang yang terpaksa kerajaan menanggung perbelanjaan sehingga RM30,000 hingga RM40,000 setahun.

Ini adalah merupakan satu peruntukan yang besar kepada kerajaan dan inilah adalah sesuatu yang amat dihargai dan kemampuan kita untuk memberikan perkhidmatan kesihatan percuma kepada rakyat adalah sesuatu yang kita harus dapat banggakan. Tidak ramai negara di dunia ini yang mempunyai kemampuan seperti mana kita kerana kita dapat mensejahterakan rakyat kita dengan memberikan perkhidmatan kesihatan percuma.

Oleh sebab itu, saya juga minta supaya kerajaan meningkatkan program pendidikan kesedaran kesihatan dan pencegahan supaya masalah-masalah seperti kesihatan ini dapat dikurangkan ataupun kesedaran terhadap kesihatan ini bertambah baik dan kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan bagi maksud ini akan dapat dikurangkan.

Kita juga harus memberikan perhatian kepada usaha-usaha untuk meningkatkan komitmen rakyat untuk menderma organ-organ penting seperti buah pinggang, *liver* dan sebagainya kerana dengan adanya program-program seperti ini ia akan dapat mengurangkan kos perbelanjaan kesihatan. Kita haruslah memberikan kesedaran dan melakukan lebih banyak program-program untuk memastikan pendermaan organ ini dapat dilakukan dengan cara yang lebih sistematik dan lebih teratur.

Akhir sekali saya juga ingin mengalu-alukan bantuan-bantuan kebajikan kerajaan kepada golongan-golongan kurang upaya khususnya orang-orang tua. Kesediaan kerajaan untuk menambah bajet ini untuk menaikkan RM50 bagi golongan-golongan ini adalah merupakan bukti bahawa kita adalah sebuah kerajaan yang prihatin, kerajaan yang bertanggungjawab dan kerajaan yang mempromosikan masyarakat penyayang. Ini kerana mereka adalah golongan-golongan yang tidak bernasib baik dan sudah tentulah mereka tidak ada tempat untuk bergantung harap dan sudah tentu menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menolong mereka.

Oleh itu, saya dengan ini menyokong Bajet 2018 ini dan mudah-mudahan bajet ini akan memberikan kesejahteraan yang lebih banyak dan memberikan keuntungan. Saya berharap dengan bajet ini rakyat Malaysia akan memberikan sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional di dalam pilihan raya yang ke-14. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, selepas Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Kuala Langat.

5.36 ptg.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: *Bismilahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi sedikit ruang untuk perbincangan bajet kali ini iaitu Bajet 2018.

Bajet kali ini Tuan Yang di-Pertua, banyak menawarkan bantuan-bantuan yang berbentuk *one-off*. Kita lihat petani, nelayan, pekebun kecil dan lain-lain mendapat manfaat yang agak besar dan saya berterima kasih kerana ia adalah sebahagian daripada tuntutan dan cadangan kami juga.

Bajet begini tidak pelik terutama sekali apabila berhadapan dengan PRU dan bolehlah dikatakan bahawa bajet ini adalah bajet pra Pilihan Raya Umum. Namun dilihat secara umum Tuan Yang di-Pertua, bajet defisit ini agak sukar untuk direalisasikan dan saya menjangkakan kerajaan akan terus berhutang untuk pembangunan khususnya dan ini akan meningkatkan lagi hutang negara yang kini sudah pun tinggi.

Bajet pembangunan yang kekal kecil ini juga akan turut menyukarkan lagi program membina dan menambah baik infrastruktur seperti hospital, sekolah, jalan raya dan sebagainya. Perkara ini sering dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan terutama daripada rakan Barisan Nasional. Begitu jugalah dengan saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali persidangan sejak saya mula berada di Dewan ini, saya membangkitkan beberapa perkara terutama sekali dalam Parlimen Pengkalan Chepa. Saya membangkitkan persoalan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, hakisan Pantai Kundur dan Pantai Mek Mas, penambahbaikan tempat-tempat pelancongan. Sekian lama telah dibangkitkan sehinggalah Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan meluluskan penambahbaikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

Bajet 2017 diluluskan sebanyak lebih kurang RM450 juta untuk penambahbaikan. Tiga kali soalan bertulis saya, dijawab pertama akan dilaksanakan bulan Februari, soalan kedua dijawab akan dilaksanakan bulan Julai, soalan ketiga dijawab akan dilaksanakan bulan September sehingga kini tidak ada apa-apa yang berbekas dan sekarang diumumkan lagi dalam Bajet 2018 untuk menambah baik lapangan terbang ini. Apa pun saya ucap terima kasih walaupun lambat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar kerana baru-baru ini Dato' Sri Wan Junaidi telah membuat lawatan singkat beliau ke Pantai Kundur dan saya yakin beliau bersetuju dengan saya bahawa tebatan banjir ini perlu disegerakan. Tambahan pula kita akan menghadapi musim tengkujuh sekejap nanti. Namun demikian, saya berasa dukacita kerana saya tidak dapat meraikan beliau kerana kehadirannya secara sembunyi-sembunyi barangkali.

■1740

Mengenai pelancongan, juga saya membangkitkan banyak tempat-tempat pelancongan yang boleh diperbaiki dan dinaiktarafkan dan Menteri Pelancongan telah respons baik kepada soalan dan perbincangan saya yang lalu dan berjanji untuk turun ke Parlimen Pengkalan Chepa. Walaupun lapangan terbang di Pengkalan Chepa, tetapi Menteri Pelancongan selalu tersasar dan singgah di Bachok.

Saya harap beliau dapat memberi respons kepada perkara ini. Inilah yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua bahawa walaupun bajet ini kelihatan indah, namun kesukaran untuk merealisasikan bajet ini sangat-sangat sukar seperti mana yang semua kita perhatikan dalam perbincangan pada Dewan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan cuba meyakinkan kita bahawa keadaan negara dalam keadaan baik. Ekonomi berkembang, pelaburan meningkat, pujian Bank Dunia, pendarfatan, defisit fiskal baik, pendapatan per kapita negara meningkat. Saya tidak nafikan itu semua.

Namun di sebalik hujah-hujah yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, kita dapat saksikan bahawa rakyat kita di bawah sana berhadapan dengan kos sara hidup yang tinggi. Ini kita tidak dapat nafikan. Saya menonton dalam rancangan TV dan dibuat secara lintas langsung terhadap rakyat di bawah sana. Ramai di kalangan mereka memberi komen bahawa kos barangan dan kos sara hidup tinggi, mengharapkan rumah yang murah dan mampu dimiliki, mengharapkan kenaikan gaji yang setimpal dengan kenaikan barang. Itu secara lintas langsung. Ertinya ia menunjukkan bahawa rakyat di bawah sana berada dalam keadaan kesusahan. Kenapa ini semua berlaku?

Walaupun sahabat-sahabat kita di sebelah sana menafikan kesan ini daripada GST, namun kita melihat pakar-pakar ekonomi dan salah seorang daripadanya semua kita kenal, Dr. Muhammad Abdul Halim. Mereka menyatakan bahawa kenaikan kos ini disebabkan oleh beberapa faktor dan antaranya ialah GST, selain daripada nilai ringgit yang lemah lebih kurang 28 peratus daripada biasa. Penarikan subsidi pukal kepada sasaran

dan beberapa perkara ini menyebabkan kenaikan kos barang. Pengumuman ini dibuat secara serentak. Mungkin kerana kerajaan *desperate* ataupun tidak cukup kewangan, maka diumumkan serentak dan berlaku pula bersama-sama dengan penurunan mata wang.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum apabila nilai ringgit kita lemah, maka yang paling terkesan adalah perbelanjaan kerajaan itu sendiri kerana kerajaan juga banyak menggunakan barang-barang import dalam bidang kesihatan, ketenteraan dan sebagainya. Maka kita kena tanya kenapa nilai ringgit kita rendah berbanding dengan negara-negara jiran. Terlalu rendah dan payah untuk naik semula. Persoalan ini banyak faktor. Turunnya mata wang ini banyak faktor.

Namun demikian, persoalan imej negara, imej kepimpinan negara perlu diambil perhatian kerana banyak perkara-perkara yang berkaitan dengan imej, berkaitan dengan maruah negara tidak dapat dijawab dengan sempurna, tidak dijawab dengan penuh keyakinan ataupun dengan kata lain tidak dapat meyakinkan rakyat. Seperti isu-isu FGV, isu-isu 1MDB, RM2.6 bilion dan sebagainya perkara-perkara yang membawa kepada imej ini sebenarnya juga menjadi faktor kepada nilai ringgit kita jatuh. Jadi perkara ini menjadi tanggungjawab kepada kerajaan untuk memulihkan imej ini dan saya berharap kerajaan dapat berbuat sesuatu untuk membaiki imej negara yang tercalar ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin membincangkan perkara bersabit dengan negara yang menua pada tahun 2030. Kita mengikut Perangkaan Negara bahawa pada tahun tersebut, 15 peratus daripada penduduk kita, penduduk Malaysia adalah terdiri daripada warga tua. Warga tua sahaja tidak memberi masalah yang sangat kerana tidak meningkatkan kos. Akan tetapi warga tua dengan masalah kesihatan, ada masalah.

Warga tua yang sakit, yang kaya, tidak ada masalah apa-apa. Akan tetapi warga tua yang sakit, yang miskin adalah perkara yang perlu diambil perhatian serius oleh kerajaan. Penyelesaiannya hendaklah penyelesaian secara holistik, penyelesaian secara banyak kementerian yang perlu mengambil tanggungjawab. Antaranya ialah Kementerian Kesihatan itu sendiri yang mesti memulakan bagaimana untuk hidup sihat bermula daripada pendidikan awal kerana kita tahu pencegahan jauh lebih murah daripada pembedahan.

Justeru itu, soal pemakanan, soal faktor tekanan emosi, soal *lifestyle*, mestilah dititik beratkan sejak dari awal dan mesti dirangkumkan dalam program kesihatan kita, program pendidikan kita dan juga program-program yang difikirkan perlu.

Kedua ialah masalah kewangan. Rata-rata kita melihat bahawa warga tua tidak mempunyai simpanan yang banyak, tidak mempunyai simpanan hari tua yang banyak. Oleh yang demikian, kerajaan mesti merangka sesuatu kerana kita telah menjangkakan bahawa pada suatu masa nanti kita akan memiliki warga tua yang begitu ramai. Maka saya berpandangan bahawa BR1M yang kita beri sekarang ini yang tidak produktif itu bolehlah sekiranya kita bertukar kepada skim insurans untuk mereka mendapat manfaat yang lebih

baik di usia tua nanti ataupun apa-apa sahaja yang difikirkan oleh kerajaan kerana kita telah menjangkakan pada tahun demikian penduduk kita akan berada di peringkat sana.

Masa tidak berapa panjang. Saya sekali lagi selain daripada warga emas Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan sejumlah peruntukan untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan juga menggalakkan ekonomi digital. Saya sangat bersetuju kerana ia dapat meluaskan pasaran sekali gus dapat meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka yang terlibat dengan PKS.

Namun demikian, ada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan dan perlu ditambah baik terutama sekali soal inovasi dan juga kualiti dan juga masalah yang paling besar dalam e-dagang ataupun e-digital ini ialah masalah *broadband* ataupun internet. Kita rasa kita semua bersetuju bahawa kualiti internet kita ini sudahlah perlahan juga ia mahal berbanding dengan negara-negara jiran. Saya merasakan bahawa ini berpunca daripada monopoli perniagaan ini. Monopoli ini menyebabkan harga tidak kompetitif dan juga menyebabkan kualiti juga adalah tidak baik. Oleh yang demikian, saya rasa persaingan yang sihat boleh menawarkan perkhidmatan yang lebih baik, kualiti yang lebih baik dalam *broadband* ini.

Seterusnya, persoalan dadah. Dadah ibu kepada segala kerosakan. Kita semua maklum akan kerosakan dan kesan buruk dadah. Dari sudut produktiviti, jenayah, penyakit berjangkit, kos rawatan, pengubatan, kos penjara dan pelbagai. Jawapan sebelum ini adalah terlalu ideal dan standard. Namun demikian, penyeludupan, penagihan, jenayah meningkat saban tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu yakin dan sangat percaya kepada pasukan keselamatan kita. Saya percaya mengenai kebolehan mereka, saya percaya dengan kompetensi mereka. Namun demikian, seperti mana saya yakin bahawa dalam satu daerah polis, mereka tentu mempunyai maklumat-maklumat lengkap mengenai pengedar dadah, penagih dadah dan sebagainya. Namun seolah-olah tidak ada tindakan ataupun kadang-kadang boleh dikatakan seolah-olah mereka ini dilindungi oleh pihak keselamatan kita sendiri. Minta dijauhi.

Kepada Menteri Dalam Negeri, saya ingin juga melihat kepada suatu dakwaan yang sangat-sangat serius di mana didakwa bahawa PDRM melindungi penjenayah ataupun jenayah perjudian dan sebagainya. Tuduhan dan dakwaan ini sangat serius. Ia bukan sahaja melukai ataupun merosakkan maruah anggota keselamatan malah ia juga merobek maruah negara.

Oleh yang demikian, saya menyeru dan memohon agar Menteri Dalam Negeri membersihkan pasukan penguatkuasaan daripada imej yang buruk ini dan sekiranya terdapat ahli-ahli penguatkuasaan kita yang terlibat dengan rasuah dan sebagainya ini, tindakan serius mestilah dilakukan demi maruah kerajaan.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, satu minit. Saya sudah dengan pertama, bajet adalah anggaran pendapatan dan cadangan perbelanjaan dan kita boleh berbeza dalam memberi pandangan terhadap perbincangan bajet. Namun, yang paling penting ialah saya berharap bahawa walaupun sukar, saya berharap kerajaan dapat merealisasikan cadangan-cadangan perbelanjaan ini.

Apa yang paling penting, yang paling serius sekali ialah *post budget* ataupun pelaksanaan bajet. Di sinilah masalah-masalah yang timbul sepanjang kita berbincang sepanjang masa. Di sinilah yang akan bermulanya masalah rasuah, di sinilah yang akan bermulanya masalah ketirisan, keborosan dan sebagainya. Maka, faktor-faktor inilah yang menyebabkan kegagalan kepada bajet. Walaupun bajet kelihatan baik, namun masalah rasuah, ketirisan, pembaziran inilah yang akan melambatkan dan merosakkan perbelanjaan dan juga merosakkan imej negara.

Laporan negatif daripada Ketua Audit Negara sebelum ini sepatutnya tidak berulang lagi. Binalah negara ini dengan penuh tanggungjawab sementara masih berkuasa. Itu sahaja yang mampu saya lakukan, menegur dan memberi ingatan. Berubahlah, beramanah dalam pentadbiran, sementara Allah SWT masih memberi peluang. Allah SWT Maha Kuasa untuk mencabut pemerintahan sekarang kepada pemerintahan yang lebih adil dan lebih baik seperti mana yang Allah SWT berfirman, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Langat.

5.51 ptg.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tanpa berlengah waktu dan membuang masa saya terus kepada Bajet 2018. Pertama saya ingin menyinggung beberapa perkara antaranya ialah TVET diperuntukkan RM4.9 bilion *Technical and Vocational Education and Training*. Ini adalah satu perkara yang amat memerlukan dalam cara yang keterpaksaan untuk kita memastikan persaingan dengan pekerja-pekerja asing itu akan berlaku.

Dalam statistiknya kita dilaporkan pegawai dagang aktif mengikut warganegara sehingga Februari 2017 berjumlah 153,523 orang dan ini amat menakutkan apabila kumpulan daripada negara Bangladesh sendiri berjumlah 62,609 orang. Ini adalah persoalan yang amat kritikal kerana dengan adanya TVET ini kita akan dapat memastikan pendekatan pekerja-pekerja tempatan untuk bersaing dengan pekerja asing. Persoalannya apakah langkah kerajaan untuk mengurangkan peningkatan pekerja asing di bawah pegawai dagang aktif ini yang amat meruncingkan?.

Oleh sebab mengikut laporan yang kita telah dimaklumkan daripada tahun 2013 peratus kredit dan lulus Bahasa Malaysia SPM berjumlah 91.4 peratus. Pada tahun 2014

berjumlah 91 peratus, tahun 2015 berjumlah 90.9 peratus dan tahun 2016 berjumlah 91.9 peratus. Ini berkisarkan 10 peratus mereka yang tidak lulus dalam Bahasa Malaysia.

Akhirnya untuk mereka melayakkan diri mereka untuk mendapatkan peruntukan ataupun kemahiran ini sudah agak terbantut. Apa akan berlaku pada 10 peratus pelajar-pelajar SPM ini ke arah mereka hendak pergi. Ini kerana tidak ada penyelesaian kerana peluang itu tidak diberikan kepada mereka.

Maka, saya sarankan kepada kerajaan untuk memastikan yang 10 peratus pada tiap-tiap tahun yang gagal untuk mereka melayakkan diri untuk meneruskan pendidikan ini harus diberikan pendekatan lain supaya mereka juga tergolong dalam kumpulan yang dimaksudkan dalam peruntukan TVET RM4.96 bilion ini. Oleh kerana itu juga bermaksud HRDF juga harus mempunyai peranan untuk memastikan kemahiran ini, mereka juga bertanggungjawab dalam memastikan pelajar-pelajar tercicir yang boleh juga meneruskan dalam sifat kemahiran itu sendiri. Termasuk dalam skim Skim Insurans Pekerja (SIP) yang kita lihat bahawa banyak peruntukan yang akan dibelanjakan untuk melahirkan pekerja-pekerja yang dibuang pekerjaan mereka untuk mereka mengalih kepada skop ataupun kategori kemahiran.

Maka saya ingin menyarankan kepada kerajaan untuk memastikan bahawa tiga kumpulan organisasi ini bergerak dalam satu untuk memastikan tidak akan mencicirkan setiap mereka yang layak ataupun mereka yang ada masa depan yang lebih cemerlang.

Kedua, saya ingin menyinggung isu polis pesara. Dalam bajet ini tidak ada perumahan untuk mereka. Rata-rata mereka yang akan bersara dilihat seperti tidak ada rumah untuk mereka diberikan peluang untuk mereka mendapatkan perumahan. Saya ingin menyarankan kepada kerajaan untuk memikirkan kumpulan-kumpulan persaraan polis juga diambil kira.

Ketiga, anggota penjara. Perumahan mereka juga tidak di garis panduan dalam bajet ini. Saya mohon mereka juga diberikan keutamaan termasuk penggajian mereka yang amat tidak setara dengan pekerja-pekerja anggota-anggota yang lain. Saya mohon Kementerian Dalam Negeri memainkan peranan untuk memastikan dan mengkaji semula penggajian mereka untuk memastikan anggota penjara tidak dipinggirkan dalam Bajet 2018 ini.

Keempat, saya ingin menyinggung— ini kalau saya singgung Tuan Yang di-Pertua mungkin agak— tetapi tidak apalah. Apa yang penting ialah saya dimaklumkan pekerja-pekerja. Saya datang ke Parlimen ini dipanggil oleh pekerja-pekerja Parlimen, dia kata, *“Dato’, Dato’, Dato’ tahu tidak mereka hendak bagi kami overtime itu ambil separuh, potong cuti separuh.”* Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh amal begitu. Saya hendak beritahu, ini adalah hak pekerja. Mereka tidak boleh dianiaya sebegitu. Duduk sampai empat pagi, lima pagi Tuan Yang di-Pertua. Meninggalkan anak isteri dan mereka tidak dibayar *overtime*. Ini namanya pengkhianatan dan tidak boleh mereka ini diperlakukan sebegitu. Saya tidak tahu berapa banyak yang tidak dibayar. Akan tetapi persoalannya mereka merujuk kepada

saya dan wajib saya mengetengahkan isu ini. Tuan Yang di-Pertua, tolonglah bagi kembali hak mereka ini yang sepatut dan sewajarnya. Jangan dibiarkan mereka sebegitu bersendirian dipinggirkan tanpa ada hak mereka untuk diberikan kepada mereka.

Saya mohon Tuan Yang di-Pertua daripada hati kecil ini, *down to me, I need your help Sir* untuk Tuan Yang di-Pertua pastikan pekerja-pekerja ini tidak diabaikan. Saya tidak mahu dengar. Oleh sebab lepas ini kalau tidak bayar Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa pergi *press conference*. Oleh sebab ini menjadi tanggungjawab saya sebagai orang yang pernah menjadi pemimpin pekerja. Saya tidak boleh berkompromi dalam keadaan begini.

Seterusnya saya juga ingin menyinggung kes-kes di mahkamah yang mana saya diberitahu AAM tidak membayar penggajian pekerja mereka 11 bulan. Ini juga satu pengkhianatan yang tidak boleh kita kompromi. Saya hendak maklumkan bahawa Mahkamah Buruh JKT pun telah menjatuh hukum supaya bayar 11 bulan ini tetapi majikan celaka ini tidak mahu bayar juga. Apa punya majikan pun saya tidak tahu.

Begitu juga dengan Airod Executive yang telah menang di Mahkamah Persekutuan. Majikan berdolak-dalik untuk membayar bonus mereka. Ini juga pengkhianatan yang tidak boleh dikompromikan, walaupun dalam perjanjian bersama ada mencatatkan bahawa bonus wajib dibayar tetapi majikan syarikat Airod ini tidak mahu melaksanakan tanggungjawab mereka.

Saya ingin menyarankan kepada Kementerian Sumber Manusia supaya mengambil langkah yang drastik dan memastikan syarikat yang pengkhianat ini menjalankan tugas mereka supaya mereka tidak dizalimi oleh terutama sekali oleh syarikat-syarikat seperti Airod ini.

Kelima, saya mengucapkan terima kasih kerana Hospital Banting dinaiktarafkan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, pada minggu yang lalu, cucu saya sakit, saya bawa pergi ke hospital. Daripada pukul 9 malam, pukul 3 pagi baru saya dapat. Pukul 9 malam sampai 3 pagi baru dapat rawatan, kerana doktor satu. Satu doktor satu hospital. Saya kata apa punya pentadbiran ini. Dia kata itu yang kami ada. Saya diberitahu oleh pemandu, kena bekerja tiga syif berturut-turut sampai tidak tidur, di dalam kereta dan van. Apa yang berlaku ini?

Oleh sebab itu saya ingin menyarankan kepada Kementerian Kesihatan, utamakan kedudukan dan hak pekerja dalam Kementerian Kesihatan ini untuk mereka memastikan rawatan rakyat dapat sempurna dan mereka tidak dizalimi tenaga mereka dan mereka tidak dianiaya dengan bertugas bertungkus-lumus siang malam, pagi petang dan merumitkan lagi ialah empat jam menunggu untuk mendapatkan rawatan. Ini tidak boleh berlaku. Saya minta Kementerian Kesihatan supaya memikirkan bagaimana untuk menambahbaikkan. Hospital itu kalau dibina begitu segak, pekerja pun mesti sempurna dalam tugas mereka.

Seterusnya yang nombor enam, saya hendak menyentuh tentang pindaan Akta Kerja 1955, Akta Perusahaan 1967, Akta Kesatuan 1959. Saya hendak beritahu dengan

Tuan Yang di-Pertua dan Dewan ini ketika saya menjadi *Acting President* MTUC, kami telah melalui proses untuk mengenal pasti dan kita telah pun membuatkan peruntukan berjuta-juta ringgit untuk kita hendak pinda. Oleh kerana apa? Ini kerana TPPA telah ditandatangani.

■1800

Dengan sifatnya TPPA itu, dia mesti melalui proses Konvensyen ILO. Maka, pindaan itu telah pun diselaraskan oleh kementerian. Wang telah dikeluarkan tetapi apabila Amerika tarik diri daripada TPPA, perkara itu telah menjadi tergantung dan akhirnya pindaan itu tidak kedengaran langsung. Menteri MITI berkata bahawa tidak akan berlaku penarikan itu dan kita akan teruskan. Timbalan Menteri Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini mengatakan bila saya bertanya dia kata tidak akan berlaku sekatan dan kita akan teruskan pindaan demi hak pekerja dalam negara ini. Akan tetapi sehingga hari ini, sepi tanpa bahasa. Bisu tanpa berbunyi.

Kelapan, saya ingin menyinggung tentang kenaikan gred daripada gred N11 pergi N14. Mengikut pembentangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Pekan mengatakan bahawa 13 tahun baru dia layak untuk dinaikkan kedudukan gred mereka tetapi saya hendak memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini, kalau seseorang itu bekerja 35 tahun, 30 tahun, maka mereka juga perlu dikira ketika mereka dalam awal kerja. Dalam 30 tahun masih memegang gred N11, itu tidak munasabah. Mereka hendak tunggu lagi 13 tahun untuk mereka mendapat kenaikan N14. Maka yang demikian, saya ingin cadangkan kepada kerajaan supaya berkuat kuasa ketika mereka bertugas kerana mana mungkin dalam ketika mereka bertugas selama 35 tahun, mereka masih duduk dalam gred yang sama untuk menanti kenaikan itu. Mereka terpaksa duduk dalam 13 tahun akan datang. Jadi sampai ke umurnya 53 tahun baru gred itu akan dinaikkan. Ini tidak munasabah.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya bermula pada mereka bekerja pada awalnya itu, itu adalah anjakan untuk gred mereka itu dinaikkan sebab gred mereka dalam kategori – saya melihat lebih kurang dalam 700,000 pekerja yang gred bawahan ini kenampakan tidak begitu dilihat kebajikan mereka. Maka dengan bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan ini, saya memohon supaya mereka ini diberikan kelonggaran ataupun diberikan kemudahan untuk mereka mendapatkan gred ini berdasarkan kepada mereka mula bekerja dan saya mohon supaya mereka ini diberikan 13 tahun itu tertakluk kepada mereka yang bekerja awal bukan pada tahun 1.1.2018.

Saya juga ingin menyinggung maklumat yang saya terima dalam Jabatan Perangkaan. Saya diberitahu Perangkaan Melaka telah pun memecat ataupun tidak meneruskan kontrak walaupun kontrak itu sampai bulan Disember. Mereka telah pun dipecat dan mereka yang bekerja hampir 30 tahun, 25 tahun. Kita sudah meluluskan dalam Dewan ini dan diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dia kata sesiapa yang bekerja 15 tahun, dia tidak ada kontrak. Dia akan kerja tetap.

Akan tetapi apa yang saya dimaklumkan, masih ada lagi mereka yang bekerja lebih 15 tahun dalam kontrak dan saya diberitahu rakan-rakan daripada Melaka, dia maklumkan kepada saya dia kata *“30 tahun, Dato’. Saya sudah dipecat”*. Saya kata *“30 tahun kamu kerja kontrak?”* Ya, 30 tahun sudah, Tuan Yang di-Pertua. Bayangkanlah kalau keluarga, adik-beradik kita dalam keadaan yang sedemikian, 30 tahun bertugas tiba-tiba kita dipecat. Bukan sahaja dipecat, tidak dapat kerja tetap. Apa kehilangan mereka? Segala-galanya. Ketika itu keluarganya besar. Anaknyanya hendak pergi ke kolej, universiti, dalam keadaan itu siapa hendak membantu mereka? Kalau ada SIP ini, saya mengalu-alukan dan kita boleh ambil Skim Insurans Pekerja ini boleh membantu tetapi sekarang ini, waktu ini ialah tidak boleh kita zalimi mereka-mereka dalam kategori ini.

Saya sudah kata 15 tahun pun, terlalu panjang, Tuan Yang di-Pertua. Dia sepatutnya lima tahun sudah cukup untuk mereka sengsara dan derita. Akan tetapi yang dimaklumkan, 30 kerja, mereka dipecat dan sepatutnya kontrak mereka bulan Disember. Tuan Yang di-Pertua, jangan kita zalimi manusia sesama manusia. Saya khuatir dalam keadaan kita ghairah dengan bajet yang RM282 bilion ini, kita terlupa rakyat yang sengsara dan merana di luar sana. Saya lihat bahawa dalam keadaan sekarang ini, pengangguran berjumlah 508,700 orang pelajar universiti yang tidak bekerja. Dalam masa yang sama kita saratkan dan kita padatkan dengan masalah yang kita hendak buang pekerja-pekerja yang berkontrak ini sedangkan tenaga mereka telah digunakan lebih 30 tahun.

Saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya jangan dizalimi mereka ini kerana saya khuatir dengan kezaliman-kezaliman inilah yang mendorong segala bentuk malapetaka dari segi negara tidak dijamin keharmonian. Oleh sebab itu, saya yakin bahawa apa yang berlaku pada hari ini, apa yang kita lalui pada hari ini, masalahnya adalah masalah pokok dari segi kos sara hidup yang tidak menentu. Oleh sebab itu bila pekerja-pekerja kontrak ini dibuang kerja, kehidupan mereka akan sengsara. Kita sudah tahu kos sara hidup ini meningkat kerana tiga sebab.

- (i) cukai GST;
- (ii) subsidi ditarik; dan
- (iii) mata wang Ringgit Malaysia merudum.

Ini kerana duit yang dikeluarkan dalam negara ini oleh pekerja-pekerja asing saja Tuan Yang di-Pertua, berjumlah RM34 bilion. Dahsyat! RM34 bilion duit keluar. Duit keluar kerana kita menyambut mereka, mereka mengeluarkan wang daripada negara.

Oleh sebab itu saya yakin dan percaya dengan apa yang saya bicara sebentar tadi terutama sekali dalam TVET. Kita hendak melahirkan insan-insan yang berkemahiran, bersaing dengan pekerja asing supaya mereka mendapat kedudukan yang lebih dan berjaya dalam masa akan datang. Memendek bicara, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya ada 15 minit saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Besar.

6.07 ptg.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan menyokong bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, saya tidak lain dan tidak bukan ingin melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana Allah telah memberi rezeki yang begitu banyak kepada negara ini dan kita berdoa supaya rezeki itu akan melimpah ruah di negara kita ini.

Saya juga dalam bajet ini ingin mengucapkan terima kasih di atas usaha keras Perdana Menteri dan juga bahagian Kementerian Kewangan yang telah menyediakan bajet yang cukup lengkap. Bajet yang kita lihat meliputi semua golongan termasuk kanak-kanak sampai orang tua, warga emas dan golongan petani, pekebun kecil, nelayan dan sebagainya. Ini yang paling penting menunjukkan bahawa negara kita tidak bankrap. Ini adalah tohmahan, fitnah dan diayah beberapa pihak bahawa Malaysia ini akan bankrap tetapi ternyata bahawa apabila bajet ini dibentangkan menunjukkan bahawa negara ini jauh sekali daripada bankrap malah telah berjaya menguruskan ekonomi yang baik di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Kita lihat Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mengecewakan rakyat. Daripada dulu sampai sekarang, hingga sekarang ini, maka bajet yang dibentangkan adalah memberi kemudahan, kemajuan bukan sahaja kepada negara tetapi juga kepada rakyat. Kita lihat rakyat hari ini semakin menyokong Barisan Nasional dan juga Perdana Menteri kita makin popular. Ini menunjukkan bahawa negara kita ini adalah sebuah negara yang jauh tersasar daripada orang kata ekonomi, ekonomi yang akan menjatuhkan negara ini. Jadi pengurusan ekonomi cukup baik. Kita harap rakyat terus menyokong Barisan Nasional.

Dalam perbincangan ini juga, saya ingin melahirkan rasa sedih kepada penduduk-penduduk di kawasan utara kerana terpaksa mengharungi banjir dua tiga hari ini. Kita kena ingat terjadinya banjir ini adalah kerana kita lihat penebangan hutan di kawasan-kawasan bukit di Pulau Pinang yang tidak betul, pengurusan pembangunan yang tidak betul. Jangan lupa kadang-kadang apabila kita melakukan perkara-perkara yang tidak baik, di antaranya kita melaga-lagakan sesama agama, kita menghina agama, menganjurkan pesta-pesta yang jauh tersasar daripada agama orang lain dan membangkitkan kemarahan orang lain, maka sudah tentulah hukum karmanya akan tiba dan rakyat yang menderita.

Jadi kalau ada duit yang buat pengurusan tidak betul itu, kita sumbang baliklah membantu masyarakat di Pulau Pinang terutamanya kepada Ketua Menteri Pulau Pinang.

■1810

Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana kerajaan telah berusaha menghapuskan orang tengah. Ini cukup baik terutamanya pengambilan *maid* ini menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin supaya rakyat

bertambah senang, ada pengurusan rumah dan sebagainya dan mengambil pembantu rumah, maka kita lihat cukup baik.

Ini juga kita lihat adalah bersesuaian dengan Akta Persaingan yang kita wujudkan di Parlimen ini juga. Ini kerana Akta Persaingan ini cukup menentang monopoli dan juga dengan cara begini, kita dapat mengurangkan kos sara hidup rakyat. Ini paling penting. Akan tetapi monopoli juga ada yang baik dan ada yang tidak. Kita lihat monopoli contohnya seperti TNB ada baik tetapi dari semasa ke semasa, kita tidak boleh membenarkan monopoli ini berleluasa.

Begitu juga sesetengah contohnya baik. Keretapi Tanah Melayu telah monopoli masa-masa dahulu, hari ini telah berkembang maju. Ini cukup baik. Telekom maka dia buka sedikit-sedikit monopoli. Monopoli ini kadang-kadangnya ada yang tidak baik. Contohnya Astro. Astro apabila dia monopoli, maka dilihat filem-filem yang ditayangkan hanya filem-filem itu berulang kali. Maka rakyat rasa jemu. Kita hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat, kita lihat kerajaan ini memanglah kita mendengar denyut nadi rakyat, kerajaan yang cukup baik tetapi kerajaan yang cukup baik pun perlu lagi mendengar supaya kita dapat memberi servis yang terbaik kepada rakyat. [*Bunyi telefon berdering*]

Di antaranya saya hendak bangkitkan di sini dalam sistem monopoli ini, bukan sahaja Astro.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Padang Besar, boleh tanya sedikit? Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Ya.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebut tentang monopoli ini Yang Berhormat Padang Besar, sedar kah Yang Berhormat Padang Besar bahawa ada juga syarikat-syarikat yang memonopoli *supply* makanan di negara kita yang menyebabkan makanan untuk rakyat kita menjadi tinggi seperti contohnya monopoli beras yang sedang berlaku dalam negara kita.

Adakah Yang Berhormat Padang Besar merasakan harus dibuka seluasnya pengagihan beras ini kepada rakyat? Ini kerana kalau hendak tolong Melayu, jangan tolong satu Melayu sahaja. Ambil 100 Melayu yang boleh *supply*, semua dapat. Akan tetapi yang pastinya, beras yang hari-hari rakyat makan, akan murah. Apa pendapat Yang Berhormat Padang Besar tentang itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya berterima kasihlah sebab saya hendak cakap bab itu jugalah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam soal monopoli ini, ada yang cukup tidak baik. Contohnya BERNAS. BERNAS ini monopolinya beli beras kena pakai lesen Bernas, jual beras luar negara kena pakai lesen Bernas, beli beras di kilang padi kena ada lesen Bernas, semuanya kena Bernas. Sudah berpuluh tahun kerajaan membantu BERNAS tetapi Tuan Yang di-Pertua, beras kalau kita beli di Dubai beras Ponni untuk kencing manis hanya RM3.00, jual di Malaysia RM7.00.

Saya baru-baru ini ingin memohon kepada BERNAS supaya BERNAS mengimport beras 800,000 metrik tan ke 1 juta metrik tan. Beras sebanyak ini tahun 2015. Saya minta hanya 13,000 metrik tan, jauh ini 800,000 metrik tan hingga 1 juta lebih metrik tan. Saya pohon hanya 13,000 metrik tan. 10,000 metrik tan beras yang diimport, beras 5 *percent* dan 3,000 beras Ponni ataupun beras basmati campur kerana ada orang penyakit kencing manis untuk diberi kepada keluarga susah. Keluarga-keluarga yang susah, penoreh getah, FELCRA, RISDA, FELDA, petani dan nelayan sebab kadang-kadang penoreh getah juga adalah petani.

Tidak ramai, hanya 1.1 juta keluarga, seorang 10 kilogram sahaja. Maka BERNAS tidak benarkan. Tidak benarkan. Dia benarkan hanya beli melalui dia. Kalaulah beras di *market* ini harga RM23, dengan import sendiri kita dapat bawah daripada RM20. RM3 besar harganya kepada petani, kepada penoreh getah, RM3 besar. Bagi kita mungkinlah bayar *parking* RM50 tetapi bagi seorang petani RM3.

Untuk pengetahuan Dewan, Tuan Yang di-Pertua, orang kampung pagi makan nasi, tengah hari makan nasi, malam makan nasi. Pagi nasi lemak, nasi berlauk, nasi apa-apa sahaja. Tengah hari nasi biasa dan malam makan nasi goreng sekurang-kurangnya. Bagi kanak-kanak di bandar, orang-orang di bandar mereka sudah bertukar cita rasa. Mereka bertukar spageti, lasagna macam-macam saya dengar. Ini lain. Akan tetapi bagi kawasan luar bandar yang miskin, beras menjadi makanan utama.

Kita sedar BERNAS mengatakan kami hendak pertahankan petani-petani kerana kami dapat eksklusif ini, hendak pertahan. Pertahan apa? Saya sudah *check*. Kilang biasa kalau beli padi potong 21 *percent*, BERNAS potong 20 *percent*. Satu *percent* jaga orang Melayu, jaga petani, jaga orang susah? Satu *percent*. Lagi basah, potong lagi tinggi. Tidak bantu. Saya di kawasan pertanian. Kedah, Perlis ini kawasan pertanian. Akan tetapi apabila berlaku bencana banjir, padi musnah. Kerajaan juga bantu, tidak nampak BERNAS. Kerajaan, NGO bagi makan. Ini adalah monopoli yang meruntuhkan negara, monopoli yang menindas orang miskin.

Jadi kita minta bahawa pertimbangkanlah. Kalau boleh bagi 30 *percent* sahaja, kita hendak minta 30 *percent*. 70 *percent* ambil tetapi sedikit-sedikit kena bagi 30 *percent*. Monopoli ini menyebabkan banyak kilang beras jatuh miskin dan bankrap dan kilang beras luar bandar yang orang kampung punya, koperasi punya, semuanya hancur, bankrap dan tutup kilang kerana BERNAS. Kita ingin bantu siapa? Membantu satu *company* kah, membantu yang ramai? Jadi ini kita mintalah kerajaan dengar dan kalau boleh saya minta, kalau boleh sebenarnya kalau hendak tolong orang susah ini BERNAS bersikap CSR ini. "Oh, *Parlimen Padang Besar* minta 13,000 metrik tan sahaja sebulan!". "Apa 13,000 metrik tan, kita bagi 20,000 metrik tan kalau hendak tolong orang susah". Ini sikap yang kita mahu. Barulah kita nampak bahawa membantu. Ini tidak boleh, susah, macam-macam. Ini contoh monopoli.

Kedua, saya hendak tekankan sistem monopoli sedikit. Contohnya sekarang ini industri sawit menghadapi masalah yang cukup serius. *European Union*, 640 Ahli Parlimen mengundi tidak mahu sawit, 14 menyokong, 18 *abstain*. Campur kedua-duanya jauh tersasar. Itu sudah tentulah satu industri yang membantu ekonomi kita, industri sawit pernah membantu ekonomi kita dalam dua kali kemelesetan ekonomi, cukup penting industri sawit. Ia melibatkan 650,000 pengusaha sawit. Kita akan musnah dan hasil pendapatan RM10.8 bilion dijangka akan hangus. Maka sudah tentu ia akan memberi kesan kepada negara.

Kita perlu lawan, kita akan lawan, kita akan pertahan sawit kita. Akan tetapi dalam keadaan kita pertahan sawit, dalam negara sedang menembak kita. Contohnya, sistem yang dibuat oleh KDN, MyEG, PastiNet dan apa 'G-G', net-net lagi ini. Contoh kita tanam sawit. Kita keluarkan modal yang banyak. Baja harga mahal, racun harga mahal. Keluar buah tidak boleh ambil, kerana apa? Hendak masuk pekerja kena PastiNet, MyEG lah apa semua. Mereka ini mengecaj cukup mahal. Kalau di Bangladesh itu saya dengar cerita hendak kena bayar habis sekurang-kurang RM15,000 untuk datang ke Malaysia. Gelandangan. Kalau MyEG itu RM6,000 sudah bayar, RM5,000 lebih bayar, tidak dapat pekerja, *burn insurance* semua tidak boleh bayar balik. Pergi tuntutan tidak dapat.

Ini semua menindas rakyat. Kita kena ingat, bukan saya tidak setuju dalam semua bidang. Buatlah hendak buat duit. Contohnya *fast food*, Kentucky kah, McDonald's kah apa, okey sebab pekerja tidak cukup, orang beratur. Buah sawit, dua hari tidak kutip buah, maka buah masam dan jatuh. Habislah pendapatan pengusaha sawit tersebut dan negara akan rugi kerana *income tax* tidak boleh bayar. Ini kerana kita hendak jaga ini nampak bawah ini agensi yang kita buat. Kenapa tidak boleh buat? Untung berbilion, tambah pekerja di Imigresen. Kita minta ini keluarkan. Sawit, tanaman pertanian, perladangan getah, semua keluarkan daripada sistem ini sebab Sabah dan Sarawak boleh buat, kenapa kita tidak boleh buat? Kenapa di Semenanjung kena ada 'G-G', net-net? Di sana semua tidak ada?

Ini kerajaan perlu pertimbangkan. Jangan rosakkan industri negara yang telah ada baik ini. Kita lebih nampak bukan hendak menjaga *interest* negara tetapi *interest* pihak tertentu, peribadi. Bukan hendak buat kerja, hendak kutip duit. Ini perkara-perkara yang perlu kita beri perhatian supaya sekarang ini yang ruginya GLC, agensi kerajaan seperti RISDA, FELCRA semua rugi. GLC, Sime Darby semua rugi, anak syarikat kerajaan negeri semua rugi kerana tidak dapat kutip buah kerana sistem yang saya tidak tahu siapa buat terlebih pandai ini.

■1820

Ini kita perlu lihat supaya negara kita ini terus berkembang. Jadi baru-baru ini kita hendak sumbangkan, kita hendak panggil semua industri sawit, kita hendak buat dana, kita hendak kutip *fund*, kita akan lawan Eropah, *European Union* tetapi janganlah dalam negara tembak kita sendiri. Biarlah kami jawatankuasa ini kebanyakannya agensi kerajaan

buat jawatankuasa sendiri sebab industri sawit, industri ladang, pertanian, kita ada tempat tinggal.

Sekarang ini Indonesia pun tak hendak hantar pekerja dekat sini sudah, dekat Malaysia dan ada juga pekerja Malaysia daripada Sime Darby dan sebagainya bekerja di Indonesia kerana industri mereka sudah hebat. Kita bersaing dengan negara-negara tersebut. Janganlah ada satu sistem yang kita nampak kita hendak buktikan, kita tak mahulah tetapi kita boleh buktikan kebanyakannya hanya buat duit sahaja, bukan hendak bantu negara. Jadi inilah perkara-perkara yang saya harap kementerian, agensi kerajaan perlu beri pertimbangan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Padang Besar.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Penting sebab ini adalah untuk negara kita.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Padang Besar, hendak tanya sikit. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Besar. Saya amat terujalah dengan ucapan yang disampaikan. Ini mengesahkanlah selama ini. Ini yang dikatakan *rentier economics*. Orang yang ada dia pegang lesen, dia yang dapat keuntungan. Dalam soal ini, industri kelapa sawit, soal hendak bekalkan tenaga pekerja, siapa yang buat sistem yang macam ini? Siapa yang dapat keuntungan daripada sistem yang sebegini? Boleh tak Yang Berhormat Padang Besar mendedahkan? Terima kasih.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Shah Alam, terima kasih. Akan tetapi saya ini tak pandai sikit dalam jabatan kerajaan ini sebab jarang kerja dalam jabatan kerajaan. Akan tetapi apa yang saya lihat di sini bahawa kalau boleh, industri yang menyelamatkan ekonomi negara ini terus kena bertahan. Janganlah ada sistem-sistem yang kita nampak rakyat merungut di bawah, kita kena dengar supaya industri ini dapat kita berkembang maju. Ini sebab industri ini salah satu industri yang pernah menyelamatkan ekonomi negara.

Jadi ada banyak sikit hendak cakap tetapi walau macam mana pun, saya ucapkan terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang. Saya menyokong sekuat-kuatnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan juga perbahasan bajet. [*Dewan riu*] Tidak, kadang-kadang sistem ini bukan Perdana Menteri yang buat, ini orang lain yang buat. Jadi kita komen ini, tetapi tetap Perdana Menteri sokong kuat [*Ketawa*]. Terima kasih. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh.

6.23 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 yang mengandungi anggaran perbelanjaan berjumlah RM282.25 bilion ini digelar sebagai *mother of all budgets* memandangkan perbelanjaan dalam bajet ini adalah lebih kurang RM21.45 bilion, lebih tinggi berbanding dengan Bajet 2017. Jadi memandangkan beban pendapatan kita semua ini, negara kita ini tidak bertambah, saya rasa bila Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional puji *mother all budget* ini, saya rasa kita haruslah juga bimbang hutang negara. Apakah yang bajet dengan angka yang begitu besar ini akan menyebabkan hutang negara kita ini meningkat lagi?

Saya lihat mengikut laporan ekonomi 2010 hingga 2018, hutang negara pada tahun 2016 adalah RM648.5 bilion, manakala pada tahun 2017 ialah RM685.1 bilion. Ini bermaksud hutang negara pada tahun 2017 telah meningkat sebanyak RM36.6 bilion berbanding dengan tahun 2016. Jadi ini satu peningkatan hutang negara yang mendadak, yang saya rasa semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini haruslah berasa bimbang sama ada negara kita ini menuju ke kancah *bankruptcy*.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini kerana bila kata duit tidak cukup, saya hendak sebut sedikit tentang yang cara Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mengutip cukai. Saya faham peranan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) ini adalah penting bagi Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan dana yang cukup untuk membiayai segala perbelanjaan kerajaan. Saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini bahawa banyak pihak mereka memang mengadu tentang cara pengutipan cukai oleh pegawai LHDN yang semakin hari, kian hari kian kasar. Mungkin duit tidak cukup di pihak kerajaan. Ramai golongan profesional dan orang *business* berpendapat LHDN tidak profesional dan kadang-kadang seolah-olah mereka menjalankan tugas mereka dengan motif politik.

Pada saya, saya hendak bagi beberapa contoh Tuan Yang di-Pertua, aduan yang saya terima. Pertama, pegawai LHDN. Mereka akan menziarahi seorang *business*, peniaga dan mengehendaki beliau tunjukkan semua kenyataan bank (*bank statement*) termasuk semua bil pembayaran pada 7 tahun yang lepas dan mereka bagi tempoh 2 minggu sahaja untuk tunjukkan semua bukti ini. Mereka selalu datang cari seseorang peniaga itu dengan satu angka yang dikatakan cukai yang dihutangi oleh seseorang itu. Misalnya RM100,000 dan orang yang disiasat oleh LHDN itu dikehendaki menggaji akauntan untuk membuat pengiraan semula semua akaun syarikatnya pada 7 tahun yang lepas.

Dia kena tunjukkan bukti bahawa dia sebenarnya tidak hutang apa-apa cukai dengan LHDN. Kalau tidak, dia dipaksa untuk bayar amaun cukai yang dihutangi. *Let say* RM100,000 dan juga dengan penalti 50 peratus daripada jumlah hutang yang dihutangi itu. Saya difahamkan bahawa mulai tahun 2018, kalau seseorang dikatakan dia hutang cukai RM100,000, penaltinya adalah 100 peratus. Maksudnya 200, maksudnya kalau dia harus *start* bayar RM200,000 kalau didapati dia hutang pada LHDN.

Tuan Yang di-Pertua, bukan semua orang simpan semua bil bayaran dalam syarikatnya. Jadinya selain itu, cara pengiraan akaun berbeza di kalangan akauntan juga. Apa yang penting ialah saman seseorang itu mempunyai niat untuk hutang bayaran cukai kepada LHDN. Seseorang itu haruslah diberi peluang untuk buat rayuan kepada Ketua Pengarah LHDN dan pihak ketua pengarah haruslah dengar rayuan orang yang disiasat oleh LHDN terlebih dahulu sebelum dia dipaksa untuk bayar. Akan tetapi sekarang ialah seseorang itu kalau didapati dia hutang, maksudnya *let say* RM100,000 ya, jadi dia dipaksa bayar amaun itu dulu, selepas itu baru boleh dibuat rayuan kepada Ketua Pengarah LHDN. Jadi, ini memang tidak adil kerana selalunya amaun yang dikatakan hutang itu adalah angka yang besar.

Kes yang kedua, saya terima aduan seorang peniaga kecil yang pernah buka satu syarikat untuk satu jenis perniagaannya 10 tahun yang lepas. Selepas itu perniagaan tidak baik, jadi dia minta *runnemya* untuk tutup syarikat itu tetapi dia tidak tahu yang *runner* itu tidak buat kerja dengan baik dan syarikat itu tidak ditutup secara rasmi. Jadi pada beberapa bulan yang lepas, tiba-tiba polis datang ke rumahnya tangkap dia atas arahan LHDN dengan alasan beliau tidak jelaskan hutang syarikat yang lamanya itu sebelum 10 tahun itu dan dia dikehendaki bayar semua cukai yang dikatakan hutang 10 tahun yang lepas. Kononnya LHDN hantar notis kepada alamat syarikat lamanya yang mana tidak lagi dioperasi oleh beliau. Jadi, bukankah cara LHDN seperti ini merupakan satu bentuk ugutan dan juga satu cara yang kasar terhadap seorang peniaga kecil yang memang dalam kesusahan dalam perniagaannya.

Kes yang ketiga, ramai peniaga yang dianggap kawan kepada ahli politik parti pembangkang. Mereka memang menghadapi banyak kesusahan daripada LHDN sekarang. Laporan akhbar tentang apa yang berlaku pada Pengerusi Eksekutif dan pemegang saham utama Country Heights Holdings Berhad, Tan Sri Lee Kim Yew yang mana dilaporkan dalam surat khabar adalah kes yang paling jelas. Mengikut laporan akhbar pada bulan Mei tahun ini, LHDN serbu *fix deposit* Tan Sri Lee Kim Yew sebanyak RM126 juta yang disimpan dalam satu bank milikan asing kerana kononnya anak syarikat Country Heights Holdings Berhad iaitu Country Heights Sendirian Berhad tidak jelaskan cukainya sebanyak RM22.5 juta daripada tahun 1997 hingga 1998. Cara LHDN...

■1830

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Cara LHDN...

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta Yang Berhormat Seputeh bagi laluan sedikit?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya tidak ada masa. Ada dua, tiga kes lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Sedikit sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Nanti. Nanti *you* pergi kacau Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: [*Ketawa*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Biar dia jawab pada saya.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Saya hendak tanya sedikit sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih ya. *Thank you*. Cara LHDN merampas wang peribadi Tan Sri Lee Kim Yew untuk paksa beliau jelaskan cukai anak syarikat Country Height Holding Berhad telah mengejutkan banyak pihak. Bukankah cara ini amat kasar dan tidak berperikemanusiaan?

Di sini saya juga ingin tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah arahan telah diberi oleh kerajaan kepada LHDN untuk ambil tindakan terhadap peniaga tertentu dengan tujuan politik untuk memberi amaran kepada orang *business* supaya tidak beri sokongan kepada parti pembangkang? Ramai orang sekarang menganggap banyak tindakan LHDN terhadap mereka itu berunsur politik dan ia merupakan satu bentuk ugutan politik.

Selain itu, saya juga hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan, berapa komisen ataupun bonus yang dibayar kepada pegawai LHDN sekiranya mereka berjaya mendapatkan balik hutang cukai syarikat-syarikat tertentu?

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Yang di-Pertua baru balik ke pejabatnya tetapi saya mesti rakamkan penghargaan saya terhadap Tan Sri Yang di-Pertua semasa beliau jadi Menteri Wilayah Persekutuan 10 tahun yang lepas.

Saya memang rasa kesal apa yang berlaku pada Kuala Lumpur sekarang, pada DBKL sekarang yang mana semua perancangan dahulu menjadikan Kuala Lumpur sebagai *world class city* pada tahun 2020 ini semua sudah pun hilang. Saya hendak ambil satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Pada saya ada tiga kes yang saya hendak bangkitkan. Harapnya ada masa.

Komunikasi DBKL sekarang teruk sangat. Saya hendak ambil satu contoh. Ada satu longkang atau lubang dekat satu kawasan di Sungai Besi ini, di kawasan saya iaitu di Jalan 2/108D di Taman Sungai Besi, di mana kami telah pun aduan beberapa kali kepada pihak DBKL dan saya tulis surat kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dua kali, satu surat pada September, satu surat pada Oktober, tetapi tiada tindakan yang diambil. Sekarang yang pengadu itu panggil saya setiap hari.

Saya hendak tahu, apakah yang sistem komunikasi di DBKL sekarang? Sekarang nampaknya ialah ramai pengarah ini telah pun tukar dan sehingga, saya rasa, Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri juga keliru siapa pegang jawatan mana dan banyak jawatan itu telah pun digabung dan ada yang dipecah dan urusannya telah pun jadi berlainan dengan nama yang berlainan. Sekarang kita semua keliru. Tidak ada *briefing*, taklimat diberi kepada wakil rakyat sehingga perkara macam lubang kecil kena

tulis surat kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dua kali pun tidak diisi. Ini *world class city* kah? Yang kita hadapi itu.

Kedua, tentang RUMAWIP. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan sekarang dia sibuk buat rumah RUMAWIP. Akan tetapi, semua rumah RUMAWIP itu tidak ada kaedah lima diadakan. Dia tengok ada kawasan lapang, dia pergi buat RUMAWIP. Di kawasan yang— pada sidang yang lepas, saya buat aduan di mana yang Pejabat UMNO Seputeh yang sepatutnya zon sebagai dewan itu, mereka sekarang buat satu RUMAWIP dengan 300 lebih unit dan di hadapan itu satu padang kecil untuk mainan kanak-kanak, satu ekar lebih sahaja, ia juga dibuat dua blok kondominium dan itu adalah kawasan hijau tetapi dia tukar lagi.

Saya rasa sangat kesal kerana semua projek ini, kerana ada RUMAWIP, jadi tidak perlu melalui kaedah lima mengikut undang-undang, tidak ada pendengaran awam dan ikut suka hati sama ada Yang Berhormat Menteri kah ataupun Datuk Bandar, ia dibuat begitu sahaja.

Saya lihat di Taman Desa, satu plot yang kecil. Kalau saya pergi kira semua projek telah pun diluluskan dan juga yang akan diluluskan oleh DBKL khususnya di tapak yang letak kereta sekarang yang pemajunya Aset Kayamas itu, 3,000 unit lagi akan dibina dekat sana. Jadi, saya lihat dalam tiga empat tahun yang akan datang, di Taman Desa satu taman yang kecil, akan adakan 18 *high rise* kondominium dengan 5,428 unit *apartment*. Macam mana kawasan yang begitu kecil itu boleh menampung begitu ramai penduduk?

Kawasan itu tak ada LRT dan MRT. Bas juga jarang masuk. Sekarang, tempat itu kita lihat ada banyak kereta diletak di semua tempat kerana mengikut RUMAWIP, hanya satu tempat letak kereta sahaja. Maksudnya, banyak kereta malam-malam akan diletakkan di seluruh tempat Taman Desa.

Sekarang, penduduk Taman Desa tengah buat kempen tandatangan dan mereka ingin membantah cara DBKL meluluskan kesemua projek di kawasan mereka ini. Saya bagi Persatuan Penduduk Taman Desa itu, mereka telah pun tulis surat kepada Datuk Bandar yang surat itu berada di tangan saya ini yang dihantar pada 5 September 2017. Mereka nak minta satu perjumpaan, nak dengar taklimat daripada pihak DBKL tapi tak ada jawapan langsung daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur ini.

Jadi, apakah jenis komunikasi yang diadakan oleh DBKL sekarang? Hanya sibuk lulus semua projek pembangunan dan RUMAWIP sehingga hari itu banjir besar di Kuala Lumpur, dan Menteri Alam Sekitar juga keluar kenyataan, bahawa ini semua adalah kerana pembangunan yang berlebihan di Kuala Lumpur yang menjadikan banjir besar di Kuala Lumpur.

Saya nak menyerulah pihak kementerian dan juga DBKL, tolonglah, dengarlah rintihan dan juga suara daripada wakil rakyat dan tolong berkomunikasi dengan kami. Bukan suka-suka buat apa yang mereka suka. Apa yang dilakukan sekarang ialah seolah-olahnya tiada esok bagimu bagi UMNO dan Barisan Nasional di Kuala Lumpur. Itu semua

diluluskan begitu sahaja tanpa hirau semua bantahan daripada orang ramai termasuk Ahli Parlimen.

Akhirnya, saya juga ingin tanya Menteri Wilayah Persekutuan tentang projek penswastaan parkir di tepi jalan di Kuala Lumpur kepada Vista Summerose. Berapa telah dikutip dan juga semua denda yang dikenakan dengan cara kunci tayar orang ramai itu, berapa telah dikutip dan berapa DBKL dapat dan macam mana DBKL gunakan duit ini? Jadi, saya nak minta Menteri Wilayah Persekutuan bagi satu jawapan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, dia kena bangun baru boleh panggil. Yang Berhormat Subang.

6.38 ptg.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memanggil saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan Bajet. Oleh sebab masa yang diberi hanya 15 minit, saya pergi terus pada perbahasan.

Saya akan sentuh tiga tajuk sahaja. Pertama, saya ingin beri pandangan bahawa bajet yang dicadangkan oleh Perdana Menteri ini adalah satu bajet yang tidak berkesan untuk menangani masalah-masalah utama dalam ekonomi Malaysia. Kedua, saya nak sebut sedikit tentang *Malaysian Indian Blueprint* yang disebut oleh Perdana Menteri dalam ucapan beliau. Ketiga, saya ingin sebut sedikit tentang masalah rasuah dan ketirisan yang besar dalam negara Malaysia.

Saya balik pada isu keberkesanan bajet yang dicadangkan oleh Perdana Menteri. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, bajet beliau walaupun dikatakan adalah *mother of all budgets* dari segi jumlahnya, tetapi saya rasa bajet yang akan datang untuk tahun depan kalau jumlahnya lebih besar, akan jadi *mother of all budgets* juga. [Disampuk] *Grandmother of all budgets*. Selepas itu kita akan dapat *great grandmother of all budgets* ya, dari segi jumlahnya.

■1840

Akan tetapi tidak apalah yang isunya bagi kita ialah adakah strategi bajet ini menangani isu-isu utama. Bagi saya isu yang besar yang menjadi rintihan majoriti besar daripada rakyat Malaysia ialah kos sara hidup yang terus meningkat, itu kita semua tahu. Hakikat kos sara hidup yang terus meningkat ini adalah timbul daripada dasar pengurusan ekonomi Barisan Nasional sendiri. Apakah unsur-unsur itu Tuan Yang di-Pertua ialah Barisan Nasional ialah yang bawa cukai GST satu, ini yang menjadi penyumbang utama kepada kos sara hidup yang terus meningkat. Pemansuhan subsidi-subsidi dalam beberapa tahun yang lalu itu juga menyumbang kepada peningkatan kos barang-barang dan ketiga ini juga di sebut oleh rakan-rakan lain nilai ringgit kita yang sudah menurun yang sudah menjadi lemah.

Ketiga-tiga ini bila mereka *combine effect* dia bersama-sama, sudah jadi satu kesan dia memang teruklah bagi kos sara hidup dan ini bukan sahaja B40 atau golongan bawahan tetapi ada impak kepada golongan tengah juga. Dalam semua yang di sebut dalam ucapan bajet agak panjang itu saya tidak nampak satu strategi yang serius untuk menangani masalah ini. Memang betul Perdana Menteri ada sebut kita terus bagi Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), RM1,200 setahun untuk setiap keluarga. Akan tetapi berapa itu? RM100 sebulan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua kalau kita turun ke akar umbi kita berdepan dengan realiti yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia sekarang, kalau kita tanya kepada mereka, kita tanya pada satu keluarga yang sederhana dan tanya mereka sebelum GST dibawa oleh Barisan Nasional saya lebih kepada tahun 2014. Kalau belanja keluarga sederhana itu adalah lebih kurang RM1,000 sebulan, kalau kita tanya mereka sekarang berapakah belanja kamu sekarang tentu jawapan mereka ialah belanja mereka sudah meningkat, sudah RM1,500 sekurang-kurang.

Ada yang jawab juga RM1,800 sehingga RM2,000 ada jawab, tetapi saya ambil RM1,500 sahaja, peningkatan RM500 dan peningkatan gaji memang tidak selaras. Jadi apakah realiti untuk mereka ialah dan kebanyakan RM500 itu pergi ke mana? Tentu bila kita lihat jumlah GST yang dikutip sekarang kebanyakan satu jumlah besar daripada RM500 balik kepada kerajaan sekarang. Jadi realiti untuk mereka apa? Dengan tangan ke kanan Kerajaan Barisan Nasional tawarkan dia macam gula-gula sedikit bagi RM100 sebulan tetapi realitinya dengan tangan kiri secara terselindung kita rampas setiap bulan RM500 daripada mereka. Inilah realiti yang kita buat.

Jadi macam mana bajet yang dicadangkan oleh Barisan Nasional ini akan bantu ini. BR1M dengan itu sahaja tidak boleh selesai masalah mereka. Dari segi itu saya nampak belanjawan yang dicadangkan ini tidak berjajalah menangani isu-isu yang pokok. Begitu juga dengan isu gaji yang rendah, bajet yang dicadangkan tidak menangani isu itu. Kita banding dengan Pakatan Harapan di mana kita sudah cadang gaji minimum RM1,500 dan sebagainya. Itulah satu cara antara lain untuk menangani isu gaji yang terlalu rendah. Kerajaan Barisan Nasional pun tiada jawapan untuk isu masalah pekerja asing yang terlalu besar sekarang jumlah dia. Kita faham kita perlukan pekerja asing untuk sektor-sektor tertentu seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Padang Besar.

Tetapi jumlah yang dibawa sekarang di semua sektor-sektor dan sekarang *effect* dia adalah untuk mengurangkan gaji atau *real wages* gaji sebenar untuk pekerja Malaysia memang tidak dapat dinafikan. Apakah jawapan daripada Barisan Nasional untuk menangani isu ini? Langsung tiada bajet yang dicadangkan. Jadi banding dengan macam dasar yang dibuat Kerajaan Singapura pada tahun 70-an atau 80-an apabila mereka membuat keputusan untuk pastikan negara mereka, ekonomi mereka akan maju kepada satu ekonomi dengan gaji-gaji yang jauh lebih tinggi. Mereka melaksanakan dasar, mesti

ada peningkatan gaji dengan satu jumlah yang minimum kepada semua syarikat dan sebagainya.

Tetapi dalam cadang daripada bajet Kerajaan Barisan Nasional kosong, tidak ada apa-apa jawapan untuk masalah ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua bagi saya inilah kegagalan besar dalam bajet yang dicadangkan tidak ada jawapan yang bermaknalah untuk menangani isu-isu yang penting ini. Saya alih kepada...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Boleh mencelah tak?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya tiada masa ya, saya tidak ada masa hendak teruskan. Tidak apa.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Boleh mencelah tidak? Boleh?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Itu boleh jawab dalam ucapan. Saya ingin beralih kepada Malaysian Indian Blueprint yang disentuh oleh Perdana Menteri di mana dia kata, "*Baru-baru ini saya sudah melancarkan Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia, Malaysian Indian Blueprint...*". Saya rasa ada kemungkinan Perdana Menteri belum baca laporan yang panjang ini sebab dia *present* dia bentangkan sebagai satu perkara yang mungkin dia anggap sebagai perkara yang dia banggakan. Tuan Yang di-Pertua apabila kita baca laporan dokumen ini, saya tidak ada masalah dengan kandungan dokumen ini dokumen ini ditulis secara profesional. Akan tetapi realiti yang ditunjuk dalam dokumen ini jauh berlainan mungkin daripada apa yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri.

Sebab dalam dokumen ini, menghuraikan realiti situasi masyarakat India di Malaysia sekarang yang telah timbul dalam beberapa dasar salah daripada Barisan Nasional, mereka menggunakan 22 *indicator* untuk menilai di manakah kedudukan masyarakat India sekarang di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin sebut sini ini laporan Barisan Nasional ini bukan dibuat oleh Pakatan Harapan. Ini dibentangkan kononnya secara bangga oleh Perdana Menteri. Seramai 22 *indicator* daripada 21 *indicator* hampir semua *indicator* ini masyarakat India ialah di tahap ketiga. Kita bandingkan sebab dalam *blueprint* ini dia bezakan masyarakat India, masyarakat Bumiputera, masyarakat Cina itu dia bagi angka-angka untuk ketiga-tiga ini. Dari 21 *indicator* ini, *the Indian are the last, they are the lowest*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Bermaksud apa? Dalam lapan tahun sejak Yang Amat Berhormat Pekan jadi Perdana Menteri daripada 2009 sampai sekarang sudah lapan tahun, semua yang dibuat oleh Barisan Nasional menggagalkan masyarakat India. *You have failed the Indian* dengan izin. Baru-baru ini *you* hendak cadangkan beberapa cadangan baru dalam bajet ini tetapi apa realitinya ialah dalam lapan tahun ini dan tahun-tahun sebelum itu, akan tetapikhususnya lapan tahun ini apa-apa yang dicadangkan dulu termasuk sekarang ialah

dengan izin, *too little and too late*. Sebab *the data in this document* dengan izin, *speaks for itself. It is your own document*.

Saya *just* petik tiga empat contoh sahaja Tuan Yang di-Pertua. Jumlah B40 *household- who own their own residences*, ini satu *indicator*. Masyarakat India tiga peratus, masyarakat Bumiputera tujuh peratus dan masyarakat Cina 12 peratus. *We, is the lowest again. Percentage of* keperatusan penganggur di antara umur 15 tahun sehingga 19 tahun dalam golongan yang penganggur ini. Untuk India 30.2 peratus, bumiputera 18.3 peratus, Cina 14.5 peratus, sekali lagi India adalah yang teruk sekali. Begitu juga kalau kita pergi kepada *social indicators, police arrest for violent crime*. India 29 peratus empat kali ganda 17 peratus sepatutnya tujuh peratus sebab itulah bilangan India di dalam *population* tujuh peratus tetapi apa yang kita dapat di sini 29 peratus. *That in custody*.

Angka untuk India 22 peratus. Jadi maksudnya apa? India ialah tujuh peratus sahaja dalam *population* tetapi realiti untuk mereka *that in custody* sudah meningkat sampai 22, *three times* Tuan Yang di-Pertua sepatutnya apa yang berlaku.

■1850

Jadi, bagi saya Tuan Yang di-Pertua, *Malaysian Indian Blueprint* ini boleh dianggap membuktikan— merupakan satu pengesahan kegagalan Barisan Nasional daripada awal sampai sekarang untuk menjaga, memelihara dan memajukan masyarakat India. Inilah realitinya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, *short one*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Silakan. Tetapi cepat ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya perlukan pandangan Yang Berhormat. Mengapa *Malaysian Indian Blueprint* ini tidak dibawa ke Parlimen seperti Dasar Ekonomi Baru dan diluluskan oleh Parlimen? Mengapa kita tidak ada memberikan kesamarataan seperti Dasar Ekonomi Baru untuk *Malaysian Indian Blueprint*. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bagi saya itu cadangan yang baik. Dokumen ini boleh dibahas tetapi poin saya ialah semasa Perdana Menteri bantangan ini sebagai satu dokumen yang— mungkin dia membanggakan dokumen ini, tetapi adalah sebaliknya. Dia membuktikan kegagalan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada topik yang terakhir iaitu sebab masa sudah singkat. Isu rasuah dan ketirisan dalam negara kita. Saya ingin tanya kepada Perdana Menteri dan khususnya kepada kerajaan secara umum, tentang siasatan ke dalam kes 1MDB ini, sebab baru-baru ini kita melihat pengumuman oleh Peguam Negara pada 24 Oktober 2017, bahawa siasatan 1MDB ini dibuka sekali lagi. Peguam Negara ini yang dulu mengumumkan bahawa berdasarkan keterangan beliau, tidak ada kes apa-apa. Ini status siasatan bukan *merit of the case* ya. Status siasatan. Saya rasa tiada isu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yes, *I am following the issues*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Jadi, saya hendak tanya kenapa dahulu ditutup, sekarang dibuka sekali lagi? Kita minta penjelasan. Kita tahu di seluruh dunia memang penyiasatan sedang berjalan dan macam-macam telah dibuat di Singapura, di Switzerland dan juga di Amerika Syarikat. Akan tetapi di sini kita hendak tahu apakah status itu? Kes itu memang merupakan kes skandal *money laundering* atau rasuah yang terbesar bukan sahaja untuk Malaysia untuk di negara lain juga. Jadi saya rasa kita perlu tahu apakah alasan untuk membuka balik siasatan ini yang sepatutnya dibuat tetapi kenapa pada tahap ini apakah puncanya untuk dibuka sekarang?

Sepatutnya kes ini disiasat seperti kes yang disiasat di negara-negara lain dan tindakan yang tegas diambil kepada semua yang terlibat. Akan tetapi malangnya kita tidak melihatnya. Tuduhan di dalam kes ini sangat berat. RM42 bilion dipinjam sepatutnya digunakan untuk kebajikan rakyat untuk pembangunan negara tetapi tuduhannya ialah sebanyak USD7 billion atau RM30 bilion telah dicuri. Inilah siasatan yang mungkin dimaksudkan dan kita ingin tahu jawapannya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya sudah sampai ke 15 minit ini, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Selayang.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia kalau dua tiga orang bangun dia berikan kepada speaker untuk pilih Yang Berhormat, yang terpandang dahulu.

6.53 ptg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih. Perkara pertama yang saya hendak sentuh ialah tentang perbelanjaan mengurus yang telah naik daripada Bajet 2010, RM151 bilion sehingga Bajet 2018 ialah RM234 bilion, walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata tujuan ialah untuk mengurangkan fiskal defisit daripada 7 peratus kepada 3 peratus. Antara perbelanjaan yang terbesar ialah emolumen penjawat awam yang telah naik daripada RM46 bilion dalam Bajet 2010 kepada RM79 bilion untuk Bajet 2018. Kesannya ialah perbelanjaan pembangunan tidak diberikan tumpuan yang sewajarnya.

Ramai yang telah berkata ini adalah satu perkara yang dengan izin tidak *sustainable*, dan langkah-langkah harus diambil. Antara caranya ialah untuk mengadakan satu audit komprehensif untuk dengan izinnya *streamline* struktur dan organisasi kerajaan melihat kepada peranan dan fungsi supaya mereka yang pada waktu ini memainkan peranan yang bertindih atau berulang, diberikan latihan dan kemahiran untuk dipindah ke jabatan yang lain.

Kerajaan telah mengeluarkan satu cadangan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan ini adalah dengan izin diadakan tiga komponen iaitu dengan izin, "*It covers the rationalizing of public sector institutions, rightsizing of the public service and introducing an exit policy*" di dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Maksudnya kerajaan telah mengumumkan bahawa kerajaan akan melaksanakan *rightsizing* dan di dalam Strategi B3, akan memperkenalkan dasar pemisah kepada personel berprestasi rendah. Selaras dengan maklumat untuk menjadikan sektor awam berprestasi tinggi dan dinamik yang akan menyokong agenda negara, dasar pemisah akan dilaksanakan terhadap personel berprestasi rendah.

Personel yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan akan menjalankan program meningkatkan kerjaya dan diberikan tempoh masa tertentu untuk memperbaiki prestasi. Perkhidmatan personel ini akan ditamatkan sekiranya prestasi masih gagal dipertingkatkan. Soalan saya ialah, bila langkah ini yang telah diumumkan sebagai strategi B3, untuk *rightsizing* penjawat awam dan untuk mengadakan *exit policy* ini akan dilaksanakan? Adakah ini hanya dilaksanakan selepas PRU14? Apakah status tentang strategi B3 ini?

Perkara yang kedua ialah, tentang gaji untuk penjawat awam. Saya memang setuju kenaikan gaji kepada RM1,200 kepada penjawat awam gred rendah dan saya meminta kajian dibuat untuk meningkatkan gaji kepada mereka terutamanya pihak polis, angkatan tentera dan bomba dan diberikan bayaran *cost of living allowance* untuk menampung kos sara hidup yang tinggi.

Saya juga meminta kerajaan mengkaji apa masalah yang dialami oleh penjawat awam di mana mereka hendak mengadakan pekerjaan kedua atau menjadi *part time* penjaja. Mengikut statistik Pejabat Insolvensi 3,276 penjawat awam telah diisytiharkan mufliis daripada tahun 2013 sehingga tahun 2016. Angka ini sedang menaik setiap tahun dan mengikut CUEPACS lebih kurang 100,000 penjawat awam adalah mengalami risiko menjadi mufliis.

Perkara yang ketiga, ialah tentang pendapatan tinggi dan kenaikan pendapatan golongan B40. Sasaran ialah untuk negara menjadi pendapatan tinggi dengan per kapita GNI USD 15,000 pada tahun 2020 dan ini sudah menunjukkan pertumbuhan sebanyak 6 peratus setahun daripada tahun 2011 sehingga tahun 2020.

■1900

Di dalam tempoh 2011 sampai hari ini, hanya satu tahun 2014 mencapai sasaran pertumbuhan kadar enam peratus yang lain tidak. Untuk mencapai kejayaan ini kerajaan hendak mengadakan perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi. Akan tetapi kita melihat pada tahun 2010 di mana perancangan ini dibuat, perbelanjaan pembangunan ialah RM53 bilion tetapi untuk setiap tahun perbelanjaan ini telah turun. Tidak ada satu tahun di mana perbelanjaan pembangunan adalah lebih daripada RM50 bilion. Untuk Bajet 2018 ini adalah masih RM46 bilion. Bagaimana kita akan mencapai sasaran kalau kita tidak menaikkan perbelanjaan pembangunan? Kita melihat dengan statistik yang ada

bahawa dengan kejatuhan nilai ringgit kita tidak akan mencapai KDNK per kapita yang diukur mengikut US Dolar yang ada pada 2013 ialah USD 10,000. Akan tetapi, hari ini dengan kejatuhan nilai ringgit ialah hanya USD8,900. Ini bermakna bahawa kita tidak akan dapat mencapai sasaran.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas telah diumumkan bahawa purata pendapatan isi rumah B40 akan digandakan daripada RM2,537 pada tahun 2014 untuk RM5,270 pada tahun 2020. Akan tetapi, kita melihat walaupun purata pendapatan telah naik sebanyak 6.6 peratus tetapi mengikut laporan daripada Jabatan Perangkaan *Household Consumption Expenditure 2016*, *expenditure* telah naik 6.0 peratus. Maknanya tambah hanya 0.6 peratus dan bila kita mengambil kira bahawa CPI telah naik empat peratus juga dengan kejatuhan 27 peratus nilai ringgit maknanya apa yang dialami oleh B40 pada hari ini adalah lebih susah daripada tahun 2010.

Perkara yang selain daripada ini ialah GST. Saya meminta penjelasan sama ada kerajaan akan naik kadar GST kerana pada tahun 2014 dalam satu laporan IMF yang dikeluarkan bersama dengan kerajaan laporan *IMF Country Report* nombor 14, 82 yang diterbitkan pada Mac 2014 di dalam perenggan 15 dengan izin berkata, *'The proposed GST rate of six percent is relatively low and it is not likely to have a large initial revenue impact. However, instituting the GST itself is an important step since its parameters can be adjusted over time once the tax is operational. In fact, many countries have increased VAT rates after its introduction'*.

Maknanya jelas bahawa enam peratus ialah *introductory rate* dan kerajaan dan IMF telah bersetuju untuk menaikkan lepas *introductory phase*. Baru ini di dalam laporan *IMF Country Report* nombor 17, 111 dikeluarkan pada April 2017, IMF dan Kerajaan Malaysia telah mengumumkan di perenggan 10 muka surat sembilan seperti berikut; *"Upgrading the GST framework would represent a growth-friendly approach to revenue mobilization. The government could start by reducing the number of exempt and zero-rated items, which would also help reduce the scope of evasion and enhance the efficiency of the tax system. The list of items in these categories is broad by international standards, including fuel, tourism and passenger transport.*

As a second step, the rate of GST, currently at 6 percent or is only about half the rate among the regional peers, could be raised. With the existing coverage of the GST, a rate increase of 0.5 percent would raise revenue by an estimated 0.25 percent of the GDP, with a wider base the revenue impact of any increase in the GST rate would be even larger."

Ini jelas bahawa tujuan kerajaan ialah untuk menaikkan kadar GST sehingga 6.5 peratus dan juga tukar beberapa 38 bahan yang hari ini ialah dengan kadar sifar. Kesimpulannya, ialah nampaknya dengan Rancangan Malaysia Kesebelas dengan strategi B3 yang telah saya sentuh dan juga laporan yang telah dikeluarkan dengan IMF bahawa GST akan naik dan kerajaan akan melakukan *wreck sizing* penjawat awam. Saya

minta bila ini dilakukan dan adalah ini dibuat sebelum PRU 14 supaya rakyat mengetahui apa dia rancangan yang telah dibuat.

Akhirnya, kita telah tahu bahawa untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan negara perlu meningkatkan produktiviti dan bukan hanya mengumpulkan modal dan bergantung kepada input buruh. Walaupun kadar produktiviti Malaysia meningkat sehingga 3.5 peratus pada tahun 2016, tahap produktiviti negara masih rendah berbanding dengan beberapa negara maju dan juga berbanding dengan negara di serantau ini. Masalah telah lama dan kita mengetahuinya, antaranya ialah kekurangan pekerja mahir, tidak cukup tenaga, *mismatch of skills* dan tidak cukup menggunakan teknologi dan juga isu pekerja asing. Kesemua ini hendaklah diatasi kalau kita benar hendak mencapai sasaran untuk mengadakan pendapatan yang tinggi.

Perkara ini yang penting ialah untuk kita memberikan tumpuan kepada dengan izinnya *fundamental skills* kepada sekolah rendah dan sekolah menengah di mana kita ada kelemahan dalam Matematik, Sains dan juga Bahasa Inggeris supaya ini dapat dicapai saya cadang bahawa kita memberikan lebih bajet dan tumpuan kepada sekolah rendah dan menengah banding dengan institusi rendah kerana *fundamental skills* itu adalah lebih penting. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah Yang Berhormat Klang. Tidak payah marah-marah Yang Berhormat, boleh bagi. *[Ketawa]*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Kawan sama kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *It's among you only.* Tidak payah gaduh-gaduh.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *So, I go first.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Klang.

7.08 mlm.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Yang Amat Berhormat Pekan selalu mengatakan bahawa ekonomi negara telah berkembang dan pendapatan isi rumah telah meningkat berdasarkan *House Hold Income Report 2014*. Ini bermakna bahawa pendapatan rakyat Malaysia telah meningkat dan oleh sebab pendapatan rakyat telah meningkat maka *cost of living* boleh *managed by* keluarga kita *and for the Malaysian family will live happy ever after.*

Akan tetapi, angka-angka yang pertumbuhan yang merangsang ini tidak mempunyai makna kepada majoriti rakyat Malaysia. Ini adalah kerana majoriti rakyat Malaysia adalah *fixed income wage earners* dan hadapi cabaran untuk menampung kos sara hidup yang begitu tinggi. Masalah beban kos kehidupan menjadi lebih teruk dengan implementasi GST dan penurunan nilai mata wang ringgit Malaysia berbanding dengan

dolar Amerika. Dalam tahun in sahaja rakyat terpaksa menanggung atau *absorb* peningkatan. Satu, harga makanan sebanyak 4.2 peratus, harga kos pengangkutan sebanyak 13.5 peratus, harga kos perkhidmatan kesihatan sebanyak 2.6 peratus.

■1910

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa GST adalah penyelamat ekonomi atau *the saviour of the Malaysian economy* tetapi untuk orang biasa, untuk pekerja biasa, petani, nelayan, suri rumah tangga dan pesakit yang terpaksa membayar dan membeli ubat dengan harga yang begitu tinggi, GST menjadi satu mimpi ngeri ataupun *nightmare*. Oleh kerana itu, terdapat desakan untuk menghapuskan GST di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Dalam konteks ini, belanjawan alternatif Pakatan Harapan cadang untuk mansuhkan GST dan cadangan ini telah menerima sambutan yang hebat di kalangan rakyat Malaysia.

Tambahan pula, kos krisis ataupun *crisis cost of living* telah membawa kepada pinjaman yang tinggi. Pada dasarnya orang ramai telah meminjam wang untuk menampung kos sara hidup yang tinggi. Hutang kredit rakyat Malaysia daripada Januari hingga Ogos 2017 adalah sebanyak RM36.241 bilion iaitu itu lebih kurang daripada tahun sebelum iaitu pada tahun 2016. Fenomena *wage stagnation*, kos kehidupan yang tinggi termasuk sewa rumah dan kos pengangkutan yang tinggi dan *the availability of easy credit has led to serious defaults among borrowers*.

Keadaan ini merupakan *ironical* Tuan Yang di-Pertua, rakyat pinjam wang untuk mengatasi masalah kewangan tetapi *they end up as defaulters and bankrupt*. *This is very irony*. So, menurut *Malaysian Financial Planning Council*, seramai 11 orang sehari menjadi bankrap. *This is very high*. Seramai 11 orang rakyat Malaysia menjadi bankrap setiap hari. Selain itu, kadar hutang isi rumah iaitu *household debt* di Malaysia adalah tertinggi di Asia iaitu sebanyak 88.7 peratus kepada GDP. Hutang ini merupakan isi rumah keseluruhan di Malaysia berjumlah lebih kurang RM1.4 trilion mengikut Kementerian Kewangan.

Trend ini amat *dangerous* dan harus diambil serius oleh pihak kerajaan. Dalam konteks ini nampaknya *beneficiaries* adalah bank-bank dan along manakala mangsa ialah rakyat biasa dan pekerja muda di Malaysia. Adakah ini menunjukkan bahawa dasar kerajaan untuk menjadikan Malaysia *high income economy* telah gagal? Penyelesaian masalah ini bukan dengan pinjaman bank yang lebih atau BR1M atau potongan cukai pendapatan sebanyak dua peratus tetapi gaji pekerja harus ditingkatkan dengan segera. *That means the real wages of workers must increase urgently and immediately*.

Cadangan yang khususnya ialah untuk meningkatkan gaji minimum kepada RM1,500 seperti yang dicadangkan oleh Pakatan Harapan dalam bajet alternatif kami. Harap Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia dapat menjawab soalan ini. Apakah cadangan Kementerian Kewangan untuk mengatasi masalah *bankruptcy* di kalangan anak muda? Saya juga cadang supaya subsidi minyak dikembalikan kepada golongan bawahan iaitu B40 dengan memberi kad minyak yang

boleh ditolak nilai di stesen minyak. Minta pandangan Kementerian Kewangan mengenai cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita menghadapi *growing problem of inequality*, ketidaksamarataan di antara orang kaya dan miskin. Statistik rasmi berbeza dengan persepsi awam. Mengikut *Pew Global Survey 2014*, 77 peratus rakyat Malaysia berpendapat jurang antara kaya dan yang miskin adalah masalah besar. Apakah cadangan Kementerian Kewangan untuk melaksanakan cukai progresif untuk mengenakan cukai lebih tinggi kepada golongan kaya dan mansuhkan cukai agresif seperti GST? Minta pandangan Kementerian Kewangan dan kita mesti adakan satu perbincangan yang besar mengenai cara kita cukaikan orang miskin dan cara kita mencukaikan orang kaya sebab kita dapati banyak subsidi diberikan kepada orang kaya tetapi subsidi diambil daripada pekerja-pekerja biasa dan rakyat negara ini. *So, we subsidized the rich and we soak the poor.*

Isu yang seterusnya adalah berkait dengan *Malaysian Indian Blueprint* yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di awal tahun ini. Bilakah laporan awal ataupun penilaian awal prestasi MIB dapat dikeluarkan? Adakah kerajaan cadang untuk bantangkan laporan tahunan dan dibahas di Parlimen pada setiap tahun? Soalan juga adalah berapa jumlah usahawan *in the B40* yang telah dijana oleh dasar kerajaan menerusi badan *Socio-Economic Development of Indian Community (SEDIC)* dan dalam industri mana mereka sekarang mereka kerja? Apakah jumlah ramalan yang dapat dicapai selepas MIB iaitu berapa usahawan yang dapat dicapai selepas MIB dan sebelum MIB?

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang hangat ialah cadangan yang telah dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu *World Health Organization*. *World Health Organization* mencadangkan kepada Kerajaan Malaysia supaya untuk meningkatkan peruntukan kewangan Kerajaan Malaysia dalam Kementerian Kesihatan Malaysia daripada sekarang iaitu 4.4 peratus GDP kepada 7 peratus GDP. Walaupun kerajaan telah menambahkan bajet kesihatan daripada RM25 bilion pada tahun 2017, sekarang RM27 bilion 2018, ini masih tidak mencukupi. Perbandingan antara bajet tahun 2017 dengan tahun 2018 jelas menunjukkan bahawa RM2 bilion tersebut adalah untuk pembinaan atau naik taraf hospital dan membeli peralatan baru.

Saya rasa peruntukan untuk kesihatan harus digunakan dengan tepat dan betul dan benar-benar memerlukan. Contohnya ialah untuk membeli ubat, vaksin dan peralatan biasa. Dalam bajet 2018, kerajaan cuma memperuntukkan RM4.1 bilion untuk bekalan perubatan dan juga sokongan perubatan dan sebagainya. Ini adalah lebih kurang sama dengan tahun 2017 iaitu RM4 bilion, peningkatan sekarang ialah lebih kurang 2.5 peratus. Ini tidak boleh diterima.

Jumlah wang yang diperuntukkan untuk ubat-ubatan, vaksin tidak memadai memandangkan peningkatan pesakit-pesakit yang membanjiri hospital kerajaan. Masalah ini dirumitkan dengan ramai pesakit berpindah daripada hospital swasta kepada hospital

awam dan *Malaysia too has the aging nation which requires more attention from the government hospital*. Saya berpendapat jumlah wang yang diperuntukkan untuk kategori ini adalah tidak munasabah. Oleh itu saya cadang kerajaan mesti menambahkan peruntukan untuk ubat-ubatan sekurang-kurangnya 30 peratus ataupun RM5.2 bilion.

Hak kepada kesihatan adalah hak asasi manusia dan semua rakyat Malaysia berhak mendapat rawatan dan ubat dengan harga yang mampu. Saya menyeru kerajaan memansuhkan GST juga untuk semua perkhidmatan kesihatan termasuk untuk ubat, *medical equipment, surgery* dan sebagainya. Penyakit kanser yang saya telah *champion* untuk beberapa tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit kanser merupakan *the third biggest killer of Malaysians*. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, setiap tahun lebih kurang 100,000 *Malaysians* rakyat hidup dengan penyakit kanser, *100,000 Malaysians live* dengan penyakit kanser. KKM juga mengatakan bahawa satu daripada 10 lelaki akan dapat kanser dan satu daripada sembilan wanita akan mendapat kanser. Manakala pihak swasta dalam kajian mereka menunjukkan bahawa satu daripada empat rakyat Malaysia akan dapat kanser.

Dijangka kes kanser akan bertambah 15 peratus dalam tiga tahun yang akan datang. Kos rawatan kanser pesakit adalah terlalu tinggi. Misalnya kos rawatan untuk kanser payudara dan *colorectal cancer* adalah lebih kurang RM50,000 hingga RM300,000. Ini terlalu mahal, terlalu tinggi. Kajian yang bertajuk "*Kos ASEAN dalam Kanser*" yang dijalankan oleh George Institute for Global Health mengatakan bahawa pesakit kanser akan menghadapi apa yang dipanggil bencana kewangan, *financial ruin*. Oleh kerana itu saya mencadangkan kerajaan menubuhkan satu dana kanser Malaysia untuk menolong pesakit kanser untuk membeli ubat dan menanggung kos sosial seperti membayar makanan, sewa rumah dan kos pengangkutan. Saya harap pihak kementerian boleh menjawab soalan ini.

Saya juga cadang supaya Kementerian Kesihatan Malaysia menggunakan kuasa fleksibiliti di bawah *TRIPS Agreement* iaitu di bawah *World Trade Organization* iaitu menggunakan *compulsory licensing or rights of the government* untuk menurunkan harga ubat *originated cancer* sama seperti yang dibuat oleh KKM untuk *sofosbuvir* iaitu untuk ubat Hepatitis C.

■1920

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan Dewan ini dan juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan Malaysia kerana menggunakan *rights of government* untuk menurunkan harga Sofosbuvir iaitu RM375 ribu dan sekarang bila mereka menggunakan *rights of government* di bawah *TRIPS Agreement*, sekarang harga untuk rakyat Malaysia adalah RM500. Perbezaan yang begitu besar. *99 percent decrease in the cost of medicine*. So, saya fikir, *the same must be extended for cancer as well* sebab kos kanser itu terlalu tinggi. Saya minta agar Kementerian Kesihatan menjelaskan apa itu

Skim Insurans Kesihatan Sukarela yang telah diperuntukkan RM50 juta. Adakah kerajaan sedang menuju ke arah untuk melaksanakan sistem insurans ataupun *privatize public health* untuk menggantikan sistem kesihatan sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke isu yang lain yang berkait dengan perjanjian perdagangan bebas. Saya cadang supaya IPR ataupun hak cipta khususnya iaitu ubat paten dikeluarkan daripada perundingan RCEP. Saya juga minta kerajaan untuk menjelaskan apakah dasar kerajaan dalam perbincangan RCEP dan juga TPP berkait dengan *intellectual property rights* dan juga berkait dengan ISDS ataupun *Investor-State Dispute Settlement*? Adakah kerajaan akan memasukkan kedua-dua isu ini iaitu ISDS termasuk dengan *Intellectual Property Rights* dalam perjanjian RCEP dan juga TPP *minus one*.

Isu yang berkait ialah berkait dengan *vernacular education* dan juga saya ingin memberi beberapa cadangan. Pertama, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan meluluskan permohonan pembukaan SJK(C) dan SJK(T) berdasarkan keperluan komuniti tempatan. Menurut Dong Zong, 45 SJK(C) baru harus dibina untuk memenuhi kehendak komuniti Cina. Kedua, menyelaraskan dengan kerajaan negeri untuk gazet tanah untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) baru. Meluluskan permohonan pembukaan Sekolah Menengah Cina dan Tamil dengan bahasa pengantar Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Kerajaan juga perlu memberi peruntukan kewangan kepada semua sekolah tersebut dan juga menghasilkan satu garis panduan baru supaya semua murid mendapat sumber pendidikan yang sama rata tanpa kira sekolah yang dipilih iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) ataupun Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Saya juga ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada pencapaian Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) mendapat prestasi tinggi. Baru-baru ini, enam murid SJK(T) telah memenangi enam pingat emas di Anugerah Inovator Muda Antarabangsa 2017 tetapi tidak ada apa-apa respons daripada Kementerian Pendidikan mengenai adakah mereka memperoleh biasiswa, menolong mereka ataupun *there is no response at all*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan isu berkait dengan seorang anak muda daripada Selangor iaitu Ang Kian Kok. Beliau telah ditahan di bawah POCA daripada Februari dan telah dipukul teruk daripada polis dan sekarang beliau masih di *police station* di jel polis di IPD Klang. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri membuat satu penjelasan, mengapakah seorang anak muda 16 tahun dipukul oleh polis dalam jel dan masih simpan di balai polis selepas lebih kurang lapan bulan? Walhal kerajaan juga telah pun caj seorang polis yang telah membunuh isu-isu yang berkait S.Balamurugan di Klang. So, saya ingin mendapat penjelasan daripada polis mengapa seorang anak muda 16 tahun, Ang Kian Kok masih di jel dan juga minta pihak SUHAKAM

dan juga menteri kebajikan untuk pergi ke IPK Klang untuk menyiasat mengapa beliau masih di sana dan juga untuk *find out his health status*.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkit isu berkait dengan UN Binding Treaty. Pada 26 Julai 2014, Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu memutuskan untuk menubuhkan *open-ended intergovernmental working group on transnational corporations and other business enterprises with respect to human rights*. Saya percaya bahawa kerajaan Malaysia telah mengambil bahagian secara aktif di perundingan berkenaan dan hendak saya minta Kementerian Luar Negara ataupun MITI dan mana-mana kementerian yang lain untuk mengatakan dasar kerajaan dalam perundingan ini dan usaha kerajaan untuk menyokong proses ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Dungun.

7.25 mlm.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca sepotong doa]. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 atau Bajet 2018. Bajet 2018 dinamakan sebagai ibu segala bajet. Nama yang diberikan keistimewaan apabila kita bicarakan tentang perkataan 'ibu'. Di dalam Islam, ibu ini ada tempat yang tersendiri. Rasulullah S.A.W ketika ditanya oleh seorang sahabat [*Berucap dalam Bahasa Arab*] yang bermaksud, "*Kepada siapa saya ingin untuk berbuat baik?*". Lalu Rasulullah S.A.W menjawab, "*Ibumu*". "*Kemudian siapa?*". Kemudian Rasulullah bersabda, "*Ibumu*". "*Kemudian siapa?*". "*Ibumu*". "*Kemudian siapa?*". "*Kemudian bapamu*".

Anjuran berbuat baik kepada ibu dan bapa ini terkandung dalam ajaran Islam kerana kesulitan-kesulitan yang dilalui. Sebahagian dari ayat Surah Luqman, ayat 14 [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud, "*Ibunya yang mengandungnya dalam keadaan sulit dan atas kesulitan serta menyusukannya dalam tempoh dua tahun...*" dan dalam Suratul Ahqaf sebahagian ayat 15 [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud, "*Ibunya mengandungnya dalam keadaan sulit dan melahirkannya dalam keadaan sulit dan di antara tempoh mengandungnya dan menyusunya ialah 30 bulan*". Saya sebutkan perkataan 'ibu' ini ialah kerana apabila disebut ibu segala bajet, ia membawa makna kasih sayang. Ibu segala bajet ialah dengan makna bajet kasih sayang. Akan tetapi adakah benar terjemahan kepada bajet kasih sayang ini sampai kepada sasaran?

Ini kerana kalau kita melihat kepada struktur urusan pentadbiran negara, setelah berlakunya pilihan raya, maka dibandingkan struktur urusan pentadbiran negara ini adalah seperti bentuk piramid. Di atasnya adalah Kerajaan Persekutuan yang membentangkan bajet saban tahun, di bawahnya adalah kerajaan-kerajaan negeri yang juga dibentuk

setelah pilihan raya, yang juga membentangkan bajet-bajet kerajaan-kerajaan negeri di peringkat masing-masing dan di bawahnya ada kerajaan tempatan. Di bawah itu barulah rakyat.

Kalau kita pecahkan dengan 13 negeri-negeri dalam Malaysia dan tiga Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Kuala Lumpur dan juga Labuan. Kerajaan Persekutuan di atas, di bawahnya adalah Wilayah-wilayah Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri di bawahnya dan kerajaan-kerajaan tempatan yang jauh lebih banyak dan di bawahnya adalah rakyat. Salah satu dari negeri yang tidak disebut dalam Bajet 2018 ini ialah negeri Terengganu. Tidak mendapat apa-apa peruntukan secara khusus. Sabah dan Sarawak boleh juga RM1.1 bilion dan negeri-negeri lain ada juga disebut. Akan tetapi bagi Terengganu pada tahun ini dalam bajet yang dibentangkan 2018, tidak mendapat apa-apa peruntukan secara khusus.

■1930

Negeri Terengganu bukan sebuah negeri yang maju dengan rakyat yang semua kita maklum adalah daripada rakyat yang miskin kerana sebahagian besar berada di kawasan tepi pantai, nelayan yang juga mendapat peruntukan bulanan daripada bajet yang dibentangkan ini dan juga kawasan-kawasan pedalaman yang sangat banyak. Oleh itu, saya ingin untuk merujuk supaya kembali balik kepada asas yang dalam kita meletakkan bajet kasih sayang ini untuk melihat kepada negeri Terengganu sendiri kerana Terengganu yang masih lagi belum mencapai status negeri maju.

Dulunya ada lapan kawasan Parlimen, tetapi pentadbiran daerah hanya tujuh. Baru-baru ini diwujudkan satu pentadbiran baru Kuala Nerus kerana adanya Parlimen Kuala Nerus diwujudkan di peringkat kerajaan negeri, satu daerah baru Kuala Nerus dan memerlukan kewangan yang sangat banyak untuk pengurusan bagi daerah yang baru ini. Keperluan kepada pembangunan bagi memajukan Terengganu memerlukan kewangan yang banyak tetapi kenyataannya hari ini, negeri Terengganu telah dinafikan royalti sejak daripada tahun 2000 yang ditukar menjadi wang ihsan, selepas itu ialah dana khas dengan hanya diberikan dalam bentuk projek-projek. Padahal hasil yang dinikmati sejak daripada Akta Kemajuan Petroleum atau Akta Pembangunan Petroleum 1974, negeri Terengganu memperoleh hasil royalti ini yang merupakan 5 peratus daripada jumlah tunai yang sepatutnya dibayar oleh Petronas bagi setiap tahun dalam keadaan duit yang dimasukkan dalam Akaun Hasil Disatukan negeri membolehkan negeri untuk membelanjakan hasil tersebut.

Setelah daripada tahun 2000, peruntukan itu telah dinafikan bahkan disebutkan akan dijadikan wang ihsan kerana ia adalah urusan di bawah kuasa Kementerian Kewangan. Jadi, saya pohon supaya Kementerian Kewangan mengambil tanggungjawab semula memberikan royalti sebagai bayaran tunai daripada Petronas, 5 peratus setahun yang dibayar dua kali dalam bulan Februari pada setiap tahun dan bulan Ogos pada setiap tahun supaya dikembalikan semula royalti ini kepada kerajaan negeri untuk manfaat rakyat

negeri Terengganu. Ini adalah supaya kita melihat apabila kita membentangkan satu bajet kasih sayang, kita mesti melihat kepada apa yang disebut oleh satu pepatah Arab; *[Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab] “Kalau kamu ingin untuk melihat orang yang mulia di dalam satu-satu kaum, lihatlah kepada pemerintah dalam urusan mereka dengan orang-orang miskin”* Ini kerana Terengganu termasuk dalam negeri yang dikategorikan miskin dan rakyatnya pun dalam keadaan itu.

Saya pohon supaya dikembalikan semula wang royalti ini kepada negeri Terengganu supaya ia boleh diurus berdasarkan kepada perbelanjaan pembentangan bajet kerajaan negeri. Kalau ada apa-apa masalah, boleh diaudit. Ini adalah sangat penting kerana kita melihat dalam tempoh daripada tahun 2000 sehingga 2017, daripada wang ihsan yang dinafikan royaltinya untuk Kerajaan Terengganu, kemudian dana khas untuk projek-projek pembangunan negeri Terengganu, saya pohon disenaraikan apakah projek-projek yang telah dijalankan melalui penafian wang royalti negeri Terengganu ini sejak dari tahun 2000 dengan meletakkan daripada tahun 2000 yang perubahannya kepada wang ihsan dan seterusnya ialah dana khas untuk projek-projek pembangunan Terengganu, disenaraikan oleh Kementerian Kewangan projek-projek pembangunan dari tahun 2000 hingga 2017.

Kedua ialah isu tol, LPT2 – Lebuhraya Pantai Timur 2 daripada Jabor sehingga Gemuruh dalam jumlah jauhnya ke Kuala Terengganu sejarak 184 kilometer, yang juga sebahagian daripada perbelanjaan RM4.25 bilion. Juga digunakan sebahagiannya daripada duit dana khas RM1.8 bilion untuk pembangunan Lebuhraya Pantai Timur 2 ini. Soalnya ialah berapa banyakkah pulangan semula yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Terengganu dalam konteks perbelanjaan yang melibatkan wang rakyat ini iaitu wang royalti yang dinafikan sejak dari tahun 2000 itu, yang sepatutnya ia menjadi sekurang-kurangnya bagi rakyat Terengganu ada keistimewaan kerana sebahagian daripada kos perbelanjaan pembinaan lebu raya RM4.25 bilion ini, sebahagiannya ialah dari RM1.8 bilion ialah daripada wang rakyat negeri Terengganu. Oleh itu, saya pohon supaya dinyatakan oleh Kementerian Pengangkutan, apakah keistimewaan diperolehi oleh kerajaan negeri dalam perbincangan ketika tol dikutip oleh pihak lain, tidak oleh pihak yang sepatutnya juga ada kepentingan dari pengurusan ini yang membolehkan rakyat negeri Terengganu memperoleh pulangan daripada kegunaan sebahagian daripada wang royalti mereka dalam pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 2 ini.

Kedua, saya hendak sebut tentang perkara yang tidak disentuh di dalam Bajet 2018 iaitu pembangunan belia. Di bawah pembangunan sukan, kemudian pembangunan belia secara khusus tidak disebut dan tidak diberikan peruntukan, sedangkan kita semua maklum belia kita yang kita perlu kawal bukan sahaja dari segi apabila mereka terlibat dengan gejala sosial. Apa yang penting juga ialah pengawalan sebelum daripada mereka terlibat dengan gejala-gejala sosial yang sangat dahsyat yang berlaku dalam negara kita sekarang ini. Masalah sosial di kalangan belia yang melibatkan dadah, rempit,

gengsterisme, pengangguran, pembuangan bayi dan lain-lain dengan jumlah yang sangat besar dari segi peningkatan masalah ini berlaku pada saban tahun, tetapi tidak diberikan perhatian khusus dalam bajet dalam pembangunan belia pada kali ini.

Sepatutnya kita melihat kepada masalah belia ini kerana mereka adalah sangat penting untuk hala tuju kepimpinan negara pada masa akan datang. Kita melihat di dalam Al-Quran apa yang disebut dalam Surah Maryam, Ayat 59; [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Yang bermaksud, “*dan datanglah generasi selepas mereka yang mengabaikan sembahyang dan mengikut nafsu dan syahwat, maka mereka akan bertemu dengan kesulitan-kesulitan dan kesusahan-kesusahan yang tiada penyelesaian*”. Oleh itu, saya pohon supaya diberikan perhatian. Kita masih lagi masyarakat yang berbilang kaum dalam negara kita ini, masyarakat Asia, masyarakat timur, masyarakat beragama. Berikan perhatian kepada kepentingan pembangunan belia di dalam sudut kerohanian. Orang Islam dengan cara agama Islam mereka, yang bukan Islam dengan cara mereka, mengikut agama masing-masing sebab kita meletakkan Rukun Negara kepercayaan yang pertama ialah kepercayaan kepada Tuhan.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: [*Bangun*]

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Kita orang Asia, kita orang - sila.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Dungun setujukah - Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Dungun setujukah dengan saya, ada satu hadis; “*Jikalau kamu mahu melihat masa depan sesebuah negara, lihat kepada anak mudanya*”. Kalau anak muda kita sekarang ini kata Yang Berhormat Dungun, dengan keadaan sedemikian rupa, apakah harapan kita di masa muka.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya sangat bersetuju kerana akhlak pemuda, akhlak belia, akhlak beliawanislah yang akan menentukan nasib generasi ini masa akan datang. Mereka akan menjadi pemimpin yang akan menerajui negara dan negeri kita. Oleh itu, perlu diberikan perhatian. Saya harap dalam kita meletakkan bajet ini, ia menjadi asas yang sangat penting supaya dilihat kepada pembangunan belia ini. Kumpulkan semua mereka yang berkepentingan untuk melahirkan kerohanian belia atau moral bagi yang bukan Islam supaya ia memberikan pulangan yang baik kepada kepimpinan di masa yang akan datang.

■1940

Terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon sedikit sahaja kerana ini masalah yang saya baru terima iaitu saya pohon supaya Kementerian Sumber Manusia melihat kepada satu isu yang berlaku kepada pekerja-pekerja kilang di Kinsteel Berhad iaitu di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan dalam Lot 7. Memo yang dikemukakan kepada saya ini ialah berkaitan dengan memo yang bertarikh 16 Oktober 2017 kepada semua pekerja kilang. Saya baca. [*Membaca petikan*]

“Perkara: Pemberhentian kerja untuk semua pekerja kilang.

Perkara di atas dirujuk. Dimaklumkan bahawa mulai esok 17/10/2017, semua pekerja akan diberhentikan kerja. Semua pekerja kilang tidak perlu datang bekerja mulai 17/10/2017 sehingga kilang beroperasi semula. 30% gaji bulan Julai, Ogos dan September akan dijelaskan kepada semua pekerja pada bulan Oktober 2017.”

Tidak dibayar dengan gaji penuh. Tolong siasat dan maklumkan kepada saya, *insya-Allah*, daripada apa yang diberikan makluman kepada saya ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

7.41 mlm.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling jaya selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk berbahas tentang Bajet 2018.

Saya ingin merujuk kepada pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tentang pemansuhan empat buah plaza tol di Malaysia ini iaitu Batu Tiga dan juga Sungai Rasau di Shah Alam dan satu lagi sebelah utara di Kedah di Bukit Kayu Hitam dan juga di sebelah selatan Johor iaitu *Eastern Dispersal Link*.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut perjanjian konsesi, Plaza Tol Lebuhraya Persekutuan Batu Tiga dengan Sungai Rasau ini sepatutnya sudah tamat. Sudah kutip lebih 30 tahun sudah. Sepatutnya ditanggalkan. Tapi masalah sekarang ini, mengikut pengumuman ini dan juga satu pengumuman rasmi yang dikeluarkan Lebuhraya Utara Selatan, di mana Tol Batu Tiga dan Tol Sungai Rasau yang sekarang sepatutnya tol kena kutip sehingga tahun 2038 iaitu masih ada 20 tahun lagi, saya pun tidak pasti mengapa boleh dilanjutkan kutipan tol ini sehingga tahun 2038.

Adakah kerana kerajaan memberi pampasan melalui— kerana lebuh raya PLUS ini mereka melakukan kerja-kerja menambahkan lorong daripada Tanjung Malim hingga Slim River dan juga dari Seremban sehingga Ayer Keroh, Melaka, mereka diberi lanjutan kutipan tol selama 20 tahun di kedua-dua plaza tol ini? Saya juga hendak tahu angka daripada Kerajaan Pusat, dengan pemansuhan empat tol ini, kerajaan memberi pampasan berapa kepada syarikat konsesi ini mengikut setiap tol ini? Adakah bayaran ini secara tunai ataupun kerajaan meluluskan lanjutan kutipan tol di tol lain pula untuk pampasan ini? So saya hendak dapat satu angka jumlah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pemansuhan empat tol ini, membuktikan kerajaan sebagai kerajaan boleh kita untuk memansuhkan tol iaitu mengambil alih konsesi tol di Malaysia ini, seperti mana yang dicadangkan dan diluluskan oleh cadangan bajet Pakatan Harapan di mana kita mencadangkan untuk menghapuskan tol di Malaysia ini kalau kita dapat Kerajaan Pusat. Ini bukti boleh.

Saya nak beri contoh mengapa kita boleh lakukan. Kita kata secara peringkat, bukan dengan dalam satu tahun kita boleh mansuhkan semua tol. Tidak. Kita hendak cadangkan supaya setiap tahun kita boleh mansuhkan lima hingga 10 tol. Dalam lima tahun saya rasa kita boleh buat.

Semasa kita buat cadangan ini, banyak pihak dari Kerajaan Pusat terutama orang UMNO, serang di *Facebook* saya mengatakan, "*Yang Berhormat, mengapa you buat cadangan untuk mansuhkan tol. Kalau nak mansuhkan tol, you tahu tak yang tidak dapat bekerja dan hilang peluang pekerjaan itu siapa? Orang Melayu. Orang Melayu akan hilang peluang kerja di syarikat konsesi tol ini.*" Saya beri jawapan senang saja hendak selesai masalah ini. Kalau Kerajaan Pusat ambil alih syarikat konsesi tol ini, segala tenaga kerja boleh diserapkan kepada JKR— tiada masalah— kerana yang jaga jalan ini, yang *maintenance*-kan jalan ini adalah JKR. So JKR boleh serapkan semua pekerja daripada syarikat konsesi tol ini.

Saya juga hendak cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Utara Selatan di mana sejak tahun 1985 sampai sekarang tahun 2017 dah kutip lebih 30 tahun dah tol, sampai sekarang kerajaan masih kutip lagi. Sebenarnya kalau ikut konsesi, itu syarat janji ini sepatutnya dah lebih 30 tahun, sepatutnya jalan ini kena pulangkan kepada rakyat. Tidak boleh kutip tol lagi. Saya tidak pasti mengapa sampai sekarang Lebuhraya Utara Selatan masih mengutip tol. Saya hendak tahu, Lebuhraya Utara Selatan ini hendak kutip sampai bila tol ini? Adakah tidak ada satu jangka masa? Kerana kalau ikut perjanjian sejak tahun 1985, sepatutnya tol ini dihentikan dah. Tetapi masih dikutip. Nak kutip sampai berapa, kita tidak tahu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di mana ada cadangan daripada syarikat swasta iaitu Syarikat Maju Holding Sdn Bhd hendak menawarkan untuk ambil alih syarikat konsesi tol Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dengan cadangan memberi tawaran RM30 bilion hendak ambil tol ini, dan bagi satu tawaran supaya mereka tidak akan naikkan kadar tol pada masa akan datang. Saya hendak tahu, walaupun jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kepada saya dalam soalan lisan tapi saya rasa kita hendak dapat satu kepastian, adakah tawaran ini kerajaan terima ataupun masih *study*?

Kalau ikut kos pembinaan Lebuhraya Utara Selatan, pada permulaan dia punya bajet untuk buat jalan ini sebanyak RM6 bilion, selepas itu kos dinaikkan sampai RM9 bilion. Kos untuk membuat Lebuhraya Utara Selatan adalah RM9 bilion. Kalau ikut perjanjian sampai sekarang, 30 tahun dah. Kalau ikut jawapan yang saya dapat daripada Menteri, setiap tahun PLUS boleh dapat keuntungan bersih RM1 bilion. Lebih dari RM1 bilion. Kalau satu matematik yang sangat senang, kita buat anggaran 30 tahun, maknanya lebuhraya PLUS sudah pun mengutip RM30 bilion dah. RM30 bilion. Kos untuk pembinaan RM9 bilion. Dah untung banyak dah. Sepatutnya Lebuhraya Utara Selatan patut dikembalikan kepada kerajaan dan tidak perlu kutip tol lagi.

Kita janji, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Pakatan Harapan kalau kita dapat memerintah Pusat, kita janji akan memansuhkan Lebuhraya Utara Selatan. Kita bagi *free*. Kalau kita dapat buat perkara ini, maknanya kalau kita boleh mansuhkan kutipan tol, segala kos pengangkutan akan diturunkan dan banyak lagi harga barangan akan jatuh kerana kos pengangkutan akan jatuh juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu dan dapat sikit maklumat tentang penambahan lorong di Lebuhraya Utara Selatan ini, dengan penambahan lorong daripada Seremban ke Ayer Keroh dan daripada Tanjung Malim ke Slim River. Dengan perjanjian penambahan lorong ini, saya difahamkan kerajaan melanjutkan kutipan tol di Lebuhraya Utara Selatan.

■1950

Saya hendak tahu berapa lama lagi diberi untuk kutip penambahan lanjutan ini? Juga cadangan saya, adakah kerajaan mencadangkan untuk menambahkan lorong lagi terutamanya daripada Slim River ke Ipoh ataupun daripada Ayer Keroh ke Johor, Muar? Ini kerana selalunya menjelang musim perayaan Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Hari Raya Cina, kita dapati jalan ini sangat-sangat *jammed*, sangat-sangat sesak terutama semasa orang balik kampung dan juga pulang ke ibu kota. Setiap kali *jammed* sampai 10 jam, 12 jam. Ini saya rasa satu keseksaan kepada pemandu. Kita bayar tol sepatutnya kita hendak dapat perkhidmatan yang senang dan selesa tetapi kita bayar tol hendak lagi kita menghadapi masalah kesesakan lalu lintas. Saya rasa ini satu tidak ketidakadilan untuk pemandu jalan raya.

Kedua, juga tentang tol. Saya di Petaling Jaya ini terutamanya Petaling Jaya Selatan, sekitar Petaling Jaya ini kita dikelilingi oleh banyak tol. Di mana kita di kelilingi oleh *Sprint Highway*, *Kerinci Link*, Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Konsortium *Expressway Shah Alam Selangor (KESAS)*, *New Pantai Expressway (NPE)*, *New Klang Valley Expressway (NKVE)* dan *Penchala Link*. Akan datang iaitu *Damansara–Shah Alam Elevated Expressway (DASH)*. Semua ini dibina di Bandaraya Petaling Jaya. Penduduk keluar masuk perlu bayar tol, tidak dapat dielakkan. Jalan alternatif yang beri itu pun tidak mesra di mana kena buat satu pusingan yang jauh dan juga melalui kawasan penduduk dan juga memberi bahaya kepada penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu tentang jalan yang di-*propose*, dicadangkan iaitu saya difahamkan ada syarikat swasta untuk mencadangkan, untuk membina satu lebuhraya kutipan tol iaitu *Petaling Jaya Dispersal Link (PJD)*. Adakah *Petaling Jaya Dispersal Link* ini akan menggantikan KIDEX iaitu Lebuhraya Kinrara–Damansara yang telah pun dibatalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor? Saya hendak tahu status KIDEX? Kita Kerajaan Negeri Selangor telah pun batalkan lebuhraya ini, adakah Kerajaan Pusat masih hendak teruskan lagi? Saya hendak dapat satu jawapan. Juga, adakah *Petaling Jaya Dispersal Link* ini akan bakal menggantikan KIDEX? Saya hendak tahu jawapan juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkit isu di tempat saya juga berkenaan dengan tol iaitu Tol NPE, Plaza Tol PJS2 di mana jalan ini merupakan jalan yang sedia ada. Ini kerana dibesarkan lorong buat cantik dan NPE buat satu plaza tol di sana. Memang memberi satu kesan yang amat teruk kepada penduduk setempat terutama penduduk yang tinggal di Taman Medan dan Taman Dato' Harun kerana mereka tidak boleh elak gunakan tol ini.

Walaupun usaha Kerajaan Pusat telah pun membuat pengumuman dulu di mana sebelah Plaza Tol PJS2 ini, sebelah kanan daripada Lebuhraya Persekutuan ke Kuala Lumpur separuh dimansuhkan, langkah pertama. Langkah kedua, Kerajaan Pusat mengumumkan di sebelah kiri iaitu daripada arah Kuala Lumpur ke Subang Jaya, kadar tol diturunkan daripada RM1.60 sampai ke RM1. Saya memang mengalu-alukan usaha ini tetapi penduduk minta supaya tol ini dimansuhkan dan dihapuskan kerana ini merupakan jalan sedia ada. Tidak perlu kita membuat satu tol di sana. So, saya hendak minta Kerajaan Pusat untuk mempertimbangkan hasrat dan seruan rakyat daripada Taman Dato' Harun, Taman Medan mereka minta tol ini dihapuskan. So, saya hendak dapat satu *answer* daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, juga berkenaan dengan bayaran tol di mana *SPRINT Highway* dan LDP, walaupun kita bayar tol tetapi selepas keluar tol *jammed*, kesesakan lalu lintas. Setiap hari berlaku di kawasan saya, *SPRINT Highway* dekat Seksyen 17 Plaza Tol LDP dekat Sunway. Setiap hari penduduk mengalami masalah kesesakan lalu lintas. Bukan kerana- kita terpaksa guna jalan ini tidak ada *choice* sudah. Kita bayar, keluar tol *jammed*. Bukan setakat *jammed*, dia *jammed* juga di sebelah Seksyen 17. Penduduk tidak boleh keluar masuk kerana *jammed*.

So, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana penyelesaian? Sudah berpuluh tahun sudah berlaku masalah ini, tidak boleh selesai. Kalau tidak boleh selesai tanggalkan tol itu sahajalah, tidak perlu kutip tol. Mengapa hendak kutip tol? Kalau kutip tol *make sure you* bagi servis yang bagus. *Make sure* selepas bayar tol tidak ada kesesakan lalu lintas, tetapi tidak ada. Tidak ada, masih sesak. Ia memang bagi satu tamparan di mana kesusahan kepada penduduk tempatan. Untuk mereka yang menggunakan jalan tersebut, saya rasa itu sahaja ucapan saya. Dengan ini saya tidak setuju Bajet 2018 ini, maka saya menolak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri.

7.56 mIm

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ketua Whip yang budiman memberi peluang kepada Bakri ambil bahas tentang Bajet 2018.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan Bajet 2018 dengan berbunyi sebagai ibu segala bajet. Saya mencadangkan agar bantuan JKM kepada ibu

tunggal, OKU, warga emas, seharusnya dinaikkan kepada nilai yang munasabah sesuai dengan keperluan semasa penerimaan bantuan. Kadar RM150 hingga RM350 agak rendah jika dibandingkan dengan kos sara hidup yang semakin tinggi. Kerajaan juga pada hemat saya perlu memberi secara *lumpsum* bantuan kewangan kepada kakitangan awam bukan memberi bantuan dalam dua peringkat seperti yang dinyatakan dalam pembentangan bajet lepas.

Keadaan bencana alam yang di luar jangka sepatutnya menyediakan bonus kepada anggota yang terlibat bagi meningkatkan motivasi atas pengorbanan yang telah mereka lakukan ketika bencana berlaku.

Saya berharap SPR dapat melantik pemimpin NGO di setiap Parlimen sebagai penolong pendaftar pengundi. Ini kerana mereka merupakan pemimpin yang rapat dengan rakyat setempat.

Saya mencadangkan agar UTC dibangunkan di kawasan Bakri, Muar, Johor bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat.

Saya minta Jabatan Perdana Menteri menjelaskan, apakah pertimbangan Suruhanjaya Pilihanraya dalam membenarkan permohonan sejumlah 1,051 orang anggota tentera berserta ahli keluarga supaya membuat pendaftaran dalam daftar pemilih ke lokaliti Kem Segamat, DUN Jementah, Parlimen Segamat, Johor. Memandangkan kem tentera tersebut masih dalam proses pembinaan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melakukan promosi yang memberangsangkan mengenai durian Musang King. Oleh itu saya mencadangkan agar kebanyakan tanah terbiar diusahakan dengan penanaman durian Musang King bagi meningkatkan pengeluaran produk berkenaan.

■2000

Saya minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jumlah AP bagi sayur, ternakan, susu, kopi, kelapa tua yang telah diluluskan berdasarkan negeri dari 2016 dan 2017.

Saya juga mencadangkan agar lorong-lorong di lebuhraya ditambah bagi memenuhi keperluan pengguna yang semakin bertambah dari tahun ke setahun. Saya juga mencadangkan agar lorong di jalan raya dilebarkan bagi memenuhi keperluan pengguna seharian seperti Muar ke Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ke Muar, Muar ke Johor Bharu dan Johor Bharu ke Muar.

Sejauh manakah kewujudan menara telekomunikasi di jalan-jalan utama tidak membahayakan pengguna? Dan adakah pos bergerak beroperasi dua minggu sekali akan diteruskan di Batu 4 Jalan Bakri Sekolah Memandu dan Dataran Parit Baru Bukit Naning Muar, Johor.

Sejauh manakah 'hak perabot' yang dijanjikan di kawasan Parlimen Bakri akan dilaksanakan?

Di kawasan Muar Johor telah dilancarkan majlis pecah tanah untuk perumahan di Jalan Joned Muar, Johor dalam beberapa kategori namun sudah enam bulan berlalu masih tidak dapat dipastikan bila proses pembinaan akan dimulakan.

Kenaikan minyak yang membebankan telah menyebabkan peningkatan kos hidup di kalangan golongan bawahan dan pertengahan. Nyatakan langkah-langkah kerajaan KPDNKK dalam menangani permasalahan ini.

Seterusnya saya hendak tanya ialah keluhan guru-guru mengenai kerja-kerja perkeranian yang banyak mengganggu tugas hakiki guru. Sila nyatakan jumlah sekolah yang mendapat perkhidmatan pembantu guru.

Seterusnya saya hendak tanya Kementerian Pengangkutan ialah tentang pemilik lesen kenderaan bermotor mengalami masalah dalam memperbaharui lesen memandu akibat denda yang dikenakan oleh JPJ amat membebankan. Adakah kementerian akan tolong?

Seterusnya saya hendak tanya apakah tindakan keras diambil tentang berlaku pencemaran-pencemaran ammonia di negeri Johor?

Adakah tempat rekreasi, bilik air sentiasa di tutup? Adakah garis panduan KPKT?

Adakah mangsa-mangsa yang memohon dan menggantikan kad pengenalan yang baru dapat dikecualikan kompaun atau kurang kompaun? Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gopeng.

8.03 mlm.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi Gopeng untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 di peringkat dasar. Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan telah diisytiharkan sebagai *report card* menjadi ukuran pencapaian pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas tamatnya Dasar Ekonomi Baru, Wawasan 2020 diumumkan dan dirangka bertujuan untuk meningkatkan Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian dan negara maju sepenuhnya dalam tahun 2020. Perjalanan ke arah Wawasan 2020 dirancang melalui tiga dasar perancangan utama iaitu Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wawasan Negara dan seterusnya Dasar Transformasi Nasional. Apabila Yang Amat Berhormat Pekan mengambil alih sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dasar Transformasi Nasional yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2012 pada 8 Oktober 2017 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menetapkan sasaran di mana Malaysia akan mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020. Iaitu dari segi pendapatan per kapita USD15 ribu dari segi pendapatan isi rumah RM10,540 sebulan dan indeks rasuah antara 30 negara terbaik di dunia.

Kini tiba masa untuk kita menilai *report card* pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan tersebut. Indeks rasuah yang terkini menunjukkan bahawa ranking Malaysia adalah 55 daripada 176 negara pada tahun 2016. Ini merupakan kemerosotan ketara di banding dengan pentadbiran Tun Abdullah Badawi iaitu ranking 47 pada tahun 2008. Indeks rasuah Malaysia merosot walaupun kita lihat SPRM agak agresif untuk perangi rasuah. Akan tetapi mengikut President of Transparency International Malaysia, Dato' Akhbar Satar ini adalah kerana tangkapan-tangkapan yang dibuat oleh SPRM adalah tangkapan golongan perasuah B40 iaitu perasuah di peringkat bawah sedangkan perasuah atasan dilepaskan.

Selagi SPRM tidak mengambil tindakan ke atas MO1, indeks rasuah tidak akan bertambah baik. Kebetulan apabila kita meneliti ucapan bajet sepanjang dua jam setengah dengan 80 muka surat dan 12,778 perkataan tidak ada satu perkataan pun yang sebut soal rasuah atau peranan SPRM. Bagaimana Yang Berhormat Tambun boleh percaya bahaya pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan akan tinggalkan legasi sifar rasuah. Ini saya tidak faham dia memang satu *u-turn* yang ketara. Apa yang pasti adalah apabila Yang Amat Berhormat Pekan, tinggal rasuah akan kurang. Legasi pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan juga termasuk pelaksanaan GST dan pemansuhan subsidi bahan api, subsidi gula dan subsidi minyak masak dan sebagainya.

Akan tetapi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan merosot walaupun kutipan GST melebihi RM100 bilion setakat ini. Hutang Kerajaan Persekutuan meningkat hampir 160 peratus dari RM348 bilion pada tahun 2009 sehingga RM 900,01 bilion apabila mengambil kira hutang yang ditanggung dan hutang yang dijamin oleh kerajaan. Walaupun pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan begitu bangga dengan kedudukan rizab asing yang melebihi USD100 bilion kenapa nilai ringgit semakin jatuh? Sejak pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan nilai ringgit jatuh 20 peratus berbanding Dolar Amerika, 30 peratus berbanding dengan Singapore Dollar, 25 peratus berbanding dengan Thai Baht berbanding Chinese Yuan Renminbi. Peningkatan rizab tidak bermakna sekiranya nilai ringgit masih rendah.

Kita alih kedudukan ekonomi rakyat. Pendapatan per kapita pada tahun 2017 USD9,700. Pasti sasaran untuk mencapai USD15 ribu menjelang 2020 tidak akan tercapai. Seterusnya kita merujuk kepada purata pendapatan isi rumah. Kajian Jabatan Statistik yang baru menunjukkan bahawa purata pendapatan isi rumah pada tahun 2016 adalah sebanyak RM6,958 sebulan dengan peningkatan sebanyak 6.2 peratus setiap tahun. Sasaran Dasar Transformasi Nasional untuk mencapai pendapatan RM10,540 sebulan menjelang 2020 pasti tidak akan tercapai.

Persoalannya, adakah kehidupan rakyat lebih selesa sejak pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan? Ini kita boleh rujuk kepada Indeks Kesejahteraan Keluarga yang diterbitkan oleh LPPKN di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Indeks tersebut mengkaji tujuh domain sebagai ukuran terhadap kesejahteraan keluarga iaitu:-

- (i) hubungan kekeluargaan;
- (ii) ekonomi;
- (iii) kesihatan ;
- (iv) keselamatan;
- (v) keluarga dan komuniti;
- (vi) keluarga dan agama atau kerohanian; dan
- (vii) perumahan dan persekitaran.

Indeks tersebut pada tahun 2011 adalah 7.55 dan merosot, bukan meningkat – merosot ke 7.33 pada tahun 2016. Jelas bahawa dari aspek kesejahteraan rakyat situasi merosot sejak pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan. Secara rumusan *report card* pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan dari segi anti rasuah gagal. Dari segi urusan ekonomi dan kewangan kerajaan juga gagal. Kerajaan terus dibebankan dengan hutang dan rakyat ditekan melalui GST dan mansuhnya subsidi.

Kalau sebelum ini kita jangka mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, kini dilontarkan slogan Transformasi Nasional 2050 atau TN50. TN50 ini jelas adalah satu pengakuan bahawa dasar Transformasi Nasional di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan telah gagal menepati matlamat. Impian negara maju yang sepatutnya tercapai tahun 2020 ditangguhkan sehingga 2050. Singkatan TN50 jadi 'Tunggu Nanti 2050'.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya beralih kepada perkhidmatan kesihatan dan memberi sedikit input berkenaan dengan prinsip untuk merangka dasar penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, liputan yang universal, kos efektif dan responsif terhadap permintaan. Perancangan harus bermula sekarang kerana keseluruhan kos perkhidmatan kesihatan akan meningkat dengan ketara apabila peratusan penduduk berusia 65 tahun ke atas dijangka mencecah 15 peratus menjelang tahun 2030. Kementerian harus merancang dasar ke arah mengurangkan *total health expenditure* (THE) atau keseluruhan perbelanjaan kesihatan dan bukan setakat perbelanjaan dari segi kerajaan.

Walaupun kita menghargai sektor swasta untuk memenuhi permintaan sesetengah rakyat yang mampu tetapi sektor swasta tidak ada keupayaan untuk mengawal kos. Kemudahan awam lebih berupaya dari segi kawalan kos rawatan. Kementerian harus melakukan analisa kos rawatan di dalam hospital kerajaan dan saya yakin kos rawatan ini di kemudahan kerajaan pasti lebih rendah daripada kemudahan swasta. Akan tetapi kita perlu tahu berapakah kos untuk hospital kerajaan untuk misalannya buat *coronary artery bypass surgery*, misalannya untuk buat *appendicectomy* untuk *acute appendicitis*.

Kini setiap bil yang diberikan kepada pesakit menerima rawatan di kemudahan awam telah tersenarainya kadar subsidi daripada kerajaan. Soalan saya adalah

bagaimana Kementerian Kesihatan dapat angka subsidi tersebut? THE yang saya sebut tadi sedia ada lebih kurang 50 peratus adalah daripada kemudahan swasta dan ini tidak ideal. Sepatutnya kemudahan awam seharusnya menanggung sekurang-kurangnya 80 peratus daripada THE supaya keseluruhan THE ini dapat dikurangkan. Untuk mencapai matlamat ini, kemudahan awam harus meningkatkan kemudahan yang sedia ada untuk menggalakkan rakyat menerima rawatan di kemudahan awam.

Seterusnya, kementerian harus menetapkan KPI perkhidmatan yang jelas serta senaraikan garis panduan rawatan mengikut keperluan dan kemampuan. Sebagai contoh *appointment* untuk pakar tidak seharusnya lebih daripada dua minggu dan sebagainya dan peruntukan untuk ubat harus dipertingkatkan. Antara masalah kemudahan awam adalah kekurangan doktor pakar. Untuk mengatasi masalah ini, saya ada satu cadangan, harus dipertimbangkan. Saya mencadangkan supaya setiap pakar perubatan swasta diwajibkan untuk berkhidmat di kemudahan awam sehari seminggu sebagai permulaan dan ini pasti akan mengurangkan beban terhadap keperluan pakar-pakar di hospital kerajaan.

Saya ingin beralih kepada isu yang lain. Berkenaan dengan 1MDB dan ini bukan setakat 1MDB, ini lebih kepada persetujuan timbang tara IPIC dan 1MDB di London Court of International Arbitration. Mengikut persetujuan tersebut tanggungan yang perlu dibayar oleh 1MDB sekarang di bawah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, itu terlibat dalam 1MDB Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Akan tetapi ini Kementerian Kewangan yang ambil alih. Tanggungan tersebut sebanyak RM25 bilion...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: No...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: ...yang harus dibayar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia macam ini. Soalnya Yang Berhormat ada petua, itu yang saya kena ingatkan. Okey...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: ...Jadi kita kena hormat petua Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Saya beralih kepada isu yang lain. Kita mengalu-alukan apabila Pangkor diisytiharkan kepada duti bebas. Cuma untuk membantu meningkatkan industri pelancongan di Perak, adakah kerajaan bersedia walaupun ada peruntukan untuk naik taraf lapangan terbang di Pulau Pinang dan sebagainya, adakah kerajaan bersedia untuk mengadakan satu lapangan terbang antarabangsa dekat dengan Pangkor khususnya di Seri Iskandar dan di kawasan yang berhampiran?

Akhir sekali berkenaan dengan jalan raya di mana apabila setiap hujung minggu di antara Ipoh ke Gopeng, jalan itu selalu sesak sebab Lebuhraya Utara Selatan selalu sesak. Jadi kalau boleh, kalau Kementerian Kerja Raya boleh naikkan taraf jalan raya A1

dari Ipoh sehingga ke Kampar supaya jalan itu akan lebih selesa, pengguna akan dapat faedah daripada menaiktarafkan jalan tersebut.

Akhir sekali, cuma saya hendak tanya apakah status TPPA yang kita bahaskan selama dua, tiga hari di dalam Dewan ini dan apakah perkembangan yang terbaharu berkenaan dengan TPPA? Sekali lagi saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya menolak Bajet 2018.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

8.18 mlm.

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan perbahasan ini dengan muhasabah berpandukan sebuah hadis Rasulullah SAW [*Bercakap dalam bahasa Arab*], '*Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin akan ditanya mengenai kepimpinannya*'.

Yang Amat Berhormat Pekan sebagai pembentang, Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pembahas, semua pegawai yang akan melaksanakan amanah, kita semua akan dipersoalkan bukan sahaja di Dewan yang mulia ini bahkan lebih menakutkan di depan hakim yang maha adil di akhirat nanti. Apabila bercakap soal bajet atau perkara yang berkaitan dengan ekonomi dan harta, Nabi Muhammad SAW juga ada berpesan, [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. '*Tidak akan berganjak kaki seseorang hamba pada hari kiamat nanti melainkan dia akan disoal mengenai empat perkara. Salah satunya [Bercakap dalam bahasa Arab], berkaitan dengan hartanya, dari mana ia dapat dan ke mana ia dibelanjakan.*'

Begitulah juga dengan bajet sesebuah negara. Harta yang akan dibelanjakan untuk kesejahteraan rakyat dan masyarakat sudah tentulah perlukan sumber yang baik dan bersih untuk menjamin bersihnya kehidupan rakyat.

■2020

Jika boleh ditanya berapa peratus kah daripada jumlah wang yang disatukan yang dikutip dari sumber harta yang tidak bersih, *sin tax* dengan izin seperti judi, arak, riba dan seumpamanya dan adakah ia diasingkan dari segi pengumpulan dan pengagihannya?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang terdiri dari gabungan beberapa buah negeri, bajet juga semestinya dilihat adil dalam pengagihannya. Apa guna sebuah negara dilihat maju jika ada komponennya yang masih lagi ketinggalan. Kuala Lumpur tidak menjadi ibu negara tanpa Kota Bharu, begitu juga tidak ada Malaysia tanpa Kelantan misalnya. Sebagaimana cukai GST yang dikutip daripada semua tingkat golongan sama ada besar, kecil, muda, tua, lelaki, perempuan, miskin, kaya, tidak ada sempadan politik,

dari yang hidup bahkan yang mati, maka pengagihan nikmatnya juga wajib merangkumi semua tingkatan ini.

Jika boleh dijelaskan sebenarnya dari tahun 2015 hingga tahun 2016, berapakah jumlah kutipan GST untuk negeri Kelantan sahaja? Dilihat daripada pengumuman bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan pada 27 Oktober yang lepas, saya cuba mencongak-congak berapakah nilai yang akan diperolehi oleh rakyat Kelantan sepanjang 2018 nanti. Jika Sabah dan Sarawak ada jumlah yang jelas disebut RM1 bilion, berapa pula untuk Kelantan?

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan asas adalah contoh yang paling mudah. Boleh kata kebanyakan Ahli Yang Berhormat yang berbahas akan menyentuhnya kerana itulah bahagian yang paling dekat dengan rakyat terbanyak. Infrastruktur yang baik akan memudahkan mereka untuk melakukan banyak perkara. Namun yang jelas seolah-olah tumpuan kerajaan hanyalah di bandar-bandar besar dengan tompokan pelbagai prasarana yang dibina. Saya bukanlah memohon untuk dibina MRT di Kota Bharu, LRT dan seumpamanya di Kubang Kerian, setidak-tidaknya buat masa ini. Akan datang boleh jadi ianya perlu tetapi memiliki jaringan jalan raya yang baik sudah tentu satu keutamaan. Gembira mendengar istilah-istilah Maqasid Syariah yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, *Ad-Dho'-ru-riyat*, keutamaan, *Haa-Ji-Yat*, keperluan dan *Tah-si-niyat*, perhiasan.

Saya tidak menolak projek besar, projek mega ECRL yang akan melalui kawasan-kawasan Tok Bali, Bachok, Kubang Kerian, Tunjung dan Tumpat yang akan memakan belanja yang sangat besar, lebih daripada RM50 bilion yang sudah tentu sedikit sebanyak akan merancakkan pertumbuhan ekonomi penduduk sekitarnya. Cuma saya masih lagi cuba menghitung agaknya berapakah harga tiket yang akan ditawarkan kepada rakyat terbanyak untuk mereka menikmati perjalanan indah dan laju daripada Tumpat ke Gombak hasil daripada kos yang telah dilaburkan ini.

Namun dari segi *Dho'-ru-riyat* nya, keutamaannya, saya merasakan pembinaan lebuhraya yang menghubungkan antara Kota Bharu dan Kuala Lumpur itu lebih diutamakan untuk disiapkan secepat yang mungkin. Projek *CSR* atau *Central Spine Road* yang telah beberapa kali diumumkan dalam bajet dan Rancangan Malaysia tidak tahu bila pula akan siap. Belanjanya lebih murah berkali ganda berbanding ECRL tetapi yang dibuat hanyalah dalam negeri Pahang sahaja setakat ini. Itu pun daripada Merapoh ke Padang Tengku. Yang Berhormat Lipis boleh mengesahkan. Fasa 1 yang sepatutnya bermula daripada Kuala Krai ke Gua Musang bila pula akan dimulakan. Tidak tahulah hendak tunggu kerajaan yang baru mengambil alih mungkin barulah ianya dapat dimulakan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Kelantan adalah satu-satunya negeri di Semenanjung Malaysia yang tidak ada lebuhraya yang menghubungkannya dengan negeri yang lain. Sampai bila anak-anak Kelantan yang suka bermusafir akan terus bersekesak-sesak selama 15 jam di atas jalan raya setiap kali pulang untuk berhari raya dan

sampai bila pula kita ingin membilang jenazah dan mayat yang bergelimpangan apabila berlakunya kemalangan yang menyayat hati. Saya juga merasakan sudah sampai masanya kerajaan membina sebuah pelabuhan di Tumpat, tempat yang sangat strategik untuk perdagangan timur dan barat bagi melengkapkan lagi jaringan ECRL yang akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga dengan masalah banjir. Kelantan adalah negeri yang sentiasa menerima ujian ini saban tahun sama ada kecil ataupun besar. Saya sengaja menyebut ini sebagai satu ujian kerana ia adalah memang bukti keagungan kuasa Allah SWT yang tidak ada mana-mana orang mahupun kerajaan yang mampu menolaknya. Allah SWT maha adil. Jika dari dulu semenjak saya mengenali ilmu alam ataupun geografi dalam bahasa Jawanya, monsun timur lautlah yang selalunya banyak membawa taburan hujan hingga menyebabkan bah terutamanya di negeri-negeri pantai timur. Jarang terdengar di negeri pantai barat Semenanjung yang dilanda banjir besar. Namun semuanya boleh dan sentiasa berubah mengikut kehendak dan kuasaNya.

Kita boleh dan memang mesti merancang namun ia bukan segala-galanya. Di Kelantan misalnya, negeri yang dimomokkan dengan tidak mempunyai banyak kemudahan asas termasuk untuk mengelakkan banjir walaupun sentiasa dijanjikan dengan pembinaan tebatan banjir semenjak daripada dahulu. Banjir biasanya berlaku di Kelantan setelah hujan turun tiga hari berturut-turut, mengambil masa yang lebih lama daripada Pulau Pinang dan negeri-negeri utara yang hujannya turun hanyalah selama 15 jam dan tentu lebih banyak bezanya daripada Kuala Lumpur yang sentiasa dilanda banjir kilat selepas menerima hujan lebat hanya sekitar dua, tiga jam.

Walaupun di sini, di Kuala Lumpur ini ditompokkan ibu segala infra yang lengkap dan canggih pun masih boleh berlaku banjir. Bukan untuk dikeluh-kesahkan apatah lagi untuk dipolitikkan tetapi dalam banyak keadaan, itulah yang berlaku. Politik bukan segala-galanya walaupun segala-galanya adalah politik. Yang penting adalah bagaimana tindakan yang diambil selepas bencana ini berlaku. Peringatan daripada Allah SWT dalam Ayat 216 Suratul Baqarah, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Boleh jadi kamu tidak menyukai dan membenci sesuatu perkara tetapi ia baik bagi kamu"*.

Tidak ada yang suka kepada bencana tetapi mungkin ia satu peringatan yang baik buat kita dan mana-mana kerajaan. Ketika inilah setiap orang akan berlumba-lumba melakukan kebajikan. Ramai pemimpin akan dapat dikenali dan ditemui ketika banjir, suatu yang mungkin agak sukar pada waktu-waktu biasa. Bantuan-bantuan yang di luar bajet pun boleh dikeluarkan sekelip mata. Saya turut melahirkan simpati kepada mangsa banjir di Pulau Pinang dan negeri-negeri utara serta mengharap kesabaran mereka dan PAS adalah antara pihak yang telah mengarahkan sukarelawan mereka untuk turun membantu mangsa khususnya tentera merah kami, Jabatan Amal.

Kerajaan Kelantan juga antara yang terawal meluluskan dan menyampaikan sumbangan sebanyak RM50,000 kepada Kerajaan Pulau Pinang. Mungkin tidak banyak

tetapi itulah tanda empati dan kebersamaan kami kepada yang terlibat dengan ujian ini. Kami sangat arif dengan perasaan dan suasana mangsa-mangsa banjir ini kerana kami juga telah banyak kali melaluinya. Bahkan ada di antara Ahli Parlimen kami yang telah berkampung di sana seumpamanya Ahli Parlimen Rantau Panjang, hari ini pun tidak masuk Dewan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kemudahan dan prasarana ICT juga sudah menjadi *Haa-Ji-Yat* rakyat kita, bukan lagi *Tah-si-niyat*. Banyak sektor masyarakat yang menggunakannya termasuklah sektor pendidikan dan terbukti ia banyak membantu perkembangan sektor ini menjadi lebih ke hadapan dan baik. Namun masalah di sesetengah tempat ialah kekurangan prasarananya termasuk liputan internet yang agak perlahan. Pengalaman mengisi borang maklumat peribadi anak-anak sekolah secara manual setiap awal tahun membuat saya tertanya-tanya adakah masih ada lagi sekolah yang tidak mempunyai kelengkapan komputer yang baik sekurang-kurangnya untuk menyimpan data. Ke mana disimpan kesemua borang yang telah diisi sebelumnya? Jika ada enam orang anak, enam kalilah borang itu akan diisi setiap tahun.

Berkenaan liputan internet, kita semua tahu keupayaannya sama ada dari segi kawasan liputan ataupun kelajuannya. Sebenarnya dengan perkembangan semasa, rakyat tidak perlu lagi bergantung pada media massa arus perdana seperti TV dan radio, maklumat dan info terkini hanyalah di hujung jari.

■2030

Apakah ia menjadi sebab utama kerajaan bimbang untuk menyediakan Internet yang lebih luas, yang lebih laju dan lebih murah kepada rakyat? Takut kehilangan tampuk pemerintahan dengan lebih cepat apabila rakyat mempunyai info yang tepat dan cepat kerana bukti dalam pilihan raya umum yang berlaku sebelum ini, rakyat yang bermaklumat tidak lagi memberi undi kepada Barisan Nasional. Saya juga ingin bertanya dengan kepesatan perkembangan teknologi ini, adakah data-data peribadi yang tersimpan akan selamat daripada dicerobohi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingin dapat kepastian, berapa orang lagi yang berminat? Sebab senarai yang ada pada saya sentiasa berubah dan bertambah-tambah. Jadi satu, dua, tiga, empat, lima ya. Lima saja. Jadi saya mulakan orang Pahang dulu, Yang Berhormat Indera Mahkota. Ya, sila.

8.31 mlm.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*. Terima kasih banyak-banyak. Banyak telah diperkatakan berkenaan dengan belanjawan ini dan saya tidak mahu menghuraikan secara halus tetapi secara makro ataupun secara umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mulakan dengan izin, *nothing is either good or bad, but thinking that makes it so*. Seperti juga manusia Tuan Yang di-Pertua, sehebat-

hebat manusia, sekuat-kuat manusia, ada kelemahan dia dan selemah-lemah manusia, seburuk-buruk manusia, ada kebaikan dia. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kita membahaskan belanjawan ini sedemikian juga. Kita membahaskan seolah-olah ia a *half filled a glass*, dengan izin *half filled with water*. [Merujuk kepada blok kerajaan] Di sebelah sana mengatakan *it is half full of water*. [Merujuk kepada blok pembangkang] Di sebelah sini mengatakan *it is half empty of water*. Sebenarnya, dua-dua tidak salah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang dibentangkan ibarat sebuah pokok, sebuah pohon. Pohon mempunyai pucuk-pucuk di atas, daun-daun yang rendang yang kehijau-hijauan, bawahnya ada ranting-ranting sampai ke akar dan akar umbi. Pohon yang rendang memiliki pucuk yang di atas. Apabila belanjawan dibentangkan, ibaratnya pucuk yang di atas pohon itu merasa lega sebab dia mendapat nikmat matahari, nikmat hujan, nikmat angin yang sepoi-sepoi bahasa dan begitu juga dirasai oleh daun-daun yang kehijau-hijauan. Akan tetapi akar umbi, akar umbi yang di atas paras bumi masih merasa tetapi yang paling teruk adalah akar umbi yang di bawah paras bumi Tuan Yang di-Pertua.

Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Dungun yang memetik sebuah ayat Al-Quran yang menyatakan bahawasanya, jikalau dikatakan ada perasaan kasih sayang di dalam pembentangan bajet, pemerintah harus memikirkan orang yang paling bawah iaitu kalau diibaratkan pokok tadi, ibaratnya akar umbi yang di bawah paras bumi hendaklah diberi keutamaan.

Matlamat belanjawan Tuan Yang di-Pertua pada hemat saya, adalah menyejahterakan rakyat yang paling bawah. Saya tidak nafikan bahawa belanjawan ini ada manfaatnya kepada umum. Contoh kebaikan belanjawan, saya melihat bahawasanya *gini coefficient* telah dirapatkan, satu kebaikan. Kita melihat bahawasanya *economic growth*, masih di tahap lima peratus, 5.6 peratus adalah kebaikan. Saya melihat bahawasanya kerajaan telah membentangkan satu cadangan untuk memudahkan urusan orang yang menerima dialisis, satu kebaikan. Kalau kita katakan ekonomi itu bertumbuh dengan baik lima peratus, bagus. Akan tetapi yang merasai kesukaran adalah orang yang berpendapatan rendah yang dikatakan hanya *growth* 0.9 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pada hasil pula, hasil kerajaan, ia hanya mampu membiayai belanja mengurus dan membayar hutang dan boleh kita katakan bahawasanya peruntukan bagi pembangunan, hampir kesemuanya diperoleh daripada hutang. Dahulunya kita memiliki hampir 30 peratus daripada belanjawan untuk pengurusan. Ia turun merosot pada 25 peratus beberapa tahun yang lalu dan pada hari ini, hanya 16 ataupun 17 peratus. Pada saya ini adalah tanda bahaya kepada pertumbuhan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, akar umbi yang saya katakan tadi rakyat yang B40 dan sebagainya adalah rakyat yang paling tertekan di dalam keadaan negara kita pada hari ini. Pertamanya, hasil pendapatan mereka tidak naik. Keduanya, GST, sama

ada kita mahu nafi atau sebaliknya adalah menyebabkan kerumitan sebahagian daripada rakyat yang marhaen. Ketiganya adalah kenaikan barangan. Kenaikan barangan berpunca pada hemat saya kerana Malaysia bergantung banyak kepada barangan-barangan import. Mata wang kita jatuh, ramai yang menyatakan tadi.

Mata wang kita jatuh bukan hanya berbanding dengan mata wang USA. Dengan USD kita jatuh 40 peratus, dengan *Singapore* 30 peratus, malahan dengan Thailand, dengan Filipina dengan Bangladesh pun mata wang kita jatuh. Apabila mata wang kita jatuh, kita lihat pada barangan kebanyakannya kita import beras, susu, gula tepung dan apa yang saya dapat maklumat bahawasanya susu, 90 peratus daripada susu kita import, daging 70 peratus, buah-buahan 30 hingga 50 peratus, sayur-sayuran 20 hingga 30 peratus.

Jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, walaupun kita katakan *growth* lima peratus, 5.7 peratus, kadar inflasi rendah tiga peratus, satu kebaikan tetapi kadar inflasi itu adalah bergantung pada kiraan lebih kurang 500, 530 barangan termasuk barangan seperti kasut, baju, kain, barang makanan dan sebagainya. Kalau kita lihat, memang benar 30 peratus, tetapi barang-barang seperti telefon bimbit, kasut, turun harganya. Akan tetapi yang kita hairan adalah barang-barang seperti beras, gula, susu, tepung, kesemuanya naik dan ada di antara barang-barangan yang naik dengan kadar 40, 50, 60 peratus. Jadi inilah yang menjadi kerumitan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua saya merasakan bahawasanya apa juga pembentangan atau bajet atau belanjawan hendaklah mengambil perhitungan, perkiraan yang paling utama adalah keselesaan rakyat. Keselesaan rakyat pada hemat saya, hendaklah pemerintah mengetahui, membezakan di atas kehendak dengan keperluan rakyat. Mereka mungkin ada kehendak kemewahan tetapi apa yang mereka perlu adalah berbeza dengan kehendak. Kerajaan pemerintah juga setelah mengukur keperluan rakyat, hendaklah memperhitungkan kemampuan kerajaan. Jikalau kita *match* dengan izin, keperluan rakyat dengan kemampuan kerajaan, saya kira dengan izin Allah, *insya-Allah* kita akan selamat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah keperluan rakyat sebenarnya? Saya simpulkan yang utamanya adalah seperti 3L. Keperluan rakyat utama adalah 3L, apa dia 3L? L 'lapar', L 'lampin', L 'lindung'. Kata Inggeris '*food, clothing, shelter*'. Kalau apa juga belanjawan yang hendak dibentangkan, hendaklah mengambil kira keselesaan rakyat bagi kemudahan 3L yang saya sebutkan tadi. Saya tidak mahu hendak pecahkan kepada mikro. Panjang sangat cerita kerana masa amat suntuk. Setelah 3L disempurnakan, barulah saya istilahkan keperluan rakyat adalah '*I and U*'. Apa itu I? I itu 'ilmu', U itu 'ubat-ubatan'. Saya berikan rakyat kita ini kepada tiga tahap. Satu di antara umur sehari sehingga 21, 22, 23 tahun. Kemudian 23 tahun hingga 55 ataupun 60 tahun, kemudian 60 tahun ke atas. Umur sehari sampai 23 tahun, dia perlukan ilmu iaitu kita kerajaan ataupun pemerintah mesti diberi keutamaan kepada belanjawan untuk ke arah *free education*, ke arah *free*

education. Saya tak katakan mesti *free education*, itu yang terbaik. Akan tetapi kerajaan mesti memperkirakan memberi ilmu, pendidikan sebagai yang utama dalam pembentangan sesuatu bajet.

■2040

Kedua, antara 23 tahun hingga 55 tahun, 60 tahun mereka berkhidmat, mereka menaburkan bakti kepada negara. Setelah itu umur 55 tahun – 60 tahun, mereka berpencen dan bagi saya itulah masanya mereka memerlukan perkhidmatan kesihatan yang terbaik. Istilah saya, “U” itu ubat-ubatan, bermakna fasa yang pertama dalam hidup rakyat kita, kerajaan mestilah memberikan kemudahan pendidikan ke arah seolah-olah *free education*. Apabila mereka telah *retire* atau berhenti, mereka hendaklah dibantu dari segi perubatan dan saya amat menyokong tadi pandangan beberapa pembahas bahawasanya Yang Berhormat Gopeng umpamanya, hendak menyentuh kepada ubat-ubatan hendak diberi kemudahan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, musuh kepada negara kita adalah semua ini adalah rasuah. Banyak yang telah diperkatakan. Dalam urusan ini, saya – benda yang betul, betul juga. Benda yang tak betul, kita tegur. Saya kira kalau rosaknya seorang bapa, maka rosaklah satu keluarga. Kalau rosaknya seorang penghulu, maka rosaklah satu mukim. Kalau rosaknya seorang Menteri Besar, maka rosaklah negeri. Kalau rosaknya seorang Perdana Menteri, maka rosaklah negara. Jadi saya hendak menyatakan dalam urusan ini, kerajaan atau pemerintah wajib mengambil langkah yang setegas-tegasnya mengatasi masalah rasuah. Rasuah adalah musuh utama dalam negara kita. Kalau rasuahnya seorang pegawai polis, maka hilanglah ketenteraman dan keselamatan rakyat. Kalau rasuahnya seorang umpamanya seorang pegawai Kastam, maka habislah pendapatan kerajaan.

Jadi oleh itu, saya mencadangkan bahawasanya kerajaan benar-benar mengambil tindakan yang tegas. Dalam urusan ini, saya melihat bahawasanya Yang Berhormat Pandan banyak mengutarakan masalah 1MDB dengan FELDA FGV. Saya mencadangkan dan mengesyorkan kepada kerajaan, minta maaf dengan izin, *be serious* dan mengambil langkah seperti mana yang disebutkan tadi oleh pembahas yang awal. Kemosrotan indeks rasuah memang tertera dan diketahui umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka dan menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tadi bahawasanya Al-Quran menyebut, “*Setiap kamu adalah pemimpin...*”. Untuk menjayakan negara kita, Perdana Menteri satu hal, hakim-hakim satu hal, AG satu hal, IGP satu hal, pegawai-pegawai kerajaan satu hal. Ertinya semua memiliki peranan untuk dimainkan sebaik-baiknya sebab setiap kamu adalah pemimpin dan kamu akan dipertanggungjawabkan di atas apa yang kamu lakukan di hari kiamat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, jadi oleh itu saya hendak mengharap, saya teringat bahawasanya dalam satu ucapan Perdana Menteri ketika itu iaitu Tun Razak. Dia telah memberi amanat kepada pegawai-pegawai kerajaan agar bekerja keras, *stand up* dengan

izin. *Stand up to be seen, speak up to be heard.* Dia kata *politicians are not always right. You have to stand up to be seen and speak up to be heard.* Bererti bahawasanya pegawai kerajaan juga memiliki peranan untuk dimainkan dalam pembangunan negara kita dan juga melaksanakan belanjawan ini dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru agar pemerintahan kita kembali kepada pemerintahan yang dipelopori oleh Perdana Menteri kita yang terdahulu iaitu pemerintahan yang A, B, C iaitu Amanah, Bersih dan Cekap.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya hendak menyatakan bahawasanya tiada siapa boleh menafikan bahawasanya kejayaan dalam dasar membangunkan ekonomi orang Melayu dan bumiputera. Di dalam ukuran vertikal, memang ada. Kita nampak, tiada siapa boleh mengatakan dan menafikan bahawa orang Melayu dan bumiputera sekarang lebih hebat. Akan tetapi dari segi unjuran horizontalnya, kita masih ketinggalan.

Saya hendak mengatakan bahawasanya tadi disebut oleh Yang Berhormat Dungun, dia kata belia. Yang Berhormat Dungun mengatakan bahawasanya penting belia itu diberikan pemerhatian. Kalau kita tengok bahawasanya dan Nabi Muhammad SAW pun bersabda, *“Jikalau kamu mahu melihat sesebuah negara di masa hadapannya, lihatlah kaum muda atau anak-anak muda di masa kini”*. Kita lihat orang Melayu - minta maaf saya hendak secara ringkas. Masa tidak mengizinkan. Kita orang Melayu kena perbaiki sikap mereka, *because it is attitude not aptitude* dengan izin, dan *determines the altitude*. Sikap, tengok anak muda kita dengan orang Melayunya khususnya, dengan mat rempit pergi ke pusat serenti 95 peratus, pergi ke penjara 98 peratus. Jadi inilah yang kita katakan bahawasanya kita perlu, kerajaan pemerintahan juga perlu melihat kepada produktiviti mereka.

Saya ada tujuh, lapan perkara lagi. Oleh sebab masa telah – ada masa? Tak ada masa ya. Saya hendak mengakhiri begini sahajalah. Pertama, saya hendak mencadangkan supaya kerajaan memansuhkan – tak boleh memansuhkan sepenuhnya GST, kita suka kalau boleh belanjawan kita, kita nak mansuh semua. Akan tetapi sekurang-kurangnya dikatakan oleh pembahas tadi, dalam bidang kesihatan mansuhkan GST.

Saya hendak mengesyorkan yang kedua, bagi semua restoran – ini saya hendak sebut ini, patut panjang lagi tetapi saya ringkaskan Tuan Yang di-Pertua. Minta kerajaan memberi pertimbangan bahawa semua restoran dibebaskan daripada GST.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Menteri Kewangan ada menyebut, dia kata *“Kita ini ada pisau, pisau akan menghiris mentimun. Kalau dihiris nipis, nipislah ia. Kalau dihiris tebal, teballah ia”*. Saya sokong sangat, ibaratnya kalau boleh saya gunakan istilah *“Kami ini timun...”* dan saya tak mahu guna pisau kerana saya takut dengan pisau. *“...Sebelah lagi itu durian. Durian menggolek timun, timun pun kena. Timun menggolek durian, durian pun kena”*. Betul, tetapi jaga

apabila durian menjadi tempoyak, timun akan penyek-penyek tempoyak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

8.47 mlm.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 2018 ini.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan-belanjawan yang dibentangkan oleh mana-mana kerajaan yang mampu sepatutnya memberikan manfaat kepada rakyat. Dua negeri Pakatan Harapan pun baru sahaja membentangkan Belanjawan 2018 mereka sejurus pembentangan bajet Perdana Menteri. Apa yang rakyat dapat secara langsung memanglah satu nikmat dan satu rezeki, dan memang sepatutnya manusia mensyukuri rezeki dari Allah. Walaupun zahirnya kita melihat kita mendapat sesuatu itu daripada manusia, tetapi Nabi Muhammad SAW telah memperingati kita di dalam wirid kita setiap pagi dan petang yang berbunyi [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Ya Allah, nikmat apa pun yang aku peroleh dan diperoleh seseorang itu di antara makhlukMu adalah dariMu yang Esa dan tidak ada sekutu bagiMu, maka bagiMu segala puji dan syukur*”.

Saya melihat semenjak tahun 2008, bila persaingan di antara pembangkang dan kerajaan semakin sengit, yang mendapat keuntungan adalah rakyat sama ada secara langsung atau tidak. Akan tetapi tentulah bajet negara tidaklah boleh dibandingkan dengan negeri. Walaupun rakyat negeri Selangor dan Pulau Pinang dilihat mendapat manfaat secara langsung lebih banyak kalau dibandingkan daripada negeri-negeri lain, namun kemampuan untuk terus membantu rakyat dalam hal-hal tertentu masih terbatas.

Berbillion-bilion ringgit bakal diagihkan kepada rakyat melalui pelbagai skim yang kerajaan umumkan. Namun kebimbangan kita ialah pengagihan dan sistem penyampaian kita atau *delivery system* kita. Kerajaan sudah melakukan beberapa perkara yang sama semenjak memerintah, cuma hanya semasa pembangkang tidak begitu kuat dan impak media sosial hanya hebat 10 tahun terakhir. Mungkin keberkesanan penyampaian jarang dipertikaikan dahulu. Seperti yang umum kita tahu, berbilion-bilion ringgit tidak sampai kepada rakyat terutamanya di Sabah dan Sarawak kerana rasuah dan ketirisan. Saya masih meragui sistem penyampaian insentif dan sumbangan kepada rakyat apabila badan-badan bukan kerajaan dan badan-badan politik yang menjadi penyampainya.

■2050

Di dalam masa kita mengagihkan sumbangan melalui agensi kerajaan melalui satu sistem yang boleh kononnya diaudit dan pelbagai SOP kononnya, masih berlaku ‘penyonglapan’, perompakan, ketirisan, pemborosan, penyelewengan, rasuah dan kecurian. Inikan pula apabila berjuta ringgit diturunkan melalui badan-badan yang mungkin tidak diaudit. Di bawah sana ramai yang jujur tetapi senyap dan adakala didominasi oleh

beberapa orang yang berkuasa sama ada kakitangan kerajaan ataupun orang politik yang pecah amanah menyebabkan jutaan ringgit lesap. Hatta, proses sebut harga dan penganugerahan kontrak yang kononnya ada SOP pun sering diselewengkan atas nafas budi bicara sang berkuasa.

Kerajaan seharusnya mengagihkan sebarang dana kepada rakyat melalui agensi-agensi yang boleh diaudit. Misalnya, pemberian BR1M tidak diberikan melalui parti-parti politik atau pinjaman PKS melalui koperasi dan lain-lain seperti yang tertera dalam muka surat 40 buku bajet ini. Kita lihat ada bajet yang diberi melalui KOJADI, ada yang melalui Yayasan Peniaga dan Penjaja Kecil, ada yang diberi melalui Skim Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah badan-badan ini diaudit? Sejauh mana sumbangan-sumbangan yang hendak disampaikan kepada sasaran ini tidak tiris dan tidak disonglap oleh mereka ini?

Saya ingin mengatakan bahawa apa yang disebut oleh Perdana Menteri tentang tahun memperkasa wanita dan 30 peratus pelantikan GLC daripada wanita juga yang dilihat sebagai boleh memperkasakan wanita tentulah kita alu-alukan. Saya juga bersetuju dengan bajet yang mencadangkan cuti tempoh bersalin mandatori untuk sektor swasta dinaikkan daripada 60 hari ke 90 hari.

Walau bagaimanapun, kita perlu membincangkan dan berlaku perdebatan yang hebat di luar sana yang peningkatan jumlah cuti bersalin ini kepada 90 hari ini kerana Pakatan Harapan mencadangkan 120 hari, sama ada ia akan menjadikan wanita itu lebih teraniaya kerana mungkin mereka tidak akan diambil bekerja sekiranya mereka mengandung dan sebagainya.

Namun, bajet dalam Pakatan Harapan memberi insentif kepada majikan dalam lima tahun pertama dengan melalui pengecualian cukai sebelum menerima piawaian baru ini. Jadi, mungkin kita patut juga mengambil langkah ini kerana kedua-dua pihak bersetuju bahawa cuti bersalin ini patut ditingkatkan. Jadi bagaimana boleh kira kedua-duanya ada idea yang bagus ini dan desakan mungkin yang dimulakan oleh— ya, betul kita sebut di sini, betul Kelantan yang telah memulakannya beberapa tahun dahulu dalam meningkatkan cuti bersalin ini.

Kedua ialah kita ingin bertanya tentang bagaimana langkah kerajaan untuk meningkatkan partisipasi wanita di dalam politik? Kalau GLC, kerajaan boleh membuat undang-undang dan peraturan untuk meningkatkan jumlah wanita di dalam GLC dan sebagai pembuat keputusan di agensi-agensi kerajaan dan jabatan-jabatan kerajaan. Namun, di dalam bidang politik, kita tahu bahawa penyertaan wanita sebagai calon itu adalah satu hambatan juga. Bukan senang untuk meletakkan calon wanita. Kemudian, bila jumlah wanita yang diletakkan itu sedikit, jadi sampai bila pun kita tidak akan sampai kepada 30 peratus. Di dalam Parlimen ini pun sahaja kita melihat bahawa kita hanya ada 10.4 peratus wanita sebagai wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, wanita Pakatan Harapan sedang dalam proses mendesak kerajaan-kerajaan negeri untuk kita kata mengadakan satu polisi *women only alternative seats* iaitu kerusi-kerusi yang tidak ada kawasan yang diperuntukkan khas oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk memperbanyakkan lagi perwakilan wanita dan parti-parti akan diberikan tempat mengikut peratus undi yang dia dapat daripada rakyat. Jadi apa yang kita harapkan, *women only alternative seats* ini ia akan membanyakkan lagi representasi ataupun perwakilan wanita di peringkat negeri. Walaupun negeri Selangor sudah mencapai 40 peratus wakil rakyat wanita, dan Pulau Pinang masih lagi belum sampai, tetapi negeri-negeri Barisan Nasional yang lain juga masih menunjukkan angka yang rendah.

Jadi kita hendak mencadangkan kepada Kerajaan Pusat bahawa kita perlu *create* atau merekayasa kerusi-kerusi tanpa kawasan ini untuk kita meningkatkan jumlah perwakilan wanita. Sebenarnya ini *across the board*, Tuan Yang di-Pertua, sebab ini juga menguntungkan wanita di dalam Barisan Nasional sebenarnya. Jadi, *women only alternative seats* ini bukanlah buat selama-lamanya tetapi sehingga kita mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus.

Kami tidak akan berhenti setakat 30 peratus kerana wanita merupai 50 peratus lebih ataupun kurang sedikit daripada rakyat Malaysia. Maka, selepas 30 peratus ini, kita boleh lagi maknanya sampai ke 50 peratus atau lebih, memandangkan wanita memainkan peranan yang sangat penting di dalam membuat keputusan ini. Kita sebenarnya juga merasakan bahawa segala sokongan perlu diberi kepada wanita. Ini telah diberi sedikit apa yang telah ditunjukkan oleh Perdana Menteri tetapi masih belum mencukupi.

Saya risau, Tuan Yang di-Pertua, ramai anak-anak kita yang lulus daripada universiti ada yang jadi doktor, anak kawan-kawan saya sendiri, anak-anak kenalan saya sendiri yang tidak sanggup menjadi doktor dan terus berhenti kerja untuk menjaga anak. Ini adalah satu perkara yang baik. Akan tetapi dalam jangka masa panjang, negara akan kerugian kerana wanita-wanita yang cerdik dan pandai ini tidak mahu ataupun tidak dapat meneruskan khidmat mereka kepada negara.

Baru-baru ini, Perdana Menteri juga mengumumkan tentang bagaimana wanita sekarang boleh mengambil secara terus pembantu rumah daripada negara-negara yang dibenarkan melalui sistem PLKS. Apa yang menghairankan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah sebelum ini, sebelum kita ada Timbalan Menteri yang sekarang ini juga Kementerian Dalam Negeri, memang sudah ada peraturan itu yang membenarkan kita majikan mengambil sendiri pembantu rumah dari Indonesia atau dari mana-mana negeri yang lain tanpa melalui ejen. Akan tetapi semenjak beliau mengambil alih sebagai Kementerian Dalam Negeri, maka undang-undang ini telah diubah dan kita terpaksa mengambil pembantu rumah melalui ejen-ejen. Inilah yang menyebabkan yuran pengambilan seorang pembantu rumah meningkat hingga ke RM15,000 dan RM16,000 yang mungkin tidak

mampu oleh ramai wanita muda yang baru bekerja, yang sedang membina kerjaya mereka untuk mengambil pembantu rumah.

Selagi kita tidak menghadapi dengan berani isu ini— saya harap polisi di mana setiap bangunan baru atau kompleks baru yang dibina sekarang diwajibkan ada tempat untuk dijadikan pusat penjagaan kanak-kanak dan bayi, ia tidak hanya retorik kerana saya akan bertanya kemudian banyak mana kita dapat adakan dalam masa setahun ini?

Masa terlalu cepat berlalu, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak langkah ke kawasan saya sendiri sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran, tahun lepas pada April 2016, saya telah membawa wakil-wakil PIBG daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning di kawasan saya yang jumlah muridnya sangat padat. Mereka mempunyai jumlah murid hampir 50 peratus melebihi daripada jumlah ideal untuk saiz sekolah mereka. Pada ketika itu, mereka memerlukan kelas-kelas tambahan. Mereka telah mengenal pasti bilik-bilik di dalam sekolah ataupun ruang-ruang di sekolah yang boleh dijadikan ruang tambahan ataupun kelas tambahan.

■2100

Menteri pada ketika itu telah bersetuju untuk mengubahsuai dan sebagainya, memerlukan dana yang hanya lebih kurang RM1 juta. Inilah satu-satunya sekolah yang ada di Kota Kemuning itu sementara menunggu Sekolah Menengah Kota Kemuning 2 yang katanya telah diluluskan tetapi belum nampak lagi bayangnya. Jadi hanya pada bulan Jun 2017 baru ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menghantar rombongan untuk membuat penilaian saya kira, tetapi tiada apa-apa lagi susulan daripada lawatan, mereka mengatakan bahawa masih belum dapat kebenaran daripada pihak kementerian, tiada duit untuk melaksanakan projek, tidak jumpa lagi kontraktor yang akan melakukan pengubahsuaian ini.

Jadi saya ingin bertanya kepada Menteri, adakah tabung khas penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah sebanyak RM550 juta termasuk untuk meningkatkan atau menambah baik Sekolah Menengah Kota Kemuning ini? Ada lagi satu bajet yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri sebanyak RM2.5 bilion untuk membina semula dan menaik taraf 2,000 buah sekolah daif menggunakan IBS. Adakah Sekolah Menengah Kota Kemuning ini termasuk di dalam senarai ini? Adakah ia akan mendapat bajet? Dan saya harap ia tidak lagi dapat dilengah-lengahkan kerana sudah masuk akhir tahun. Tahun depan pengambilan baru sekolah ini akan sesak lebih teruk lagi daripada yang ada sekarang.

Jadi oleh kerana masa yang sangat suntuk, saya cuma hendak tanya lagi satu. Ada sikit masa. Atas dasar apakah Perdana Menteri memberi bajet kepada sekolah-sekolah untuk penyelenggaraan dan penambahbaikan sekolah? Perkara 99 muka surat 30. Atas asas apa pengagihan ini dibuat? Adakah atas asas jumlah muridnya? Ini kerana apabila diberi pukol rata Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sebanyak RM50 juta, Sekolah Jenis

Kebangsaan Tamil sebanyak RM50 juta, Sekolah Mubaligh sebanyak RM50 juta, sekolah berasrama penuh sebanyak RM50 juta, Maktab Rendah Sains MARA pun sebanyak RM50 juta, sekolah agama bantuan pun RM50 juta. Puratanya RM50 juta. Apa kriterianya? Apa asasnya kerana bagi saya, saiz ataupun keperluan setiap satu adalah tidak sama dan keperluannya tidak sama. Keadilan itu bukan maknanya kita meletakkan kalau RM50 juta, RM50 juta, RM50 juta tetapi jumlah muridnya tidak sama, maka kita anggap itu adalah keadilan. Keadilannya meletakkan sesuatu mengikut keperluan. Jadi saya ingin tahu apakah asas pembahagian ini daripada Perdana Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

9.03 mlm.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan bajet yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini baru-baru ini. Saya sebagai seorang Ahli Parlimen Pulau Pinang, dari kawasan Bukit Gelugor, saya datang ke Dewan yang mulia ini untuk membangkitkan isu yang besar, berkenaan dengan bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di negeri-negeri utara. Saya baru kembali dari Pulau Pinang hari ini. Semalam saya tidak ada di sini, esok pun saya tidak akan berada di sini oleh kerana kita tahu keadaan banjir di sana amat genting walaupun hujannya telah pun mula berhenti.

Akan tetapi sekarang adalah masa di mana kerja-kerja *clean up* dengan izin Tuan Yang di-Pertua perlu dijalankan dengan amat intensif. Saya baru datang, saya tidak mencuci kasut saya. Saya buat ini secara sengaja oleh kerana adalah penting untuk membawa tanah Pulau Pinang ke Dewan yang mulia ini agar *the plight of Penang aids can be felt in this honorable* Dewan dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini kita tahu bahawa bukan *typhoon* tetapi *tropical monsoon* yang telah pun melanda Pulau Pinang pada Sabtu lalu mencatatkan *rainfall* yang paling tinggi dalam sejarah pulau tersebut iaitu lebih kurang 315 milimeter sehari iaitu lebih daripada sebulan ataupun lebih.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita tahu, sejak 2013 termasuk banjir yang berlaku pada hari Sabtu tersebut, terdapat lebih kurang 120 *flash flood* yang telah pun berlaku di Pulau Pinang. Ada banyak pihak yang menyalahkan *development* yang keterlaluan di Pulau Pinang untuk menjadi punca kepada apa yang berlaku bukan sahaja pada Sabtu yang lalu tetapi pada bulan September lalu di mana lagi satu *flash flood* telah pun berlaku. Akan tetapi itu dengan izin Tuan Yang di-Pertua kita perlu *put the record straight* bahawa itu bukannya faktor utama yang menyebabkan apa yang berlaku di Pulau Pinang pada minggu lalu oleh kerana ini bukan sahaja berlaku di pulau. Berlaku juga di *mainland*, juga di kawasan-kawasan di Kedah, di kawasan Gerik di Perak dan sebagainya.

Ini merupakan satu fenomena cuaca ataupun *climate change* yang berlaku secara besar-besaran di seluruh dunia yang juga telah pun mengakibatkan ataupun mempunyai *effect* di US baru-baru ini.

Saya ingin menimbulkan ataupun membangkitkan bahawa saya berbesar hati, saya bersenang hati untuk mendapati bahawa dalam keadaan yang tidak baik ini, kita ada mengalami ataupun kita dapat – *we have witness*, kita telah pun menyaksikan keprihatinan daripada pelbagai sudut termasuk daripada sana, daripada sini. Saya ingin merakamkan terima kasih kepada pasukan JDT yang baru-baru ini memenangi pertandingan Piala Malaysia yang telah pun mengumumkan bahawa mereka akan menyerahkan ataupun *donate* segala kemenangan mereka kepada mangsa-mangsa banjir di Pulau Pinang. Begitu juga kepada – kita perlu menghargai jasa baik seorang bilal di Pulau Pinang yang mengetuai satu surau di perkarangan Taman Free School di belakang Sekolah Free School di mana beliau telah pun meng*exhibitkan*, dasar perikemanusiaan dengan membenarkan mangsa-mangsa banjir ini ke dalam surau beliau untuk diselamatkan walaupun mereka merupakan orang bukan Muslim.

I would suggest we give him an honor, kita memberi beliau satu penghargaan yang amat perlu diiktiraf. Ini adalah apa yang kita perlu. Kita bukan memerlukan pemakian seperti daripada beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab yang ingin mempolitikkan perkara ini. *We must be sensitive to the victims of the floods in Penang*. Dalam beberapa hari yang lepas, saya secara sendiri telah turun padang dan pergi ke kawasan saya di Bukit Gelugor di mana banyak kawasan telah pun terjejas ataupun dilanda banjir. Di kawasan Paya Terubong contohnya, di Air Itam, di Kampung Sheikh Mada, Kampung Sheikh Yusoff, Desa Mawar di mana di Taman Thean Teik, Tuan Yang di-Pertua, dicatatkan ketinggian paras banjir itu lebih tinggi daripada saya. Lebih daripada enam kaki. Ini adalah satu perkara yang amat serius. Saya menghargai apa yang telah pun diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini bahawa apa yang dinyatakan bahawa dana akan disumbangkan. *Funds will be dispatch* kepada mangsa-mangsa banjir tersebut.

Saya mengambil kira, saya telah pun – *I take note The Deputy Prime Minister* dengan izin Tuan Yang di-Pertua telah pun mengumumkan bahawa daripada dengan izin National Disaster Management Agency (NaDMA).

■2110

Dana-dana akan digunakan untuk membantu mangsa-mangsa di Pulau Pinang tetapi isu itu perlu di - saya ingin tanya beberapa soalan akibat daripada pengumuman tersebut. Pertama sekali, *we need to know* berapakah dana yang akan disumbangkan secara terperinci dan bilakah dana itu akan di-*dispatch* atau pun dikeluarkan kepada pihak-pihak yang memerlukannya dengan segera? Ini adalah kerana pada masa ini, *as we speak* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *they are victims who are displaced. They have no place to stay*. Mereka memerlukan tilam, mereka memerlukan makanan, mereka memerlukan

susu dan sebagainya. *All that requires*, dengan izin. Semua itu memerlukan dana-dana yang mencukupi. Pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tersebut pada masa ini tidak mencukupi oleh kerana kita tidak mempunyai informasi ataupun maklumat yang memadai untuk kita turun padang untuk memberitahu kepada mereka, kepada mangsa-mangsa apa yang mereka boleh layak kepada. *So, we need to know the exact nature of funds* yang akan diberi.

Saya memohon agar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dapat *make public* ataupun mengumumkan secara umum *the detail amounts, the accounts behind these funds* dan sebagainya untuk meningkatkan *transparency* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, agar kita *we can move forward*. Ini adalah usaha-usaha yang kita perlu untuk apa yang saya katakan pemulihan sementara ataupun pemulihan sekarang iaitu untuk mengambil kerja-kerja untuk membuat *clean up* yang perlu dibuat di sekitar Pulau Pinang. *Of course*, kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada pembekalan beberapa *facilities* seperti Angkatan Tentera dan sebagainya. Akan tetapi saya ingin menyatakan di Pulau Pinang sekarang terdapat *an acute shortage*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua -- *an acute shortage of public facilities such as bomba and so on to clear the mess that has resulted from this devastating flood last week*. *So, we need and we appeal*, kami menyeru kepada bukan sahaja kepada pihak-pihak yang berkenaan, kepada *the federal government* untuk *deploy* fasiliti-fasiliti yang lebih dalam masa yang terdekat untuk menangani masalah ini.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan pemulihan jangka panjang, *long term* pemulihan untuk menangani masalah banjir di Pulau Pinang. Bukan sahaja di Pulau Pinang. Kita tahu, kita dapat maklumat daripada beberapa agensi bahawa fenomena cuaca ataupun *climate change* ini yang telah pun menjadi satu fenomena yang besar bukan sahaja satu perkara yang akan berlaku di Pulau Pinang ataupun di Malaysia ataupun di kawasan persekitaran tetapi akan berlaku kebanyakannya di kawasan-kawasan *coastal areas* termasuk *of course* Pulau Pinang, Kedah, Perak dan sebagainya.

Oleh yang demikian, *it is obvious* bahawa perkara ini akan berulang. *The problem of flash flood is going to continue and it cannot be left unabated*. *We have to* -- dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kami perlu menangani masalah ini. Saya ingin bertanya beberapa soalan daripada isu ini. Berkenaan dengan dana yang telah pun disumbangkan daripada *federal government*. Saya difahamkan bahawa *the department* atau dengan izin *the Drainage and Irrigation Department of Pulau Pinang* telah pun memohon untuk dana lebih daripada RM2 bilion sejak tahun 2006 untuk menangani masalah-masalah ini. Ini adalah *before* isu-isu *climate change* ini timbul. *Obviously* sekarang kita memerlukan dana yang lebih. Saya difahamkan Yang Berhormat Bayan Baru beberapa hari yang lalu telah pun memohon untuk dana yang lebih. Saya bersetuju dengan cadangan tersebut. Itu adalah satu keperluan buat masa ini di Pulau Pinang. Saya difahamkan bahawa hanya setengah daripada apa yang dipohon iaitu lebih kurang hanya RM1 bilion atau antara *figure*

tersebut telah pun telah di-*dispatched* ataupun dibekalkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menangani masalah-masalah *flash flood* ini.

Saya ingin bertanya, kenapakah hanya setengah ataupun kurang daripada jumlah tersebut dibekalkan memandangkan Pulau Pinang merupakan satu *state* ataupun negeri yang dilanda banjir semakin banyak? Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada sesiapa yang berkenaan. Ini adalah satu perkara yang tidak sepatutnya dipolitikkan. *I'm not here to politicizing. In fact, I'm appraised the other side as well* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *But there are many short comings* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *which has to be addressed in like of the severity of this issue.*

Saya beralih kepada dua isu yang lain memandangkan terdapat kesuntukan masa iaitu keduanya berkenaan dengan *death penalty*. Tuan Yang di-Pertua, saya baru-baru ini difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri bahawa rang undang-undang telah pun diluluskan ataupun Kabinet telah pun meluluskan idea untuk menghapuskan *mandatory death penalty* untuk kes-kes *death penalty* di bawah Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya untuk kes-kes *drug trafficking* kerana berpunca daripada *drug mule* dan sebagainya.

Kita memerlukan undang-undang ini dibentangkan dengan segera, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri bilakah rang undang-undang ini akan di-*table*-kan oleh sebab saya difahamkan terdapat lebih daripada 1,000 *inmates on death row* dan saya bertanya sama ada-- lebih *importantly* sama ada cadangan pindaan-pindaan tersebut akan termasuk menghapuskan mandatori *death penalty* itu secara retrospektif? Saya ingin bertanya sama ada sekiranya minggu depan misalnya undang-undang itu diluluskan, adakah undang-undang itu akan terpakai kepada mereka yang telah pun disabitkan dua tiga tahun yang lalu sebelum undang-undang itu diluluskan? Saya percaya, ia perlu dibuat secara retrospektif oleh kerana ia sepatutnya terpakai kepada semua selaras dengan prinsip bahawa kesemua kami adalah *equal before the law*.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya baru mendengar berkenaan dengan Jho Low. Jho Low ini satu nama yang *we cannot escape*. Selalu kita akan dengar nama tersebut. Beliau juga seorang Pulau Pinang. Saya baru-baru ini difahamkan bahawa terdapat rekod ataupun apa yang dipanggil sebagai *The Paradise Papers* kalau tidak silap di mana didapati bahawa terdapat cadangan Jho Low untuk *flee to Cayman Islands*. Saya difahamkan ini juga terdapat beberapa tokoh Indonesia seperti Ketua Pembangkang di sana dan juga anak-anak bekas Presiden Suharto yang disiasat di Indonesia. Boleh saya diizinkan untuk menghabiskan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua? Saya *just* hendak bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri sama ada kita tahu di mana Jho Low berada sekarang dan sama ada usaha-usaha diambil untuk menyiasat beliau akibat daripada perkembangan baru-baru ini yang didedahkan dalam *The Paradise Papers* tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan saya tidak ada masa lagi, saya memohon agar isu-isu yang telah pun ditimbulkan dijawab secara terperinci oleh kementerian-

kementerian yang berkenaan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mengakhiri ucapan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

9.18 mlm.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Ada banyak isu yang telah diperkatakan dan banyak isu yang boleh diperkatakan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua saya ingin terus kepada satu isu yang saya terlibat secara langsung tahun lepas dan tahun ini iaitu isu pemasaran minyak sawit kita. Dalam masa yang singkat ini, saya ingin menjelaskan bahawa isu ini adalah satu isu penting yang saya rasa kita tidak bahaskan dengan baik.

Minyak sawit Malaysia Tuan Yang di-Pertua, menyumbang RM65 bilion eksport kita tahun lepas. RM65 bilion satu jumlah yang besar terutama ketika kita mengalami masalah ekonomi sekarang. Kita ada 650,000 pekebun kecil serta lebih 2.5 juta orang yang terlibat dengan perladangan sawit. Lebih kurang 4 juta orang rakyat Malaysia terlibat dengan sawit.

■2120

Jadi ianya satu isu besar yang melibatkan keselamatan nasional kita. Kalau kita tak kendalikan dengan betul Tuan Yang di-Pertua maka boleh menimbulkan banyak masalah selain dari kewangan ianya juga masalah sosial, ramai orang akan kehilangan pekerjaan. Pada pandangan saya apa yang kita lakukan di Eropah di mana banyak cabaran tentang pemasaran sawit telah tidak kita lakukan dengan baik. Di Eropah ada kempen anti sawit yang sangat-sangat kuat dan ianya sangat berkesan pada waktu ini. Antara sebab ia sangat berkesan ialah kerana ketumpuhan usaha kita. Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas kita cuma memberikan RM1 juta untuk melawan kempen anti sawit.

Tahun ini kita tingkatkan 100% jadi RM2 juta. Pada saya dengan izin *this is utter irresponsibility*, tidak bertanggungjawab. Ini kerana RM2 juta habis tiket kapal terbang, hotel habis sedangkan kempen itu berjalan sepanjang hari. Di Itali Tuan Yang di-Pertua, kempen anti sawit ini lengkap dengan iklan-iklan animasi yang terbaik menggambarkan sawit ini sebagai satu *monster* dengan izin, raksasa yang ganas, yang jelik, yang hodoh berbanding dengan segala ejen-ejen lain yang menyebabkan kanser dan pelbagai penyakit. Itu iklan dan iklan ini dilihat oleh suri rumah di Itali sehari lebih kurang 1.7 kali sehari. Dalam setahun seorang suri rumah di Itali akan melihat iklan anti sawit ini lebih banyak daripada dia melihat iklan Coca-cola.

Jadi termasuk hatinya ini kerana itu salah satu pengguna terbesar sawit Malaysia di Eropah iaitu syarikat di sebut Ferrero, dia mengalami penyusutan jualan di Itali 30%. Cumanya ianya satu syarikat yang sangat berdasarkan sains dan sangat menyokong sains Malaysia dia terus kekal sedangkan pendapatannya sangat menurun kerana iklan ini.

Iklan-iklan kempen anti sawit ini menggunakan selebriti, disebarkan maklumat merata-rata tentang sawit bahawa sawit ini menyebabkan penyakit sawit ini tak bagus untuk kesihatan, sawit ini menyebabkan *climax change* dengan izin, perubahan cuaca.

Maka apabila orang di sana dapat maklumat ini tiap-tiap hari, bila dia terkena banjir kilat dia salahkan sawit kerana pemanasan global, bila air kurang dia salahkan sawit, bila hujan banyak sangat dia salahkan sawit, bila musim sejuk sangat dia salahkan sawit. Hatta tiga hari dan empat hari lepas saya dikirinkan tulisan Leonardo DiCaprio *celebrity*, dia melihat gambar Kuala Lumpur, perjalanan daripada Kuala Lumpur ke *airport* Malaysia penuh pokok sawit. Maka dia catatkan hijau sawit tetapi ia menyumbangkan kepada pemanasan global, menyumbangkan begitu banyak karbon dioksida. Jadi soalnya Tuan Yang di-Pertua di mana selebriti-selebriti yang membela sawit. Tiada.

Chef yang membela sawit, tidak ada, yang *condemn* dengan izin, yang mengecam sawit itu ramai. Kita perlu ada pelaburan untuk mengubah minda orang, rasa orang terhadap sawit ini dan apabila ada rasa cinta Tuan Yang di-Pertua maka semuanya cantik, elok belaka. Sekarang masalahnya rasa cinta itu tidak ada, sawit dikaitkan dengan rasa benci jadi semuanya tak kena. Bila habis kita jawab isu kardiovaskular kebetulan Menteri yang dulu itu seorang doktor, sudah mendiang beliau banyak menjawab. Dia jawab isu itu habis dibangkitkan isu lain pula kanser 3-MCPD. Dulu lemak tepu selepas itu 3-MCPD. Bila kita jawab 3-MCPD dia bawa pula isu penyahhutan atau *deforestation*.

Habis penyahhutan, *greenhouse gas emission* dengan izin, semua itu akan berlaku kerana dia tak suka. Bila orang tak suka dia lihat semuanya tak elok. Hakikat cinta bila dia bercinta semua elok. Oleh kerana itu cinta perlu ditanamkan. Itu perlu ditanamkan dengan pelaburan yang besar. Kalau kita gagal tentang sawit itu Tuan Yang di-Pertua, itu RM65 bilion setahun besar, 4 juta orang besar, masa depan negara, keselamatan nasional. Maka yang disarankan di dalam bajet ini sekadar RM2 juta saya rasa sangat tidak memadai. Ini perlu dilihat kembali. Kalau kita rasa ada tanggungjawab terhadap masa depan, negara ekonominya dan sawitnya itu, pelaburan yang besar akan diberikan untuk kempen untuk melawan kempen anti sawit ini. Untuk mempopularkan sawit.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengesyorkan di bulan April dulu dan saya akan sebut lagi sekali. Salah satu cara yang terbaik melawan kempen anti sawit ini ialah menanamkan rasa cinta kepada minyak sawit. Minyak sawit Tuan Yang di-Pertua, dianugerahkan oleh Ilahi kepada kita sebagai salah satu daripada minyak masak yang terbaik, minyak makan yang terbaik. Dengan izin *one of the best food on the planet*. Minyak sawit mentah ianya berwarna merah kerana penuh dengan *antioxidant*, *beta-carotene* yang baik untuk jantung, otak dan juga sistem imuniti kita. Ia ada zat vitamin E yang payah kita dapati, *tocotrienol*. Ia ada *coenzyme Q10*, satu nutrien yang sukar didapati yang baik untuk kesihatan. Itu ada dalam minyak sawit. Dia ada lemak yang baik, lemak tepu dan mono tidak tepu yang sangat baik, jauh mengatasi minyak zaitun dan lain-lain lagi.

Cuma kita tak memasarkannya dengan baik, kalau kita memasarkan minyak sawit tanpa proses tadi *unrefined palm oil* dengan izin *virgin palm oil* atau minyak sawit dara dengan konsep *virgin coconut oil* dengan izin, minyak kelapa dara dan orang rasa lebih sihat, orang jatuh cinta kepadanya maka selesailah masalah dari semasa ke semasa diburukkan. Kalau orang ada cinta orang sebut yang tak baik tentang yang dicintai itu dia tak peduli. Itu berlaku Tuan Yang di-Pertua kepada minyak kelapa. Minyak kelapa dulu sangat dibenci kerana telah dikatakan menyebabkan lemak tepu dan pelbagai penyakit. Kemudiannya minyak kelapa berubah imej yang di tahun awal 80-an dengan dimulakan dipasarkan minyak kelapa dara. Sekarang minyak kelapa imejnya sangat positif.

Saya baru ini di *Brussels*, kemudian saya pernah ke Perancis lepas itu ke Belanda dengan rombongan ini dan saya pergi ke *supermarket* dan saya tengok minyak kelapa dara sangat positif, minyak kelapa sangat positif. Saya bertanya di farmasi saya ada penyakit begini, apa penyelesaiannya dan ditunjukkan minyak kelapa. Walaupun minyak kelapa di sana berwarna putih pekat dengan cuaca sejuk, sukar didapati dibawa daripada tropika tetapi imej yang sangat positif.

Jadi Tuan Yang di-Pertua pada saya kegagalan kita melawan kempen anti sawit ialah kita tidak memulihkan imej, kita menjawab soalan. Orang kata hutan kita jawab hutan, orang kata *greenhouse emission*, kita jawab *greenhouse emission* dengan izin. Orang cakap 3-MCPD menyebabkan kanser, kita jawab itu. Orang yang tak suka dia akan tanya macam-macam kalau dia tak suka, jenuh kita menjawab, tak akan selesai jawab tetapi kalau dia suka tak perlu banyak jawapan, itu hakikat cinta tadi yang kita kena tanamkan.

Saya minta dilihat kembali bajet yang RM2 juta ini kena ditingkatkan. Tak mungkin boleh kita melakukan kempen menanamkan rasa cinta dan suka kepada sawit kita dengan RM2 juta setahun, tak mungkin. Sedangkan kerja-kerja yang berat yang sukar telah dilakukan oleh ramai pegawai-pegawai kita, saintis kita dan lain-lain lagi. Kita kena bawa ini kepada tokoh-tokoh masyarakat, selebriti, chef, penulis-penulis, stesen-stesen TV di Itali di Perancis dan di pelbagai negara ikut sensitiviti kawasan. Bila ini termasuk di dalam hati maka *insya-Allah* akan terjalalah pasaran sawit kita. Kita tak dapat semata-mata bergantung pada apa yang disebut *biofuel* atau sawit sebagai diesel, tak boleh. Ini kerana apabila dicipta kereta-kereta elektrik maka sawit – orang tak akan menggunakan banyak lagi diesel.

Akan tetapi kalau kita gunakan sebagai makanan, penduduk dunia sentiasa bertambah, berkembang, sentiasa ada pasaran untuk sawit sebagai makanan dan itu adalah satu mesej yang saya sampaikan supaya amanah Tuan Yang di-Pertua yang menjawab *conscience* atau rasa hati saya sendiri setelah melihat cabaran sawit Malaysia di Eropah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada isu lain Kementerian Pendidikan. Saya melihat bahawa setengah universiti ditingkatkan belanjawannya dan sesetengahnya di kurangkan. Akan tetapi saya hendak *direct* sebut tentang UiTM yang

diberikan peruntukan tahun 2017 sebanyak RM1.671 bilion dikurangkan RM1 juta sahaja jadi pada tahun 2018 RM1.670 bilion. RM1 juta, cuma saya hendak berkongsi di sini bahawa UiTM ialah salah satu institusi pendidikan yang ramai penuntutnya dari keluarga miskin.

Bumiputera kebetulan, orang Melayu kebetulan. Saya Ahli Parlimen dan saya dapat banyak mesej daripada pelajar-pelajar UiTM dan universiti lain tetapi lebih UiTM, pelajar tak cukup makan, tak ada makanan, makan sehari sekali pun ada. Sebab apa sebab bila peruntukan di kurangkan pada tahun lepas, universitinya terseksa dan tercungap-cungap maka apabila dia tercungap-cungap kurang peruntukan untuk kemudahan pelajar. Pelajar terpaksa membayar harga. Membayar harga bermaksud bahawa mereka kurang perbelanjaan, mereka ini daripada keluarga miskin ramai di UiTM Tuan Yang di-Pertua. Maka mereka sangat terseksa.

■2130

Kalau kita kurangkan lagi RM1 juta pun, ini akan sangat membebankan. Sedangkan sepatutnya kita tambahkan. Pada saya, tidak kira Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Dusun, Murut atau apa-apa bangsa, masa depan para pelajar tidak harus, tidak boleh dikorbankan kerana kita ada krisis kewangan. Hal ini kerana proses pendidikan ini ialah proses membina modal insan pelaburan kita untuk masa depan. Jangan kerana kita sukar ekonominya sekarang, maka kita korbakan masa depan mereka. Ini sesuatu yang tidak bertanggungjawab, sesuatu yang sangat merugikan Tuan Yang di-Pertua. Ia sesuatu yang tiada tawar menawar, *sacred*, dengan izin. Maka itu juga saya minta supaya kita tengok balik, kita kena tengok balik peruntukan kepada institusi pengajian tinggi kita dan segala perbelanjaan yang menyangkut pendidikan dan masa depan pelajar-pelajar kita. Masa depan generasi kita Tuan Yang di-Pertua.

Dalam mesej yang sama, ada sekolah-sekolah yang buruk di tempat saya, di kawasan saya dan ada satu sekolah yang khusus sangat buruk dan sangat berbahaya keadaan bangunannya kerana tidak ada penjagaan, tidak ada dana, Sekolah Kebangsaan Kubang Teduh Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun lepas sekolah ini yang banyak bangunan yang sudah reput, sudah mahu patah, bangunan mahu roboh semua, dengan – Bukan cat pudar, tidak lagi tetapi keselamatannya juga dikompromikan dengan keadaan bangunan meminta supaya diberikan sedikit dana untuk memperbaiki bangunan, yang dapat hanyalah ubat anai-anai. Itu sahaja. Sama sekali tidak munasabah kalau kita bercakap mengenai pelaburan untuk masa depan, generasi masa hadapan. Saya berharap peruntukan untuk memperbaiki bangunan sekolah ini, sekurang-kurangnya akan sampai ke sekolah-sekolah yang seperti Sekolah Kebangsaan Kubang Teduh di kawasan saya itu. Di tempat lain juga, saya difahamkan banyak bangunan seperti itu tetapi tidak seharusnya berlaku pada tahun 2017. Bangunannya sangat uzur, gambar-gambar yang ditunjukkan kepada saya lah.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir isunya tentang Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan ada pengurangan RM19 juta bagi farmasi dan ubat-ubatan. Ada isu disebut bahawa di hospital Kementerian Kesihatan dikurangkan, digunakan semula alat yang sepatutnya sekali pakai, pakai buang, *disposable* dan dijawab bahawa memang ini satu praktik ataupun satu amalan yang telah dilakukan lama kerana boleh dicuci dan digunakan balik. Saya setuju memang ada yang boleh dicuci tetapi saya sangat kuarir, sangat bimbang Tuan Yang di-Pertua, bahawa tidak semua alat boleh dilakukan begitu. Alat-alat sensitif pembedahan jantung, misalnya, dicuci balik. Tidak mungkin boleh dilakukan dengan baik dengan sempurna melainkan ada SOP yang sangat baik dan kakitangan yang sangat terlatih, satu. Keduanya, kita ada yang disebut sebagai *window period*, Tuan Yang di-Pertua.

Window period ialah satu keadaan di mana penyakit itu tidak dapat dikesan dengan ujian darah. HIV boleh begitu. *Window period* kita *check* darah, semua normal. Akan tetapi, kemudian bila kita sudah kena kuman itu, akhirnya berbulan kemudian kita kena penyakit tadi. HIV, Hepatitis C, penyakit yang boleh membunuh orang. Apakah kita akan berkompromi? Apakah kalau ada VVIP kita masuk ke hospital, maka mereka juga akan diberikan alatan pakai buang yang telah dibersihkan?

Saya kuarir hanya rakyat biasa akan terkena kalau itu diamalkan secara meluas, terutamanya alat-alat yang menyangkut pembedahan-pembedahan yang cukup sensitif, jantung dan lain-lain lagi. Maka saya minta supaya dilihat kembali. Walaupun saya faham tentang *budget constraint* dengan izin, dengan kesulitan kementerian ini maka digunakan kembali, tetapi amalan menggunakan kembali itu bukanlah satu amalan yang paling baik kalau kita lihat dari sudut pencegahan penyakit berjangkit.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak yang saya tidak setuju dan banyak yang saya hendak sebut tetapi dengan masa yang singkat ini, terima kasih atas peluang yang diberikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya ada dua lagi. Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Kota Kinabalu. Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu. Kita ada masa setengah jam sahaja lagi.

9.34 mlm.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2018. Saya menamakan bajet ini '*The mother of all election budget*'.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini di *Berita Harian* merepotkan susulan isu sindiket asing rompak hasil laut negara. Datuk anggota Maritim ditahan SPRM dalam operasi Amanda disyaki rasuah salah guna kuasa, wang RM1.9 juta dirampas, akaun bank RM2 juta dibekukan. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada SPRM kerana berjaya menahan 22 individu di mana seorang yang berpangkat 'Datuk' rakyat Vietnam dan enam

penjawat awam termasuk lima anggota penguatkuasaan Maritim dan seorang daripada Jabatan Perikanan. Tahniah setinggi-tingginya.

Apa yang berlaku ini membuktikan rasuah menjadi musuh, *enemy* kepada keselamatan dan rakyat Malaysia. Isu rasuah Tuan Yang di-Pertua, bukan cerita kosong. Isu ini telah pun saya bangkitkan dalam Parlimen sebelum ini. Sekarang sudah terbukti, wujudnya elemen rasuah. Saya berharap lebih ramai lagi yang terlibat dalam isu pencerobohan nelayan asing ini ditangkap dan dikenakan tindakan sewajarnya. Dalam pada masa yang sama, saya cadangkan bahawa pihak tentera laut serta tentera udara perlu masuk campur dan ambil tindakan keras terhadap semua penceroboh ini.

Kedua, kalau boleh, hantarlah aset ketenteraan kelautan ini untuk keselamatan serta kedaulatan negara kita. Barulah dapat memberi amaran yang serius kepada sesiapa yang ingin menceroboh negara kita. Jangan sesuka hati tangkap ikan kita dan anggap ini halaman rumah mereka. Kita mesti berikan pengajaran drastik kepada penceroboh ini. Jika tindakan biasa berdasarkan undang-undang sedia ada tidak dapat menyelesaikan masalah, maka dengan itu, kita harus lakukan tindakan drastik di mana operasi tentera haruslah dilakukan untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, nasib pemandu teksi. Saya melihat nasib yang menimpa pemandu teksi semakin teruk Tuan Yang di-Pertua. Pendapatan mereka terjejas apabila ada saingan kuat daripada Uber dan Grab. Saya amat faham dilema dan cabaran ekonomi yang terpaksa dihadapi oleh rakyat negara ini dengan kos sara hidup yang semakin tinggi dan tambahan lagi cukai GST. Ini juga GST gigit sampai tulang *bah*. Semua mahu cari *extra income*. Ini yang masalahnya GST. Ada yang *engineer*, ada yang *housewife*, ada juga *student* yang bawa Uber dan Grab pun ada juga. Jadi semua mereka ini menjadi *competitor* teksi konvensional.

Saya boleh setuju dengan apa Yang Berhormat Langkawi ucapkan tadi. Kewujudan pemandu *e-hailing* ini memberikan kesan kepada pemandu teksi. Kesannya bukan sahaja di Langkawi Tuan Yang di-Pertua, tetapi juga di seluruh Malaysia termasuk – Lebih serius lagi di Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, statistik SPAD menunjukkan sehingga April tahun ini, ada 50,880 pemandu teksi di Semenanjung. Bagi di Sabah pula, terdapat 6,178 pemandu teksi. Manakala di Sarawak pula ada 4,596 pemandu teksi. Merujuk kepada laporan media, kini sudah terdapat lebih 80,000 pemandu teksi seluruh Malaysia. Di *Klang Valley* sahaja ada 37 ribu pemandu teksi dan 60 ribu pemandu Uber dan Grab.

■2140

Tuan Yang di-Pertua, masalah pemandu teksi, Uber dan Grab perlu diselesaikan secara holistik supaya tidak ada pihak yang tertindas. Akan tetapi setiap kali pun kita dengar pemandu-pemandu teksi buat aduan, mereka tidak puas hati dengan sikap yang ditunjukkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, di sini saya harap SPAD pastikan

pemandu-pemandu teksi dapat keadilan. SPAD juga harus memastikan pemandu-pemandu diberi perlindungan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya bertemu dan mendengar cerita daripada kawan-kawan kita pemandu teksi. Saya dapat buat kesimpulan, ada enam perkara mesti diselesaikan Tuan Yang di-Pertua. Pertama, isu sewa balik kereta dan permit yang membebankan. Tuan Yang di-Pertua, pemandu yang bergantung kepada syarikat berdepan dengan isu sewa teksi yang mahal. Satu hari kena bayar RM50, ada *passenger* atau tiada mesti bayar. Jadi walaupun *passenger* tidak ramai, tetap kena bayar. Satu hari RM50, kalau 30 hari pemandu teksi kena bayar RM1,500 kepada syarikat. Kalau di kawasan bandar pun susah cari makan, macam mana pula bagi kawasan pekan-pekan kecil di kampung-kampung Tuan Yang di-Pertua?

Sekarang ada Uber dan Grab, nampaknya pemandu teksi mungkin susah cari makan. Sewa mahal, *passenger* pun makin kurang. Saya difahamkan pendapatan pemandu teksi menurun sehingga 70 peratus, betul susah jadi cari makan hari ini Tuan Yang di-Pertua. Itulah kita kadang-kadang pun kena tipu oleh teksi kerana tidak cukup makan. Saya mahu tegaskan, kita tidak mahu salahkan mereka yang untuk cari pendapatan *extra*, tetapi apakah peranan kerajaan untuk jamin kepada semua pihak terutamanya pemandu teksi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri pada Ogos lalu mengakui bahawa sistem sewa beli teksi melalui syarikat ini berat sebelah. Walaupun ada kontrak sewa beli, tetapi *term* dalam kontrak ini tidak menjaga kebajikan pemandu. Kalau tidak dapat bayar sewa kereta, kena tarik. Dengan ini, saya menggesa kerajaan memberikan permit individu kepada pemandu teksi. Kita perlu bebaskan pemandu teksi ini dari terus dihisab darah dan menjadi *slack* kepada sistem yang amat tidak adil. Siapakah tauke-tauke syarikat teksi ini? Kenapa mesti mahu hisab darah pemandu teksi habis-habisan serupa itu lintah. Lintah hisab darah Tuan Yang di-Pertua, sakitnya. Hari-hari orang sakit. Ini hidup dengan orang kesusahan. Adakah wujud hubungan tertentu syarikat ini dengan orang-orang pihak Barisan Nasional? Harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, geran RM5,000 tidak bantu selesai masalah pemandu teksi. Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri minggu lalu, menyatakan pemandu teksi berdaftar yang mahu sertai perkhidmatan *e-hailing* akan diberikan geran-geran RM5,000 sahaja sebagai deposit beli kereta baru. Jumlah peruntukan ialah RM150 juta. Persoalannya, adakah geran RM5,000 ini mampu selesaikan masalah utama yang dihadapi oleh pemandu teksi iaitu menjana pendapatan yang lebih baik. Jika bank luluskan pinjaman sekali pun, pemandu teksi mungkin susah mahu bayar balik sebab saingan kuat daripada Uber dan Grab, *common sense*.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, isu caruman PERKESO, SOCSO kebajikan pemandu teksi. Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 telah diluluskan oleh

Parlimen pada April yang lalu di bawah PERKESO bertujuan untuk beri perlindungan kepada pemandu teksi, termasuk pemandu Uber dan Grab. Di bawah skim ini, pemandu teksi perlu buat caruman sebanyak RM157 hingga RM443 setahun bagi mendapatkan manfaat sekiranya berlaku yang tidak diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa perlindungan PERKESO tidak holistik seperti yang dilaksanakan terhadap pekerja-pekerja kilang seumpamanya. Saya berpandangan perkara ini tidak adil kepada pemandu-pemandu teksi. Saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya ahli keluarga pemandu teksi juga dapat pembelaan dan pampasan yang sewajarnya. Saya menggesa supaya kerajaan mencontohi pelan pemberian pampasan kematian pemandu teksi kepada pemandu teksi seperti yang dilaksanakan di negara seperti New Zealand, Perancis, Singapura dan banyak lagi.

Keempat, pematuhan dan penguatkuasaan akta terhadap pemandu Uber dan Grab supaya adil dan saksama dengan pemandu teksi. Segala pindaan rang undang-undang kerajaan ada kuasa untuk selia syarikat *e-hailing* bagi Uber dan Grab. Apa yang menghairankan, walaupun pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat dan LPKP diluluskan, namun garis panduan masih belum ada dan dikuatkuasakan. Ia seolah-olah menjadi Uber dan Grab beroperasi secara tidak sah mengikut undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, ini soal keadilan (*justice*). Jika pemandu teksi perlu *check* keadaan insurans penumpang dan terdapat lesen vokasional, kenapa syarat ini belum dikenakan kepada Uber dan Grab? Soalannya, bilakah kerajaan akan siapkan dan kuatkuasakan garis panduan pemandu *e-hailing* Uber dan Grab ini? ini soal keadilan (*justice*).

Tuan Yang di-Pertua, kelima, menetapkan dan penyelarasan tarikh bayaran tambang antara teksi, Uber dan Grab. Pengguna akan pilih *service* yang murah untuk menjimatkan belanja. Pengguna pilih Uber dan Grab kerana tambang yang murah. Di samping itu, perkara ini telah menyebabkan industri teksi konvensional terus tertekan. Soalannya sekarang, bukannya mengenai tambang tetapi siapa yang menetapkan tambang itu.

Tuan Yang di-Pertua, minta sikit lagi masa lagi.

■2150

Jika tambang teksi ditetapkan oleh SPAD dan LPKP, siapa pula yang menetapkan tambang *Uber* dan *Grab*? Kerajaan atau syarikat kroni? Jadi, saya menggesa supaya kerajaan bertindak segera selaraskan harga tambang teksi, *Uber* dan *Grab*.

Tuan Yang di-Pertua, keenam, masa depan golongan pemandu *Uber* dan *Grab*. Saya melihat jika isu undang-undang dan permit tidak diselesaikan segera, golongan pemandu *Uber* dan *Grab* yang ramai orang muda boleh berdepan dengan risiko senarai hitam.

Saya ingin cadangkan kepada kerajaan, sekiranya permit *Uber* dan *Grab* dikeluarkan nanti, kerajaan mesti pastikan bahawa permit diberikan terus kepada

pemandu dan bukannya kepada syarikat. Ini kerana pemberian permit *Uber* dan *Grab* kepada syarikat dilihat hanya akan menguntungkan syarikat dan menindas pemandu. Apa yang akan jadi ialah ali baba seperti yang berlaku ke atas syarikat teksi. Hanya syarikat kroni tertentu sahaja untung besar.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, cabaran ekonomi hari ini memerlukan tindakan bijak daripada kerajaan. Isu bayaran sewa mahal antara pemandu teksi kepada syarikat buruh diteliti dan diselesaikan segera. Begitu juga penyelarasan tambang antara teksi, *Uber* dan *Grab*. Saya menggesa kerajaan segera melaksanakan mekanisme dengan langkah-langkah yang dicadangkan ini demi keadilan semua pihak. Masalah yang dihadapi oleh pemandu teksi bukanlah isu baru. Kali ini, masalah tersebut semakin meluas dengan kewujudan servis *Uber* dan *Grab*. Kerajaan tidak boleh pejam mata atau tutup mata dengan semua aduan dan tuntutan yang pernah dibuat oleh pemandu perkhidmatan teksi.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak kerajaan serius menyelesaikan masalah pemandu teksi ini. Berikanlah keadilan dan bantulah mereka. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Pembahas yang terakhir. Yang Berhormat Pasir Puteh.

9.52 mlm.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan untuk saya membahaskan bajet, walaupun yang terakhir, untuk kali ini dan untuk bajet ini dan mungkin ini yang terakhir bagi saya untuk bajet dan Parlimen kita ini. Walau bagaimanapun, saya memuji Allah SWT dan bersyukur kerana diberikan peluang untuk berada di Dewan ini. Peluang ini diberikan oleh Allah SWT, tuhan yang memiliki segala-galanya, yang mentadbir alam, yang memberikan rezeki kepada semua mengikut kadar yang ditentukan oleh Allah.

Kita bersyukur kerana diberikan keamanan dan kesejahteraan kepada negara kita setakat hari ini dan kita berdoa, *insya-Allah*, Allah akan terus memberikan kejayaan, keamanan dan kesejahteraan sampai ke masa yang ditentukan oleh Allah SWT. Jadi, kita masih lagi bebas untuk bersuara, berusaha dan bekerja dalam negara yang merdeka.

Saya ingin mulakan dengan satu ayat yang biasa kita bincang apabila kita berbincang tentang negara. Allah SWT berfirman dalam Surah An-Nisa'... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Maksudnya, *"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkannya dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada manusia."*

Seterusnya Allah berfirman... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* *"Hai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya..."*— Taati Allah dengan mengikut al-Quran. Mentaati Rasul dengan mengikut sunahnya. *"Dan ulil amri di antara kamu yakni pemimpin-*

pemimpin kamu.— kerajaan yang memerintah kita pada hari ini. “*Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah, yakni al-Quran, dan Rasulnya, yakni Sunah*” Ayat 58 dan 59 Surah An-Nisa’.

Apabila kita lihat kepada pencapaian yang diberitahu pada kita bahawa negara kita mempunyai hubungan yang baik dari segi diplomasi dan perdagangan dengan kuasa-kuasa besar ekonomi dunia dan negara-negara jiran, dan juga kadar defisit fiskal dalam trend berkurangan yang dijangkakan turun kepada 2.8 daripada KDNK pada tahun akan datang, ini pencapaian negara yang kita ucapkan tahniah kepada kerajaan. Walau bagaimanapun, kita mempunyai banyak cabaran di hadapan kita. Sebelum ini, kita sentiasa menghadapi cabaran. Kehidupan ini penuh dengan cabaran, penuh dengan fitnah. Begitulah juga anak dan isteri kita pun fitnah. Harta fitnah. Kuasa fitnah.

Di antara fitnah-fitnah yang kita hadapi misalnya, harga minyak dunia yang merudum menyebabkan kita kekurangan *income* negara, faktor geopolitik dunia, harga komoditi getah dan sawit yang juga turun, nilai ringgit yang jatuh dan banyak lagi. Isu-isu cabaran yang kita akan hadapi. Cabaran-cabaran ini akan memberikan kita dugaan yang besar dan saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dapat menyediakan satu perancangan dalam bajet ini yang agak menyeluruh dan banyak usaha-usaha untuk berdepan dengan apa yang kita jangka akan kita hadapi pada tahun akan datang.

Persoalannya ialah— ada banyak. Apa yang telah kita usahakan dahulu, sekarang kita berhadapan dengan banyak isu. Di antara isu-isu itu ialah kos sara hidup yang meningkat. Sebagaimana yang dibincangkan oleh semua, menjadikan suatu yang membebankan rakyat. Membebankan khususnya golongan rendah, golongan sederhana di kalangan masyarakat di negara kita. Gaji tidak begitu meningkat sedangkan harga barang meningkat dengan mendadak. Ini membawakan suatu beban yang besar kepada rakyat kita.

Isu yang kedua ialah hutang isi rumah yang tinggi. Lebih daripada 90 peratus daripada KDNK kita adalah— hutang isi rumah ini menyebabkan suatu yang cukup panik, suatu yang mengancam keadaan ekonomi negara kita. Kita lihat bahawa semuanya ini berpunca daripada sistem kewangan kita yang berasaskan riba’— *conventional system*— yang menyebabkan tidak ada *rahmah* di dalam sistem ekonomi kita, sistem perbankan kita menyebabkan tekanan yang begitu kuat kepada isi rumah, kepada rakyat kita. Harga rumah yang meningkat, kereta yang terpaksa mereka buat pinjaman daripada bank dan banyak lagi. *Credit card* dan sebagainya. Semuanya ini membebankan rakyat dan kita lihat bahawa ini akan menggugat lagi ekonomi negara kita.

Ketiga, gejala sosial yang tinggi dan sentiasa meningkat. Gejala sosial yang paling besar bagi saya ialah dadah. Ia suatu yang macam tidak ada penghujungnya, tidak ada ubatnya, tidak ada penyelesaiannya. Ia menjadi sebab kepada banyak gejala-gejala lain dalam masyarakat sehingga menjejaskan ekonomi. Setiap usaha untuk kita mengangkat ekonomi untuk berniaga, untuk bertani, untuk melakukan projek-projek di

kampung terjejas disebabkan dicuri, dirosakkan oleh penagih-penagih. Maksudnya, hubungan dadah dan gejala sosial dengan ekonomi negara atau masyarakat ini cukup rapat dan menyebabkan kita akan menghadapi suatu kepayahan yang besar untuk kita angkat ekonomi kita apabila kita berdepan dengan masalah ini. Jalan keluar, tiada lagi.

■2200

Keempat, kita mempunyai masalah rasuah dan ketirisan dalam perbelanjaan kita di semua peringkat daripada atas sampai ke bawah. Bagaimana untuk kita hendak tanamkan integriti dalam masyarakat kita sehingga mereka ini mempunyai integriti yang kuat hingga mereka benci kepada rasuah. Mereka tidak ingin memberi rasuah dan tidak menerima rasuah dan menganggap rasuah ini najis yang paling teruk yang merosakkan jiwa raga mereka, merosakkan isteri, keluarga mereka dan masyarakat dan boleh menghancurkan negara.

Inilah yang sepatutnya ditanam kepada semua rakyat kita. Dalam hal ini saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana menyediakan satu institusi iaitu institut pendidikan sosioekonomi yang mana akan mengkaji fenomena ini dan bagaimana untuk mengatasinya dan usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan yang begitu banyak. Mengapa tidak begitu berkesan untuk menangani isu-isu ini? Bahkan gejala-gejala ini semakin meningkat. Semua gejala, rasuah semakin meningkat, dadah semakin meningkat, hutang semakin banyak. Bagaimana kita untuk menyelesaikan masalah ini? Saya berharap institusi ini akan memberikan satu nasihat yang baik kepada pihak pemerintah nanti untuk menyelesaikan masalah ini dengan tepat, dengan tuntas.

Akhirnya, kita kena kembali kepada ayat yang saya baca tadi. Apabila kita berbeza cara bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini, kita kembali kepada Allah, kembali kepada Rasul. Semua ada jawapan dalam al-Quran, dalam hadis hanya kita tidak tahu sahaja. Inilah masalah kita, kita tidak tahu, kita tidak ada ilmu, kita tidak belajar dan kita tidak mahu mendengar nasihat daripada orang yang berilmu, orang yang belajar.

Saya harap *insya-Allah* institusi ini dan pusat-pusat pengajian nanti, ulama-ulama kita, pakar-pakar kita akan mempunyai penyelesaian kepada semua masalah ini dan ia mestilah bagi saya kembali kepada Allah SWT sendiri yang menjadikan masalah ini dan Dialah juga yang mempunyai penyelesaian kepada masalah-masalah ini.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Tinggi bangun?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Boleh mencelah sedikit?

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Boleh, sikit-sikit. Silakan.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Puteh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik tadi

Yang Berhormat Pasir Puteh kata banyak kita tidak tahu, tidak berilmu, tidak punyai kemahiran, tidak tahu. Jadi ini juga kalau tidak tahu boleh menjurus kepada fitnah.

Dalam hal ini kita biarlah mereka yang pakar terutamanya di kalangan pemimpin-pemimpin kita untuk membuat keputusan. Apa pandangan Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Saya sokong. Saya sokong, kita mesti kembali kepada orang yang tahu. Apabila kita tidak tahu kita kena tanya orang tahu, orang yang berilmu dan orang yang pakar dalam isu itu dan merekalah yang sebaik-baiknya untuk membuat keputusan.

Ini ialah kumpulan 'ahli hail' [*Bercakap dalam Bahasa Arab*]. Orang yang mengetahui dan orang boleh menyelesaikan masalah. Mesti ada dalam masyarakat kita, golongan ini. Saya percaya pihak kerajaan ada. Gunakanlah mereka untuk membantu kerajaan memberikan nasihat dan seterusnya mengikut nasihat mereka dan laksanakan, 'takbit' dalam masyarakat kita dalam semua program-program yang kita lakukan, *insya-Allah*.

Saya ingin menyentuh tentang GST sedikit. GST ini bagi saya daripada dulu lagi saya tidak ada halangan dengan GST kerana ia lebih baik daripada SST. Akan tetapi, saya ingin peringatkan bahawa kita mesti cuba mengambil daripada yang kaya dan berikan kepada yang miskin. Itulah kaedah ia. Gunakanlah GST tetapi ambil daripada yang kaya kemudian *distribute* ia kepada yang memerlukan iaitu golongan yang miskin. Buatlah bagaimanapun *zero rated*-kah, tidak dicukaikan dan sebagainya semua itulah bagus.

Jadi antara yang baru yang kita ada dalam GST kadar sifat atas bahan bacaan. Ini saya sokong. Kita mesti menggalakkan masyarakat kita supaya membaca, menambahkan ilmu. Apabila ada pembacaan, ada ilmu *insya-Allah* banyak masalah, banyak fitnah ini akan dihapuskan atau diketepikan begitu sahaja kerana kita mempunyai ilmu. Jadi bagus.

Akan tetapi, saya mempersoalkan pelepasan GST kepada operator kapal persiaran. Orang yang naik kapal persiaran ini orang kaya. Jadi bagaimana kita lepaskan GST daripada mereka. Saya tidak faham, tolong jawab *insya-Allah* Menteri jawab.

Pelepasan GST kepada pengimportan *big ticket* seperti kapal terbang dan kapal. Ini berjuta-juta, ini orang-orang kaya pakai ini. Saya pelik juga kenapa kita bebaskan mereka yang kaya daripada GST. Tujuan dia adalah kita ambil daripada yang kaya beri kepada yang miskin.

Orang yang mempunyai kemewahan kita ambil sedikit untuk berikan kepada orang yang tidak ada. Itu dan banyak lagi. Jadi gunakanlah kaedah itu. Kaedah itu ialah kaedah yang kita sepakati dan gunakanlah dengan betul. Ini saya tidak faham juga bagaimana kita boleh lepaskan cukai-cukai daripada golongan-golongan yang kaya yang boleh memberi dan mereka reda untuk memberi bukan tidak reda mereka boleh memberi dan tidak menjejaskan sedikit pun kehidupan mereka. Tidak menjejaskan sedikit pun bahkan mereka suka kalau boleh memberi tetapi kenapa kita tidak memberikan kepada mereka.

Jadi inilah sesuatu yang banyak yang kita lihat bahawa kalau kita tidak kembali kepada Islam kepada al-Quran dan Sunah, kita akan celaru, kita akan tidak mempunyai punca untuk penyelesaian itu dalam banyak-banyak isu. Dalam hal yang saya sebutkan tadi dalam empat atau lima perkara yang kita lihat tadi maka kalau kita kembali kepada al-Quran dan Sunah kita akan selesai.

Saya ucapkan tahniah juga kepada kerajaan apabila kerajaan membangkitkan tentang kaedah yang dipakai iaitu kaedah maqasid syariah. Ini adalah sesuatu yang disepakati. Ini kerana tujuan daripada Allah melakukan, memberikan syariat Dia kepada kita, undang-undang Dia adalah supaya kita menjaga lima perkara itu. Kita menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta.

Semuanya ini kita kena beri tumpuan dan kita ada perkara-perkara yang daruriyyat. Perkara yang perlu kepada kehidupan kita, perkara yang perlu kepada akal kita, perkara kepada keturunan kita, pelajaran misalnya dan harta kita. Kita kena jaga dengan baik dan sebagainya dan jangan kita gunakan kepada benda-benda yang tidak bermanfaat. Jadi semua ini benda-benda yang daruriyyat yang kita kena jaga.

Saya mempersoalkan juga apa gunanya kita kadang-kadang melakukan, menggunakan wang yang begitu banyak untuk perkara-perkara yang tahsiniyyah. Perkara-perkara yang untuk kesempurnaan, untuk kemewahan, untuk perhiasan dalam kehidupan kita ini sedangkan kita tidak perlu kepada benda-benda ini. Kalau kita perlu pada rumah yang harganya dalam RM200,000 tiga bilik, dua bilik air yang sederhana kenapa kita perlu buat istana yang berjuta-juta. Kenapa, tidak perlu. Kalau pihak kerajaan juga dalam – itu peringkat individu. Kalau di peringkat kerajaan keperluan rakyat pendidikannya.

Pendidikan ini suatu yang perlu untuk menjamin masa depan kita untuk mendidik anak kita, untuk menanam sifat-sifat mulia kepada mereka dan seterusnya menjadi rakyat yang boleh memberi sumbangan kepada negara pada masa akan datang. Ini adalah sesuatu yang daruriyyah maka korbankan habiskan duit yang banyak atau duit yang kita berikan kepada pendidikan bagaimana.

Alhamdulillah, saya rasa banyak RM60 bilion lebih. *Alhamdulillah* untuk pendidikan, akan tetapi kita boleh beri banyak lagi kerana ia perkara daruriyyah. Kesihatan ialah daruriyyah tetapi kalau hendak buat banyak projek-projek yang menghiasi itu dan ini itu saya rasa boleh di tangguh sedikit supaya kita boleh mengurangkan hutang-hutang kita. Masalah hutang ini ialah suatu yang daruriyyah yang ada, perkara yang wajib untuk kita kurangkan bukan untuk kita tambahkan.

Jadi bajet kita ini yang paling besarnya kita menambahkan hutang walaupun bilangannya itu semakin sedikit, *percentage*-nya daripada KDNK turun kepada 2.8 peratus tahun ini, tahun lepas 3.0 peratus. Akan tetapi, hutang kita bertambah dan bayaran hutang kita bertambah tiap-tiap tahun. Ini suatu yang berat dan kita mesti usahakan untuk memastikan segala usaha kita lakukan pada hari ini adalah untuk menjadi positif. Janganlah ada berhutang bahkan kita ada lebihan untuk membayar hutang-hutang ini.

Takkanlah kita hendak tinggalkan hutang-hutang ini kepada anak cucu kita. Saya rasa terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang kepada saya bercakap sedikit. Semoga Allah SWT memberikan kekuatan kepada kita semua untuk kita melaksanakan apa yang kita janjikan dalam bajet ini. Untuk pihak kerajaan dan kita semua – kita menyokong, saya menyokong sebenarnya supaya dilaksanakan tapi saya bimbang takut tidak boleh buat. Itu kebimbangan saya kerana saya perhatikan dulu-dulu tidak boleh buat, jadi bagaimana saya hendak sokong atau tidak hendak sokong, *Wallahualam*. Saya fikir kemudian, bila mengundi nanti saya boleh angkat tangan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

10.10 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), tanpa menghiraukan usul yang terdahulu, mesyuarat pada hari ini ditangguhkan sekarang dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 8 November 2017.”

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah, ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu 8 November 2017.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.11 malam]